




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2009




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI SARAWAK**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak <i>Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	3
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak <i>Pengurusan Projek Pembangunan Kemudahan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak</i>	30
Kementerian Pembangunan Perindustrian <i>Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya</i>	41
Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Dan Rumah Sarawak <i>Pengurusan Kenderaan Jabatan</i>	65
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak <i>Pengurusan Pembangunan SIFBAS</i>	88
Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak <i>Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	100
Jabatan Kerja Raya Sarawak <i>Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak</i>	125
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak <i>Pengurusan Projek Dan Program Pembangunan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES)</i>	152
Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak <i>Pengurusan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik</i>	180
Lembaga Pelancongan Sarawak <i>Pelaksanaan Promosi Pelancongan</i>	201

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Pendahuluan	225
<i>SACOFA Sdn. Bhd.</i>	225

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	251
Kedudukan Masa Kini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri	251
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri	257
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	257
Penutup	261



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen, manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarah untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti tertentu yang dilaksanakan di sembilan buah Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak, Lembaga Pelancongan Sarawak dan SACOFA Sdn. Bhd.. Program/Aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Projek Pembangunan Kemudahan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak, Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya, Pengurusan Kenderaan Jabatan, Pengurusan Pembangunan SIFBAS, Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Oleh Jabatan Kerja Raya, Pengurusan Projek Dan Program Pembangunan SEDC, Pengurusan Program Pembangunan Perumahan Mampu Milik, Pengurusan Pelaksanaan Promosi Pelancongan dan Pengurusan Syarikat SACOFA Sdn. Bhd.. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada semua program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan; spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi; tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti yang dilaksanakan oleh sembilan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2009 menunjukkan beberapa kelemahan seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat serta memperkemaskan lagi tadbir urus syarikat. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

28 Jun 2010



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT

1. Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak - *Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Sarawak mempunyai 49 tapak pelupusan sisa pepejal di mana 46 daripadanya disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dua tapak disenggara oleh satu Badan Berkanun Negeri iaitu Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan satu tapak disenggara oleh pihak ketiga. Sebanyak 44 daripada 49 tapak disenggara secara terbuka, manakala lima disenggara secara sanitari dan hanya satu stesen persinggahan. Menurut *Environmental Quality Report (EQR)* 2008, dianggarkan 2,122 tan metrik sisa pepejal dilupus setiap hari di mana setiap penduduk menghasilkan antara 0.48 hingga 7.4 kilogram sisa pepejal setiap hari. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM163.20 juta atau 93.8% daripada RM173.92 juta peruntukan dari Kerajaan Negeri Sarawak untuk kontrak kerja pengurusan pelupusan sisa pepejal telah dibelanjakan oleh 25 PBT dan BDA.

Sistem pengurusan pelupusan sisa pepejal yang tidak teratur serta penyenggaraan tapak pelupusan tidak menepati standard serta ciri-ciri yang ditetapkan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB) menyebabkan berlaku pencemaran terhadap alam sekitar. Ini kerana terdapat 44 daripada 49 tapak pelupusan disenggara secara terbuka dan kebanyakannya sudah beroperasi sebelum NREB ditubuhkan dan rang undang-undang berkaitan belum dikuatkuasakan lagi. Laporan EQR 2008 dan *Environmental Monitoring Report* bagi suku terakhir tahun 2009 menunjukkan kualiti air larutan resapan yang dilepaskan tidak menepati sepenuhnya standard seperti di *Class IIB, National Water Quality Standard For Malaysia* atau *Standard B Environmental Quality Act, 1974 (Effluent Discharge)*. Sarawak memerlukan tapak pelupusan baru untuk menggantikan tapak pelupusan yang sedia ada, manakala loji perawatan juga perlu dipertingkatkan. Kawal selia, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan pelupusan sisa pepejal perlu dipertingkatkan lagi untuk mengawal pencemaran dari terus berlaku. PBT juga perlu mempergiatkan aktiviti pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Beberapa usaha penambahbaikan telah dilakukan oleh PBT berkenaan seperti kerja pembersihan, menambah/menukar tong sampah dan membersihkan kawasan pembuangan haram selepas teguran Audit.

2. Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak - *Pengurusan Projek Pembangunan Kemudahan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak*

Projek pembangunan di Sarawak yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibiayai melalui geran daripada Kerajaan Negeri, dana lebihan operasi dan dana rizab. PBT juga ada melaksanakan projek pembangunan daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) serta Kementerian Pelancongan Malaysia. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 434 projek pembangunan untuk dilaksanakan oleh 25 PBT di Negeri Sarawak dengan peruntukan sejumlah RM69.85 juta yang mana sejumlah RM56.56 juta atau 81% telah dibelanjakan. Kerajaan Persekutuan juga ada memperuntukkan sejumlah RM172.46 juta bagi melaksanakan 913 projek pembangunan bagi tempoh yang sama dan sejumlah RM116.26 juta atau 67.4% daripada peruntukan ini telah dibelanjakan. Antara jenis projek yang dilaksanakan adalah membina parit, medan niaga dan tempat letak kereta; menaik taraf jalan raya, balai raya, laluan pejalan kaki jambatan dan tandas awam; serta menyenggara taman rekreasi. Daripada tiga PBT yang diaudit (Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Daerah Subis dan Majlis Daerah Lawas) mendapati sebanyak 117 daripada 135 projek atau 86.6% telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang diperhatikan iaitu projek belum dimulakan, kerja penyenggaraan tidak dijalankan, bahan yang digunakan tidak mengikut spesifikasi kontrak dan mekanisme pemantauan di peringkat PBT tidak jelas. Kelemahan ini mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan serta menyebabkan orang awam tidak dapat menikmati kemudahan yang sempurna. Bagaimanapun, usaha penambahbaikan ada dilakukan oleh PBT berkenaan.

3. Kementerian Pembangunan Perindustrian - *Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya*

Zon bebas merupakan kawasan yang diisytihar oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 3 (1) Akta Zon Bebas 1990 bertujuan untuk menggalakkan pembangunan industri berorientasikan eksport selaras dengan usaha Kerajaan untuk memajukan negara. Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan prasarana perniagaan terbaik dari segi infrastruktur dan kemudahan bagi menyokong industri berteknologi tinggi dan elektronik di Sarawak. Kementerian Pembangunan Perindustrian dilantik sebagai Pihak Berkuasa Zon untuk mentadbir, menyenggara dan mengendali zon sebagaimana peruntukan Seksyen 3 (2) Akta Zon Bebas 1990 berkuatkuasa mulai 18 Mac 1993. Setakat penghujung tahun 2009, perbelanjaan keseluruhan SJFIZ adalah berjumlah RM367.78 juta yang mana RM357.17 juta merupakan perbelanjaan peruntukan Kerajaan Negeri, manakala RM10.61 juta adalah perbelanjaan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan maklumat Jabatan Kastam Diraja, SJFIZ telah berjaya mengeluarkan nilai eksport barang siap berjumlah RM4.25 bilion untuk tempoh 2007 hingga 2009. Antara produk yang dieksport ialah *ceramic capacitor, multi-layered chip capacitor, printed circuit board* dan *fabricated wafer*.

Adalah didapati pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya boleh dipertingkatkan lagi dari aspek kelemahan pelaksanaan dan pengurusan supaya perbelanjaan berjumlah RM367.78 juta setakat penghujung tahun 2009 bagi penyediaan lot industri dan kemudahan infrastruktur asas untuk syarikat pelabur dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah lot industri yang telah dijual kepada syarikat pelabur tidak beroperasi walaupun kilang telah dibina; norma bagi menentu tempoh yang diperlukan oleh syarikat pelabur memulakan operasi tidak disediakan; syarat dan kriteria untuk beroperasi tidak dipenuhi oleh syarikat pelabur; tiada tindakan untuk

mengambil balik lot industri yang tidak dibangunkan supaya lot industri tersebut boleh ditawarkan kepada pelabur lain dan kawalan keselamatan di SJFIZ adalah lemah.

4. Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Dan Rumah Sarawak - *Pengurusan Kenderaan Jabatan*

Secara keseluruhannya pengurusan kenderaan boleh dipertingkatkan lagi dari aspek kawalan terhadap penggunaan minyak, penyelenggaraan rekod serta dokumen dan pelupusan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah penggunaan minyak yang tidak dikawal, pengurusan rekod serta dokumen berkaitan tidak kemas kini dan proses pelupusan mengambil masa yang lama. Kawalan yang lemah terhadap pengurusan kad inden minyak menyebabkan berlaku pembelian minyak melebihi kapasiti, perolehan minyak oleh pemandu yang sama bagi kenderaan yang berbeza dalam selang masa dua hingga tiga minit, pemandu tidak memasukkan bacaan odometer yang berturutan, mengulang bacaan odometer serta rekod bacaan odometer yang tidak munasabah. Buku log kenderaan juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di semua pejabat yang dilawati. Sehingga awal Mac 2010, proses pelupusan untuk kenderaan Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang telah rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki belum selesai. Kelewatan ini menyebabkan ruang simpanan di JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa sesak dengan kenderaan yang tidak digunakan. Bagaimanapun, pada Jun 2010, Jabatan Ketua Menteri telah mengiklankan tawaran tender pelupusan aset alih Kerajaan bagi 24 buah kenderaan dalam akhbar tempatan. Usaha-usaha penambahbaikan ada dilakukan oleh Jabatan/Pejabat selepas menerima teguran Audit seperti mengemas kini buku rekod pergerakan kad inden, menyediakan pergerakan kad inden dan buku daftar penyerahan kad induk serta mengemas kini buku log. Secara keseluruhannya, pengurusan kenderaan boleh dipertingkatkan melalui pematuhan dan pemantauan yang rapi terhadap peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

5. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak - *Pengurusan Pembangunan SIFBAS*

State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System (SIFBAS) dibangunkan oleh Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) melalui kontrak bernilai RM1.50 juta yang telah ditandatangani oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKNS) melalui tiga fasa dan dirancang pelaksanaannya dalam tempoh 2001 hingga 2008 termasuk kontrak *Enhancement* SIFBAS 2007. Kos penyelenggaraan bagi tempoh 2004 hingga 2009 adalah berjumlah RM7.68 juta. Tujuan pelaksanaan SIFBAS adalah untuk memantapkan lagi sistem pengawalan perbelanjaan, memberi maklumat kewangan yang tepat serta sistem pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berkesan. Setakat akhir 2009, lapan modul utama SIFBAS telah dilaksanakan dan beroperasi melalui infrastruktur SarawakNet, empat modul belum dibangunkan dan lapan modul tidak dapat ditentukan status pelaksanaannya. Pengurusan pembangunan SIFBAS perlu dipertingkatkan dari segi mengurus dan memantau pengurusan pembangunan termasuk infrastruktur dan operasi. Integrasi modul SIFBAS belum dilaksanakan, amalan percubaan selari masih diteruskan walaupun SIFBAS telah

dilaksanakan selama lapan tahun, kod punca tidak dimiliki oleh Kerajaan Negeri, pengasingan tugas tidak dilaksanakan di empat PTJ, jejak Audit yang disediakan tidak menyeluruh dan amalan terbaik pengurusan kata laluan tidak dipatuhi. Akibatnya, SIFBAS tidak dapat dilaksanakan dengan lancar serta memenuhi kehendak pengguna. Beberapa usaha penambahbaikan telah dilakukan oleh PSKNS seperti SAINS diberi tanggungjawab menyimpan dan menjaga kod punca, kenyataan dalam kontrak baru ditambah klausa kod punca adalah hakmilik Kerajaan Negeri, kerja penyenggaraan dan menyediakan latihan. Pihak Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Negeri (SITRC) pada Mei 2009 memutuskan bahawa SIFBAS hendaklah dibangunkan semula mulai tahun 2010 dan peruntukan RM3 juta telah diluluskan untuk tujuan ini.

6. Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak - Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTS) bertanggungjawab mengurus pengeluaran lesen bahan batuan iaitu batu kuari, tanah, pasir dan batu kelikir serta membuat pungutan royalti terhadap bahan batuan. Permohonan lesen pengambilan pasir diluluskan oleh Menteri Perancangan Dan Pengurusan Sumber melalui JTS seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 32 Kanun Tanah Sarawak (KTS) 1958. Kadar bayaran royalti pasir yang telah ditetapkan sejak tahun 1983 hanya RM1.00 bagi setiap tan metrik pasir yang diambil. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, JTS telah mengeluarkan sebanyak 129 lesen dan memungut royalti pasir sejumlah RM6.87 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 32 daripada 45 lesen atau 71% pada tahun 2007, 31 daripada 47 lesen atau 66% pada tahun 2008 dan sebanyak 27 daripada 37 lesen atau 73% pada tahun 2009, lesen diluluskan kepada *Magna Focus Sdn. Bhd.* (MFSB) sebuah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA), dan selebihnya kepada Lembaga Amanah, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan enam syarikat lain.

Pengauditan mendapati pengurusan aktiviti pengambilan pasir mempunyai beberapa kelemahan yang bukan sahaja merugikan Kerajaan malahan boleh mendatangkan kesan kepada alam sekitar. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah impak kepada alam sekitar seperti keruntuhan tebing sungai; lot tanah menjadi lagun dan pembentukan kolam buatan; Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) tidak disediakan; peraturan dan syarat penjagaan alam sekitar yang ditetapkan tidak dipatuhi; pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah serta kehilangan hasil royalti sejumlah RM1.48 juta. Bagaimanapun beberapa usaha telah dilakukan seperti hasil pemantauan JTS sebanyak enam kes tangkapan dibuat akibat pelanggaran syarat lesen dan pengambilan pasir di luar kawasan yang dilesenkan. Kes ini telah dibuat pendakwaan di mahkamah. Bagaimanapun akhirnya tindakan kompaun sahaja dikenakan. Permohonan membaharui lesen yang tamat tidak diluluskan akibat pelesen melanggar syarat-syarat lesen dan menyebabkan kerosakan alam sekitar. Lanjutan teguran Audit, PUSAKA pada April 2010 telah memohon kepada Menteri Perancangan Dan Pengurusan Sumber untuk mengenakan caj RM2.50/m³ ke atas kontraktor. Manakala sebuah tongkang Jing Hing 6 telah ditahan selama tiga bulan dan dikenakan kompaun.

7. Jabatan Kerja Raya Sarawak - *Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak*

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah melaksanakan 1,288 projek yang terdiri daripada projek Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dengan jumlah perbelanjaan RM4.68 bilion bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Projek ini terdiri daripada projek sambungan RMKe-8, projek RMKe-9, projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi I dan II serta projek Peruntukan Khas RM1 Bilion. Setakat bulan Disember 2009, jumlah jawatan tetap yang diluluskan untuk JKR adalah seramai 5,576 orang dan jumlah yang telah diisi adalah 2,820 atau 56.6% daripada jumlah yang diluluskan. Secara keseluruhannya, pengurusan pelaksanaan projek oleh JKR boleh dipertingkatkan dengan menekankan kepada keperluan modal insan yang berpadanan dengan beban kerja. Antara kelemahannya yang didapati adalah pelaksanaan projek melebihi tempoh masa yang ditetapkan; pemantauan yang kurang berkesan; jawatan profesional tidak diisi sepenuhnya; dan strategi jangka panjang untuk program pembangunan profesional berterusan tidak disediakan. JKR Sarawak memaklumkan usaha-usaha penambahbaikan sedang dilaksanakan menerusi proses transformasi Jabatan.

8. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak - *Pengurusan Projek Dan Program Pembangunan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES)*

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) telah ditubuhkan di bawah Ordinan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, 1972. Matlamat projek dan program pembangunan PPES adalah untuk memajukan komersial, industri dan sosioekonomi Sarawak dengan menyediakan kemudahan, infrastruktur, khidmat nasihat dan memberi pinjaman kepada peserta projek dan program untuk aktiviti pertanian, industri, perdagangan, perumahan, pengangkutan dan usaha ekonomi lain. Jumlah peruntukan dan dana pembangunan diterima setakat akhir tahun 2009 adalah RM979.82 juta dan RM817.56 juta atau 83.5% telah dibelanjakan. Pada akhir tahun 2009, sebanyak 26 daripada 49 projek atau 53.1% telah dilaksanakan mengikut jadual. Pada keseluruhannya, pengurusan projek dan program pembangunan PPES boleh dipertingkatkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan iaitu lapan projek dan tiga program pembangunan yang dirancang semasa RMKe-6 hingga RMKe-9 bernilai RM183.44 juta telah dibatalkan pelaksanaannya; sembilan projek dan lima program pembangunan yang dirancang pada RMKe-8 dan RMKe-9 bernilai RM44.85 juta telah ditangguhkan pelaksanaannya setakat akhir tahun 2009; tiga projek pembangunan yang dirancang semasa RMKe-9 bernilai RM43.72 juta telah lewat dimulakan atau lewat disiapkan pada tahun 2009; matlamat projek atau program yang disediakan belum tercapai; tunggakan pinjaman peserta program sejumlah RM4.91 juta; dan pemantauan terhadap Program Pembangunan Usahawan Bumiputera kurang berkesan. Perbadanan telah mengambil tindakan antaranya ialah peruntukan bagi beberapa projek yang dibatal dan ditangguh telah dipindahkan untuk projek lain, rumah burung walet telah disewakan, projek ladang Karabungan ditambah baik dengan penanaman rumput *napier* serta *mulberry* dan veterinar yang bertauliah telah dilantik.

9. Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak - *Pengurusan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik*

Perbadanan telah melaksanakan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik yang melibatkan peruntukan sejumlah RM1.50 bilion untuk membangunkan sebanyak 49,155 unit rumah. Pada RMKe-7 dan RMKe-8 sebanyak 23,530 unit rumah telah dibina di 31 buah projek dengan perbelanjaan sejumlah RM945.61 juta. Pada keseluruhannya, pengurusan program pembangunan rumah mampu milik adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dibangkitkan ialah kajian kemungkinan tidak dilaksanakan; prestasi kontraktor secara *turnkey* kurang memuaskan dan sub kontraktor yang gagal menjalankan tanggungjawab telah dilantik semula sebagai kontraktor utama; perobohan empat blok rumah pangsa yang bernilai RM12.89 juta tidak mengikut peraturan kewangan yang betul dan tiada kelulusan diperoleh daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Sarawak untuk melupus blok tersebut; kerja naik taraf dilaksanakan tanpa perancangan yang teliti; projek rumah terbengkalai; baki rumah sebanyak 2,216 unit yang bernilai RM128.42 juta tidak dapat dijual; seramai 12,241 peminjam mempunyai tunggakan bagi tempoh antara satu hingga 96 bulan dengan tunggakan tertinggi sejumlah RM20,762 dan kos penyenggaraan dikenakan terhadap penghuni tetapi kerja penyenggaraan rumah tidak dilaksanakan.

10. Lembaga Pelancongan Sarawak - *Pelaksanaan Promosi Pelancongan*

Bagi memajukan industri pelancongan, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan *The Second Tourism Masterplan Study Sarawak* pada tahun 1993 di mana promosi pelancongannya dilaksanakan oleh Lembaga Pelancongan Sarawak. *The Second Tourism Masterplan Study Sarawak* ini telah mengenal pasti hala tuju pelancongan adalah berasaskan alam semula jadi, budaya dan kembara. Bagaimanapun ianya tidak pernah dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan industri pelancongan di Sarawak bertambah maju dan berkembang seiring dengan industri pelancongan masa kini. Adalah didapati, pelaksanaan promosi pelancongan di Sarawak masih perlu dipertingkatkan lagi memandangkan kedatangan pelancong menunjukkan penurunan bagi tempoh 2007 hingga 2008 iaitu menurun kepada 3.43 juta orang pada tahun 2008 berbanding 3.63 juta orang pada tahun 2007, manakala pada tahun 2009 seramai 3.28 juta orang. Lembaga juga didapati tidak menjalankan kajian pasaran yang komprehensif untuk mengenal pasti sasaran pasaran sebenar dan kehendak pelancong. Ini kerana pangkalan data yang merekodkan maklumat mengenai pelancong, destinasi pilihan dan aduan tidak diselenggara di mana data ini adalah penting untuk merangka serta merancang strategi pemasaran. Walaupun Lembaga ada berkolaborasi dengan Agensi lain dalam bidang pelancongan namun banyak lagi aspek yang perlu diambil perhatian khususnya seperti pengangkutan terutamanya penerbangan terus dari tempat asal ke destinasi pilihan di Sarawak. Selain itu, penjenamaan produk juga salah satu aspek yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga kerana Sarawak mempunyai banyak produk pelancongan yang boleh dipromosikan kepada pelancong. Lembaga memaklumkan telah merancang program transformasi yang merupakan halatuju untuk menjadi agensi yang kompetitif. Satu Pelan Induk Pemasaran Lembaga juga telah dirangka merangkumi jangka masa tahun 2011 hingga 2014.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

11. SACOFA Sdn. Bhd.

Operasi utama Syarikat SACOFA Sdn. Bhd. ialah membina dan menguruskan menara telekomunikasi serta membuat pemasangan kabel fiber optik. Setakat 31 Disember 2009, SACOFA mempunyai modal berbayar sejumlah RM84.87 juta dan sejumlah RM59.07 juta atau 69.6% daripadanya dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi tahun kewangan 2008, SACOFA memperolehi pendapatan berjumlah RM100.97 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM71.57 juta dan mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM26.30 juta. Pendapatan utama SACOFA adalah daripada perkhidmatan *bandwidth*, sewa menara dan sewa talian. Analisis Audit terhadap nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan syarikat ini adalah memuaskan selepas tahun 2007. Bagaimanapun, syarikat ini mempunyai nisbah hutang yang agak tinggi serta bergantung kepada pinjaman luar walaupun aliran tunai syarikat adalah positif. Setakat Disember 2009, SACOFA memiliki 484 buah menara telekomunikasi di seluruh Negeri Sarawak dan menyediakan perkhidmatan jalur lebar melalui pemasangan kabel fiber optik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Brunei. Lawatan Audit ke tapak pembinaan menara di kawasan berbukit mendapati SACOFA tidak membuat perlindungan secukupnya terhadap tanah yang dipotong dan cerun yang dibina sehingga menyebabkan kawasan berkenaan mengalami hakisan dan tanah runtuh. Lawatan Audit juga mendapati ada menara telekomunikasi yang telah siap tetapi tidak digunakan. Hasrat Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan dan memindahkan peralatan telekomunikasi ke menara baru kepunyaan SACOFA belum tercapai walaupun arahan mengenainya telah dikeluarkan semenjak tahun 2005 kerana sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 450 buah menara milik syarikat telekomunikasi di seluruh Sarawak belum dipindah dan diambil alih oleh SACOFA.



BAHAGIAN I AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 menjalankan pengauditan terhadap program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ianya telah dilaksanakan dengan ekonomi, cekap, berkesan serta mencapai objektifnya. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, pada tahun 2009 sebanyak 11 kajian telah dijalankan terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan tersebut meliputi Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Projek Pembangunan Kemudahan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak, Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya, Pengurusan Kenderaan Jabatan, Pengurusan Pembangunan SIFBAS, Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Oleh Jabatan Kerja Raya, Pengurusan Projek Dan Program Pembangunan SEDC, Pengurusan Program Pembangunan Perumahan Mampu Milik, Pengurusan Pelaksanaan Promosi Pelancongan dan Pengurusan Syarikat SACOFA Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan hanya isu yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN AWAM SARAWAK

2. PENGURUSAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL DAN KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Sisa pepejal adalah bahan buangan hasil daripada aktiviti sosioekonomi atau bahan yang tidak lagi dikehendaki atau lebih setelah penyiapan sesuatu proses. Berdasarkan *Environmental Quality Report (EQR)* 2008, dianggarkan 2,122 tan metrik sisa pepejal dilupuskan setiap hari di 49 tapak pelupusan di Negeri Sarawak di mana setiap penduduk menghasilkan antara 0.48 hingga 7.4 kilogram sisa setiap hari. Sarawak mempunyai sebanyak 49 tapak pelupusan di mana 46 daripadanya disenggarakan oleh PBT, dua tapak disenggarakan oleh satu Badan Berkanun Negeri iaitu Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan satu tapak disenggarakan oleh pihak ketiga. Sebanyak 44 daripada 49 tapak disenggarakan secara terbuka, manakala lima tapak disenggarakan secara sanitari dan hanya satu stesen persinggahan iaitu disenggarakan oleh Majlis Bandaraya Miri. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM163.20 juta daripada RM173.92 juta peruntukan

daripada Kerajaan Negeri untuk kontrak kerja pengurusan pelupusan sisa pepejal telah dibelanjakan oleh 25 PBT dan BDA.

2.1.2 Kerajaan Negeri menerima pakai konsep *Integrated Waste Management* yang diperkenalkan di bawah *The National Waste Management Policy And Action Plan* untuk mengurus pelupusan sisa pepejal. Pengurusan pelupusan sisa pepejal adalah tertakluk kepada *Local Authorities Ordinance 1996*, *Local Authorities (Cleanliness) By-Laws 1999*, *The Natural Resources And Environment Ordinance (NREO) 1993* dan Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan Bil. 5 Tahun 1999 - Memperbaiki Dan Mempertingkatkan Perkhidmatan Kebersihan Dan Pengurusan Sisa Pepejal Di Kawasan PBT. Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) merupakan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap penyeliaan semua aktiviti dan pengurusan kewangan PBT di Sarawak.

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelupusan sisa pepejal serta penyenggaraan tapak pelupusan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek berkaitan alam sekitar.

2.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan pelupusan sisa pepejal serta penyenggaraan tapak pelupusan oleh PBT bagi tempoh 2007 hingga 2009 di Majlis Bandaraya Miri (MB Miri), Majlis Perbandaran Sibu (MP Sibu), Majlis Daerah Samarahan (MD Samarahan) dan Majlis Daerah Sri Aman (MD Sri Aman). Lawatan Audit telah dijalankan ke 31 tapak pungutan serta lapan tapak pelupusan yang disenggarakan oleh empat PBT tersebut, Stesen Persinggahan Lambir, loji Sibuti di Miri dan loji Kemuyang di Sibu.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak serta mengkaji maklumat dan data dari rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan pengurusan pelupusan sisa pepejal. Lawatan ke lokasi pungutan dan tapak pelupusan serta temu bual dengan orang awam serta penghuni kediaman juga dibuat. Borang Soal Selidik telah diedarkan kepada 100 orang awam, 10 kontraktor terlibat dan 10 pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pelupusan sisa pepejal bagi setiap empat PBT yang diaudit.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga September 2009 mendapati pengurusan pelupusan sisa pepejal serta penyenggaraan tapak pelupusan tidak menepati standard serta ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam garis panduan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB) dan menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan dan usaha penambahbaikan oleh Majlis adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1 Pencemaran Alam Sekitar

Terdapat 46 tapak pelupusan sisa pepejal di Negeri Sarawak yang disenggarakan oleh PBT iaitu empat tapak pelupusan sanitari dan 42 tapak disenggarakan secara terbuka. Empat tapak sanitari yang disenggarakan di Negeri Sarawak dikategorikan pada tahap paling rendah Aras I hingga tahap terbaik Aras IV iaitu tapak pelupusan Maradong (Aras II), Sibuti (Aras III), Kemuyang (Aras III) dan Mambong (Aras IV). Selaras dengan NREO, Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) jika perlu hendaklah dijalankan dan laporan EIA dikemukakan kepada NREB sebelum projek tapak pelupusan boleh dimulakan. Adalah didapati tiada kajian EIA dijalankan bagi 17 daripada 42 tapak yang disenggarakan secara terbuka walaupun telah wujud selepas tahun 1993 iaitu selepas NREO berkuat kuasa.

Menurut maklum balas KASKA, kebanyakan tapak yang sedang digunakan sekarang disenggara secara terbuka dan memang telah lama wujud iaitu telah beroperasi sebelum NREB ditubuhkan dan rang undang-undang berkaitan belum dikuatkuasakan lagi ketika itu. Oleh itu, tiada kajian EIA dijalankan terhadap lokasi tapak pelupusan yang dipilih. Bagaimanapun, semua PBT telah mengambil maklum akan perkara ini dan kajian awal terhadap kesesuaian tapak merupakan agenda pertama dalam pelan jangka panjang pembangunan tapak pelupusan sisa pepejal yang baru.

Laporan *Sarawak Landfill/Dumpsite Information System, 2006/2007* (SLIS 2006/2007) yang dikeluarkan oleh NREB menunjukkan penilaian tahap risiko pencemaran terhadap air, udara, kestabilan tapak serta timbunan sisa pepejal dan berlakunya kebakaran di tapak. Risiko dinilai pada empat tahap iaitu tahap satu (lebih rendah), tahap dua (rendah), tahap tiga (sederhana) dan tahap empat (berisiko tinggi).

a) Pencemaran Sumber Air (Air Bawah Tanah Dan Sungai) – Akibat Larut Resapan Tidak Dirawat

Environmental Guidelines For The Establishment Of Sanitary Landfill In Sarawak (The Establishment Guidelines) yang dikeluarkan oleh NREB pada tahun 2003 menetapkan PBT hendaklah menjalankan ujian terhadap larut resapan. *Environmental Monitoring Report* (EMR) hendaklah disediakan dan dikemukakan mengikut tempoh yang akan ditetapkan oleh NREB. Tahap kualiti larut resapan yang dirawat di tapak pelupusan sanitari hendaklah menepati *Class IIB, National Water Quality Standard For Malaysia* (NWSQM) atau *Standard B Environmental Quality Act, 1974 - Effluent Discharge* (EQA 1974) sebelum ianya boleh dilepaskan. Selaras dengan kehendak ini, PBT yang menyenggara tapak pelupusan secara sanitari (Mambong, Maradong, Kemuyang dan Sibuti) telah melantik konsultan untuk membuat ujian tahap pencemaran air sungai dan air bawah tanah. Adalah didapati laporan ini telah dikemukakan kepada NREB setiap suku tahun. NREB juga memantau larutan resapan yang dihasilkan oleh sisa pepejal di

tapak pelupusan yang disenggara secara terbuka dan ujian terhadap sampel kandungan larut resapan dibuat oleh Jabatan Kimia.

Menurut Laporan SLIS 2006/2007, pencemaran air di tapak pelupusan Lawas berada di tahap risiko tinggi, manakala 13 tapak berada di tahap risiko sederhana dan selebihnya di tahap risiko yang rendah. Penilaian terhadap risiko dibuat berdasarkan terdapatnya kemudahan untuk merawat, kuantiti sisa pepejal di tapak pelupusan, kerja penyenggaraan dijalankan dan risiko pencemaran terhadap punca pengambilan air.

Pada tahun 2008, hasil ujian terhadap sampel kualiti larut resapan yang diambil dari 16 tapak pelupusan PBT telah dilaporkan dalam Laporan EQR. Adalah didapati 10 daripada 16 parameter kandungan larut resapan yang diuji tidak menepati sepenuhnya Standard NWSQM atau EQA 1974. Analisis Audit terhadap laporan ini mendapati tapak pelupusan tidak menepati antara dua atau 12.5% hingga enam atau 37.5% daripada 16 parameter yang diuji seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Hasil Ujian Sampel Larut Resapan Bagi 16 Tapak Pelupusan

Bil.	Lokasi Tapak Pelupusan	Parameter									
		Am-N	TC	E.Coli	Cr mg/l	Fe mg/l	Lead	Mn mg/l	COD mg/l	BOD mg/l	SS mg/l
		0.3	5,000	5,000	0.1 0.05	0.3 5.0	0.1 0.5	- 1.0	25 100	3 50	50 100
1.	Samarahan	< 0.5	1,400	790	< 0.04	0.6	0.04	0.07	42	< 2	17
2.	Entulang	4.6	1,600	1,600	< 0.04	4.6	0.07	0.27	32	2	16
3.	Lingga	2.5	920	170	< 0.04	6.3	< 0.02	0.03	352	7	46
4.	Betong	1.6	630	78	< 0.04	3.5	< 0.02	0.02	44	9	13
5.	Saratok	7.3	3,500	2,200	< 0.04	8.1	< 0.02	1.50	26	14	30
6.	Selangang	3.9	9,180	5,420	< 0.1	x	< 0.2	< 0.05	25	9	2
7.	Maradong	106	54,200	24,000	< 0.1	x	< 0.2	0.16	440	33	12
8.	Kemuyang	33	91,800	17,200	< 0.1	2.2	< 0.2	0.07	147	10	8
9.	Daro	72	91,800	34,800	< 0.1	2.3	< 0.2	0.05	129	2	< 5
10.	Kanowit	7.2	1,720	790	< 0.1	x	< 0.2	0.54	51	5	34
11.	Stapang	5.0	2E+05	54,200	< 0.1	x	< 0.2	< 0.05	37	26	200
12.	Selangau	< 1	54,200	14,100	< 0.1	x	< 0.2	0.24	9	25	7
13.	Julau	< 1	23	8	0.1	x	< 0.2	0.23	15	8	24
14.	Sibuti	2.8	1,610	1,609	< 0.1	x	< 0.2	0.60	410	68	60
15.	Limbang	< 1	5,420	5,420	< 0.1	4.2	< 0.2	0.06	43	< 2	22
16.	Lawas	3.9	> 2,400	16,000	0.2	14	< 0.2	0.46	69	28	44

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Report - EQR) 2008 Oleh NREB

Nota:

X = Hasil ujian tidak dapat ditentukan
 Am_N = Ammoniacal Nitrogen
 TC = Total Coliform
 E.Coli = Escheria Coli
 Cr = Chromium
 Fe = Iron

Mn = Manganese
 COD = Chemical Oxygen Demand
 BOD = Biochemical Oxygen Demand
 SS = Suspended Solids

Laporan hasil ujian kualiti larut resapan yang dijalankan pada tahun 2009 oleh NREB dan pihak konsultan di lapangan tapak pelupusan yang diselenggarakan oleh MB Miri, MP

Sibu, MD Samarahan dan MD Sri Aman menunjukkan lima daripada 16 parameter kandungan larut resapan yang diuji tidak menepati standard yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Hasil Ujian Sampel Larut Resapan Bagi
Tahun 2009 Untuk Lapan Tapak Pelupusan Yang Di Audit

Bil.	Lokasi Tapak Pelupusan	Parameter				
		TC	E. Coli	COD	BOD	SS
	Class IIB	5,000	5,000	25	3	50
1.	Kuala Baram, Miri	1,300	340	82	32	22
2.	Sibuti, Miri	-	-	1,200	72	24
3.	Kemuyang, Sibu	-	-	2,020	155	213
4.	Seng Ling, Sibu	24,000	13,000	301	4	75
5.	Kpg. Plaie, Samarahan	55	55	52	< 2	15
6.	Entulang, Sri Aman	490	490	68	6	5
7.	Lingga, Sri Aman	33	27	423	12	130
8.	Pantu, Sri Aman	16,000	5,400	135	46	2,260

Sumber: Petikan Dari Laporan NREB 2009 (MD Samarahan Dan MD Sri Aman) Dan Laporan EMR Bagi Suku Tahun Keempat, 2009 (MP Sibu Dan MB Miri)

b) Pencemaran Sumber Air - Akibat Larut Resapan Yang Dilepas Tidak Dirawat Mengikut Kualiti Yang Ditetapkan

Loji rawatan hendaklah boleh beroperasi untuk menghasilkan kualiti standard seperti yang ditetapkan di NWSQM atau EQA 1974 sebelum ianya boleh dilepaskan. Lawatan Audit ke loji rawatan air resapan yang beroperasi di Miri dan Sibu serta semakan Audit terhadap rekod berkenaan mendapati larut resapan yang dihasilkan tidak mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.

i) Loji Rawatan Larut Resapan Sibuti, Miri

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM0.24 juta telah diperuntukkan untuk kerja penyenggaraan loji ini. Kontraktor dikehendaki memastikan operasi rawatan larut resapan di loji dijalankan bermula jam 8 pagi hingga jam 5 petang setiap hari selaras dengan skop kerja dan spesifikasi kontrak. Antara kerja lain yang perlu dilakukan ialah pembersihan terhadap sumbatan, menyenggara pam serta menukar minyak pelincir, menyenggara penyaring arang, menyenggara kolam kumbahan, menyenggara pendawaian elektrik dan kerja pembersihan.

Semakan Audit mendapati operasi di loji terhenti pada Mac hingga Julai 2007 disebabkan kerosakan saluran pam dan tiada pembayaran dibuat bagi tempoh loji tidak beroperasi. Pada tahun 2008, potongan penalti daripada pembayaran dibuat setiap bulan kecuali pada Mac dan April apabila berlaku pelbagai kerosakan pada mesin dan peralatan. Ini telah menjejaskan kualiti larut resapan yang dirawat seperti dilaporkan dalam EMR bagi tempoh berkenaan. Laporan EQR 2008 dan Laporan EMR bagi suku terakhir tahun 2009 menunjukkan kualiti larut resapan tidak menepati sepenuhnya Standard NWSQM atau EQA 1974. Adalah didapati lima daripada 16 parameter yang diuji tidak menepati standard yang ditetapkan. Ujian

terhadap sampel larut resapan mendapati kandungan COD, BOD dan *lead* melebihi standard yang ditetapkan.

Menurut maklum balas MB Miri, perbincangan dengan pihak konsultan sedang dijalankan untuk membina loji yang baru supaya dapat merawat larut resapan dengan lebih efektif untuk mencapai tahap efluen Standard A.

KASKA telah memohon sejumlah RM8 juta di bawah RMKe-10 untuk mempertingkatkan tapak pelupusan sanitari serta loji Sibuti.

ii) Loji Rawatan Larut Resapan Kemuyang, Sibu

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM0.94 juta telah dibayar kepada kontraktor untuk kerja menyenggara loji ini. Pada tempoh yang sama, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM0.19 juta untuk membekal bahan kimia bagi merawat larut resapan. **Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati tiada gangguan terhadap operasi di tapak.** Bagaimanapun, Laporan EQR 2008 dan Laporan EMR bagi suku terakhir tahun 2009 melaporkan kualiti larut resapan tidak menepati sepenuhnya Standard NWSQM atau EQA 1974. Adalah didapati tujuh daripada 16 parameter kandungan sampel larut resapan yang diuji tidak menepati standard yang ditetapkan. **Kandungan bakteria TC dan E. Coli didapati telah melebihi standard selamat.** Kandungan COD dan BOD juga didapati tinggi dan kandungan bahan kimia (*Ammoniacal Nitrogen*, *Ferum* dan *Lead*) telah melebihi standard yang ditetapkan.

MP Sibu telah memohon peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan untuk menaik taraf loji supaya keberkesanan rawatan larut resapan boleh dipertingkatkan. Sejumlah RM7 juta di bawah peruntukan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah dianggarkan untuk pembinaan tapak sanitari baru di Kemuyang dan reka bentuk sedang disediakan oleh perunding. Sejumlah RM0.80 juta juga telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan Dan Pembangunan Bandar Sarawak untuk membina wetland dan menaik taraf loji rawatan larut resapan di Kemuyang.

c) Penularan Penyakit Di Kawasan Pungutan Dan Di Tapak Pelupusan

Tapak pembuangan sisa pepejal secara haram dan kawasan di mana pungutan tidak dijalankan dengan teratur akan menjadi tempat pembiakan nyamuk, lalat dan tikus. Pencemaran persekitaran ini menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada merebaknya penyakit seperti denggi, chikungunya, malaria, taun dan pelbagai penyakit lain yang dibawa oleh lalat, nyamuk, tikus dan binatang lain.

Semakan Audit terhadap kontrak penyenggaraan untuk lapan tapak pelupusan yang dilawati mendapati hanya MP Sibu ada menetapkan kontraktor menyembur racun serangga setiap minggu di tapak pelupusan Kemuyang, manakala tiada langkah kawalan penyakit dibuat di tujuh tapak pelupusan yang lain. PBT juga telah menjalankan pengasapan di kawasan kediaman sebagai langkah mengawal penyakit denggi. Rekod kawalan vektor PBT menunjukkan MB Miri dan MD Sri Aman penduduknya telah

dijangkiti penyakit denggi dan chikungunya yang menunjukkan peningkatan kes ketara pada tahun 2009. Bagaimanapun, tiada rekod diselenggara oleh PBT terhadap kes penyakit yang berpunca dari tapak pelupusan sisa pepejal. Bagaimanapun, kes penyakit denggi dan chikungunya mengikut rekod PBT bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Kes Penyakit Denggi Dan Chikungunya Dan Rumah Yang
Telah Dijalankan Pengasapan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	PBT	Bilangan Penduduk Yang Dijangkiti Penyakit						Bilangan Kediaman Dijalankan Pengasapan
		Denggi			Chikungunya			
		Tahun			Tahun			
		2007	2008	2009	2007	2008	2009	
1.	MB Miri	28	29	601	0	0	0	271,738
2.	MP Sibu	129	111	85	0	0	145	93,714
3.	MD Samarahan	50	30	60	0	0	0	(rumah) 17,809 (blok) 2,005
4.	MD Sri Aman	32	26	89	0	0	54	17,985
Jumlah		239	196	835	0	0	199	403,251

Sumber: Rekod Kawalan Vektor, PBT

NREB telah mengeluarkan surat arahan kepada PBT supaya larutan resapan yang telah dirawat tetapi tidak menepati tahap yang dibenarkan, ditahan di kolam pengumpulan dan tidak boleh disalur keluar. PBT hendaklah juga mempertingkatkan prosedur yang sedia ada serta sentiasa memantau saluran yang tersumbat dan pam berfungsi dengan kadar maksima. Ini adalah untuk memastikan loji rawatan berupaya menghasilkan larut resapan mengikut standard yang ditetapkan.

Menurut maklum balas PBT yang menyenggara tapak pelupusan secara terbuka, tapak perlu ditutup atau dipertingkatkan untuk mengawal pencemaran larut resapan. PBT yang menyenggara tapak pelupusan secara sanitari menyatakan rawatan terhadap larut resapan boleh menjadi lebih baik jika loji rawatan dinaiktaraf atau tapak disediakan dengan loji sanitari bertahap sekurang-kurangnya Aras III.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tapak pelupusan yang disenggarakan secara terbuka dan secara sanitari tidak memuaskan akibat larut resapan yang dilepaskan tidak menepati tahap kualiti yang dibenarkan dan menyumbang berlakunya pencemaran terhadap sumber air. PBT perlulah mengambil langkah seperti mana yang disyorkan oleh NREB untuk menangani pencemaran yang berlaku. PBT juga hendaklah mengambil langkah kawalan vektor seperti menjalankan pengasapan serta *ultra low volume fogging* (ULVF) dan membuat semburan *lysol*, klorin serta racun tikus di kawasan pungutan dan juga di tapak pelupusan sebagai langkah pencegahan penyakit dan menjamin kesihatan penduduk.

2.4.2 Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (Terbuka) Tidak Memuaskan

The Establishment Guidelines menetapkan lokasi tapak pelupusan sisa pepejal hendaklah tidak berada dalam kawasan mudah banjir dan kawasan tadahan air serta bukan di

environmentally sensitive areas. Tapak pelupusan juga perlu ditempatkan di sekitar kawasan yang mudah mendapat bekalan tanah untuk menimbus sisa pepejal dan mempunyai laluan keluar dan masuk yang sempurna. Zon penampungan tapak hendaklah sekurang-kurangnya berada di jarak 100 meter dari sungai atau kawasan bekalan air, jarak 300 meter dari tapak kemudahan awam seperti jalan raya, saluran bekalan air dan saluran elektrik dan jarak 400 meter dari kawasan kediaman, sekolah dan bangunan awam lain. Walaupun panduan ini adalah dikhaskan untuk penyenggaraan tapak pelupusan sanitari, sebagai amalan terbaik pengurusan dan mengehadkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar, PBT yang menyelenggara tapak pelupusan terbuka harus mematuhi ciri-ciri serta peraturan yang ditetapkan.

a) Lokasi Tapak Pelupusan Tidak Sesuai

Semakan Audit terhadap rekod empat PBT yang dilawati mendapati tiada kajian kesesuaian dari aspek topografi, hidrologi, *geological* dan lokasi dijalankan terhadap tapak pelupusan yang disenggara secara terbuka. Ini termasuk tapak pelupusan Entulang dan Lingga yang mana telah mula beroperasi pada tahun 1993 iaitu selepas NREO berkuatkuasa. NREB dalam SLIS 2006/2007 melaporkan terdapat tapak pelupusan terbuka dan sanitari berada di kawasan yang tidak sesuai seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Lokasi Tapak Pelupusan Yang Disenggara Oleh PBT

Bil.	Lokasi Tapak Pelupusan	Bilangan Tapak	
		Selepas NREO	Keseluruhan
1.	Di kawasan rendah dan berpayau	9	20
2.	Jarak dari sungai/anak sungai		
	i) Diredensi oleh anak sungai (Mambong, Kemuyang dan Sibuti)	3	3
	ii) Kurang dari 100 meter (3 darinya dekat laut)	1	10
3.	Jarak dari telaga air (0.5 – 2 km)	3	5
4.	Jarak dari kediaman - 400 meter dan kurang	5	12

Sumber: Laporan Sarawak Landfill/Dumpsite Information System, 2006/2007 (NREB)

b) Ciri-Ciri Tapak Pelupusan Terbuka Tidak Menepati Piawaian

Semakan Audit terhadap Laporan SLIS 2006/2007 mendapati tapak pelupusan sanitari menepati ciri-ciri yang ditetapkan dalam panduan. Bagaimanapun, tapak yang disenggara secara terbuka tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Ciri-ciri Tapak Pelupusan Terbuka Tidak Menepati Piawaian

Bil.	Perkara	Bil. Tapak
1.	Tiada kawalan keselamatan diwujudkan:	
	- Tidak mempunyai pagar serta pintu pagar yang kukuh	20
	- Tidak mempunyai kawalan/jaga	31
	- Berlaku pencerobohan sewaktu lawatan pegawai NREB	19
2.	Tiada sistem penyaluran gas	41
3.	Tiada sistem saliran perparitan	33
4.	Tiada benteng dibina untuk mengawal limpahan/runtuhan timbunan sisa pepejal	35
5.	Tiada saluran paip untuk larut resapan mengalir ke tempat pengumpulan	40
6.	Kolam pengumpulan larut resapan tidak mempunyai sistem pengudaraan	37
7.	Telaga untuk memantau air bawah tanah (<i>monitoring well</i>) tidak dibina	42

Sumber: Laporan Sarawak Landfill/Dumpsite Information System, 2006/2007 (NREB)

c) Pengurusan Penyenggaraan Di Tapak Pelupusan Terbuka Tidak Memuaskan

Adalah didapati kerja penyenggaraan tapak pelupusan terutama yang disenggara secara terbuka tidak dibuat dengan sempurna. Laporan SLIS 2006/2007 menunjukkan kerja penyenggaraan tapak seperti memampat serta merata sisa pepejal tidak kerap dilakukan seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Kekerapan Kerja Penyenggaraan Di Tapak Pelupusan PBT

Bil.	Kekerapan	Bilangan Tapak Pelupusan
1.	Setiap hari/hampir setiap hari	3
2.	Sekali seminggu	1
3.	Sekali sebulan	1
4.	Setiap suku tahun	2
5.	Kadang kala	28
6.	Tiada/Tidak nampak kerja penyenggaraan ada dilakukan semasa lawatan dibuat. (Sebuyau, Sebangau, Pantu, Julau, Dalat, Balingian, Belawai, Belaga, Song, Long Lama dan Bario)	11

Sumber: Laporan Sarawak Landfill/Dumpsite Information System, 2006/2007 (NREB)

Semakan Audit mendapati MB Miri, MP Sibu, MD Samarahan dan MD Sri Aman telah membelanjakan sejumlah RM41.49 juta daripada RM42.95 juta atau 96.6% yang diperuntukkan bagi tempoh 2007 hingga 2009 untuk melaksanakan pengurusan pelupusan sisa pepejal. Sejumlah RM5.66 juta telah diperuntukkan kepada MB Miri, MP Sibu, MD Samarahan dan MD Sri Aman untuk pengurusan penyenggaraan tapak pelupusan sisa pepejal bagi tempoh 2007 hingga 2009.

Lawatan Audit ke lapan tapak pelupusan yang disenggarakan oleh MD Samarahan, MD Sri Aman, MP Sibu dan MB Miri telah dijalankan antara Jun hingga September 2009. Adalah didapati enam tapak yang disenggarakan secara terbuka tidak berpagar, tiada saluran gas serta tiada tempat pengumpulan larut resapan disediakan dan sistem perparitan tidak disediakan atau tidak disenggarakan dengan sempurna. Timbunan sisa pepejal di empat tapak pelupusan didapati tidak ditimbus dengan tanah atau pasir serta kerja merata sisa pepejal tidak dibuat dengan sempurna dan tiada benteng dibina untuk mengawal limpahan/runtuhan timbunan sisa pepejal. Juga berlaku pencerobohan oleh orang awam termasuk kanak-kanak di kawasan ini. Walaupun pencerobohan bertujuan memungut bahan kitar semula namun ianya merupakan aktiviti yang kurang sihat. Penceroboh boleh terdedah kepada pelbagai penyakit dan kecelakaan semasa jentera menjalankan kerja merata timbunan sisa pepejal. Aktiviti ini juga menyebabkan sampah yang telah dirata dan dipadat bertaburan semula dan dikhuatiri aktiviti pencerobohan ini boleh menyebabkan berlakunya kes kebakaran. Pihak Audit mendapati sebilangan penceroboh telah mendirikan tempat perlindungan sementara di tapak pelupusan ini dan mendirikan rumah setinggan di sekitar kawasan tapak. Butiran kerja dan penyenggaraan tapak adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Penyenggaraan Di Lapan Tapak Pelupusan PBT Yang Dilawati

Bil.	Kerja Penyenggaraan Tapak	Lokasi Tapak	Rujukan Foto
1.	Tiada saluran gas dan tiada tempat pengumpulan larut resapan disediakan	Kuala Baram, Seng Ling, Kpg. Plaie, Entulang, Lingga dan Pantu	-
2.	Larut resapan tidak dirawat	Kuala Baram, Seng Ling, Kpg. Plaie, Entulang, Lingga dan Pantu	2.1
3.	Parit serta kawasan di jalan masuk tapak pelupusan dipenuhi dengan buangan sisa pepejal	Kpg. Plaie	2.2 dan 2.3
4.	Tiada benteng dibina untuk mengawal limpahan/ runtuh timbunan sisa pepejal yang sudah tinggi	Kuala Baram, Kemuyang, Entulang, Kpg. Plaie	2.4
5.	Sisa pepejal dibuang di merata tempat	Seng Ling, Lingga, Pantu	2.5 dan 2.6
6.	Timbunan sisa pepejal tidak diratakan dengan sempurna	Kuala Baram, Entulang, Kpg. Plaie	2.7 dan 2.8
7.	Tiada kerja menimbus timbunan sisa pepejal dengan tanah/pasir	Kuala Baram, Seng Ling, Kpg. Plaie	-
8.	Sisa pepejal dibuang di sekitar luar kawasan tapak (perparitan dan tempat meletak lori sampah)	Seng Ling, Kpg. Plaie	2.9 dan 2.10
9.	Terdapat rumah setinggan di sekitar kawasan tapak	Kuala Baram, Seng Ling, Entulang	2.11 dan 2.12
10.	Berlaku pencerobohan di tapak pelupusan	Kemuyang, Kuala Baram	2.13 dan 2.14

Foto 2.1
Perparitan Mengandungi
Larut Resapan Yang Tidak Dirawat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Lingga, Sri Aman
Tarikh: 15 Julai 2009

Foto 2.2
Sampah Di Sekitar Jalan
Masuk Ke Tapak Tidak Dipungut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kpg. Plaie, Samarahan
Tarikh: 7 September 2009

Foto 2.3
Perparitan Ditutupi Oleh
Tumbuhan Dan Buangan Sisa Pepejal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kpg. Plaie, Samarahan
Tarikh: 15 Julai 2009

Foto 2.4
Benteng Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kpg. Plaie, Samarahan
Tarikh: 24 Jun 2009

Foto 2.5
Sisa Pepejal Dibuang Di Merata Tempat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Seng Ling, Sibu
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Seng Ling, Sibu
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 2.7

Sisa Pepejal Tidak Diratakan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kuala Baram, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 2.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Entulang, Sri Aman
Tarikh: 15 Julai 2009

Foto 2.9

**Sisa Pepejal Dibuang Ke Dalam
Parit Yang Mengalir Ke Anak Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kuala Baram, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 2.10

**Sisa Pepejal Dibuang Di
Tempat Letak Lori Sampah**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Seng Ling, Sibu
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 2.11

Rumah Setinggan Dibina Di Sekitar Kawasan Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Seng Ling, Sibu
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 2.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kuala Baram, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 2.13

Pencerobohan Oleh Kanak-Kanak Di Kawasan Tapak Pelupusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kemuyang, Sibu
Tarikh: 30 Julai 2009

Foto 2.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Kuala Baram, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

MP Sibu memaklumkan hanya struktur yang didirikan di kawasan sekitar luar tapak telah dirobuhkan dan tindakan merobuhkan struktur dalam kawasan tapak belum diambil lagi. MB Miri pula telah mengemukakan laporan terhadap kediaman setinggan di luar sekitar tapak pelupusan kepada Pejabat Tanah Dan Survei berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Langkah untuk memperketat kawalan di tapak daripada pencerobohan seperti mendapat khidmat 24 jam pengawal keselamatan dan jaga sudah diambil. Pembinaan pagar akan dijalankan bila mendapat peruntukan.

KASKA menjelaskan pengurusan penyenggaraan tapak terbuka seperti menimbus sisa pepejal dengan tanah dan penyediaan sistem perparitan serta saluran gas hanya boleh dijalankan selaras dengan peruntukan kewangan yang disediakan. Selain itu, pengurusan tapak hanya boleh dipertingkatkan dengan membangunkan tapak pelupusan sanitari yang mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan. Sebagai daya usaha meningkatkan penyenggaraan

tapak pelupusan, KASKA telah meminta kerjasama pasar raya untuk menggunakan beg plastik jenis *oxo-biodegradable*.

NREB dalam laporannya mengesyorkan supaya PBT berkenaan mengamalkan *good house-keeping* di tapak pelupusan, menimbus sisa pepejal dengan tanah atau pasir setiap minggu, mewujudkan kawalan keselamatan serta memastikan kerja pelupusan dilaksanakan dan direkod dengan sempurna. Sebagai usaha mempertingkatkan amalan terbaik dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal, NREB telah membuat kajian terhadap Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Di Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji semula amalan pengurusan yang sedia ada, membuat syor untuk pelan strategik dengan mengambil kira faktor kos, logistik dan impak pencemaran terhadap alam sekitar serta mengenal pasti pelan tindakan mengikut keutamaan keperluan setiap PBT.

d) Tapak Pelupusan Baru Dibangunkan

Pembangunan tapak pelupusan yang baru diperlukan untuk menggantikan tapak yang sedia ada disebabkan lokasi yang tidak sesuai, tapak tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan dan tapak sudah terlalu penuh. Semakan Audit terhadap rekod di empat PBT mendapati kertas cadangan untuk memohon peruntukan pembangunan tapak pelupusan baru telah dikemukakan kepada KASKA. Langkah yang telah diambil oleh KASKA dan PBT tersebut adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Pelan Pembangunan Tapak Pelupusan Baru

Bil.	PBT	Kedudukan Ringkas Pelan Pembangunan Tapak Pelupusan Baru
1.	MB Miri	Pada Februari 2009, Majlis telah mengemukakan kepada KASKA kertas cadangan untuk tapak pelupusan baru menggantikan tapak pelupusan Sibuti. Pada Julai 2009, Majlis telah dijemput hadir di mesyuarat bersama KPKT untuk membincang projek ini. Hakmilik untuk tapak pelupusan Kuala Baram telah diperolehi daripada Pejabat Tanah Dan Survei pada Mei 2008. Pada Oktober 2008, Majlis telah memohon RM0.5 juta daripada KPKT untuk kerja pemulihan tapak ini. Pada Januari 2009, Majlis juga telah mengemukakan kepada KPKT kertas cadangan projek membina stesen pemindahan tetap dengan anggaran kos RM7 juta.
2.	MP Sibul	Majlis dalam proses melantik perunding. Sejumlah RM0.30 juta telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan Dan Pembangunan Bandar Sarawak untuk menutup bahagian tapak pelupusan Seng Ling yang tidak digunakan dan Majlis sedang dalam proses menyediakan dokumen tender.
3.	MD Samarahan	Majlis merancang membina satu <i>Waste Management Park</i> di kawasan seluas 340.67 ekar dan cadangan sedang dalam pertimbangan Unit Pembangunan Negeri Sarawak. Kajian awal telah dijalankan dan <i>Siting Application</i> dikemukakan kepada pihak Pejabat Tanah Dan Survei pada Jun 2009. KASKA telah memohon sejumlah RM25 juta di bawah RMKe-10 untuk membangun tapak baru.
4.	MD Sri Aman	Majlis merancang melantik juru perunding dengan anggaran kos RM0.5 juta untuk menjalankan kajian awal terhadap tapak baru dan telah mengemukakan kertas cadangan projek kepada KASKA pada Januari 2009. KASKA telah memohon sejumlah RM25 juta di bawah RMKe-10 untuk membangun tapak baru.

Sumber: Rekod PBT Dan KASKA

Menurut maklum balas KASKA dan PBT, pelan penutupan tapak yang tidak sesuai beroperasi lagi sedang dalam proses dan tindakan diambil sekiranya peruntukan untuk tapak baru diluluskan. KASKA dalam usaha menangani masalah tersebut telah menyediakan kertas cadangan untuk memohon daripada Kerajaan Persekutuan peruntukan sejumlah

RM469.5 juta di bawah RMKe-10. Tujuan peruntukan adalah untuk membangunkan 19 tapak pelupusan baru dengan kos RM361 juta, mempertingkatkan struktur empat tapak yang sedia ada dengan kos RM56 juta, menutup satu tapak yang telah mencapai jangka hayat dengan kos RM3 juta dan sejumlah RM49.5 juta untuk pengurusan pungutan sisa pepejal serta penyenggaraan tapak pelupusan.

Menteri Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam dalam petikan akhbar The Borneo Post pada 19 Mei 2009 bertajuk *Share waste treatment system, small councils told*, menyarankan supaya PBT yang kecil berkongsi sumber untuk mengurus pelupusan serta merawat sisa pepejal. Kerajaan diminta untuk membuat kajian dan penilaian kesesuaian terhadap *the practicality and possibility of inter-city cooperation in setting up common facilities on sharing basis*. Selain itu, Kabinet Negeri juga telah meluluskan pelantikan sebuah syarikat untuk memungut tayar dan plastik yang dibuang di tapak pelupusan sebagai langkah memanjang jangka hayat tapak berkenaan.

Pada pendapat Audit, KASKA dan PBT telah mengambil tindakan proaktif dalam penyediaan pelan pembangunan tapak pelupusan yang baru. Sementara itu, PBT hendaklah mengambil langkah ke arah amalan terbaik terhadap pengurusan pelupusan sisa pepejal di tapak yang sedia ada seperti mengambil langkah untuk mengawal pencemaran alam sekitar serta mewujudkan kawalan keselamatan untuk mengawal pencerobohan.

2.4.3 Pengurusan Pungutan Sisa Pepejal Oleh PBT Dipertingkatkan

Menurut *Local Authorities (Cleanliness) By-Laws 1999*, PBT bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan di bawah pentadbiran masing-masing. Bagaimanapun, maklum balas soal selidik mendapati antara 87.8% hingga 95.2% orang awam dari kawasan empat PBT yang dilawati berpendapat berlakunya pencemaran adalah disebabkan pengurusan pelupusan sisa pepejal yang kurang cekap.

Lawatan Audit ke tapak pungutan sampah di empat PBT berkenaan mendapati pengurusan pungutan sisa pepejal tidak dibuat dengan teratur. Adalah didapati sisa pepejal tidak dibuang ke dalam tong sampah dan bersepah di sekitar kawasan tong sampah, tidak dipungut dan pembuangan haram di kawasan terbuka tidak dibersihkan.

a) Prestasi Perkhidmatan Kontraktor Dipertingkatkan

Kontraktor hendaklah mematuhi jadual dan skop kerja, manakala PBT perlu sentiasa memantau prestasi kerja kontraktor dan mengesah kerja telah benar-benar dilaksanakan dengan sempurna sebelum pembayaran dibuat.

Semakan Audit mendapati sejumlah RM41.18 juta telah dibelanjakan oleh MB Miri, MP Sibu, MD Samarahan dan MD Sri Aman untuk pengurusan pungutan sisa pepejal bagi tempoh 2007 hingga 2009. **Semakan Audit seterusnya mendapati empat PBT berkenaan telah mengutip pada tempoh yang sama denda sejumlah RM99,308**

daripada 11 kontraktor kerana tidak menjalankan pungutan sisa pepejal mengikut jadual serta skop kerja yang ditetapkan. Ini menunjukkan prestasi perkhidmatan kontraktor di empat PBT berkenaan perlu dipertingkatkan.

Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik pengurusan pungutan sisa pepejal oleh kontraktor mendapati kelemahan seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Maklum Balas Soal Selidik Terhadap Pungutan Sisa Pepejal

Bil.	Perkara	MB Miri (%)	MP Sibu (%)	MD Samarahan (%)	MD Sri Aman (%)
1.	Kontraktor ada menerima aduan daripada orang awam mengenai perkhidmatan pungutan sisa pepejal	100.0	80.0	100.0	100.0
2.	Pengasingan sisa pepejal tidak dilakukan sebelum dibuang	73.2	65.9	61.9	68.6
3.	Sisa pepejal bertaburan semasa pungutan dan tidak dipungut semula	53.7	70.7	61.9	51.4
4.	Larut resapan tumpah dari lori sampah	82.9	81.7	95.2	85.7
5.	Larut resapan yang terkeluar tidak dibersihkan	0	70.0	16.7	50.0
6.	Sisa pukal diangkut mengguna lori terbuka	100.0	100.0	50.0	33.3
7.	Kawasan longgokan sisa pepejal (pukal) tidak dibersihkan	64.6	70.7	79.8	68.6

Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Menurut maklum balas PBT, tindakan lebih tegas akan diambil seperti meningkatkan kadar denda terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat serta spesifikasi kontrak.

b) Sisa Pepejal Dibuang Di Sekitar Kawasan Tong Sampah

Adalah didapati MB Miri dan MP Sibu menyediakan tong sampah berkapasiti 120 hingga 240 liter bagi setiap kediaman di kawasan perumahan, manakala kawasan perumahan di MD Samarahan dan MD Sri Aman tong sampah disediakan sendiri oleh penghuni. PBT juga menyediakan *bulk bin* berkapasiti antara 660 liter hingga 1,100 liter dan *roro bin* berkapasiti lima ela padu dan 10 ela padu di kawasan kampung, tamu/pasar, komersial dan industri. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak pungutan mendapati tong sampah serta *bulk bin* yang disediakan tidak mencukupi dan sisa pepejal yang dibuang di sekitar kawasan tong juga tidak dipungut. Selepas teguran Audit, MB Miri dan MD Sri Aman telah menjalankan kerja pembersihan serta menambah bekalan tong sampah seperti di **Foto 2.15** hingga **Foto 2.18**.

Foto 2.15
Sisa Pepejal Tidak Dibuang Ke Dalam Tong Sampah Sebab Tong Sudah Penuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Senadin, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 2.16
Kerja Pembersihan Sudah Dijalankan



Sumber: Majlis Bandaraya Miri
Lokasi: Senadin, Miri
Tarikh: 8 Januari 2010

Foto 2.17
Sisa Pepejal Tidak Dibuang Ke Dalam Tong Sampah Sebab Tong Sudah Penuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Temuai, Sri Aman
Tarikh: 14 Julai 2009

Foto 2.18
Tong Sampah Tambahan Telah Ditempatkan Di Tapak Tong Sampah



Sumber: Majlis Daerah Sri Aman
Lokasi: Taman Temuai, Sri Aman
Tarikh: 20 April 2010

c) Sampah Dibiarkan Bersepah Dan Tidak Dipungut

PBT menetapkan kontraktor dikehendaki memungut sisa pepejal yang bersepah di sekitar tempat letak tong sampah. Bagaimanapun, didapati skop kerja ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor. Pencemaran berlaku disebabkan sisa pepejal yang dibiarkan bersepah di sekitar tong sampah dan keadaan menunjukkan ianya telah lama tidak dipungut atau tidak dibersihkan adalah seperti di **Foto 2.19** dan **Foto 2.21**. Selepas teguran Audit, MB Miri dan MD Sri Aman telah menjalankan kerja pembersihan kawasan berkenaan seperti di **Foto 2.20** dan **Foto 2.22**.

Foto 2.19
Sisa Pepejal Dibiarkan Bersempah
Di Sekitar Tapak Tong Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Senadin, Miri
 Tarikh: 12 Ogos 2010

Foto 2.20
Kerja Pembersihan Telah Dilakukan



Sumber: Majlis Bandaraya Miri
 Lokasi: Senadin, Miri
 Tarikh: 8 Januari 2010

Foto 2.21
Sisa Pepejal Dibiarkan Bersempah
Di Sekitar Tapak Tong Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Pasir Panas, Sri Aman
 Tarikh: 14 Julai 2009

Foto 2.22
Kerja Pembersihan Telah Dilakukan



Sumber: Majlis Daerah Sri Aman
 Lokasi: Jalan Pasir Panas, Sri Aman
 Tarikh: 21 April 2009

d) Tong Sampah Rosak Tidak Diganti/Dibaiki

Dalam perjanjian, MD Samarahan menetapkan kontraktor hendaklah menggantikan *bulk bins* atau *roro bins* yang telah rosak apabila diarah secara bertulis, manakala tiga PBT yang lain bertanggungjawab menyenggara *bulk bins* atau *roro bins* masing-masing. Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM30,760 telah dibelanjakan oleh MB Miri, MP Sibu dan MD Sri Aman untuk membaiki pulih tong sampah bagi tempoh 2007 hingga 2009. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM197,896 telah dibelanjakan oleh empat PBT berkenaan untuk membina serta membaiki tapak menempatkan tong sampah. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak pungutan mendapati berlakunya limpahan sisa pepejal dari tong sampah yang rosak di kawasan pungutan MD Samarahan dan MD Sri Aman seperti di **Foto 2.23** dan **Foto 2.24**. Selepas teguran

Audit, Majlis berkenaan telah mengambil langkah menukar tong yang telah rosak seperti di **Foto 2.25** dan **Foto 2.26**.

Foto 2.23
Bahagian Tong Sampah
Rosak Dan Sisa Pepejal Bersepah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: S.K Sri Aman, Sri Aman
Tarikh: 14 Julai 2009

Foto 2.24
Tong Sampah Baru Yang
Mengganti Tong Rosak



Sumber: Majlis Daerah Sri Aman
Lokasi: S.K Sri Aman, Sri Aman
Tarikh: 20 April 2010

Foto 2.25
Bahagian Tong Sampah
Rosak Dan Sisa Pepejal Bersepah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg. Meranek, Samarahan
Tarikh: 3 Julai 2009

Foto 2.26
Bahagian Tong Sampah
Rosak Telah Diperbaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg. Meranek, Samarahan
Tarikh: 21 April 2010

Lawatan susulan Audit pada 21 April 2010 ke tapak pungutan Kampung Meranek di Samarahan mendapati walaupun tong sudah diperbaiki namun masih berlaku buangan sisa pepejal di sekitar kawasan tong, manakala penempatan tong sampah ini didapati diletakkan berdekatan dengan kawasan rumah penduduk seperti di **Foto 2.27**.

Foto 2.27
Tapak Tong Sampah Berdekatan
Kediaman Dan Sisa Pepejal Bersepah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg. Meranek, Samarahan
Tarikh: 21 April 2010

Temu bual dengan penghuni rumah berkenaan mendapati pencemaran persekitaran ini telah menimbulkan ketidakselesaan kepada mereka kerana persekitaran kotor dan berbau. Beliau memberitahu, kontraktor ada membuat pungutan secara berjadual. Bagaimanapun, kerja pembersihan pernah dijalankan oleh pihak Majlis. Kerja gotong royong membersihkan kawasan tersebut juga pernah dijalankan oleh penduduk kampung. Namun sikap sesetengah penduduk yang membuang sisa pepejal dengan tidak teratur dan buangan lebihan oleh orang luar menyebabkan pencemaran alam sekitar sukar dikawal.

e) Pembuangan Sisa Pepejal Secara Haram Di Kawasan Terbuka

PBT diberi kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan seperti mengenakan denda atau mengambil tindakan undang-undang terhadap pesalah yang melanggar peraturan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM144,130 telah dibelanjakan oleh MB Miri dan MP Sibu untuk menangani pembuangan sisa pepejal secara haram bagi tempoh 2007 hingga 2009. Mengikut syarat perjanjian pungutan sampah MB Miri, kontraktor dikehendaki menyiasat dan melaporkan kepada Majlis jika berlaku pembuangan haram di kawasan pungutannya. Kontraktor dibenarkan mengenakan caj RM20 terhadap pesalah untuk kos pembersihan. Semakan Audit seterusnya mendapati syarat atau skop kerja berkaitan dengan pembuangan haram tidak dinyatakan dalam perjanjian untuk tiga PBT yang lain.

Lawatan Audit ke kawasan empat PBT berkenaan mendapati berlakunya pembuangan sisa pepejal secara haram. Berdasarkan saiz tapak dan kuantiti sisa pepejal yang bersepah di kawasan berkenaan menunjukkan kerja pembersihan tidak atau jarang dijalankan. Selepas teguran Audit, Majlis berkenaan telah mengambil tindakan membersihkan kawasan pembuangan haram. Contoh kawasan pembuangan sisa

pepejal secara haram dan kerja tindakan pembersihan yang telah diambil oleh PBT adalah seperti di **Foto 2.28** hingga **Foto 2.30**.

Foto 2.28
Pembuangan Sisa Pepejal Secara Haram



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Senadin, Miri
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 2.29
Kerja Pembersihan Telah Dijalankan



Sumber: Majlis Bandaraya Miri
Lokasi: Senadin, Miri
Tarikh: 8 Januari 2010


Lawatan susulan Audit pada April 2010 ke tapak pembuangan haram di Samarahan mendapati walaupun Majlis telah mengambil tindakan membersihkan kawasan, namun sikap orang awam yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pencemaran persekitaran masih berlaku seperti di **Foto 2.31**.

Foto 2.30
Pembuangan Sisa Pepejal Secara Haram



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Gerai, Jln Ke UiTM, Samarahan
Tarikh: 24 Julai 2009

Foto 2.31
Pembuangan Sisa Pepejal Secara Haram Masih Berlaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Gerai, Jln Ke UiTM, Samarahan
Tarikh: 21 April 2010

Menurut maklum balas PBT, pembuangan secara haram selalunya dilakukan pada waktu malam oleh orang awam yang tidak bertanggungjawab dan sukar untuk dikawal. Bagaimanapun, tindakan pembersihan akan sering dijalankan manakala tindakan penguatkuasaan seperti mengenakan denda akan dipertingkatkan. Selain itu, PBT sedang mengkaji kawasan yang memerlukan tong sampah tambahan dan akan memohon

peruntukan untuk perolehan tong sampah baru/tambahan serta kerja membaik pulih tong yang rosak.

KASKA menyatakan sikap orang awam yang tidak bertanggungjawab juga menyumbang kepada berlakunya pencemaran persekitaran. KASKA memaklumkan yang perkhidmatan pengurusan sisa pepejal juga merupakan fokus utama dalam strategi Key Focus Area.

NREB dalam kenyataannya melalui The Borneo Post pada 7 Januari 2010 menegaskan bahawa tindakan mengenakan denda selaras dengan NREO akan dikuatkuasakan terhadap pesalah yang melakukan pembuangan haram yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar.

Pada pendapat Audit, berlakunya pencemaran alam sekitar adalah disebabkan pengurusan pungutan sisa pepejal yang kurang cekap. Walaupun tindakan telah diambil terhadap teguran Audit, PBT hendaklah membuat pemantauan secara berterusan dan menjalankan penguatkuasaan. PBT juga perlu menempatkan tong sampah di tapak yang bersesuaian supaya keselesaan serta kesihatan penduduk tidak terjejas.

2.4.4 Program Kesedaran Untuk Orang Awam Terhadap Pemeliharaan Alam Sekitar Dipergiatkan

Laporan *Waste Management In Turkey 2007*, menyatakan negara maju hanya membuang 35% hingga 45% sisa pepejal mereka ke tapak pelupusan, manakala selebihnya telah di kitar semula dan menjaga ekonomi negara. Pihak pengurusan di sesebuah negara terutama yang sedang membangun harus sedar terhadap pentingnya pengukuhan struktur sosial dan budaya berkaitan dengan pelupusan sisa pepejal.

Semakan Audit mendapati empat PBT berkenaan telah menerima sejumlah RM0.36 juta untuk mengadakan program kesedaran orang awam dan sejumlah RM0.33 juta atau 92% telah dibelanjakan. Program ini juga melibatkan agensi lain seperti institusi pengajian tinggi dan persatuan tetapi penglibatan pihak kontraktor didapati kurang menggalakkan. Hasil kaji selidik mendapati 60% daripada kontraktor yang berkhidmat dengan MP Sibu dan 66.7% daripada kontraktor yang berkhidmat dengan MD Samarahan tidak menggalakkan pekerja mereka menyertai kempen kitar semula. Adalah didapati 83.3% daripada kontraktor yang berkhidmat dengan MD Samarahan tidak menyertai kempen kitar semula yang dianjurkan.

Semakan Audit seterusnya terhadap rekod empat PBT yang dilawati mendapati hanya MB Miri dan MP Sibu ada menyediakan rancangan program kesedaran untuk orang awam. Aktiviti yang telah dijalankan seperti mengadakan ceramah, seminar, dialog memberitahu konsep 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*), kempen beli semula, kempen '*katakan tidak kepada beg plastik*', bengkel pengurusan pengkomposan baja, gotong royong dan program alam sekitar, pertandingan bertemakan 3R dan membekal set tong kitar semula. Bagaimanapun, didapati

hanya MB Miri dan MP Sibu yang mempergiatkan kepelbagaian program. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Program Kesedaran Untuk Orang Awam Terhadap
Pemeliharaan Alam Sekitar Yang Dijalankan Pada Tahun 2009

Bil.	Program Kesedaran Yang Dijalankan	MB Miri (Bil.)	MP Sibu (Bil.)	MD Samarahan (Bil.)	MD Sri Aman (Bil.)
1.	Ceramah/Seminar/Dialog bersama orang awam berkaitan pemeliharaan alam sekitar, kesihatan, kaedah kitar semula dan pengkomposan	25	364	7	5
2.	Program kitar semula, pengkomposan, kurang mengguna beg plastik	21	21	0	1
3.	Kempen 3R, kebersihan	36	30	3	0
4.	Pertandingan berkaedah kitar semula	3	2	0	2
5.	Membekal set tong kitar semula kepada sekolah/ institusi lain, agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan	69	68	5	45
6.	Gotong royong bersama penduduk	5	0	20	7
Peratusan Peruntukan Yang Dibelanjakan (%)		99.0	95.9	86.6	76.1

Sumber: Rekod PBT

Menurut maklum balas KASKA dan PBT, kepelbagaian aktiviti program kesedaran untuk orang awam yang diadakan adalah terhad disebabkan kekangan tenaga kerja dan peruntukan kewangan. Bagaimanapun, usaha akan dipergiatkan untuk tujuan ini.

Pada pendapat Audit, amalan terbaik yang dipraktikkan oleh negara maju dalam menangani pelupusan sisa pepejal harus dicontohi. PBT hendaklah meningkatkan promosi amalan pengurangan penggunaan bahan plastik dan melaksanakan kaedah 3R untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal. PBT juga perlu mempergiatkan program pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar demi kesejahteraan dan kesihatan semua pihak.

2.4.5 Tindakan Penyeliaan, Pemantauan Dan Penguatkuasaan Kurang Berkesan

Di peringkat pengurusan, aspek penyeliaan, pemantauan dan penguatkuasaan perlu diwujudkan untuk memastikan sesuatu aktiviti dijalankan dengan berkesan.

a) Penyeliaan Dan Pemantauan Di Peringkat KASKA

KASKA bertanggungjawab terhadap penyeliaan serta pemantauan pengurusan kewangan serta aktiviti untuk semua PBT di Sarawak. Sistem Pengurusan Kualiti KASKA melibatkan pengurusan sisa pepejal iaitu menerima permohonan dan penetapan kawasan pungutan, pelupusan serta hal ehwal mengendali pemberian kontrak. Antara fungsi Seksyen Pentadbiran Dan Persekitaran ialah menyediakan program pembangunan bandar yang melibatkan sistem pengurusan sisa pepejal dan sistem menilai risiko berlaku kebakaran. Seksyen ini juga bertanggungjawab terhadap *Environmental Impact Report* termasuk EIA dan *Environmental Management Plan*. Seksyen Kesihatan Awam pula bertanggungjawab untuk memantau pengurusan pelupusan sisa pepejal dilaksanakan oleh PBT dengan sempurna. Semakan Audit mendapati hanya dua

daripada 130 jawatan yang diluluskan untuk KASKA terlibat dalam pengurusan kesihatan awam.

Menurut maklum balas KASKA, peranan Kementerian adalah lebih kepada regulatory functions seperti memastikan PBT menguatkuasakan polisi serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. KASKA juga menjelaskan bahawa penyeliaan dan pemantauan aktiviti pengurusan sisa pepejal di lokasi tidak dapat dijalankan disebabkan kekangan sumber tenaga kerja. Tambahan pula pemantauan pengurusan sisa pepejal dan kesan terhadap alam sekitar dijalankan oleh pihak NREB.

b) Penyeliaan, Pemantauan Dan Penguatkuasaan Di Peringkat PBT

Semakan Audit terhadap rekod di empat PBT yang dilawati mendapati struktur pengurusan yang diwujudkan adalah jelas dan memadai untuk tujuan pengurusan pelupusan sisa pepejal yang berkesan. Perkara berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal juga ada dibangkitkan dalam mesyuarat. Bagaimanapun, didapati tugas pemantauan dan pengawasan di tapak pungutan serta tapak pelupusan sisa pepejal dijalankan oleh pegawai di peringkat bawahan sahaja dan pegawai penyelia jarang turun padang.

Peraturan mengenai tindakan penguatkuasaan ada ditetapkan dalam *Local Authorities (Cleanliness) By-Laws 1999*. Peraturan ini membenarkan PBT mengambil tindakan mengenakan kompaun terhadap pesalah yang mencemarkan alam sekitar dengan pembuangan sisa pepejal secara haram. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan aktiviti penguatkuasaan dibuat secara terancang kerana empat PBT tersebut tidak menyediakan rancangan/jadual secara terperinci. Tambahan pula semua PBT tersebut tidak menyediakan laporan lengkap aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan. Semakan Audit mendapati denda tidak pernah dikenakan terhadap pihak yang melakukan aktiviti pembuangan haram yang mencemar persekitaran.

Menurut maklum balas KASKA, struktur pengurusan di PBT akan dikaji semula berdasarkan kelulusan terhadap cadangan penstrukturan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, PBT hendaklah memastikan pemantauan serta tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan diambil untuk mengawal aktiviti yang boleh mencemar alam sekitar.

2.4.6 Pengurusan Kontrak Dan Sistem Maklumat Dipertingkatkan

Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor dibuat melalui proses tender terbuka dan pengurusan pemberian kontrak adalah teratur. Kontrak perkhidmatan pengurusan pelupusan sisa pepejal ada menetapkan skop serta spesifikasi kerja kontraktor, syarat pengambilan pekerja, penyediaan jentera serta peralatan, penalti jika gagal menjalankan kerja dan kaedah pembayaran. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak seperti berikut:

a) Kandungan Kontrak Tidak Seragam

Adalah didapati tiada sebarang arahan/panduan khas dikeluarkan oleh KASKA kepada PBT supaya kandungan kontrak boleh diseragamkan dari segi definisi, skop serta spesifikasi kerja dan terma untuk menjaga kepentingan PBT dan Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap kontrak yang disediakan oleh empat PBT yang dilawati mendapati kandungan kontrak tidak seragam antaranya adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Contoh Perkara Dalam Kontrak Yang Tidak Seragam Antara PBT

Bil.	Kandungan Kontrak	MB Miri	MP Sibü	MD Samarahan	MD Sri Aman
1.	Definisi				
	<i>Trade refuse</i>	-	-	Sisa pepejal dari komersial dan industri	-
	Lain-lain sampah	-	-	Perabot, barang elektrik, tayar, tong drum, tangki air, enjin dan lain-lain	-
	Kontraktor	Kontraktor berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor	Orang @ syarikat tersebut	-	-
	Lori kompaktor	Kapasiti kompaktor 10 - 20 ela padu	-	-	-
2.	Skop Kerja	-	Sampah dari tong lain juga dikutip	-	Sampah dari tong lain juga dikutip
		Kontraktor mengenakan caj RM20 untuk kos membersih tapak haram	-	-	-
		-	Bangkai binatang di jalan raya dan di bahu jalan	Bangkai binatang di jalan raya dan di bahu jalan.	-
3.	Ganti Bulk Bin Yang Rosak	-	-	Kontraktor mengganti tong yang rosak bila diarah oleh Majlis secara bertulis	-
4.	Laporan Harian	Hantar laporan harian	Mandor perlu melaporkan tentang kerja setiap hari	-	-
5.	Tuntutan	-	Kontraktor boleh tuntutan perbezaan harga minyak	-	-
6.	Penalti	Ditentukan oleh Majlis dan akan dipotong dari harga kontrak	Sistem <i>demerit</i>	Ditentukan oleh Majlis dan akan dipotong dari harga kontrak	200% dari kadar kontrak
7.	Pekerja	-	1 pemandu, 3 pekerja dan 1 tukang sapu	Seorang pemandu dan tiga pekerja	-
		-	Majlis boleh batal kontrak @ potong bayaran sekiranya jumlah pekerja kurang pada bila-bila masa	-	-
		-	Umur tidak di bawah 18 tahun dan bukan warga asing	Umur tidak di bawah 18 tahun dan bukan warga asing	-

Sumber: Dokumen Kontrak Majlis

Menurut maklum balas, KASKA akan meneliti keperluan common/basic framework dan spesifikasi serta kehendak lain dalam penyediaan kontrak dan satu garis panduan akan diedarkan kepada semua PBT.

Pada pendapat Audit, KASKA hendaklah mengeluarkan garis panduan seragam untuk dijadikan amalan baik dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal oleh PBT.

b) Pengurusan Fail Kontrak Hendaklah Dipertingkatkan

Pengurusan fail kontrak yang teratur mengekalkan maklumat yang diperlukan dan memudahkan pemantauan terhadap pengurusan sisa pepejal. Pangkalan data yang mantap boleh membantu dalam peningkatan pengurusan sesuatu aktiviti. Semakan Audit terhadap fail kontrak yang diselenggarakan oleh MD Samarahan, MD Sri Aman, MP Sibu dan MB Miri mendapati ianya tidak lengkap. Fail tidak mengandungi dokumen seperti kelulusan membuat/melanjut kontrak, salinan sijil bayaran bulanan, salinan insurans, surat tawaran dan surat setuju terima, salinan sijil pendaftaran kenderaan dan perakuan perlanjutan Unit Perkhidmatan Kontraktor Dan Juruperunding. Dokumen juga didapati tidak difailkan dengan teratur iaitu tidak disusun mengikut turutan tarikh, tidak semua dokumen ada diberi nombor folio, draf surat/memo serta beberapa salinan untuk satu perkara/dokumen juga difailkan dan fail yang diselenggarakan terlalu tebal.

c) Sistem Pengurusan Data Sisa Pepejal Diwujudkan

Setakat ini tiada sistem serta mekanisme khas diwujudkan oleh mana-mana pihak untuk menyelenggara inventori data berkaitan dengan pengurusan pelupusan sisa pepejal. Contohnya, maklumat komposisi sisa pepejal yang dipungut di Sarawak tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana tiada rekod kerja penyisihan sisa dilakukan di peringkat sebelum pelupusan. Maklumat sebenar sisa pepejal yang dihasilkan juga sukar diperoleh kerana terdapat pembuangan secara haram berlaku dan tiada maklumat diselenggarakan berkaitan dengan jumlah sisa pepejal yang telah di kitar semula. Adalah didapati tiada maklumat berkaitan dengan jumlah sisa pepejal yang telah di kitar semula.

Pada pendapat Audit, PBT hendaklah mempertingkatkan sistem pengurusan fail kontrak. Sistem inventori data atau maklumat berkaitan dengan penjanaan dan pelupusan sisa pepejal juga perlu diwujudkan kerana ianya boleh membantu pihak berkepentingan dalam menjalankan kajian, membuat penilaian atau menyedia laporan berkenaan.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan pelupusan sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak secara amnya dan khususnya di Majlis Bandaraya Miri, Majlis Perbandaran Sibu, Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Sri Aman boleh dipertingkatkan. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memberi perhatian mengenai kesan terhadap alam sekitar akibat pengurusan pelupusan sisa pepejal yang tidak teratur, air larutan resapan yang tidak dirawat atau rawatan yang dijalankan tidak menepati piawaian dan pengurusan penyenggaraan tapak yang tidak mematuhi ciri-ciri yang ditetapkan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Sebagai langkah ke arah penambahbaikan dalam

mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat serta bebas daripada pencemaran alam sekitar, adalah disyorkan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Mengambil tindakan meningkatkan prestasi pengurusan penyenggaraan tapak pelupusan sisa pepejal seperti menyediakan tempat pengumpulan larut resapan, sistem perparitan dan sistem penyaluran gas serta pengaliran udara supaya impak pencemaran terhadap alam sekitar adalah di tahap minimum.
- b)** Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan pungutan serta pelupusan sisa pepejal dan penyenggaraan tapak pelupusan.
- c)** Mempergiatkan lagi promosi kepada orang awam mengenai konsep 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan melaksanakan amalan kitar semula untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal.
- d)** Kementerian meningkatkan kawal selia dan menyeragamkan amalan pengurusan pelupusan sisa pepejal serta syarat dan skop kontrak di semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sarawak.
- e)** Kementerian menghentikan amalan pelupusan secara terbuka dan memperkenalkan pelupusan secara sanitari yang lebih mesra alam.

3. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KEMUDAHAN PRASARANA PIHAK BERKUASA TEMPATAN SARAWAK

3.1 LATAR BELAKANG

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab membangunkan kawasan pentadbiran masing-masing bagi memastikan penduduk setempat dapat menikmati kemudahan prasarana yang mencukupi. Projek pembangunan di Sarawak yang dilaksanakan oleh PBT dibiayai melalui geran daripada Kerajaan Negeri, dana lebihan operasi dan dana rizab. PBT juga ada melaksanakan projek pembangunan daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Pelancongan Malaysia. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 434 projek pembangunan untuk dilaksanakan oleh 25 PBT di seluruh Negeri Sarawak dengan peruntukan sejumlah RM69.85 juta di mana sejumlah RM56.56 juta atau 81% telah dibelanjakan. Kerajaan Persekutuan juga ada memperuntukkan sejumlah RM172.46 juta bagi melaksanakan 913 projek pembangunan bagi tempoh yang sama dan sejumlah RM116.26 juta atau 67.4% daripada peruntukan ini telah dibelanjakan. Antara jenis projek yang dilaksanakan adalah menaik taraf jalan raya, membina parit, menaik taraf balai raya, membina medan niaga, menyenggara taman rekreasi, menaik taraf laluan pejalan kaki, menaik taraf jambatan, menaik taraf tandas awam dan membina tempat letak kereta.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan oleh PBT dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta wujud kawal selia dan pemantauan yang berkesan.

3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembangunan bagi tempoh 2007 hingga 2009 dan di mana perlu skop diperluaskan meliputi tahun sebelum dan selepasnya. Pemilihan projek adalah tertumpu kepada projek yang telah siap atau sedang dijalankan serta projek yang menunjukkan tanda masalah untuk menentukan sebab, impak dan implikasi. Tiga daripada 25 PBT di Sarawak iaitu Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Daerah Subis (MD Subis) dan Majlis Daerah Lawas (MD Lawas) telah dipilih untuk dilawati. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak manual prosedur kerja, rekod perakaunan, laporan, minit mesyuarat serta fail/dokumen berkaitan, menentukan prosedur pengurusan projek dan menilai prestasi projek yang telah dilaksanakan. Lawatan ke 19 tapak projek telah dibuat

untuk mengesahkan prestasi pelaksanaan projek. Temu bual dengan pegawai serta kakitangan terlibat juga telah dijalankan untuk tujuan mendapatkan maklumat lanjut.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara November hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek pembangunan oleh tiga PBT di Sarawak boleh dipertingkatkan lagi. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 117 daripada 135 projek atau 86.6% telah siap. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan serta menyebabkan orang awam tidak dapat menikmati kemudahan yang sempurna. Antara kelemahan yang ditemui ialah projek belum mula, kerja penyenggaraan tidak dijalankan, bahan yang digunakan tidak mengikut spesifikasi kontrak, projek dilaksanakan tanpa peruntukan untuk membiayai kos perunding dan mekanisme pemantauan di peringkat PBT tidak jelas. Bagaimanapun usaha penambahbaikan ada dilakukan oleh MD Subis dan MD Lawas selepas teguran Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan dan usaha penambahbaikan adalah seperti berikut:

3.4.1 Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan

Objektif pelaksanaan projek pembangunan akan tercapai sekiranya projek yang dirancang dan diluluskan telah dilaksanakan dengan teratur dan cekap oleh Majlis. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan projek pembangunan yang dijalankan di tiga PBT yang dipilih mendapati daripada 135 projek yang diluluskan, 117 projek atau 86.6% telah siap, lima projek sedang dilaksanakan, empat projek belum dimulakan, lapan projek lewat jadual dan satu projek sakit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Projek Pembangunan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	PBT	Bilangan Projek					
		Jumlah Projek	Siap Sebenar	Sedang Dilaksana	Belum Mula	Lewat Jadual	Projek Sakit
1.	MBKS	43	38	3	0	2	0
2.	MD Subis	56	47	0	3	5	1
3.	MD Lawas	36	32	2	1	1	0
Jumlah		135	117	5	4	8	1

Sumber: Rekod Kewangan, PBT Sarawak

a) Projek Belum Mula

Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.46 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada MD Subis dan MD Lawas untuk melaksanakan empat projek pembangunan iaitu pembinaan pasar serbaguna/pusat penjaja, perpustakaan desa, perpustakaan awam dan medan niaga. Adalah didapati projek tersebut tidak dijalankan walaupun peruntukan sudah diterima sejak tahun 2005 hingga 2008 kerana masih dalam proses mendapatkan kelulusan rekaan pelan bangunan daripada Jawatankuasa Perancangan Dan Reka Bentuk Bangunan Kerajaan Negeri (JPRBK). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Projek Belum Mula

Bil.	PBT	Projek	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Sebab
1.	MD Subis	Cadangan Pembinaan Pasar Serbaguna Bekenu/Pusat Penjaja	2005 dan 2008	1.16	Pelan belum diluluskan oleh JPRBK
		Cadangan Membina Perpustakaan Desa Suai	2007	0.10	
		Perpustakaan Awam Bekenu	2007	0.20	
2.	MD Lawas	Taman/Medan Niaga	2008	2.00	Pelan belum diluluskan oleh JPRBK
Jumlah				3.46	

Sumber: Fail Kontrak Projek Dan Penyata Kewangan PBT

Menurut maklum balas MD Subis, Projek Pembinaan Pasar Serbaguna Bekenu Pasar/Pusat Penjaja adalah dilaksanakan apabila mendapat kelulusan pelan bangunan daripada JPRBK. Surat permohonan kelulusan pelan bangunan telah dikemukakan kepada JPBRK pada Oktober 2009. Kelulusan tapak Projek Perpustakaan Awam Bekenu telah diterima pada Mei 2009 dan sejumlah RM1.4 juta perlu dibayar bagi pengambilan tapak berkenaan. Pada Julai 2009, Majlis telah memohon kepada Jabatan Tanah Dan Survei supaya menilai semula tapak memandangkan peruntukan Majlis hanya RM0.20 juta sahaja. Sehingga kini Majlis belum menerima maklum balas.

Menurut maklum balas MD Lawas, kelulusan rekaan pelan bangunan belum diperolehi daripada JPRBK. Majlis telah mengambil tindakan memaklumkan kepada perunding berkenaan masalah ini dan kini dalam pemantauan Majlis.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek perlu dijalankan dengan segera untuk mengelak pembaziran disebabkan peningkatan kos. Majlis juga perlu mengambil tindakan susulan dengan pihak yang bertanggungjawab bagi mendapat maklum balas mengenai status permohonan.

3.4.2 Kerja Penyenggaraan Tidak Dijalankan

Peraturan 213, LAFR menetapkan kontrak yang dimeterai antara Majlis dan kontraktor hendaklah menyatakan tempoh tanggungan kecacatan. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menjalankan kerja penyenggaraan dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi projek yang telah dilaksanakan. Majlis boleh mengambil tindakan mendenda kontraktor sekiranya gagal membuat kerja penyenggaraan yang telah diarahkan oleh Majlis dalam tempoh tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Projek Menaik Taraf Kemudahan Pelancongan Di Subis

Majlis telah menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM1.8 juta pada tahun 2008 bagi melaksanakan projek menaik taraf kemudahan pelancongan di tiga tempat iaitu di Taman Pantai Peliau, Taman Pantai Bungai dan di Sungai Niah. Ketiga-tiga projek ini telah ditawarkan kepada seorang kontraktor dengan harga kontrak bernilai RM1.49 juta. Kerja dimulakan pada September 2008 dan siap pada Jun 2009 dengan tempoh tanggungan kecacatan selama setahun iaitu sehingga Jun 2010. Spesifikasi

kontrak menetapkan kerja pemotongan rumput hendaklah dilakukan, pokok bunga yang mati perlu diganti dan kerosakan diperbaiki oleh kontraktor dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Komponen Utama Dan Kerja Penyenggaraan
Tidak Dilaksanakan Bagi Projek Menaik Taraf Kemudahan Pelancongan, Subis

Bil.	Lokasi Projek	Komponen Utama	Kerja Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan	Foto Contoh
1.	Taman Pantai Peliau	Membina tandas, pondok rehat, landskap, tempat BBQ, kerusi panjang, tong sampah, taman permainan, benteng <i>gabion</i> , papan tanda, tempat letak kereta, lorong pejalan kaki dan jalan ke pantai	- Rumput tidak dipotong - Pokok bunga yang mati tidak diganti. - Benteng <i>gabion</i> yang rosak tidak dibaiki	3.1 3.5 3.7
2.	Taman Pantai Bungai	Tamu, pondok rehat, landskap, tempat BBQ, kerusi panjang, tong sampah, taman permainan, benteng <i>gabion</i> , papan tanda, tempat letak kereta dan lorong pejalan kaki	- Rumput tidak dipotong - Longkang dibiarkan tersumbat	3.3 3.9
3.	Jeti/Pondok Memancing di Sungai Niah	Ramp, jeti memancing, jalan masuk dan jambatan	- Bumbung jeti memancing rosak - Kayu penghadang di jeti memancing telah rosak	3.11 3.13

Sumber: Dokumen Kontrak Projek


Menurut maklum balas MD Subis, kontraktor telah diarahkan untuk membuat kerja penyenggaraan dan telah dilaksanakan dengan sewajarnya. Kerosakan benteng *gabion* adalah disebabkan bencana alam (musim tengkujuh Disember 2009) dan kerosakan pada bumbung serta penghadang di jeti pondok memancing Sg. Niah adalah disebabkan vandalisme. Keadaan sebelum dan selepas teguran Audit adalah seperti di **Foto 3.1** hingga **Foto 3.14**.

Foto 3.1
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.2
Rumput Selepas Dipotong



Sumber: MD Subis
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: Akhir April 2010

Foto 3.3
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pantai Bungai, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.4
Rumput Selepas Dipotong



Sumber: MD Subis
Lokasi: Taman Pantai Bungai, Subis
Tarikh: 30 April 2010

Foto 3.5
Contoh Pokok Bunga Yang Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.6
Contoh Pokok Bunga Yang Ditanam Semula



Sumber: MD Subis
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: 30 April 2010

Foto 3.7
Dawai Pengikat Benteng Gabion Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.8
Benteng Gabion Yang Telah Dibaiki



Sumber: MD Subis
Lokasi: Taman Pantai Peliau, Subis
Tarikh: 30 April 2010

Foto 3.9
Longkang Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pantai Bungai, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.10
Longkang Telah Dibersihkan



Sumber: MD Subis
Lokasi: Taman Pantai Bungai, Subis
Tarikh: 30 April 2010

Foto 3.11
Bumbung Jeti Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Niah, Subis
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.12
Bumbung Jeti Telah Dibaiki



Sumber: MD Subis
Lokasi: Sungai Niah, Subis
Tarikh: 30 April 2010

Foto 3.13
Penghadang Jeti Tanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Niah
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 3.14
Penghadang Jeti Telah Dibaiki



Sumber: MD Subis
Lokasi: Sungai Niah
Tarikh: 30 April 2010

Pada pendapat Audit, Majlis perlu mengambil tindakan memeriksa projek yang telah siap dan memberi arahan secara bertulis kepada kontraktor untuk membuat kerja penyenggaraan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

3.4.3 Bahan Digunakan Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

Perjanjian yang dimeterai antara Majlis dan kontraktor menetapkan spesifikasi kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor. Spesifikasi ini menetapkan jenis bahan yang digunakan untuk melaksanakan projek berkaitan dan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menggunakan bahan-bahan yang telah ditetapkan. Lawatan Audit ke tapak projek pada Disember 2009 mendapati perkara berikut:

a) Projek Menaik Taraf Jeti IKS Awat-Awat, Lawas


Peruntukan bagi projek ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Kontrak bernilai RM99,365 adalah untuk kerja menaik taraf jeti IKS Awat-Awat. Kerja dimulakan pada Jun 2009 dan siap pada Ogos 2009. Pegawai yang bertanggungjawab telah mengesahkan bahawa kerja disiapkan mengikut pelan dan spesifikasi kontrak.

Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja telah siap dilaksanakan. Spesifikasi kontrak menetapkan kayu untuk jeti yang berkaitan perlu diganti dengan kayu baru. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit ke tapak projek mendapati sebanyak 30 keping kayu yang digunakan merupakan kayu lama yang diguna semula dan ada yang telah rosak. Keadaan sebelum teguran Audit adalah seperti di **Foto 3.15** dan **Foto 3.16**.

*Menurut maklum balas MD Lawas, kontraktor telah dimaklumkan tentang perkara ini dan sebahagian jeti yang melibatkan kayu lama telah diganti dengan kayu baru. Majlis telah memantau perkara ini serta memeriksa hasil kerja pembetulan yang sudah dilakukan seperti di **Foto 3.17** dan **Foto 3.18**.*

Foto 3.15

Kayu Jeti Lama Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Awat-Awat, MD Lawas
Tarikh: 17 Disember 2009

Foto 3.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Awat-Awat, MD Lawas
Tarikh: 17 Disember 2009


Foto 3.17



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Awat-Awat, MD Lawas
Tarikh: 5 Mei 2010

Kayu Jeti Yang Telah Diganti

Foto 3.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Awat-Awat, MD Lawas
Tarikh: 5 Mei 2010

Pada pendapat Audit, PBT perlu membuat pemeriksaan semasa dan selepas projek dilaksanakan untuk memastikan kontraktor telah menjalankan kerja dengan memuaskan dan kualiti projek PBT adalah sejajar dengan jumlah yang telah dibelanjakan.

3.4.4 Prestasi Kewangan

Pengurusan kewangan PBT adalah tertakluk kepada *Local Authorities Ordinance, 1996* dan *The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR)*. Peraturan ini menetapkan pegawai pengawal memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pada tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM23.31 juta peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah diterima oleh MBKS, MD Subis dan MD Lawas bagi melaksanakan 135 projek pembangunan di bawah bidang kuasa masing-masing. Adalah didapati sejumlah RM18.15 juta atau 77.9% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan seperti di Jadual 3.4.

Jadual 3.4
Prestasi Kewangan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	PBT	Bil. Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan (%)
1.	MBKS	43	5.92	4.34	73.3
2.	MD Subis	56	9.24	8.15	88.2
3.	MD Lawas	36	8.15	5.66	69.4
Jumlah		135	23.31	18.15	77.9

Sumber: Rekod Kewangan, PBT Sarawak

Semakan Audit seterusnya mendapati MD Lawas telah mendapat peruntukan sejumlah RM0.25 juta daripada Kerajaan Negeri untuk Projek Peningkatan Kemudahan Dataran Bandar Lawas pada tahun 2004. Pelantikan perunding telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri (SFS) pada Jun 2005 dan perjanjian ditandatangani pada Disember tahun yang sama.

Pada tahun 2005, MD Lawas telah memohon kepada Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Unit Perancangan Negeri (SPU) untuk membiayai projek ini dan dua lagi projek lain iaitu Projek Pengindahan Tebingan Sungai dan Projek Menaik Taraf Air Terjun Malasak. Pada tahun 2006, Kementerian Pelancongan Malaysia telah meluluskan peruntukan sejumlah RM11.75 juta bagi membiayai ketiga-tiga projek tersebut. Semasa mesyuarat di antara MD Lawas dan Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak (KPWS) pada Februari 2007, pihak MD Lawas telah diberi pilihan sama ada mengekalkan perunding yang telah dilantik serta menanggung kos perunding berkenaan atau melantik perunding baru dengan kos perunding dibiayai oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. MD Lawas membuat keputusan untuk mengekalkan perunding yang dilantik sebelum ini dan membiayai kos perunding.

Pada Januari 2008, MD Lawas telah memohon kepada Kementerian Pelancongan Malaysia sejumlah RM1.88 juta untuk membiayai kos perunding. Bagaimanapun Kementerian Pelancongan Malaysia tidak bersetuju untuk membiayai kos perunding kerana pelantikan perunding tidak mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006 dan MD Lawas telah bersetuju untuk membiayai kos perunding sekiranya mengekalkan khidmat perunding yang telah dilantik pada tahun 2005.

Pada Februari 2009, pihak SFS telah mengadakan perbincangan mengenai perkara ini bersama-sama dengan pihak KPWS, SPU dan MD Lawas. SFS memutuskan supaya rayuan ini diserahkan kepada SPU untuk dipertimbangkan. Pada April 2009, Mesyuarat Susulan Rayuan Kos Perunding Projek Pelancongan Lawas di antara pihak SPU, KPWS dan Majlis telah diadakan. Mesyuarat telah memutuskan Majlis mencari alternatif lain untuk membiayai kos perunding. Peruntukan, nilai kontrak, anggaran kos perkhidmatan perunding dan status projek adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Peruntukan, Nilai Kontrak, Anggaran Kos Perunding Dan Status Projek

Bil.	Lokasi	Peruntukan (RM Juta)	Nilai Kontrak (RM Juta)	Anggaran Kos Perunding (RM Juta)	Status Projek 31.12.2009
1.	Dataran Bandar Lawas	7.0	6.9	1.51	Sedang Dilaksanakan
2.	Tebingan Sungai Lawas	4.0	3.8	0.99	Sedang Dilaksanakan
3.	Air Terjun Malasak	0.75	0.75	0.28	Siap
Jumlah		11.75	11.45	2.78	

Menurut maklum balas MD Lawas, ia telah menyediakan satu kertas kerja MMKN untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan juga mengemukakan permohonan peruntukan bagi tujuan membiayai kos perunding di bawah program RMKe-10.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis perlu menyediakan kos terperinci bagi sesuatu projek supaya tidak menghadapi kekurangan peruntukan bagi melaksanakan projek.

Pihak Majlis juga perlu mematuhi semua peraturan berkaitan dengan pelantikan perunding mengikut peraturan semasa.

3.4.5 Pemantauan

Lawatan fizikal oleh penyelia ke tapak projek dan penyediaan pelaporan merupakan mekanisme pemantauan yang digunakan oleh PBT. Mekanisme pemantauan ini juga digunakan bagi mengukur prestasi pelaksanaan projek pembangunan yang telah dijalankan oleh PBT di bawah kawasan pentadbiran masing-masing. Temu bual dengan kakitangan yang terlibat dengan kerja pemantauan projek mendapati lawatan fizikal ada dijalankan dan laporan kemajuan kerja dibentangkan pada Mesyuarat Penuh Majlis. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, laporan prestasi kewangan dan pelaksanaan fizikal projek dikemukakan kepada KASKA dan KPKT setiap bulan. Pemantauan bagi peruntukan yang disalurkan oleh KPWS adalah berdasarkan pelaporan dan mesyuarat yang diadakan bersama dengan KPWS dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri. Adalah didapati pengesahan ada dibuat oleh PBT terhadap kerja yang dilaksanakan bagi menyokong pembayaran. Bagaimanapun, didapati PBT tidak memastikan spesifikasi kontrak telah dipatuhi sepenuhnya.

Menurut maklum balas ketiga-tiga Majlis, mereka akan menggunakan Site Diary untuk melaporkan setiap kemajuan projek di mana akan digunakan oleh penyelia projek yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, pegawai penyelia perlu menjalankan pemantauan lebih kerap ke tapak projek bagi memastikan kerja telah dijalankan selaras dengan skop serta spesifikasi kontrak dan hasil pemantauan direkodkan. PBT juga perlu menyediakan laporan penilaian terhadap prestasi kontraktor.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya prestasi pengurusan projek pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak perlu dipertingkatkan dari aspek pelaksanaan dan pemantauan. Syor Audit untuk memantapkan lagi pengurusan projek pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

- a)** Memastikan projek dijalankan dengan segera bagi mengelak peningkatan kos dan hasrat Kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penduduk tercapai.
- b)** Memastikan tindakan susulan diambil untuk mendapat maklum balas mengenai status permohonan kelulusan rekaan pelan bangunan daripada pihak yang bertanggungjawab.
- c)** Memastikan peruntukan digunakan untuk tujuan asal ianya diperuntukkan.
- d)** Mekanisme pemantauan hendaklah dipertingkatkan dengan memastikan lawatan pemantauan dibuat mengikut jadual dan laporan lengkap disediakan. Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam serta agensi yang terlibat juga perlu membuat lawatan berkala ke tapak projek bagi memastikan pelaksanaan projek adalah teratur.


4. PENGURUSAN ZON PERINDUSTRIAN BEBAS SAMA JAYA

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Zon bebas merupakan kawasan yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 3 (1) Akta Zon Bebas 1990 bertujuan untuk menggalakkan pembangunan industri berorientasikan eksport selaras dengan usaha Kerajaan untuk memajukan negara. Penubuhan Zon Perindustrian Bebas Muara Tabuan diputuskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negeri pada 3 Disember 1990. Zon ini dibangunkan pada tahun 1992 dan dinamakan secara rasmi sebagai Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya [Sama Jaya Free Industrial Zone (SJFIZ)] pada 2 Mei 1995. Objektif SJFIZ adalah untuk menyediakan prasarana perniagaan terbaik dari segi infrastruktur dan kemudahan bagi menyokong industri berteknologi tinggi dan industri elektronik di Sarawak.

4.1.2 Kementerian Pembangunan Perindustrian (Kementerian) dilantik sebagai Pihak Berkuasa Zon (PBZ) untuk mentadbir, menyenggara dan mengendali zon sebagaimana peruntukan Seksyen 3 (2) Akta Zon Bebas 1990 berkuatkuasa mulai 18 Mac 1993. SJFIZ terletak di kawasan Muara Tabuan iaitu sejauh lapan kilometer di luar pusat Bandaraya Kuching, dua kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) dan empat kilometer dari Pelabuhan Kuching seperti **Peta 4.1**.

Peta 4.1
Lokasi Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

4.1.3 Pembangunan SJFIZ dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa. Sehingga akhir Desember 2009, lima fasa meliputi kawasan seluas 370.14 hektar atau 54% daripada 684.91

hektar telah siap dibangunkan oleh Kementerian. Seluas 170.98 hektar atau 46.2% daripada 370.14 hektar telah dijual. Bagi tahun 1991 hingga 2009, Kementerian menerima peruntukan sejumlah RM310.39 juta daripada Kerajaan Negeri. Sejumlah RM78.86 juta telah diterima oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk tujuan pengambilan balik tanah bergeran bagi tahun 1998 dan 2003. Sejumlah RM10.61 juta pula telah diterima dan dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan semasa RMKe-9 khusus untuk membiayai kerja kontrak pembangunan tiga unit takungan air di SJFIZ. Setakat akhir Disember 2009, perbelanjaan keseluruhan SJFIZ adalah berjumlah RM367.78 juta iaitu RM357.17 juta merupakan perbelanjaan daripada peruntukan Kerajaan Negeri manakala RM10.61 juta adalah perbelanjaan daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Prestasi kewangan SJFIZ adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Prestasi Kewangan SJFIZ

Prestasi kewangan SSF12					
Bil.	Kerajaan/Agensi		Peruntukan Diterima (RM Juta)	Peruntukan Dibelanja (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)
1.	Kerajaan Negeri	Kementerian Pembangunan Perindustrian	310.39	278.31	89.7
		Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching	78.86	78.86	100
Jumlah			389.25	357.17	91.8
2.	Kerajaan Persekutuan		10.61	10.61	100
Jumlah Keseluruhan			399.86	367.78	92.0

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada SJFIZ telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta mencapai matlamatnya.

4.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan yang dijalankan di Kementerian meliputi tahun 1991 hingga 2009. Pengauditan ini adalah juga berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia Sarawak (MIDA), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan MASkargo Sarawak iaitu syarikat subsidiari *Malaysia Airlines* (MAS). Lawatan fizikal ke SJFIZ dan temu bual juga telah dijalankan.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, rekod dan fail serta menganalisis data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 20 syarikat pelabur dan 150 kepada pekerja kilang di SJFIZ, manakala 100 lagi borang soal selidik diedarkan kepada penduduk di kawasan berdekatan SJFIZ.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya telah dijalankan antara September hingga Disember 2009 mendapati beberapa kelemahan dari aspek pengurusan dan juga kejayaan SJFIZ. Berdasarkan maklumat Jabatan Kastam Diraja, SJFIZ telah berjaya mengeluarkan nilai eksport barang siap berjumlah RM4.25 bilion untuk tempoh tahun 2007 hingga 2009. Antara produk yang dieksport ialah *ceramic capacitor*, *multi-layered chip capacitor*, *printed circuit board* dan *fabricated wafer*. Di antara kelemahan yang ditemui ialah Kementerian tidak menyediakan perancangan strategik dan petunjuk prestasi utama; seluas 6.75 hektar tanah dimiliki oleh tiga syarikat pelabur telah didirikan kilang tetapi tidak beroperasi lagi; 3.58 hektar dimiliki satu syarikat pelabur tetapi kilang tidak siap dan terbengkalai; 50.87 hektar milik tiga syarikat pelabur masih belum didirikan kilang; Kementerian tidak menetapkan norma tempoh memulakan operasi; dan kawalan keselamatan yang lemah. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.4.1 Pembangunan Tanah Industri Di SJFIZ

Kementerian menyediakan lot industri yang lengkap dengan infrastruktur asas untuk dijual kepada syarikat pelabur. Merujuk kepada kertas projek Kementerian kepada Unit Perancangan Negeri pada 16 Ogos 1991, setiap lot industri yang disediakan merangkumi kawasan seluas antara tiga hingga lima ekar. Maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching merekodkan tanah seluas 684.91 hektar telah diambil balik pada tahun 1991 hingga 2003 dengan nilai pampasan sejumlah RM128.49 juta seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Keluasan Dan Nilai Pampasan Pengambilan
Balik Tanah Di SJFIZ Bagi Tahun 1991 Hingga 2003

Tahun	Keluasan (Hektar)	Nilai Pampasan (RM Juta)
1991	17.16	2.97
1992	1.89	0.33
1993	65.44	8.25
1994	18.33	2.36
1995	124.24	15.61
1996	157.67	20.11
1998	9.35	11.45
2003	290.83	67.41
Jumlah	684.91	128.49

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Adalah didapati Kementerian telah melaksana 11 kerja kontrak berjumlah RM182.11 juta untuk membangun tanah seluas 370.14 hektar yang terdiri daripada pelbagai kerja pembangunan infrastruktur asas seperti penyediaan lot industri, jalan, parit, pondok polis, pejabat kastam dan tangki air seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kerja Kontrak Dilaksanakan Di SJFIZ

Bil.	Tahun Siap	Fasa	Keluasan (Hektar)	Kerja Kontrak Dilaksanakan	Nilai Kerja Kontrak (RM Juta)
1.	1992	Phase I	12.70	The Construction & Completion Of Infrastructure Works At The Proposed SJFIZ	3.05
2.	1995	Phase II	38.45	Site Clearing, Sand Filling & Infrastructure Works At The Proposed SJFIZ	12.29
3.	1995	Phase II - Stage II	8.90	Site Clearing, Sand Filling & Infrastructure Works At The Proposed SJFIZ	2.36
4.	1997	Phase III	51.80	Site Clearing, Sand Filling & Infrastructure Works At The Proposed SJFIZ	23.46
5.	1998	Phase IV - Stage I	102.10	Turnkey Package For The Site Clearance, Sand Filling, Construction Of Perimeter Earth Bunds And Earth Drains Of Site For The Proposed Interconnect Technology Sdn. Bhd. At SJFIZ	34.26
6.	1998	Phase IV - Stage II	-	The Construction And Completion Of Car Shed, Traffic Humps And Polis Pondok For The Proposed SJFIZ	0.05
7.	1999	Phase IV - Stage II	49.78	Site Clearing, Sand Filling And Infrastructure Works At The Proposed Sama Jaya Free Industrial Zone	28.67
8.	1999	Phase IV - Stage II	3.00	Site Clearing, Sand Filling And Infrastructure Works At The Proposed Sama Jaya Free Industrial Zone	3.52
9.	2001	Phase V - Stage I	91.00	Site Clearing, Sand Filling & Infrastructure Works At The Proposed SJFIZ	25.69
10.	2004	-	11.00	The Proposed Construction & Completion Of Infrastructure Works, R.C. Drainage & New Custom House At SJFIZ	32.33
11.	Dijangka siap 2010	-	1.41	The Proposed Elevated Water Storage / Reservoirs At SJFIZ	16.43
Jumlah			370.14		182.11

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

Semakan Audit mendapati kesemua syarikat pelabur di SJFIZ menikmati premium tanah pada kadar RM2.50 sekaki persegi sebagai salah satu insentif. Syarikat pelabur yang diagih lot industri dikeluarkan Surat Hakmilik Tanah Sementara sehingga bayaran premium tanah diselesaikan dan sekiranya tidak ada tunggakan premium tanah, cukai tahunan tanah dan kos yang berkaitan, syarikat pelabur boleh memohon untuk menukar status Surat Hakmilik Tanah Sementara kepada Surat Hakmilik Tanah. Berdasarkan maklumat yang diperoleh setakat akhir April 2010 daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, seluas 170.98 hektar yang merangkumi 23 lot industri daripada 370.14 hektar di SJFIZ telah dijual kepada 17 syarikat pelabur. Analisis Audit terhadap *Print-Out Of Title* bagi 23 lot industri tersebut mendapati 19 lot industri dikeluarkan Surat Hakmilik Tanah Sementara, dua lot industri dikeluarkan Surat Hakmilik Tanah dan dua lot industri adalah tanah milikan Kerajaan Negeri. Butiran bilangan lot, keluasan tanah dan jenis milikan tanah yang diagihkan kepada syarikat pelabur multinasional dan industri sokongan di SJFIZ adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Bilangan Lot, Keluasan Tanah Dan Jenis Milikan Tanah Diagihkan Kepada
Syarikat Pelabur Multinasional Dan Industri Sokongan Di SJFIZ

Bil.	Syarikat Pelabur/ Tahun Pelabur	Bil. Lot Diagih	Keluasan Tanah (Hektar)	Peratusan Keluasan Tanah (%)	Jenis Milikan Tanah			Kategori Syarikat		Status Syarikat	Maklumat Tambahan
					1	2	3	4	5		
	Multinasional										
1.	Toko Electronic (Sarawak) Sdn. Bhd./1992	3	8.68	5.1	/			/		Operasi	-
2.	Taiyo Yuden (Sarawak) Sdn. Bhd./1995	2	15.21	8.9	/	/		/		Operasi	Satu daripada dua lot industri telah dikeluarkan Surat Hakmilik Tanah
3.	OMG Electronic Chemical (M) Sdn. Bhd./1995	1	3.67	2.1	/			/		Operasi	Pertukaran nama daripada OMG Fidelity Chemical Product (M) Sdn. Bhd.
4.	Sanmina-SCI Corporation (M) Sdn. Bhd./1995	1	7.31	4.3	/			/		Operasi	Pertukaran nama daripada Zycon Corporation Sdn. Bhd.
5.	X-Fab Sarawak Sdn. Bhd./1998	1	39.39	23.0		/			/	Operasi	Pindah milik daripada 1st Silicon Sdn. Bhd.
6.	Hitachi Global Technologies Malaysia Sdn. Bhd./2009	2	25.29	14.8	/			/		Operasi	Pindah milik daripada: i) Komag USA (M) Sdn. Bhd. ii) Western Digital Media Sdn. Bhd.
	Jumlah	10	99.55	58.2							
	Industri Sokongan										
7.	Fortune Wide Sdn. Bhd./1993	1	1.46	0.9	/			/		Tidak beroperasi	-
8.	Activepoint Sdn. Bhd./1993	1	1.66	1.0	/			/		Operasi	-
9.	QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd./1994	1	1.66	1.0	/				/	-	Kilang Belum Dibina
10.	Malaysian Industrial Estet Sdn. Bhd. (MIEL)/1994	2	3.16	1.8			/		/	Operasi	i) Specast Recycle Sdn. Bhd. ii) Lintect Industries (S) Sdn. Bhd. iii) Isola Asia Pacific (Kuching) Sdn. Bhd. iv) SEM (Malaysia) Sdn. Bhd.
							/			Operasi	
							/			Operasi	
							/			Operasi	
11.	Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd./1994	1	3.00	1.7	/				/	-	Kilang Belum Dibina
12.	Eastern Oxygen Industries Sdn. Bhd./1995	1	2.71	1.6	/				/	Operasi	-
13.	Alom Industries Sdn. Bhd./1996	1	3.25	1.9	/				/	-	Kilang dibina tetapi tidak beroperasi
14.	Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd./1996	1	3.58	2.1	/				/	-	Kilang belum siap dan terbengkalai
15.	Elite Industries Sdn. Bhd./1999	1	2.70	1.6	/				/	Operasi	Beroperasi di luar SJFIZ
16.	Megatechem Sdn. Bhd./2001	1	2.04	1.2	/				/	Tidak Beroperasi	-
17.	SI Tanaja Sdn. Bhd./2004	2	46.21	27.0	/				/	-	Kilang belum dibina
Jumlah		13	71.43	41.8							
Jumlah Keseluruhan		23	170.98	100.0							

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Nota: 1 – Surat Hakmilik Tanah Sementara (Provisional Lease Of State Land)

2 – Surat Hakmilik Tanah (Lease Of State Land)


3 – Tanah Milikan Kerajaan Negeri (State Land)

4 – Syarikat Luar Negara

5 – Syarikat Tempatan

Analisis Audit seterusnya mendapati daripada 17 syarikat pelabur yang diagih lot industri di SJFIZ, enam merupakan syarikat multinasional yang terdiri daripada lima syarikat luar negara dan satu syarikat tempatan. Baki 11 syarikat pelabur adalah industri sokongan yang terdiri daripada dua syarikat luar negara, lapan syarikat tempatan dan satu syarikat yang menyediakan kilang siap bina yang mana kilang disewa oleh tiga syarikat luar negara dan satu syarikat tempatan. Trend penjualan lot industri di SJFIZ bagi tempoh 1992 hingga 2009 adalah seperti **Graf 4.1**.

Graf 4.1
Trend Penjualan Lot Industri Di SJFIZ Bagi
Tahun 1992 Hingga 2009




Sumber: Jabatan Audit Negara

Semakan Audit seterusnya mendapati Kementerian tidak menyediakan perancangan strategik dan petunjuk prestasi utama sebagai panduan serta mewujudkan satu sistem pengukuran prestasi yang lebih teratur, lengkap dan menyeluruh. Antaranya adalah didapati lot industri yang telah dijual kepada syarikat pelabur tidak dimajukan dan syarikat pelabur tidak beroperasi walaupun kilang telah dibina.

Analisis Audit juga mendapati daripada 170.98 hektar yang dijual, seluas 109.78 hektar adalah dimiliki oleh 10 syarikat pelabur yang telah mendirikan kilang dan beroperasi. Seluas 6.75 hektar dimiliki oleh tiga syarikat pelabur yang telah mendirikan kilang tetapi tidak beroperasi lagi. Seluas 3.58 hektar dimiliki oleh satu syarikat pelabur tetapi kilang tidak siap dan terbengkalai, manakala baki kawasan tanah seluas 50.87 hektar bagi tiga syarikat pelabur masih tiada kilang. **Secara keseluruhannya, daripada jumlah 370.14 hektar yang dibangunkan, hanya 161.17 hektar atau 43.5% adalah produktif termasuk 51.39 hektar yang dibangunkan dengan infrastruktur asas, manakala 208.97 hektar atau 56.5% adalah tidak produktif merangkumi kawasan seluas 53.44 hektar yang dibangunkan tetapi belum dilengkapi dengan infrastruktur asas.** Pembangunan tanah industri di SJFIZ adalah seperti **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Pembangunan Tanah Industri Di SJFIZ



Sumber: Jabatan Audit Negara

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 15 April 2010, harga bagi setiap kaki persegi adalah antara RM0.50 hingga RM2.50 bergantung kepada tawaran daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber. Kementerian juga menjelaskan perancangan strategik yang dirancang untuk menarik pelaburan ke SJFIZ adalah dengan menyediakan infrastruktur dan insentif yang menarik di SJFIZ supaya ianya dapat mempermudah pelabur untuk melabur atau memperkembangkan operasi mereka di SJFIZ. Perancangan strategik baru Kerajaan Negeri sekarang dan seterusnya ialah menjalankan pembangunan perindustrian berdasarkan polisi nasional iaitu melalui strategi pembangunan koridor. Dalam konteks Sarawak, strategi tersebut dilaksanakan melalui Koridor Tenaga Boleh Dibaharui Sarawak (SCORE).

Mengikut maklum balas Kementerian seterusnya melalui surat bertarikh 14 Jun 2010:

a) Pembangunan Tanah Industri

Kementerian perlu menyediakan terlebih dahulu kawasan perindustrian yang secukupnya sebelum dapat menarik pelabur. Cepat atau lambat kemasukan pelabur bergantung kepada banyak faktor, antaranya senario ekonomi, iklim pelaburan, persaingan dengan negeri lain dan juga Negara lain pada peringkat global.

b) Faedah Sosioekonomi Hasil Daripada Aktiviti Ekonomi Di SJFIZ

Kesan ketara dari projek SJFIZ adalah seperti berikut:

i) Pembangunan Industri Sokongan

Industri sokongan berkaitan industri elektrik dan elektronik (E&E) yang dikendalikan oleh orang tempatan diwujudkan dan telah berkembang bersama seperti Eastern Oxygen, Active Point, Elite Industries dan lain-lain yang

membekalkan pelbagai gas industri, alat ganti mesin serta lain-lain perkhidmatan sokongan kepada industri E&E.

ii) Pembangunan Modal Insan

Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Jumlah pekerja di SJFIZ bagi Disember 2009, Mac 2010 dan unjuran bagi Disember 2010 adalah 8,712 (Disember 2009), 9,215 (Mac 2010) dan 10,466 (Disember 2010). Sebanyak 99% pekerja di SJFIZ terdiri daripada penduduk tempatan dan hanya 1% pekerja asing. Peluang pekerjaan dijangka terus meningkat.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menilai semula hala tuju perkembangan industri berteknologi tinggi dan industri elektronik di Sarawak serta mencari alternatif bagi mengoptimumkan kawasan tanah yang tidak produktif.

4.4.2 Tempoh Masa Untuk Memulakan Operasi

Berdasarkan prosedur kualiti Kementerian, semua permohonan lot industri di estet perindustrian yang dibangun oleh Kementerian hendaklah diperaku oleh Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian (*Industrial Coordination Committee - ICC*) sebelum dikemuka kepada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber (KPPS) untuk pertimbangan dan kelulusan. Adalah didapati permohonan lot industri untuk tiga daripada 17 syarikat pelabur bagi tahun 1992 hingga 2009 yang telah diagihkan lot industri di SJFIZ adalah dimohon secara terus kepada KPPS dan tidak melalui norma yang sepatutnya iaitu dimohon kepada Kementerian.

Semakan Audit mendapati Kementerian juga tidak menetapkan norma bagi menentu tempoh yang diperlukan oleh syarikat pelabur untuk memulakan operasi di SJFIZ. Analisis Audit mendapati tempoh yang diambil oleh Kementerian sebagai pusat sehati (*one-stop centre*) untuk memproses setiap permohonan syarikat pelabur, mulai tarikh penerimaan borang permohonan sehingga beroperasi di SJFIZ adalah berbeza bagi setiap syarikat pelabur iaitu antara 10 bulan hingga 11 tahun. Semakan Audit seterusnya terhadap 17 permohonan syarikat pelabur yang beroperasi di SJFIZ mendapati daripada enam syarikat multinasional, hanya satu permohonan diproses bagi tempoh kurang daripada setahun, manakala baki lima permohonan diproses dalam tempoh antara satu hingga tiga tahun. Bagi 11 syarikat sokongan pula, hanya satu permohonan diproses dalam tempoh kurang daripada tiga tahun manakala selebihnya, tiga permohonan diproses melebihi tiga tahun hingga 11 tahun dan baki tujuh permohonan lagi tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Butiran tempoh yang diambil untuk memproses permohonan syarikat pelabur di SJFIZ adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Butiran Tempoh Yang Diambil Untuk Memproses Permohonan Syarikat Pelabur Di SJFIZ

Bil.	Perkara	Tempoh	Catatan
1.	Tempoh permohonan lot industri diterima sehingga diperaku oleh ICC	20 hari hingga satu bulan	Lima syarikat pelabur
		Melebihi satu hingga lapan bulan	Sembilan syarikat pelabur
		-	Baki tiga syarikat pelabur tiada maklumat
2.	Tempoh permohonan diperaku oleh ICC sehingga dilulus oleh KPPS	Empat hari hingga satu bulan	Dua syarikat pelabur
		Melebihi satu hingga 11 bulan	Tiga syarikat pelabur
		Satu hingga tiga tahun	Lima syarikat pelabur
		-	Baki tujuh syarikat pelabur tiada maklumat
3.	Tempoh kelulusan KPPS sehingga Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan	21 hari hingga satu bulan	Dua syarikat pelabur
		Melebihi satu hingga 11 bulan	Empat syarikat pelabur
		Satu hingga dua tahun	Dua syarikat pelabur
		-	Baki sembilan syarikat pelabur tiada maklumat
4.	Tempoh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan sehingga operasi dimulakan	Satu hingga 11 bulan	Lima syarikat pelabur
		Satu hingga tiga tahun	Dua syarikat pelabur
		Melebihi tiga hingga tujuh tahun	Dua syarikat pelabur
		Melebihi tujuh hingga sembilan tahun	Satu syarikat pelabur
		-	Baki tujuh syarikat pelabur tiada maklumat
5.	Tempoh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan sehingga <i>Occupation Permit</i> (OP) dikeluarkan oleh MBKS	Lima bulan hingga satu tahun	Lima syarikat pelabur
		Melebihi satu hingga tiga tahun	Dua syarikat pelabur
		Melebihi tiga hingga lima tahun	Satu syarikat pelabur
		Melebihi lima hingga lapan tahun	Dua syarikat pelabur
		-	Baki tiga syarikat pelabur: i) Dua syarikat pelabur dikeluarkan OP sebelum Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan ii) Satu syarikat pelabur tiada dikeluarkan OP
6.	Tempoh permohonan lot industri diterima sehingga operasi dimulakan	10 bulan hingga 11 bulan	Satu syarikat pelabur
		Satu hingga tiga tahun	Lima syarikat pelabur
		Melebihi tiga hingga tujuh tahun	Tiga syarikat pelabur
		Melebihi tujuh hingga 11 tahun	Satu syarikat pelabur
		-	Baki tujuh syarikat pelabur tiada maklumat

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching Dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan

Semakan Audit terhadap tempoh yang diambil oleh 13 syarikat pelabur yang membina kilang di SJFIZ iaitu daripada tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan sehingga syarikat pelabur mendapat *Occupation Permit* (OP) bagi kilang yang dibina di lot industri masing-masing juga mendapati dua syarikat pelabur telah dikeluarkan OP terlebih dahulu sebelum Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan. Julat antara tarikh OP dengan Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan adalah masing-masing selama dua bulan dan satu tahun. Adalah didapati kedua-dua syarikat ini telah membina kilang dan beroperasi di lot industri tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati satu syarikat telah membina kilang setelah hak milik tanah sementara dikeluarkan pada awal Februari 1997 tetapi sehingga kini OP belum dikeluarkan oleh MBKS walaupun telah menjangkau tempoh 13 tahun.

Secara keseluruhannya, ketiadaan norma yang ditetapkan terutamanya bagi tempoh yang perlu diambil oleh setiap syarikat pelabur untuk beroperasi di SJFIZ telah menyebabkan Kementerian sukar mengetahui dan memantau aktiviti setiap syarikat pelabur. Ini mengakibatkan ada lot industri yang diagih kepada syarikat pelabur di SJFIZ tidak dibangunkan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menetapkan norma bagi setiap proses dan aktiviti perindustrian supaya ianya dapat dilaksanakan dengan telus dan Kementerian dapat mengenal pasti masalah dan cabaran yang berkaitan terutamanya di SJFIZ.

4.4.3 Syarikat Pelabur Tidak Beroperasi Dan Tidak Memenuhi Syarat Serta Kriteria Pemilikan Lot Industri Yang Ditetapkan

Kementerian selaku PBZ perlu bertanggungjawab mentadbir SJFIZ selaras dengan peruntukan Seksyen 3 (2), Akta Zon Bebas 1990 seperti memastikan syarikat pelabur yang dilulus dan diagih lot industri di SJFIZ memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian dan Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak. Antara syarat dan kriteria tersebut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Antara Syarat Dan Kriteria Yang Ditetapkan Terhadap Syarikat Pelabur Di SJFIZ

Bil.	Syarat Dan Kriteria Pemilikan Lot Industri
1.	Permohonan lot industri di SJFIZ hendaklah dimohon kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian selaku Pihak Berkuasa Zon
2.	Hanya industri berteknologi tinggi berorientasikan eksport yang mengutamakan elektrik dan elektronik serta industri sokongan berkaitan dibenar untuk beroperasi di SJFIZ
3.	Klausa 1 (iv) Land Administration Circular No. 14/2005 mengenai Syarat-Syarat Khas Bagi Lot Perindustrian Di Kawasan Estet-Estet Perindustrian Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak memperuntukkan bahawa <i>"The erection of a building or buildings on this land shall be in accordance with detailed drawings and specifications approved by the Council of the City of Kuching South and shall be completed within three (3) years from the date of registration of this lease"</i> .
4.	Berkuatkuasa mulai 29 September 2005, klausa 1 (v) Land Administration Circular No. 14/2005 mengenai Syarat-Syarat Khas Bagi Lot Perindustrian Di Dalam Kawasan Estet-Estet Perindustrian Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak memperuntukkan bahawa <i>"in the event that such building or buildings is not completed within seven (7) years from the date of the registration of this Lease, the registered proprietor shall, if so required by the Government, surrender this land back to the Government upon refund all premium paid for alienation of this land"</i> .

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

Analisis Audit terhadap 17 syarikat pelabur yang diagih lot industri di SJFIZ mendapati 10 syarikat pelabur memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan, manakala baki tujuh syarikat pelabur tidak memenuhi syarat dan kriteria tersebut. Semakan Audit mendapati empat syarikat pelabur belum membina kilang di lot industri yang diagih walaupun telah melebihi tempoh yang telah disyaratkan. Antara syarat dan kriteria yang tidak dipenuhi oleh syarikat pelabur yang telah diagihkan lot industri di SJFIZ adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Antara Syarat Dan Kriteria Tidak Dipenuhi Oleh Syarikat Pelabur

Bil.	Syarikat Pelabur	Syarat Dan Kriteria				Tempoh Kelewatan (Tahun)	Catatan
		1	2	3	4		
1.	QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd.			x	x	12	Kilang belum dibina
2.	Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.			x	x	11	Kilang belum dibina
3.	Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd.			x	x	10	Kilang belum siap dan terbengkalai.
4.	Alom Industries Sdn. Bhd.		x			0	Kilang dibina tetapi papan nama menunjukkan syarikat lain iaitu syarikat TAG tetapi tidak beroperasi.
5.	SI Tanaja Sdn. Bhd.	x	x	x		2	Kilang belum dibina
6.	Toko Electronic (Sarawak) Sdn. Bhd.	x				0	Kilang beroperasi mulai 15.9.1994
7.	X-Fab Sarawak Sdn. Bhd.	x				0	Kilang diambil alih daripada 1 st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Nota: 1 – Permohonan lot industri dimohon kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian selaku PBZ

2 - Industri yang mengutamakan elektrik dan elektronik

3 - Pembinaan kilang hendaklah disiapkan dalam tempoh yang disyaratkan

4 - "in the event that such building or buildings is not completed within seven (7) years from the date of the registration of this Lease, the registered proprietor shall, if so required by the Government, surrender this land back to the Government upon refund all premium paid for alienation of land"

Merujuk kepada senarai permohonan dan kelulusan projek perkilangan di SJFIZ yang diselenggara oleh Kementerian dan rekod daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching adalah didapati perkara berikut:

a) Kilang Belum Dibina Oleh QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd.

ICC mempertimbang dan mencadangkan permohonan QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd. untuk beroperasi di SJFIZ kepada MIDA pada 10 Mac 1994. Lesen pengilangan dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) pada 11 November 1994. Syarikat ini telah diagihkan lot industri seluas 1.66 hektar oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada 11 November 1995. Kronologi pemilikan lot industri di SJFIZ oleh QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd. adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Kronologi Pemilikan Lot Industri Di SJFIZ Oleh QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	10.3.1994	Kelulusan daripada ICC.	-
2.	11.11.1994	Lesen pengilangan dikeluarkan	-
3.	Tiada maklumat	Kelulusan daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber.	Tiada maklumat mengenai kelulusan.
4.	11.11.1995	Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan untuk tempoh sewaan selama 60 tahun. Kilang hendaklah dibina dalam tempoh dua tahun.	Tempoh kelulusan ICC hingga tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan adalah satu tahun. Tempoh dari tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan hingga akhir Mac 2010 adalah 14 tahun. Tiada kemajuan fizikal selama 12 tahun selepas tamat tempoh dua tahun disyaratkan untuk pembinaan kilang.

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Lawatan susulan Audit ke SJFIZ pada awal Mei 2010 mendapati kilang masih belum dibina di lot industri yang diagih kepada QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd. seperti **Foto 4.1** dan **Susun Atur 4.1**.

Foto 4.1
Lot Industri QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd.
Yang Masih Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 10 Mei 2010

Susun Atur 4.1
Kedudukan Lot 1051 Yang Diagih Kepada
QDOS (Sarawak) Sdn. Bhd.



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

Semakan Audit mendapati Kementerian ada mengeluarkan surat peringatan pada awal Mac 1998 kepada syarikat ini kerana tiada sebarang kemajuan fizikal dilaksana di lot yang telah diagihkan. Adalah didapati Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching juga ada membangkitkan perkara yang sama pada pertengahan Oktober 2000. Analisis Audit terhadap Laporan Agihan Lot Bagi SJFIZ dan *Print-Out Of Title* mendapati sehingga akhir Mac 2010, tiada sebarang tindakan diambil oleh Kementerian mengenai perkara ini walaupun telah menjangkau tempoh 14 tahun dari tarikh Surat Hakmilik Sementara dikeluarkan.

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 15 April 2010, rekod Jabatan Tanah Dan Survei, syarikat ini telah selesai membuat pembayaran premium tanah. Bagaimanapun, pihak syarikat tidak mendirikan kilang dan tidak dapat dihubungi oleh pihak Kementerian untuk mendapatkan maklum balas terkini.

b) Kilang Belum Dibina Oleh Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.

ICC mempertimbang dan mencadangkan permohonan Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd. untuk beroperasi di SJFIZ kepada MIDA pada 24 Ogos 1994. Lesen pengilangan telah dikeluarkan oleh MITI pada 14 Oktober 1994. Syarikat ini diagihkan lot industri seluas tiga hektar oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada 23 September 1996. Kronologi pemilikan lot industri di SJFIZ oleh Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd. adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Kronologi Pemilikan Lot Industri Di SJFIZ Oleh Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	24.8.1994	Kelulusan daripada ICC.	-
2.	14.10.1994	Lesen pengilangan dikeluarkan.	-
3.	Tiada maklumat	Kelulusan daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber.	Tiada maklumat mengenai kelulusan.
4.	23.9.1996	Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan untuk tempoh sewaan selama 60 tahun. Kilang hendaklah dibina dalam tempoh dua tahun.	Tempoh kelulusan ICC hingga tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan adalah dua tahun. Tempoh dari tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan hingga akhir Mac 2010 adalah 13 tahun. Tiada kemajuan fizikal selama 11 tahun selepas tamat tempoh dua tahun disyaratkan untuk pembinaan kilang.
5.	Setakat 4.5.2010	Tunggakan bayaran premium tanah dan cukai tahunan tanah.	Sejumlah RM0.88 juta tunggakan belum dibayar oleh syarikat ini.

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching


Susulan Audit terhadap *Detailed Report On Alienation Of Land In SJFIZ* daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching setakat awal Mei 2010 mendapati syarikat ini masih mempunyai tunggakan bayaran premium tanah sejumlah RM767,761 dan cukai tahunan tanah sejumlah RM116,640. Analisis Audit terhadap Laporan Agihan Lot Bagi SJFIZ dan *Print-Out Of Title* mendapati sehingga akhir Mac 2010, syarikat ini belum membina kilang walaupun telah menjangkau tempoh 13 tahun dari tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan. Susulan Audit seterusnya mendapati Kementerian ada mengeluarkan surat peringatan pada akhir Februari 1999 kepada syarikat ini kerana tiada sebarang kemajuan fizikal dilaksanakan di lot yang telah diagihkan. Adalah didapati Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching juga ada membangkitkan perkara yang sama pada akhir Mac 1999. Lawatan susulan Audit ke SJFIZ pada awal Mei 2010 mendapati sebahagian lot industri yang diagih kepada Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd. sedang dibangun untuk pembinaan tiga unit tangki air bagi kegunaan syarikat pelabur di SJFIZ seperti **Foto 4.2** dan **Susun Atur 4.2**.

Foto 4.2
Lot Industri Yang Diagih Kepada
Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 10 Mei 2010

Susun Atur 4.2
Kedudukan Lot 1069 Yang Diagih Kepada
Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

Susulan Audit juga mendapati tiada dokumen pengambilan balik lot industri ini oleh Kerajaan Negeri dalam simpanan Kementerian mahupun Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching.

c) Kilang Belum Siap Dan Terbengkalai Oleh Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd.

ICC mempertimbang dan mencadangkan permohonan Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd. untuk beroperasi di SJFIZ kepada MIDA pada 12 Februari 1996. Lesen pengilangan telah dikeluarkan oleh MITI pada 4 Mac 1996. Syarikat ini diagihkan lot industri seluas 3.58 hektar oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada 5 November 1996. Kronologi pemilikan lot industri di SJFIZ oleh Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd. adalah seperti di **Jadual 4.10**.


Jadual 4.10
Kronologi Pemilikan Lot Industri Di SJFIZ Oleh Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	12.2.1996	Kelulusan daripada ICC	-
2.	4.3.1996	Lesen pengilangan dikeluarkan	-
3.	20.7.1996	Kelulusan daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	-
4.	5.11.1996	Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan untuk tempoh sewaan selama 60 tahun Kilang hendaklah dibina dalam tempoh tiga tahun	Tempoh kelulusan ICC hingga tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan adalah lapan bulan Kilang dibina belum siap dan terbengkalai
5.	4.4.2001	<i>Chargee's rights transferred to and vested in</i> Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	Tempoh dari tarikh lot industri dipertanggungjawab kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad hingga akhir Mac 2010 adalah sembilan tahun
6.	Setakat 4.5.2010	Tunggakan bayaran cukai tahunan tanah	Sejumlah RM10,311 tunggakan belum dibayar oleh syarikat ini

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching


Susulan Audit terhadap *Detailed Report On Alienation Of Land In SJFIZ* daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching setakat Mei 2010 mendapati syarikat ini masih mempunyai tunggakan bayaran cukai tanah sejumlah RM10,311. Lawatan susulan Audit ke SJFIZ pada awal Mei 2010 mendapati pembinaan kilang oleh Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd. belum siap dan terbengkalai seperti **Foto 4.3** dan **Susun Atur 4.3**.

Foto 4.3
Kilang Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd. Belum Siap Dan Terbengkalai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 10 Mei 2010

Susun Atur 4.3
Kedudukan Lot 1192 Yang Diagih Kepada Wangimas Circuit Technology Sdn. Bhd.



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

Semakan Audit mendapati mulai awal April 2001, lot industri ini adalah di bawah tanggungjawab Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

d) Kilang Dibina Di Lot Industri Yang Diagih Kepada Alom Industries Sdn. Bhd. Tetapi Tidak Beroperasi

ICC melulus permohonan Alom Industries Sdn. Bhd. untuk beroperasi di SJFIZ pada 15 Februari 1996. Syarikat ini diagihkan lot industri seluas 3.25 hektar oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada 4 Februari 1997. Kronologi pemilikan lot industri di SJFIZ oleh Alom Industries Sdn. Bhd. adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Kronologi Pemilikan Lot Industri Di SJFIZ Oleh Alom Industries Sdn. Bhd.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	15.2.1996	Kelulusan daripada ICC	-
2.	14.1.1997	Kelulusan daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	-
3.	4.2.1997	Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan untuk tempoh sewaan selama 60 tahun Kilang hendaklah dibina dalam tempoh tiga tahun	Ada kilang dibina dan papan nama menunjukkan syarikat lain iaitu syarikat TAG tetapi tidak beroperasi
4.	Setakat 4.5.2010	Tunggakan bayaran cukai tahunan tanah	Sejumlah RM9,360 tunggakan belum dibayar oleh syarikat ini

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Susulan Audit terhadap *Detailed Report On Alienation Of Land In SJFIZ* daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching setakat awal Mei 2010 mendapati syarikat ini masih mempunyai tunggakan bayaran cukai tahunan tanah sejumlah RM9,360. Susulan Audit seterusnya terhadap *Print-Out Of Title* bertarikh 29 April 2010 mendapati Surat Hakmilik Tanah Sementara didaftarkan atas nama individu dan bukannya atas nama syarikat pelabur yang mana kelulusan pengagihan lot industri diberi atas nama syarikat seperti di surat tawaran bertarikh 28 Januari 1997. Lawatan susulan Audit ke SJFIZ pada awal Mei 2010 mendapati ada kilang dibina di lot industri yang diagih kepada Alom Industries Sdn. Bhd. tetapi papan nama menunjukkan nama syarikat lain iaitu syarikat TAG dan kilang ini tidak beroperasi. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada MBKS, kilang ini tidak dikeluarkan OP sehingga kini yang telah menjangkau tempoh 13 tahun. Ini adalah disebabkan syarikat ini gagal mengemukakan maklumat lengkap kepada MBKS walaupun telah dikeluarkan surat peringatan kali kedua pada akhir Oktober 2002. Kilang yang dibina dan kedudukan lot industri yang diagih kepada Alom Industries Sdn. Bhd adalah seperti **Foto 4.4** dan **Susun Atur 4.4**.

Foto 4.4


Kilang Dibina Di Lot Industri Alom Industries Sdn. Bhd. Tetapi Papan Nama TAG



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 10 Mei 2010

Susun Atur 4.4

Kedudukan Lot 1198 Yang Diagih Kepada Alom Industries Sdn. Bhd.



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

e) Kilang Belum Dibina Oleh SI Tanaja Sdn. Bhd.

SI Tanaja Sdn. Bhd. diagihkan dua lot industri seluas 46.21 hektar oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada 16 Ogos 2004. Lot ini pada asalnya diberi milik kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan dibangunkan oleh Kementerian secara kontrak *turnkey* mengikut prosedur yang ditetapkan. Kontrak *turnkey* ini melibatkan kerja infrastruktur bagi kawasan seluas 241 ekar dengan kos RM34.26 juta dan dibangun khusus untuk sebuah syarikat pelabur yang mana kemudiannya pelaburan di lot industri ini tidak direalisasi oleh syarikat tersebut. Lot industri ini kemudiannya dibahagi kepada tiga lot industri yang mana satu lot industri dipindah milik kepada 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. dan baki dua lot industri diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Baki dua lot industri ini kemudiannya dipindah milik

kepada SI Tanaja Sdn. Bhd.. Kronologi pemilikan dua lot industri di SJFIZ oleh SI Tanaja Sdn. Bhd. adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Kronologi Pemilikan Lot Industri Di SJFIZ Oleh SI Tanaja Sdn. Bhd.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	18.7.1996	Hakmilik tanah bagi Lot 1193 diberi kepada PPES.	-
2.	24.4.1997	Pembangunan lot industri dilaksanakan secara kontrak <i>turnkey</i> .	Kerja kontrak dilaksanakan oleh PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat PPES untuk kawasan seluas 241 ekar berjumlah RM34.26 juta dalam tempoh 18 bulan (23.4.1997 hingga 10.9.1998).
3.	1.2.1999	PPES serah balik hakmilik dua daripada tiga lot industri kepada Kerajaan Negeri.	PPES memohon daripada Kerajaan Negeri untuk membahagikan Lot 1193 kepada tiga lot yang mana satu lot dipindah milik kepada 1 st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. yang kemudiannya dipindah milik kepada X-Fab Sarawak Sdn. Bhd. Dua lot lagi diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri.
4.	27.5.2003	Surat Hakmilik Tanah Sementara bagi baki dua lot industri yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri dikeluarkan kepada Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. (SISB).	Tawaran lot industri kepada SISB <i>considered null and void</i> kerana tiada pengesahan penerimaan SISB diterima oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching dalam tempoh 60 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.
5.	16.8.2004	Surat Hakmilik Tanah Sementara bagi baki dua lot industri yang sama dipindah milik kepada SI Tanaja Sdn. Bhd. untuk tempoh sewaan selama 60 tahun kerana SISB tidak menerima tawaran lot industri tersebut. Kilang hendaklah dibina dalam tempoh tiga tahun.	Tempoh dari tarikh Surat Hakmilik Tanah Sementara dikeluarkan kepada SI Tanaja Sdn. Bhd. hingga akhir Mac 2010 adalah lima tahun. Tiada kemajuan fizikal selama dua tahun selepas tamat tempoh tiga tahun disyaratkan untuk pembinaan kilang.

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching


Lawatan susulan Audit ke SJFIZ pada 10 Mei 2010 mendapati dua lot industri yang diagihkan kepada SI Tanaja Sdn. Bhd. masih belum dibangunkan. Ini merupakan satu pembaziran kerana pembangunan infrastruktur dengan kos RM34.26 juta di dua lot industri ini adalah berdasarkan pemahaman awal PPES bahawa ianya akan diagih kepada syarikat pelabur. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, dua lot industri ini diagihkan kepada SI Tanaja Sdn. Bhd. untuk tujuan menjalankan aktiviti perindustrian. Bagaimanapun, semakan susulan Audit terhadap maklumat yang diperolehi daripada SSM mendapati SI Tanaja Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang terlibat dalam pelaburan hartanah dan bukannya syarikat industri elektrik dan elektronik. Oleh demikian, adalah didapati SI Tanaja Sdn. Bhd. tidak memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Lot industri yang dipindah milik kepada SI Tanaja adalah seperti **Foto 4.5** dan **Susun Atur 4.5**.

Foto 4.5
Lot Industri SI Tanaja Sdn. Bhd.
Yang Masih Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
 Tarikh: 10 Mei 2010

Susun Atur 4.5
Kedudukan Lot 1271 Dan 1272 Yang Diagih
Kepada SI Tanaja Sdn. Bhd.



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian

Secara keseluruhannya, adalah didapati Kementerian belum berjaya memainkan peranan untuk memastikan syarat dan kriteria dipenuhi oleh syarikat pelabur. Kementerian juga tidak mengambil inisiatif untuk memantau kewujudan dan aktiviti syarikat di SJFIZ secara berterusan. Oleh demikian, tiada tindakan diambil oleh Kementerian untuk mengambil balik lot industri yang tidak dibangunkan supaya lot industri tersebut boleh ditawarkan kepada pelabur lain.

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 15 April 2010, memang terdapat syarikat yang telah diluluskan oleh ICC atau MITI yang tidak beroperasi di SJFIZ. Bagaimanapun, keputusan untuk beroperasi adalah tertakluk kepada keputusan syarikat sendiri. Antara faktor yang mempengaruhi syarikat untuk tidak beroperasi adalah perubahan yang berlaku di dalam pasaran antarabangsa, kemelesetan ekonomi dan perubahan permintaan di dalam pasaran. Kementerian juga menjelaskan setakat ini, pihak Kementerian tiada mengambil tindakan sekiranya syarikat telah membuat bayaran premium kepada Jabatan Tanah dan Survei walaupun syarikat tidak beroperasi di SJFIZ. Bagaimanapun, pihak Kementerian merancang untuk mengadakan perbincangan dengan Jabatan Tanah dan Survei bagi mengkaji semua syarat-syarat pemberian tanah industri untuk memastikan bahawa syarikat bukan sahaja membuat pembayaran premium tetapi juga mesti mendirikan kilang dan beroperasi. Sekiranya syarikat tidak beroperasi maka hakmilik tanah boleh diambil alih oleh Kementerian.

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 14 Jun 2010, susulan daripada penemuan pihak Audit, Kementerian telah mengaktifkan Jawatankuasa Project Implementation and Coordination Committee (PICC). Setakat ini, Kementerian telah memaklumkan Jabatan Tanah Survei, Bahagian Kuching untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas syarikat-syarikat yang telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan syarat dan kriteria yang ditetapkan kepada syarikat pelabur untuk beroperasi di SJFIZ dipenuhi supaya lot industri di SJFIZ ditawarkan kepada pelabur yang betul-betul berminat untuk mendirikan kilang elektrik dan elektronik yang mana menjurus kepada pencapaian objektif SJFIZ.

4.4.4 Kapasiti Kargo Udara Tidak Diguna Secara Optimum Oleh Syarikat Pelabur Di SJFIZ

Perkhidmatan kargo udara adalah penting untuk menyokong perkembangan industri berteknologi tinggi dan industri elektronik di SJFIZ kerana ianya merupakan mod pengangkutan yang cepat dan efisien selain meminimum risiko kerosakan serta kehilangan. Syarikat pelabur di SJFIZ menjalankan aktiviti import bahan mentah dan eksport barang siap menggunakan perkhidmatan kargo udara yang dikendalikan sama ada oleh MASkargo Sarawak, Transmile, Air Asia atau Gading Sari. Aktiviti ini diurus oleh agen pengangkutan yang dilantik oleh setiap syarikat pelabur dan diluluskan oleh Jabatan Kastam Diraja. Semua aktiviti import dan eksport melalui LTAK ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menjadikan KLIA sebagai hab pangkalan penerbangan awam.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya sejumlah RM4.25 bilion direkodkan untuk nilai eksport barang siap bagi tahun 2007 hingga 2009. Antara produk yang dikeluarkan oleh syarikat pelabur adalah *ceramic capacitor*, *multilayer chip capacitor*, *printed circuit board* dan *fabricated wafer*. Butiran mengenai kuantiti dan nilai eksport barang siap oleh syarikat pelabur di SJFIZ adalah seperti di **Jadual 4.13** dan **Jadual 4.14**.

Jadual 4.13
Butiran Mengenai Kuantiti Eksport Barang Siap Di SJFIZ

Bil.	Jenis Bahan Eksport	Ukuran	Tahun			Jumlah
			2007	2008	2009	
1.	<i>Fabricated Wafer</i>	Keping	183,233	172,891	79,595	435,719
2.	<i>Multilayer Chip Capacitor</i>	Keping	61,235,688,000	58,460,643,000	62,298,190,000	181,994,521,000
3.	<i>Polished Disk</i>	Kilogram	0	1,554,572	0	1,554,572
		Keping	0	0	21,471,023	21,471,023
4.	<i>Laminate And Prepreg Panel</i>	Keping	14,745	54,617	13,962	83,324
5.	<i>I.F. Transformer, Ceramic Capacitor And Mold Part</i>	Keping	170,609,441	172,576,153	84,185,489	427,371,083
6.	<i>Electroless Nickel</i>	Gelen	3,703,372	2,526,337	1,760,038	7,989,747
7.	<i>Plating Solution</i>	Liter	27,000	1,894,948	4,265,877	6,187,825
8.	<i>Printed Circuit Board</i>	Keping	539,656	507,601	349,245	1,396,502
9.	<i>Liquid Nitrogen And Oxygen Gas</i>	Loads/ Trip	62	70	108	240

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya

Jadual 4.14
Butiran Nilai Eksport Barang Siap Di SJFIZ

Bil.	Jenis Bahan Eksport	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
1.	<i>Fabricated Wafer</i>	249.01	237.51	93.89	580.41
2.	<i>Multilayer Chip Capacitor</i>	607.11	476.41	554.18	1,637.70
3.	<i>Polished Disk</i>	0.00	165.82	115.06	280.88
4.	<i>Laminate And Prepreg Panel</i>	0.23	1.05	0.16	1.44
5.	<i>I.F. Transformer, Ceramic Capacitor And Mold Part</i>	130.96	116.75	50.90	298.61
6.	<i>Electroless Nickel And Plating Solution</i>	235.69	154.86	146.02	536.57
7.	<i>Printed Circuit Board</i>	305.90	334.60	275.50	916.00
8.	<i>Liquid Nitrogen And Oxygen Gas</i>	0.62	0.70	0.85	2.17
Jumlah		1,529.52	1,487.70	1,236.56	4,253.78

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya

MASKargo Sarawak ada menawarkan ruangan kargo (*standard cargo offer*) sebanyak lima kontena dan lima *pallet* kargo kepada syarikat pelabur di SJFIZ untuk tujuan eksport komoditi elektronik. Setiap kontena mempunyai keluasan 6.3 meter padu, manakala setiap *pallet* pula mempunyai keluasan 10.2 meter padu yang mampu menampung seberat 13,500 kilogram komoditi elektronik untuk setiap penerbangan menggunakan perkhidmatan kapal terbang berkapasiti besar.

Merujuk kepada maklumat MASKargo Sarawak, perkhidmatan kapal terbang berkapasiti besar pada asalnya disediakan sebanyak enam kali seminggu sebelum dikurangkan kepada empat kali seminggu pada awal Mei 2009. Atas permintaan Kementerian dan syarikat pelabur MASKargo telah menambah bilangan penerbangan berkapasiti besar kepada lima kali seminggu pada Julai dan Ogos 2009 tetapi dihentikan kerana kos operasi yang tinggi berbanding muatan kargo udara yang rendah. Pada akhir November 2009, atas dasar inisiatif untuk menyokong industri elektronik di Sarawak, MASKargo Sarawak menempah ruangan kargo muatan 10,000 kilogram menggunakan perkhidmatan penerbangan Pos Malaysia setiap hari kecuali pada hari Ahad.

Mulai akhir Mac 2010, adalah didapati MASKargo telah menambah bilangan penerbangan kargo menggunakan kapal terbang berkapasiti besar kepada lapan kali seminggu iaitu sekali setiap hari Isnin hingga Khamis dan dua kali pada hari Jumaat dan Ahad selain ruangan kargo yang dipersetujui dengan Pos Malaysia.

Analisis Audit mendapati sebanyak 3.30 juta kilogram atau 46.2% kargo udara pelbagai komoditi untuk tujuan eksport dikendali oleh MASKargo Sarawak pada tahun 2009 berbanding kapasiti sebenar kargo udara iaitu sebanyak 7.13 juta kilogram menggunakan kapal terbang berkapasiti besar. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2010 pula, hanya sebanyak 1.38 juta kilogram atau 42.4% eksport kargo udara pelbagai komoditi dikendali berbanding kapasiti sebenar kargo udara iaitu sebanyak 3.26 juta kilogram untuk tempoh

yang sama. Butiran kapasiti sebenar dan eksport kargo udara yang dikendalikan oleh MASkargo Sarawak bagi tahun 2009 hingga Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Butiran Kapasiti Sebenar Dan Eksport Kargo Udara
Oleh MASkargo Sarawak Bagi Tahun 2009 Hingga Mei 2010

Tahun	Kapasiti Sebenar Kargo Udara (Kg)	Eksport Kargo Udara		Kapasiti Kargo Udara Yang Tidak Digunakan	
		(Kg)	(%)	(Kg)	(%)
2009	7,132,606	3,296,055	46.2	3,836,551	53.8
Januari Hingga Mei 2010	3,260,126	1,383,908	42.4	1,876,218	57.6
Jumlah	10,392,732	4,679,963	45.0	5,712,769	55.0

Sumber: MASkargo Sarawak

Daripada jumlah eksport ini, sebanyak 3.41 juta kilogram atau 72.9% merupakan eksport komoditi elektronik dan selebihnya adalah eksport bagi komoditi lain. Butiran eksport berdasarkan komoditi oleh MASkargo bagi tahun 2009 hingga Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Butiran Eksport Berdasarkan Komoditi Oleh
MASkargo Sarawak Bagi Tahun 2009 Hingga Mei 2010

Tahun	Komoditi	Eksport Kargo Udara (Kg)	Peratusan (%)
2009	Elektronik	2,241,317	68
	Lain-lain	1,054,738	32
Jumlah		3,296,055	100
Januari Hingga Mei 2010	Elektronik	1,169,466	84.5
	Lain-lain	214,442	15.5
Jumlah		1,383,908	100
2009 Hingga Mei 2010	Elektronik	3,410,783	72.9
	Lain-lain	1,269,180	27.1
Jumlah Keseluruhan		4,679,963	100

Sumber: MASkargo Sarawak

Analisis Audit seterusnya mendapati kapasiti eksport kargo udara menggunakan perkhidmatan MASkargo Sarawak adalah rendah berbanding kapasiti sebenar kargo udara yang ditawarkan. Perbandingan kapasiti berdasarkan kuantiti tidak dapat dilakukan kerana maklumat yang dikemukakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya adalah berlainan dari segi ukuran kuantiti dengan MASkargo Sarawak.

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 29 Jun 2010, Malaysia Airlines sentiasa membuat penilaian teliti serta menjalankan penjadualan semula yang berterusan demi keuntungan Malaysia Airlines, keperluan para pengilang serta permintaan penumpang supaya kapasiti kargo udara serta bilangan penumpang diutamakan serta dioptimumkan.

Kesimpulannya, kesemua isu ini adalah merupakan strategi perniagaan, polisi penerbangan, kos operasi, kos tanggungjawab Malaysia Airlines sebagai penerbangan nasional serta kepentingan pengilang di Sarawak.

Pihak Kementerian telah menyampaikan rayuan SECA kepada Malaysia Airlines dan ahli-ahli SECA dalam dialog pada 29 Mac 2010 telah puas hati dengan langkah/jadual/penyelesaian yang dibekalkan oleh Malaysia Airlines setakat ini.


Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan tindakan berterusan diambil seperti meningkatkan komunikasi dan koordinasi di antara pengilang, agen perkhidmatan kargo, agen pengangkutan kargo dan pihak yang berkaitan supaya pengeluaran industri elektrik dan elektronik di SJFIZ dapat dieksport secara maksimum tanpa kekangan perkhidmatan kargo.

4.4.5 Kawalan Keselamatan Di SJFIZ Lemah

Zon bebas dianggap sebagai satu kawasan di luar Malaysia di bawah Seksyen 2 (1A) Akta Kastam 1967. Bahagian III Seksyen 15 (1) Akta Zon Bebas 1990 memperuntukkan bahawa tidak ada orang boleh masuk atau menetap di zon perindustrian bebas tanpa kebenaran PBZ. Bahagian II Seksyen 4 (1) (a) dan (b) Peraturan Zon Bebas 1991 pula menghendaki PBZ mengawal pergerakan orang dan barang yang keluar masuk ke zon.

Lawatan Audit pada 30 November 2009 ke SJFIZ mendapati ada dua laluan keluar masuk melalui dua pintu pagar berasingan iaitu pintu pagar lama dan pintu pagar baru. Pintu pagar baru dibina disebabkan pembinaan pejabat kastam baru di berlainan lokasi di SJFIZ bagi menggantikan pejabat kastam lama yang usang. Pintu pagar baru dan pintu pagar lama adalah seperti **Foto 4.6** dan **Foto 4.7**.

Foto 4.6
Pintu Pagar Baru SJFIZ (Pintu A)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 30 November 2009

Foto 4.7
Pintu Pagar Lama SJFIZ (Pintu B)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Tarikh: 30 November 2009

Lawatan Audit mendapati ada pengawal keselamatan ditugaskan untuk mengawal pergerakan keluar masuk pekerja kilang dan orang awam di kedua-dua pintu pagar tersebut. Bagaimanapun, pemerhatian semasa lawatan Audit mendapati pekerja kilang dan orang awam keluar masuk secara bebas di SJFIZ.

Semakan Audit mendapati sebanyak lapan laporan mengenai isu keselamatan di SJFIZ telah dikemukakan kepada Kementerian bagi tahun 2005 hingga 2009. Antaranya adalah surat aduan bertarikh 26 November 2008 daripada salah sebuah syarikat pelabur mengenai berlakunya kes kecurian 115 tiang besi pagar syarikat berkenaan. Kegiatan vandalisme lampu jalan juga telah dilaporkan oleh Syarikat SESCO Bhd. melalui surat bertarikh 23 Februari 2009.

Pergerakan keluar masuk pekerja kilang dan orang awam dengan bebas dan berlakunya kes kecurian serta vandalisme antara lainnya adalah disebabkan kawalan keselamatan yang lemah. Ini boleh memberi persepsi negatif mengenai keselamatan di SJFIZ kepada syarikat pelabur sedia ada dan pelabur berpotensi.

Mengikut maklum balas Kementerian melalui surat bertarikh 15 April 2010, segala pelan pembangunan di SJFIZ diluluskan oleh State Planning Authority. Pintu pagar kedua (Pintu Baru) dibina dengan tujuan untuk membolehkan operator di SJFIZ mempunyai akses yang lebih dekat dan pantas ke lapangan terbang manakala pintu pagar asal (Pintu Lama) adalah untuk laluan pekerja sahaja, khususnya untuk penghuni yang mendiami asrama syarikat yang berada berdekatan dengan pintu pagar asal. Pembukaan kedua-dua pagar mendapat pengesahan daripada Pengarah, Jabatan Kastam terdahulu.

Kementerian juga menjelaskan melalui surat bertarikh 14 Jun 2010, papan notis telah dipasang di kedua-dua pintu pagar untuk menunjukkan bahawa kawasan ini adalah "kawasan terkawal (restricted zone)". Papan notis "kawasan terkawal (restricted zone)" tambahan yang lebih besar dan jelas telah dipasang di kedua-dua pintu pagar pada awal tahun ini (2010). Arahan telah dikeluarkan kepada firma keselamatan swasta yang dilantik oleh Kementerian untuk berkawal dengan lebih berhemat di kedua-dua pintu pagar SJFIZ dan hanya kenderaan pekerja yang mempunyai pelekat (Car Sticker) yang dikeluarkan oleh SECA dibenarkan masuk. Pelawat perlu melaporkan diri di Pondok Pengawal Keselamatan bagi mendapatkan Pas Pelawat. Peraturan ini telah efektif sejak 1 Januari 2008. Laluan di pintu masuk lama dihadkan untuk pekerja kilang sahaja bagi tempoh mulai jam 6.00 pagi hingga 10.30 malam. Selepas 10.30 malam, pagar tersebut ditutup. Ini telah dipersetujui oleh Jabatan Kastam.

Kementerian memang menyedari akan kepentingan keselamatan di zon tersebut. Kementerian telah menutup jalan-jalan tikus, membina pondok pengawal di kedua-dua pintu masuk dan seterusnya merancang membina besi pengadang masuk, transverse bars dan memasang CCTV. Pegawai Kementerian juga telah dilantik untuk mengawasi dan memastikan firma keselamatan menjalankan tugas mereka seperti yang diarahkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah meningkatkan kawalan keselamatan demi menjaga kepentingan Kerajaan dan syarikat pelabur serta mengelak berlakunya ketirisan hasil.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pelaksanaan dan pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya boleh dipertingkatkan lagi bagi mencapai objektif penubuhan zon perindustrian bebas di Sarawak. Berdasarkan penemuan Audit, Kementerian Pembangunan Perindustrian hendaklah menjalankan fungsinya sebagai Pihak Berkuasa Zon selaras dengan keperluan Akta Zon Bebas 1990 dan Peraturan Zon Bebas 1991. Kementerian Pembangunan Perindustrian adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Menyediakan perancangan strategik dan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk memastikan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya dimajukan terutamanya bagi lot industri yang telah diagih tetapi belum diusahakan supaya ianya dapat di manfaat secara optimum.
- b)** Menyelenggarakan dengan lengkap dan kemas kini semua rekod dan dokumen serta menyediakan norma bagi setiap proses berkaitan aktiviti perindustrian.
- c)** Memastikan syarikat pelabur yang hendak beroperasi di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.
- d)** Menubuhkan jawatankuasa koordinasi yang dianggotai oleh semua pihak yang terlibat secara langsung dengan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya bagi mengenal pasti masalah dan cabaran berkaitan zon supaya ianya mampu berkembang pesat dan menjadi pilihan utama pelabur.
- e)** Memperketat kawalan keselamatan demi menjaga kepentingan Kerajaan dan pelabur seperti menggunakan kamera litar tertutup di kedua-dua pintu keluar masuk di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya.

JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK, JABATAN KERJA RAYA DAN RUMAH SARAWAK

5. PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Kerajaan Negeri Sarawak membekalkan pelbagai jenis kenderaan kepada Jabatan/Pejabat terlibat bagi memenuhi keperluan setiap Jabatan/Pejabat dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberikan. Jabatan/Pejabat yang memerlukan kenderaan akan membuat permohonan untuk mendapatkan kenderaan kepada Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri. Perolehan dan pengurusan pembelian kenderaan Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Jabatan Kerja Raya setelah permohonan diluluskan melalui bajet masing-masing. Dari aspek penyenggaraan kenderaan pula sama ada secara berjadual mahupun khusus adalah menjadi tanggungjawab Jabatan/Pejabat yang terlibat dengan menggunakan peruntukan masing-masing. Pelupusan perlu dilaksanakan bagi kenderaan rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki. Jumlah kenderaan dan kos penyenggaraan bagi kenderaan yang berada di bawah kawalan Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya dan Rumah Sarawak adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Bilangan Kenderaan Dan Kos
Penyenggaraan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jabatan	Bilangan Kenderaan	Kos Penyenggaraan (RM)
1.	Jabatan Ketua Menteri	96	3,757,489
2.	Jabatan Kerja Raya	58	826,877
3.	Rumah Sarawak	19	64,619

Sumber: Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya Dan Rumah Sarawak

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan perolehan kenderaan Jabatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta dipantau dengan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan kenderaan dari tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Unit Pentadbiran dan Unit Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Korporat, Jabatan Ketua Menteri (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Rumah Sarawak Kuala Lumpur (RSKL). Kaedah Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod serta dokumen yang berkaitan dengan perolehan dan penyenggaraan kenderaan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan kenderaan. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap kenderaan berkenaan.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Januari hingga Mac 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kenderaan boleh dipertingkatkan dari aspek pelupusan, kawalan terhadap penggunaan minyak dan penyelenggaraan rekod serta dokumen. Antara kelemahan yang berlaku adalah penggunaan minyak yang tidak dikawal, pengurusan rekod serta dokumen berkaitan tidak kemas kini dan proses pelupusan mengambil masa yang lama. Sekiranya isu ini tidak diberikan perhatian ianya boleh menyebabkan Kerajaan Negeri terdedah kepada risiko berlakunya kenderaan yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki terbiar, perolehan minyak secara tidak sah dan pengurusan rekod serta dokumen yang lemah. Usaha penambahbaikan ada dilakukan oleh Jabatan/Pejabat seperti mengemaskini buku rekod pergerakan kad inden, menyediakan daftar pergerakan kad inden dan buku daftar penyerahan kad induk serta mengemaskini buku log setelah menerima teguran Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang didapati dan usaha penambahbaikan adalah seperti berikut:

5.4.1 Pengurusan Perolehan Minyak

Penggunaan Kad Inden Minyak bagi pembelian bahan api untuk kenderaan dan jentera Kerajaan memberikan kemudahan dan faedah seperti penjimatan masa, pembayaran segera dan ciri-ciri keselamatan. Surat Pekeliling Bil. 28/2006 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, ada menerangkan mengenai syarat-syarat penggunaan Kad Inden Minyak bagi mencegah penyalahgunaan pembelian minyak.

a) Pembelian Minyak Melebihi Kapasiti Tangki Kenderaan

Semakan Audit terhadap spesifikasi kereta Proton Perdana daripada Edaran Otomobil Nasional mendapati kapasiti penuh tangki minyak kereta Proton Perdana adalah sebanyak 64 liter. Semakan Audit seterusnya mendapati pembelian minyak melebihi kapasiti tangki minyak sebanyak 34 liter berlaku di Pejabat Ketua Menteri dan dua liter di Rumah Sarawak seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pembelian Minyak Melebihi Kapasiti Tangki Kenderaan

Tarikh	Masa	Tempat	Jabatan	No. Kad Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti Pengisian (Liter)	Jumlah Kuantiti Pengisian (Liter)	Jumlah Melebihi Kapasiti Tangki (Liter)
19.11.2008	21:25	M.S. I Central Station	Jabatan Ketua Menteri	65	QSG2444	50	100	34
	21:26					50		
17.6.2008	10:04	Stesen Minyak Chang Yoong Seng Kuala Lumpur	Rumah Sarawak Kuala Lumpur	151	WML 4630	66	66	2

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Ketua Menteri Dan Rumah Sarawak

Menurut maklum balas Pejabat Perhubungan Sarawak Kuala Lumpur (RSKL), - Pembelian minyak melebihi kapasiti (WML4630) menunjukkan kenaikan pembelian yang luar biasa disebabkan oleh kenaikan harga minyak iaitu RM2.70 per liter. Pemandu kenderaan

tersebut juga melaporkan telah berlaku masalah pada mesin pam pada masa tersebut dan minyak telah melimpah keluar. RSKL akan mengambil tindakan sejajar dengan garis panduan Surat Pekeliling Bil. 28/2006.

Maklum balas daripada Unit Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Korporat (UPAK)- Semasa menyambut majlis-majlis negeri yang berskala besar, pihak UPAK kerap meminjam kenderaan dari jabatan/agensi kerajaan yang lain kerana kekurangan kenderaan. Untuk menanggung kegunaan minyak untuk kenderaan tersebut, pihak UPAK terpaksa menggunakan dua(2) master card yang sedia ada dalam pegangan UPAK.

b) Pembelian Minyak Menggunakan Kad Pemandu Yang Sama Bagi Kenderaan Berbeza

Semakan Audit seterusnya mendapati berlaku pembelian minyak menggunakan kad pemandu yang sama bagi kenderaan berbeza pada tarikh dan tempat yang sama dalam jarak masa dua minit seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Pembelian Minyak Yang Diragui

Tarikh	Masa	Tempat	No. Kad Pemandu	No. Pendaftaran Kenderaan	Jenis Kenderaan	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)
17.11.2008	17:03	Astana SVC	324	QSG1638	Mercedes Benz	39.35	84.60
	17:06	STN Sdn. Bhd.	324	QSG2893	Proton Perdana	43.49	93.50
27.4.2008	13:32	Jln Tan Sri	357	QSG2168	Mercedes Benz	52.36	100.00
	13:34	Ong	357	SG2Q	Mercedes Benz	52.36	100.00

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Ketua Menteri

c) Pembelian Minyak Jenis Petrol Dan Diesel Oleh Kenderaan Yang Sama

Semakan Audit terhadap Penyata Superkad Shell Services Sdn. Bhd. di JKR mendapati kenderaan yang sepatutnya menggunakan minyak petrol tetapi terdapat pembelian minyak diesel untuk kenderaan yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Butiran Pembelian Minyak Diragui

No. Pendaftaran Kenderaan	Tarikh	Masa	Tempat	Jenis Minyak	Jumlah (RM)
QSG 1034	22.7.2007	11:59	Syn Kongsi Serian	Super ULG	67.00
	27.7.2007	12:02	Syn Kongsi Serian	Diesel	100.00
	3.3.2008	17:30	M.S.I Central Station, Jalan Tan Sri Ong Kuching	Diesel	100.00

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Kerja Raya

Menurut maklum balas JKR - Drebar QSG1034 ditugaskan memandu Toyota Land Cruiser dan kadang kala diarahkan memandu lori. Pada tahun 2007, kad Shell boleh digunakan untuk mengisi petrol dan diesel. Kesemuanya mengisi petrol dan diesel dengan menggunakan Kad Master. Pada masa itu kad Shell untuk kereta ini masing-masing belum disediakan lagi.

5.4.2 Pengurusan Kad Inden

Mengikut Surat Pekeliling Bil. 28/2006 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, semua Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang Pegawai Pengangkutan untuk mengurus penggunaan kad inden dan transaksi pembelian minyak bagi kenderaan kerajaan. Pegawai Pengangkutan juga mestilah menyediakan buku rekod pergerakan kad inden dan semua kad kenderaan jabatan/guna sama hendaklah disimpan oleh Pegawai Pengangkutan. Kad ini akan dibekalkan kepada pemandu untuk mengisi minyak dan kemudian diserahkan semula kepada Pegawai Pengangkutan berkenaan pada hari yang sama. Bagi perjalanan di luar pejabat yang mengambil masa melebihi satu hari, Kad Kenderaan hendaklah diserahkan kepada Ketua atau pegawai kanan yang mengetuai pasukan kerja itu atau pemandu jika tiada pegawai lain. Bagi tujuan penyimpanan selamat buku rekod pergerakan kad inden hendaklah disediakan.

a) Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Tidak Kemas Kini

Semakan Audit mendapati Daftar Pengambilan dan Pemulangan Kad Inden Kenderaan ada diselenggarakan oleh Unit Pentadbiran JKM. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati pemandu tidak mengembalikan kad tersebut pada hari yang sama. Kad hanya dikembalikan dua atau tiga hari kemudian kepada Pegawai Pengangkutan. Adalah didapati JKR ada menyelenggara Daftar Pengambilan dan Pemulangan Kad Inden Kenderaan sementara Unit Perhubungan Awam Dan Korporat JKM dan RSKL tidak menyelenggarakan daftar tersebut.

- i) Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM, tindakan telah diambil untuk mengemas kini buku rekod pergerakan kad inden dan para pemandu telah diingatkan agar sentiasa mengembalikan kad kenderaan dengan secepat mungkin. Kelonggaran diberikan bagi tempoh masa pengembalian kad apabila kenderaan tersebut digunakan untuk tugas rasmi jabatan di luar bahagian Kuching ataupun apabila kenderaan tersebut dipinjamkan kepada jabatan/agensi lain.*
- ii) Mengikut maklum balas UPAK, Pegawai Pengangkutan UPAK telah mengambil tindakan untuk menyelenggarakan daftar pergerakan kad inden.*
- iii) Menurut maklum balas, RSKL telah memberikan arahan tersebut sebelum ini kepada pemandu untuk menyerahkan kad master dan kenderaan kepada pegawai pengangkutan atau pegawai keselamatan yang bertugas. Perkara ini akan diambil serius dengan mengemas kini rekod dalam buku daftar dan dipantau dari semasa ke semasa.*

Pada pendapat Audit, pengurusan kad inden perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan ia terdedah kepada risiko pembelian minyak secara tidak sah. Kad inden perlu disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyelia kenderaan.

b) Ciri-Ciri Kawalan Tidak Dipatuhi

Penggunaan kad inden minyak dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan minyak. Antara ciri-ciri kawalan yang ditetapkan adalah setiap pengisian minyak perlu mempunyai sistem dua kad iaitu satu kad untuk

kenderaan dan satu kad untuk pemandu. Selain itu, sebelum pengisian minyak dimulakan, pemandu perlu mengunci masuk nombor pin dan bacaan odometer. Semakan Audit terhadap Penyata Superkad Shell mendapati pemandu yang memegang kad bernombor 266 tidak memasukkan bacaan odometer kenderaan. Adalah didapati berlaku kes di mana pemandu memasukkan bacaan odometer tidak berturutan/munasabah atau mengulang bacaan odometer semasa mengisi minyak. Analisis Audit mendapati penggunaan minyak seliter berbanding jarak perjalanan bagi kenderaan QSG2582 adalah antara 4.1 km seliter hingga 621.3 km seliter. Penggunaan minyak seliter berbanding jarak perjalanan bagi kenderaan QSG2582, SG4Q dan SG2866 adalah seperti di **Jadual 5.5** hingga **Jadual 5.7**.

Jadual 5.5

Rekod Bacaan Odometer Tidak Munasabah Bagi Kenderaan QSG2582, No. Akaun 322020

Tarikh	Masa	Bacaan Odometer	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)	Tempat	Jarak Perjalanan Antara Setiap Pengisian Minyak (km)	Km Seliter
1.2.2008	13:53	203,459	20.49	40.00	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	-23,435	621.3
5.2.2008	10:04	180,024	37.72	72.05	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching		
6.2.2008	16:57	180,147	20.98	40.07	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	123	5.9
9.2.2008	14:07	180,300	36.22	69.18	Sungei Apong S/S Sdn. Bhd., Kuching	153	4.2
10.2.2008	11:37	180,379	18.91	36.12	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	79	4.2
12.2.2008	07:18	180,559	29.85	57.01	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	180	6.0
14.2.2008	07:05	180,890	31.96	61.04	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	331	10.4
16.2.2008	11:25	181,149	10.50	20.06	Sungei Apong S/S Sdn. Bhd., Kuching	259	24.7
17.2.2008	08:39	183,509	31.42	60.01	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	2,360	75.1
17.2.2008	15:50	183,582	17.80	34.00	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	73	4.1
18.2.2008	19:19	203,798	36.65	70.00	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	20,216	551.6
21.2.2008	16:46	204,048	37.19	71.03	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	250	6.7
23.2.2008	18:46	204,259	28.27	54.00	Edon Niaga Enterprise, Kuching	211	7.5
25.2.2008	18:49	204,500	31.42	60.01	Edon Niaga Entp, Kuching	241	7.7
27.2.2008	18:07	204,715	28.80	55.01	Edon Niaga Entp, Kuching	215	7.5
29.2.2008	09:31	205,055	39.29	75.04	Astana Svc Sdn. Bhd., Kuching	340	8.6

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Ketua Menteri

Jadual 5.6
Rekod Bacaan Odometer Tidak Munasabah Bagi Kenderaan SG4Q, No. Akaun 322020

Tarikh	Masa	Bacaan Odometer	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)	Tempat	Jarak Perjalanan Antara Setiap Pengisian Minyak (km)	Km Seliter
1.2.2008	18:52	168,768	52.36	100.00	Fong & Son Petrol Station, Kuching	10,022	191.4
18.2.2008	11:48	178,790	52.36	100.00	Fong & Son Petrol Station, Kuching		
21.2.2008	17:22	179,293	43.98	84.00	Fong & Son Petrol Station, Kuching	503	11.4
24.2.2008	14:11	197,951	47.55	90.82	Fong & Son Petrol Station, Kuching	18,658	392.4
27.2.2008	18:32	180,130	42.01	80.24	Fong & Son Petrol Station, Kuching	-17,821	424.2
29.2.2008	21:17	163,998	52.36	100.00	Fong & Son Petrol Station, Kuching	-16,132	308.1

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Ketua Menteri

Jadual 5.7
Rekod Bacaan Odometer Tidak Munasabah Bagi Kenderaan SG2866, No. Akaun 322020

Tarikh	Masa	Bacaan Odometer	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)	Tempat	Jarak Perjalanan Antara Setiap Pengisian Minyak (km)	Km Seliter
1.2.2008	11:47	371,843	52.36	100.00	Evergreen Company, Kuching	-53,891	3,286
6.2.2008	12:49	317,952	16.40	31.32	Evergreen Company, Kuching		
20.2.2008	14:39	373,800	52.36	100.00	Evergreen Company, Kuching	55,848	1,066.6
27.2.2008	16:54	37,416	52.36	100.00	Evergreen Company, Kuching	-336,384	6,424.4

Sumber: Penyata Superkad Shell, Jabatan Ketua Menteri

Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM, kenderaan QSG 2582, SG4Q dan QSG 2866 merupakan kenderaan yang digunakan oleh Pejabat Jabatan Ketua Menteri, Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia. Kenderaan-kenderaan ini digunakan sebagai kenderaan pengiring kepada YAB Ketua Menteri dan juga sebagai kenderaan tambahan/backup terutama apabila berlangsungnya majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri Sarawak. Didapati bahawa bacaan odometer yang dikemukakan adakala tidak berturutan/munasabah kerana kesilapan pemandu-pemandu kenderaan tersebut semasa mengisi minyak. Memandangkan Pejabat Jabatan Ketua Menteri, Tingkat 22 mempunyai pegawai pengangkutan tersendiri, pihak Unit Pentadbiran sentiasa berkomunikasi dengan beliau bagi memastikan penggunaan kenderaan dan minyak sentiasa dipantau dengan teliti.

5.4.3 Penyelenggaraan Rekod Kenderaan

a) Buku Log Tidak Diselenggara Dengan Lengkap

Buku log perlu diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengangkutan untuk memastikan buku log dilengkapkan

dengan semua butiran seperti tujuan perjalanan, penggunaan bahan api dan penyenggaraan. Perenggan 3.6 Surat Pekeliling No. 27/99 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak menetapkan pegawai yang menggunakan kenderaan Kerajaan hendaklah memastikan buku log ditandatangani dengan sempurna berdasarkan tugas dan masa sebenar serta kelulusan perjalanan. Semakan Audit mendapati buku log tidak diselenggara dengan lengkap dan tidak kemas kini. Maklumat seperti catatan perjalanan, tandatangan pegawai yang memberi kuasa, *Speedometer*, *Miles Run* dan tujuan perjalanan tidak dicatatkan dalam buku log. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 5.8** hingga **Jadual 5.10**.

Jadual 5.8
Penyelenggaraan Buku Log Di JKM

Bil.	No. Pendaftaran	Buku Log (T.256)	Peraturan Penyelenggaraan Buku Log					
			(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)
1.	QSG 1525	M520101	√	x	√	x	x	x
		M520102	√	x	x	x	x	x
		M520103	√	x	√	x	√	x
		M520104	√	x	x	x	√	√
		M520106	x	x	√	x	x	x
		M520113	√	x	√	x	x	x
		M520117	√	x	√	x	x	x
		M520118	√	x	√	x	x	x
		M520121	x	x	√	x	x	√
		M520172	x	x	√	x	x	x
2.	QSG 2857	M290706	x	x	x	√	x	x
3.	QSG 1638	M502633	x	x	√	x	x	x
		M502634	x	x	√	x	x	x
		M502635	x	x	√	x	x	x
4.	QSG 1402	M050513	√	x	x	x	x	√
5.	QSG 2800	M518106	√	x	√	√	x	x
		M518127	x	x	x	x	x	√
		M518128	x	x	x	x	x	√

Sumber: Jabatan Ketua Menteri

Nota: √ - Mematuhi x – Tidak Mematuhi

- a) Details Of Journey And Route
- b) Signature Of Officer Authorising Journey
- c) Speedometer
- d) Miles Run
- e) Reason For Journey
- f) Salinan Pertama Log Sheet Hendaklah Dikoyak Dan Dikemukakan Kepada Pegawai Pengangkutan

Jadual 5.9
Penyelenggaraan Buku Log Di Jabatan Kerja Raya

Bil.	No Pendaftaran	Buku Log (T.256)	Peraturan Penyelenggaraan Buku Log					
			(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)
1.	QSG 3135	M757920	√	√	√	x	x	√
		M757926	√	√	√	x	x	√
		M757933	√	√	√	x	x	√
		M757940	√	√	√	x	√	√
		M757946	√	√	√	x	√	√
2.	QSG 2650	M443569	√	√	√	x	x	√
		M443570	√	√	√	x	x	√
		M443571	√	√	√	x	x	√
		M443572	√	√	√	x	x	√
3.	QSG 3689	M444939	√	√	√	x	x	√
		M444940	√	√	√	x	x	√
		M444941	√	√	√	x	x	√
		M444942	√	√	√	x	x	√
4.	QSG 2796	M444165	√	√	√	x	x	√
		M444168	√	√	√	x	x	√
		M444171	√	√	√	x	x	√
		M444175	√	√	√	x	x	√
		M444180	√	√	√	x	x	√
5.	QSG 2875	M444370	√	√	√	x	x	√
		M444373	√	√	√	x	x	√
		M444375	√	√	√	x	x	√
		M444378	√	√	√	x	x	√
		M444381	√	√	√	x	x	√

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: √ - Mematuhi x – Tidak Mematuhi

- Details Of Journey And Route
- Signature Of Officer Authorising Journey
- Speedometer
- Miles Run
- Reason For Journey
- Salinan Pertama Log Sheet Hendaklah Dikoyak Dan Dikemukakan Kepada Pegawai Pengangkutan

Jadual 5.10
Penyelenggaraan Buku Log Di Rumah Sarawak Kuala Lumpur

Bil.	No Pendaftaran	Peraturan Penyelenggaraan Buku Log						
		(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	QSG 3391	x	x	x	x	√	√	√
2.	QSG 3393	x	x	x	x	x	√	√
3.	QSG 3305	x	x	x	x	x	√	√
4.	WJT 1340	x	x	x	x	x	√	√
5.	SG10Q	x	x	x	x	x	√	√
6.	WMU 5479	x	x	x	x	x	√	√

Sumber: Rumah Sarawak

Nota: √ - Mematuhi x – Tidak Mematuhi

- Butiran Mengenai Kenderaan Dan Alat Kelengkapan Pada Muka Surat Pertama Dicatatkan.
- Butiran Penyelenggaraan, Pembaikan Dan Penggantian Dicatatkan Dengan Lengkap
- Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Memberi Kuasa Dicatatkan
- Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Menggunakan Kenderaan Dicatatkan
- Pegawai Pengangkutan Membuat Pemeriksaan Terhadap Buku Log Setiap Minggu
- Salinan Buku Log Disimpan Dan Disemak Sekurang-kurangnya Sebulan Sekali
- Ringkasan Penggunaan Bahan Api Disediakan

- i) Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM, semua kenderaan di bawah jagaan unit telah ada buku log. Buku log telah dikemas kini dan dilengkapi. Para pemandu telah diingatkan agar sentiasa memastikan pegawai-pegawai yang menggunakan kenderaan

SG tersebut menandatangani buku log sebaik sahaja selepas menggunakan kenderaan pada masa akan datang. Seorang pegawai telah ditugaskan untuk memastikan arahan ini dipatuhi.

- ii) Mengikut maklum balas UPAK, Semua kenderaan di bawah jagaan unit mempunyai buku log masing-masing. Disebabkan salinan kedua tidak mempunyai 'carbon', maka butir-butir yang tercatat di salinan asal tidak terdapat di salinan-salinan yang lain. Oleh hal yang demikian apabila audit dilaksanakan, butiran-butiran di salinan asal tidak terdapat di salinan-salinan lain. Perkara ini telah dibetulkan dan sekarang pemandu menggunakan 'carbon' di semua salinan-salinan lain dan juga hendaklah memastikan pegawai-pegawai yang menggunakan kenderaan SG tersebut menandatangani buku log selepas menggunakan kenderaan tersebut. Seorang pegawai telah ditugaskan untuk memastikan arahan ini dipatuhi.
- iii) Menurut maklum balas JKR, Buku Log (T256) tidak menunjuk sebab-sebab perjalanan kerana kami tidak layak memastikan klien yang menyewa kereta kami mencatatkan sebab-sebab perjalanan mereka. Ketiadaan Miles Run tidak menimbulkan sebarang masalah kerana semua maklumat buku log dimasukkan kepada komputer dan Miles Run automatik akan dikira.
- iv) Menurut maklum balas, RSKL telah memberi arahan kepada pemandu bahawa setiap kali selesai menjalankan tugas maka hendaklah mengemas kini buku log. Tandatangan pengguna pada buku diperolehi bergantung kepada keadaan menteri/vip. Contohnya untuk kereta WMU 5479 adalah kenderaan TYT. Buku log bagi kereta ini telah dirujuk dan dikemas kini mengikut aturan yang sepatutnya. Pengemaskinian buku log akan dibuat mengikut garis panduan pada Surat Pekeliling No. 27/99 dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, buku log perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi setiap penggunaan untuk membolehkan semakan dibuat terhadap jarak perjalanan, penggunaan minyak dan kenderaan sentiasa dalam keadaan yang baik.

b) Laporan Analisis Penggunaan Minyak Tidak Kemas kini

Perenggan 4.6.2 Surat Pekeliling Bil. 28/2006 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak menetapkan Pegawai Pengangkutan bertanggungjawab membuat pengiraan penggunaan minyak dengan segera pada setiap bulan apabila invois serta laporan terperinci pembelian berkaitan diterima daripada *Superkad Services Sdn. Bhd.* Jika penggunaan minyak dalam kilometer setiap liter adalah luar biasa berbanding kadar penggunaan yang sepatutnya bagi jenis kenderaan berkenaan ia hendaklah disiasat dengan segera. Pemantauan ini adalah penting bagi mengelakkan penyalahgunaan kad. Selain itu, setiap pemegang kad inden dimestikan mencatat bacaan odometer di dalam Lembaran Log Harian T.256. Ini adalah bagi memastikan jumlah minyak yang dibeli adalah selaras dengan jarak pergerakan kenderaan berkenaan.

Semakan Audit mendapati laporan analisis perbelanjaan minyak di Unit Pentadbiran tidak disediakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Pada tahun 2009, analisis penggunaan minyak hanya disediakan bagi September dan November 2009 untuk dua kenderaan sahaja. Bagi tahun 2007, analisis hanya disediakan dari April hingga Disember 2007 untuk sembilan kenderaan.

Semakan Audit terhadap pembelian minyak bagi dua kenderaan iaitu QSG2857 dan QSG2800 secara rujuk silang antara buku log dan Penyata Superkad Shell mendapati sebahagian besar pengisian minyak tidak direkodkan dalam buku log. Butiran yang direkodkan juga menunjukkan perbezaan antara maklumat di buku log dengan maklumat di Penyata Superkad Shell. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 5.11** dan **Jadual 5.12**.

Jadual 5.11
Perbezaan Maklumat Antara Buku Log Dengan
Maklumat Penyata Superkad Shell No. Pendaftaran Kenderaan QSG2857

Buku Log				Penyata Superkad Shell		
Tarikh	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)	Bacaan Odometer	Kuantiti (Liter)	Jumlah (RM)	Bacaan Odometer
3.3.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	362,498
4.3.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	362,685
7.3.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	382,845
11.3.2009	tiada	tiada	tiada	48.90	100.00	232,444
2.7.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	246,402
2.7.2009	tiada	tiada	tiada	5.36	9.64	246,722
4.7.2009	tiada	tiada	tiada	43.28	77.90	246,722
7.7.2009	tiada	tiada	tiada	53.61	96.50	247,157
18.8.2009	46.32	83.38	364,432	46.32	83.38	364,432
18.8.2009	tiada	tiada	tiada	66.64	116.62	078,627
21.8.2009	tiada	tiada	tiada	27.79	50.02	078,929
22.8.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	079,107
22.8.2009	tiada	tiada	tiada	5.96	10.72	079,107
24.8.2009	tiada	tiada	tiada	41.60	72.80	079,305
26.8.2009	tiada	tiada	tiada	44.96	80.92	079,643
16.10.2009	tiada	76.72	367,010	tiada	tiada	tiada
29.10.2009	tiada	tiada	tiada	44.52	91.27	368,357
5.11.2009	tiada	tiada	tiada	43.47	89.11	368,680
17.11.2009	tiada	tiada	tiada	47.88	98.15	369,436
14.12.2009	tiada	tiada	tiada	47.74	85.93	371,253
22.12.2009	tiada	tiada	tiada	52.49	107.60	371,625
30.12.2009	tiada	tiada	tiada	29.84	61.17	371,977

Sumber: Penyata Superkad Shell Dan Buku Log Jabatan Ketua Menteri

Jadual 5.12
Perbezaan Maklumat Antara Buku Log Dengan Maklumat
Penyata Superkad Shell No. Pendaftaran Kenderaan QSG2800

Buku Log				Penyata Superkad Shell		
Tarikh	(Liter)	(RM)	Odometer	(Liter)	(RM)	Odometer
7.5.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	074,716
15.5.2009	31.63	56.93	074,782	31.63	56.93	074,782
18.5.2009	66.00	118.79	075,166	55.56	100.00	075,166
				10.44	18.79	075,166
23.5.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,520
24.5.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,550
26.5.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,595
3.6.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,713
5.6.2009	tiada	tiada	tiada	38.89	70.00	075,920
7.6.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,640
11.6.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	075,950
14.6.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	076,020
10.7.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	076,419
21.7.2009	61.47	110.65	076,656	61.47	110.65	076,656
22.7.2009	tiada	tiada	tiada	56.22	101.20	200,499
24.7.2009	35.45	63.81	76,764	tiada	tiada	tiada
25.7.2009	tiada	tiada	76,872	44.50	80.10	200,849
26.7.2009	32.49	58.48	76,938	tiada	tiada	tiada
27.7.2009	tiada	tiada	77,018	44.13	79.43	201,149
29.7.2009	tiada	tiada	77,226	36.60	65.88	201,399
30.7.2009	44.91	80.85	77,359	tiada	tiada	tiada
5.10.2009	tiada	tiada	tiada	68.84	123.91	082,782
10.10.2009	37.67	77.22	82,996	tiada	tiada	tiada
11.10.2009	70.21	126.38	83,447	tiada	tiada	tiada
13.10.2009	50.79	91.42	83,534	39.12	80.20	204,066
16.10.2009	51.92	106.44	84,065	tiada	tiada	tiada
17.10.2009	51.98	93.56	84,512	tiada	tiada	tiada
19.10.2009	70.11	126.20	85,053	70.11	126.20	085,032
22.10.2009	45.00	81.00	085,212	45.00	81.00	085,212
22.10.2009	48.33	87.00	085,212	48.33	87.00	085,212
23.10.2009	tiada	tiada	85,938	54.15	97.47	085,938
25.10.2009	tiada	tiada	tiada	65.21	117.38	886,290
26.10.2009	tiada	tiada	tiada	27.78	50.00	086,405
27.10.2009	tiada	tiada	tiada	50.54	90.97	086,845
29.10.2009	tiada	tiada	tiada	55.56	100.00	087,519
29.10.2009	tiada	tiada	tiada	16.67	30.00	087,519

Sumber: Penyata Superkad Shell Dan Buku Log Jabatan Ketua Menteri

Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM, analisis penggunaan minyak mulai Januari 2010 telah dilaksanakan semula. Para pemandu telah diberi peringatan untuk mengemukakan borang analisis penggunaan minyak bagi setiap bulan melalui minit rasmi rujukan JKM.P/GPR/01/013/11 bertarikh 7 Januari 2010. Para pemandu juga diingatkan semula agar sentiasa mengemas kini buku log kenderaan bagi membolehkan pemantauan penggunaan kenderaan dan minyak. Kegagalan sebilangan pemandu untuk melengkapkan buku log adakala berpunca daripada kenderaan tersebut dipinjamkan kepada jabatan dan agensi yang memerlukan (QSG2857, QSG2800).

Pada Pendapat Audit, invois dan Analisis Penggunaan Minyak hendaklah disemak bagi menentukan sama ada kenderaan berada dalam keadaan baik berdasarkan jarak

perjalanan kenderaan berbanding dengan amaun minyak yang digunakan dan untuk mengesakan sebarang perbelanjaan luar biasa.

c) Maklumat Pada Daftar Harta Modal Tidak Lengkap

Perenggan 9, Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 4/2008 menyatakan semua Kementerian/Jabatan hendaklah memindahkan semua maklumat berkaitan harta modal dan inventori di bawah kawalannya bagi tahun 2008 kepada borang baru KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4 dan KEW.PA-5 dengan secepat mungkin. Semua harta modal dan inventori yang dimiliki sebelum tahun 2008 hendaklah disenaraikan dalam Senarai Daftar Harta Modal yang baru, KEW.PA-4 dan Senarai Daftar Inventori yang baru, KEW.PA-5.

i) Jabatan Ketua Menteri

Semakan Audit mendapati Unit Pentadbiran ada menyelenggara Daftar Harta Modal KEW.PA-2 melalui sistem berkomputer. Bagaimanapun ia hanya untuk merekod 13 daripada 96 (13.5%) kenderaan sahaja. Semakan Audit seterusnya mendapati maklumat/butiran dalam daftar tersebut tidak dicatat dengan lengkap dan tidak kemas kini. Daftar tersebut juga tidak dicetak dan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Maklumat Pada Daftar Harta Modal Tidak Lengkap

Bil.	No. Pendaftaran Kenderaan	Butiran Harta Modal										
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
1.	QSG2801	/	/	/	/	/	/	x	x	x	x	x
2.	QSG3180	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
3.	SG10AQ	x	/	x	/	x	x	x	x	x	x	x
4.	SG30AQ	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
5.	QSG7AQ	/	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x
6.	QSG100	/	/	/	/	/	x	x	x	x	/	x
7.	QSG2857	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
8.	SG85Q	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
9.	SG2800	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
10.	QSG2750	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x	x
11.	QSG2800	/	/	/	/	/	/	x	x	x	x	x
12.	QSG3810	/	/	/	/	/	x	x	x	x	x	x
13.	SG2020AQ	x	/	x	/	x	x	x	x	x	x	x

Sumber: Jabatan Ketua Menteri

Nota: / Ada Dicatat x Tidak Dicatat

a) Jenis/Jenama/Model

b) Buatan

c) No. Casis/Siri Pembuat

d) No. Pendaftaran (Bagi kenderaan)

e) Harga Perolehan Asal

f) Tarikh Diterima

g) No. Pesanan Rasmi Kerajaan

h) Tempoh Jaminan

i) Nama Pembekal Dan Alamat

j) Penempatan

k) Pemeriksaan

ii) Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit mendapati JKR tidak menyelenggara Daftar Harta Modal KEW.PA-2. Bagaimanapun JKR ada menyediakan Borang P.W.D. 66 iaitu *Sarawak Plant Record Card* bagi merekod maklumat berkenaan sesuatu aset. Semakan Audit seterusnya mendapati *Record Card* ini mengandungi semua data yang diperlukan dalam Daftar Harta Modal KEW.PA-2.

iii) Rumah Sarawak Kuala Lumpur

Semakan Audit mendapati Rumah Sarawak belum menggunakan borang KEW.PA. walaupun Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 4/2008. Pekeliling ini berkuatkuasa pada November 2008. Semakan Audit seterusnya mendapati Rumah Sarawak hanya menyelenggara Daftar Harta Modal (Kew.312) dan Daftar Inventori (Kew.313) bagi mendaftar dan merekod penerimaan harta modal dan inventori.

d) Daftar Pergerakan Harta Modal Tidak Disediakan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki Daftar Pergerakan Harta Modal KEW.PA-6 disediakan bagi merekodkan pergerakan harta modal termasuk pergerakan disebabkan pinjaman atau penempatan sementara.

Semakan Audit mendapati Unit Pentadbiran JKM, JKR dan RSKL belum menyediakan Daftar Pergerakan Harta Modal KEW. PA-6 bagi setiap kenderaan di bawah jagaan masing-masing. Bagaimanapun, JKR ada menyediakan buku daftar secara manual bagi mengetahui pergerakan sesebuah kenderaan.

- i) Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM, pada masa ini, Unit Pentadbiran menggunakan Borang Pinjaman Kenderaan Kerajaan bagi merekod pinjaman dan penempatan sementara kenderaan tersebut. Maklumat berkenaan pergerakan harta modal jabatan akan dilengkapi dalam borang daftar pergerakan harta modal KEW. PA 6 agar selaras dengan peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.*
- ii) Mengikut penjelasan JKR, Daftar Pergerakan Harta Modal KEW PA-6 bertujuan untuk pinjaman dalam tempoh jangka pendek. KEW PA-6 tidak digunakan kerana ia tidak relevan untuk tugas harian Seksyen Sewaan Kereta dan semua kereta ini dipandu oleh pemandu sendiri.*

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan daftar kenderaan di JKM dan Rumah Sarawak boleh dipertingkatkan lagi melalui penyediaan Daftar Harta Modal dan Daftar Pergerakan Harta Modal yang lengkap dan kemas kini. Daftar yang tidak lengkap menyebabkan pergerakan harta modal tidak dapat dikesan atau tiada pihak yang bertanggungjawab terhadap harta modal berkenaan. Justeru itu, tindakan segera perlu diambil untuk menyediakan Daftar Harta Modal dan Daftar Pergerakan Harta Modal.

e) Fail Sejarah Tidak Diwujudkan

Fail Sejarah disediakan untuk menyimpan data yang lengkap dan kemas kini serta memudahkan urusan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian kenderaan. Penyediaan fail sejarah yang lengkap dan kemas kini membolehkan Jabatan/Pejabat mendapatkan maklumat segera berkaitan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian kenderaan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

JKM mempunyai sistem berkomputer untuk menyimpan data mengenai sesebuah kenderaan seperti nombor pendaftaran dan jenis kenderaan, nama pemandu dan maklumat penyenggaraan serta nama bengkel/syarikat penyenggaraan. Bagaimanapun, pangkalan data tersebut tidak dikemaskinikan. Maklumat seperti salinan kad harta modal, salinan kad pendaftaran, dokumen pembelian, laporan pemeriksaan tahunan dan baucar bayaran berkaitan penyenggaraan serta pembaikan tidak disimpan dalam satu fail khas untuk memudahkan rujukan.

Menurut maklum balas, Unit Pentadbiran JKM mempunyai sistem pangkalan data berkomputer bagi menyimpan data berkenaan jenis kenderaan, nombor pendaftaran, nama pemandu dan maklumat penyenggaraan serta nama bengkel/syarikat tempat penyenggaraan. Unit ini mengambil kira pandangan pihak Audit dan mewujudkan semula sistem fail sejarah kenderaan bagi memudahkan proses rujukan.

Semakan Audit seterusnya di JKR mendapati satu fail inden disediakan di Seksyen *Receipt and Despatch* untuk merekod dokumen penerimaan dan pendaftaran kenderaan, manakala *system jobbing card* diguna untuk merekod semua penyenggaraan kenderaan. Rekod berkaitan penyenggaraan kenderaan di JKR adalah lengkap dan kemas kini.

Semakan Audit mendapati Rumah Sarawak telah menyediakan fail sejarah dengan lengkap dan kemas kini. Penyelenggaraan fail sejarah atau pangkalan data yang lengkap dan kemas kini sangat penting untuk merekodkan segala maklumat mengenai salinan kad harta modal, dokumen pembelian, laporan pemeriksaan tahunan dan baucar penyenggaraan dan pembaikan. Ini akan memudahkan sesuatu tindakan pelupusan diambil terhadap kenderaan yang mencapai tahap tidak ekonomi untuk dibaiki.

Pada pendapat Audit, JKM perlu menyediakan satu sistem fail yang mengandungi semua maklumat penting berkaitan kenderaan dan penyenggaraan. Sekiranya Jabatan menggunakan sistem berkomputer, maklumat ini perlu dikemaskinikan bagi memastikan maklumat adalah betul, tepat dan terkini.

5.4.4 Penyelenggaraan Kenderaan

Penyelenggaraan kenderaan bertujuan untuk memastikan kenderaan dapat berfungsi dengan lancar, selamat digunakan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan serta menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 dan Bab D, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, menjelaskan penyelenggaraan terbahagi kepada 2 jenis iaitu penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*) dan penyelenggaraan Pemulihan (*Corrective Maintenance*). Penyelenggaraan pencegahan adalah tindakan penyelenggaraan berjadual yang diambil untuk memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur supaya kenderaan dapat berfungsi dengan lancar secara berterusan. Penyelenggaraan Pemulihan ialah tindakan membaiki atau

mengganti komponen atau sumber fizikal supaya kenderaan dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati tindakan untuk menghantar kenderaan bagi tujuan penyenggaraan pemuliharaan dan pencegahan telah dilaksanakan di semua pejabat yang dilawati. Bagi tahun 2007 hingga 2009 sejumlah RM4.65 juta dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan kenderaan. Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan kenderaan bagi JKM menunjukkan peningkatan 9.9% dan 16.5% masing-masing pada tahun 2008 dan 2009. Kos penyenggaraan kenderaan JKR pula menurun 32.1% pada tahun 2008 dan meningkat 73.3% pada tahun 2009. Kos penyenggaraan RSKL pula menunjukkan penurunan 62.1% pada tahun 2008 dan 7.7% pada tahun 2009. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 5.14**.

Jadual 5.14
Kos Penyenggaraan Kenderaan

Bil.	Pejabat	Tahun					Jumlah (RM)
		2007 (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)	2008 (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)	2009 (RM)	
1.	Jabatan Ketua Menteri	1,112,302	9.9	1,221,958	16.5	1,423,229	3,757,489
2.	Jabatan Kerja Raya	289,677	(32.1)	196,582	73.3	340,618	826,877
3.	Rumah Sarawak Kuala Lumpur	29,556	(62.1)	18,235	(7.7)	16,828	64,619
Jumlah							4,648,985

Sumber: Rekod Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya Dan Rumah Sarawak Kuala Lumpur.

Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Bil. 5/2006 menetapkan supaya penyenggaraan kenderaan jabatan hendaklah menggunakan pusat servis dan bengkel yang diiktiraf. Sehubungan itu, JKM telah menyenaraikan sebanyak 275 pusat servis di seluruh negeri Sarawak. Analisis Audit mendapati sebahagian besar iaitu RM1.56 juta (51.8%) daripada kos kerja penyenggaraan bagi kenderaan rasmi Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kerja Raya dilakukan oleh Syarikat Chung Ching Motor Workshop, diikuti sejumlah RM0.68 juta (23.4%) dilakukan oleh Syarikat Hyperformance Automobile Sdn. Bhd. Kedudukan lapan bengkel/syarikat yang menerima kerja penyenggaraan tertinggi bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.15**.

Jadual 5.15
Kos Penyenggaraan Di Setiap Senarai Bengkel/Syarikat Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Nama Syarikat	Tahun			Jumlah Senggaraan (RM)	Peratus (%)
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)		
1.	Chung Ching Motor Workshop	399,990	552,769	563,563	1,516,322	51.8
2.	Hyperformance Automobile Sdn. Bhd.	263,705	257,931	161,962	683,598	23.4
3.	Eng Hong Schweizer Leather Trading	49,025	44,340	92,470	185,835	6.3
4.	Syarikat Hawa Dingin Hi-Cool	56,085	54,434	72,091	182,610	6.2
5.	Cahaya Car Air-Conditioning Supply & Maintenance	44,664	24,605	33,287	102,557	3.5
6.	Ismaco Sdn Bhd	47,115	1,507	47,610	96,232	3.3
7.	Austro Auto Services	33,446	34,451	17,112	85,009	2.9
8.	Golden Wheel Tyre & Battery Trading	405	10,313	64,192	74,910	2.6
Jumlah					2,927,072	

Sumber: Rekod Jabatan Ketua Menteri Dan Jabatan Kerja Raya

5.4.5 Perolehan Kereta Terpakai Dari Luar Negara

Pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah membeli sebanyak 20 kereta terpakai jenis Mercedes Benz 600SEL Sedan daripada Luar Negara untuk kegunaan semasa persidangan Majlis Raja-Raja ke 218 pada akhir Julai 2009. Kos perolehan keseluruhan kereta termasuk kos pengangkutan adalah sejumlah RM2.61 juta.

a) Kenderaan Lewat Didaftarkan

Perkara 4, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) menjelaskan setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.

Semakan Audit mendapati pada awal Mac 2010 hanya 18 daripada 20 kereta tersebut telah didaftarkan, manakala dua lagi masih dalam proses pendaftaran. Tempoh masa yang diambil untuk pendaftaran kereta tersebut mulai daripada tarikh penerimaan adalah antara 63 hingga 127 hari.

Menurut maklum balas JKR, pendaftaran bagi dua kenderaan telah selesai masing-masing pada 9 April 2010 dan 24 Jun 2010. Kelewatan pendaftaran adalah disebabkan kesilapan dalam dokumen kastam yang disediakan oleh agensi penghantaran dan kelewatan mengemukakan Laporan Pemeriksaan ke Woksyop Mekanik Pusat.

b) Dokumen Pengagihan Dan Penerimaan Kenderaan Tidak Dikemukakan

JKM telah memutuskan supaya 20 Mercedes Benz 600 SEL terpakai ini diagihkan kepada Menteri dan Pejabat yang memerlukan. Semakan Audit mendapati sehingga akhir Mac 2010, hanya 10 daripadanya telah diagihkan manakala 10 yang lain masih belum diagihkan dan lapan daripadanya rosak serta sedang dibaiki di tiga bengkel di Kuching. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.16**.

Jadual 5.16
Senarai Kereta Rosak Dan Sedang Dibaiki

Bil.	No. Pendaftaran	Lokasi
1.	SG10A	Hap Seng Auto
2.	QSG7011	
3.	QSG7015	
4.	QSG7017	Chung Ching Motor Workshop
5.	QSG7007	
6.	QSG7004	
7.	SG55Q	
8.	QSG7010	MB Lim Motor Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Ketua Menteri

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada dokumen disediakan bagi mengesahkan pengagihan dan penerimaan kereta tersebut.

Menurut maklum balas UPAK, setakat 20 Julai 2010, semua kenderaan ini telah siap dibaiki dan telah tiada lagi di bengkel-bengkel tersebut.

Pada pendapat Audit, pengagihan dan penerimaan kereta yang dilaksanakan masih boleh dipertingkatkan. Bagaimanapun, perakuan pengagihan dan penerimaan kereta perlu disediakan bagi memastikan kereta diterima oleh Jabatan/Pejabat berkenaan.

5.4.6 Pelupusan Lewat Dilaksanakan

Proses pelupusan dilakukan bagi mengeluarkan kenderaan daripada milikan dan kawalan sesebuah Jabatan/Pejabat mengikut prosedur serta kaedah yang ditetapkan. Perenggan 23 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, menjelaskan di antara objektif proses pelupusan dilakukan adalah untuk memastikan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan.

a) Jabatan Ketua Menteri

- i) Semakan Audit mendapati Unit Perhubungan Awam dan Korporat, JKM ada membuat permohonan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk melupuskan enam kenderaan rasmi pada Julai 2008. Laporan pemeriksaan dan penilaian oleh pihak JKR telah dibuat pada Jun 2007. Bagaimanapun, sehingga awal Mac 2010, proses untuk melupuskan kenderaan berkenaan belum selesai. Pemeriksaan Audit pada 9 Mac 2010 mendapati dua daripada enam kenderaan tersebut iaitu SG6Q dan QSG228 masih berada di tempat letak kereta di Bangunan Wisma Bapa Malaysia manakala empat kenderaan yang lain berada di JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.17**.

Jadual 5.17
Senarai Kenderaan Rasmi Dicapang Untuk Dilupuskan

Bil.	Jenis/Model Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Tarikh Perolehan	Harga Perolehan (RM)	Harga Penilaian JKR (RM)
1.	Mercedes Benz	SG3Q	23.10.1988	170,400	14,400
2.	Mercedes Benz	SG6Q	3.11.1990	173,500	12,500
3.	Mercedes Benz	SG7Q	2.5.1995	306,284	17,400
4.	Mercedes Benz	QSG228	17.10.1991	121,200	24,500
5.	Proton Saga	QSG707	2.12.1992	31,979	3,500
6.	Proton Perdana Executive	QSG2942	2.7.1998	114,406	11,500

Sumber: Jabatan Ketua Menteri

Dua kenderaan iaitu SG6Q dan QSG228 yang masih berada di tempat letak kereta di Bangunan Wisma Bapa Malaysia adalah seperti **Foto 5.1** dan **Foto 5.2**.

Foto 5.1

Kenderaan Untuk Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bapa Malaysia
Tarikh: 9 Mac 2010

Foto 5.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bapa Malaysia
Tarikh: 9 Mac 2010

Menurut maklum balas UPAK, enam buah kenderaan yang dimaksudkan di dalam laporan audit ialah SG 3Q, SG 6Q, SG 7Q, QSG 228, QSG 707 dan QSG 2942. Kenderaan-kenderaan tersebut telah diperiksa oleh JKR pada Jun 2007 untuk proses pelupusan. Disebabkan kad-kad pendaftaran kenderaan tersebut tidak dapat dikesan maka pelupusan kenderaan berkenaan tidak dapat diteruskan. Perkara ini lebih rumit disebabkan pertukaran pegawai pengangkutan dan juga ada di antara mereka yang telah berhenti dari perkhidmatan. Pihak kami sedang berusaha dengan pihak polis dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menyediakan kad-kad pendaftaran kenderaan berkenaan agar proses pelupusan kenderaan ini dapat dijalankan.

- ii) Pada tahun 2009, JKM juga telah menyenaraikan sebanyak 31 kenderaan termasuk tujuh motosikal milik JKM, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri dan Jabatan Agama Islam untuk dilupuskan. Kos perolehan bagi kenderaan tersebut adalah berjumlah RM2.33 juta dan telah digunakan bagi tempoh sembilan hingga 26 tahun. Oleh yang demikian, Setiausaha Kerajaan Negeri telah melantik empat pegawai sebagai Ahli Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Alih Kerajaan pada Ogos 2009 dan pemeriksaan terhadap kenderaan tersebut telah dijalankan di JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa. Pihak JKR telah mengemukakan Laporan Penilaian/ Pemeriksaan Mekanikal dan Perakuan Pelupusan (PEP) terhadap kenderaan tersebut pada Oktober 2009. Bagaimanapun, sehingga awal Mac 2010, proses pelupusan bagi kenderaan berkenaan belum selesai walaupun keputusan Jawatankuasa Pelupusan telah diperolehi pada 5 Januari 2010. Jawatankuasa Pelupusan telah memutuskan supaya 24 kenderaan dijual secara tender melalui Lembaga Tender Pusat Negeri dan tujuh motosikal dilupuskan sebagai besi buruk kepada JKR Scrap Iron Term Contractor seperti di **Jadual 5.18**.

Jadual 5.18
Senarai Kenderaan Untuk Pelupusan Pada Tahun 2009

Senarai Kenderaan Untuk Pelupusan Pada Tahun 2005							
Bil.	Jenis/Model Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Tarikh Perolehan	Jangka Hayat (Tahun)	Harga Perolehan (RM)	Harga Semasa Berdasarkan Penilaian JKR (RM)	Syor Kaedah Pelupusan
1.	Mercedes Benz Saloon 300SE (A)	QSG2525	6.8.1992	17	199,460	19,000	Dilupuskan secara jualan tender melalui Lembaga Tender Pusat Negeri dengan harga rizab berdasarkan harga semasa aset alih tersebut.
2.	Volvo Saloon 940L	QSG1803	14.8.1997	12	123,710	12,000	
3.	Volvo Saloon 940L	QSG2296	19.11.1994	15	99,971	9,000	
4.	Volvo Saloon 940L	SG111Q	21.4.1997	12	123,710	12,000	
5.	Volvo Saloon 940L	QSG1699	11.12.1996	13	120,352	12,000	
6.	Volvo Saloon 940L	QSG96	6.8.1997	12	123,710	12,000	
7.	BMW Saloon520i	QSG1636	16.4.1993	16	194,844	19,000	
8.	Proton Perdana Saloon 2.0A	QSG1668	17.7.2000	9	73,309	7,000	
9.	Mercedes Benz 300SE	QSG424	3.11.1990	19	172,500	17,000	
10.	Volvo Saloon 240L	QSG91	26.3.1991	18	74,545	7,000	
11.	Volvo Saloon 240L	QSG510	9.6.1992	17	86,167	8,000	
12.	Volvo Saloon 240L	QSG573	18.9.1992	17	89,787	8,000	
13.	BMW Saloon 520i	QSG1104	11.4.1990	19	65,516	6,000	
14.	Proton Perdana Saloon 2.0 (A)	QSG20	2.7.1998	11	114,406	11,000	
15.	Mercedes Benz Saloon 230E(A)	SG15Q	17.10.1991	18	121,200	10,000	
16.	Mercedes Benz Saloon 200E(A)	QSG227	17.10.1991	18	121,200	12,000	
17.	Proton Saga	SG3898AQ	23.9.1989	20	18,056	1,000	
18.	Mercedes Benz	SG9444	5.10.1985	24	68,929	2,000	
19.	Volvo Saloon Car	SG5775AQ	18.6.1991	18	84,567	2,000	
20.	Proton Saga	SG2249AQ	2.12.1983	26	25,000	1,000	
21.	Toyota Station Wagon	SG326AQ	20.11.1987	22	20,826	2,000	
22.	Mitsubishi Pajero Station Wagon	QSG301	5.11.1991	18	45,883	3,000	
23.	Volvo Saloon 240 GLA	SG666AQ	11.6.1984	25	35,198	2,000	
24.	Proton Perdana	QSG1877	19.7.1997	12	72,799	7,000	
25.	Motosikal Suzuki	Tiada Maklumat			9,500	30	Dilupuskan sebagai besi buruk (<i>scrap iron</i>) kepada JKR <i>Scrap Iron Term Contractor</i> .
26.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
27.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
28.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
29.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
30.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
31.	Motosikal Suzuki				9,500	30	
Jumlah					2,327,755	201,210	

Sumber: Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri

Lawatan Audit pada 28 Januari 2010, mendapati kenderaan ini masih berada di JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa seperti **Foto 5.3** hingga **Foto 5.6**.

Foto 5.3

Kenderaan Untuk Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.5

Kenderaan Untuk Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Menurut maklum balas Unit Pentadbiran JKM bertarikh 5 Mei 2010, kelulusan bagi proses pelupusan ini telah diperolehi pada 5 Januari 2010, namun ia ditunda kerana Unit Pentadbiran ingin mencadangkan semula agar kenderaan-kenderaan ini dilupus melalui jualan pukal. Namun, melalui satu perbincangan yang telah diadakan bersama pihak Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, telah diputuskan bahawa pelupusan kenderaan-kenderaan ini akan dilaksanakan melalui kaedah jualan tender melalui Lembaga Pusat Negeri dan juga melalui kaedah penjualan besi buruk. Untuk itu, Unit ini akan mengiklankan kenyataan tawaran tender pelupusan aset alih kerajaan melalui borang Kew. 21 dengan nombor tender JKM/UP/05/10. Pada 22 Jun 2010, JKM telah mengiklankan kenyataan tawaran tender pelupusan aset alih Kerajaan bagi 24 buah kenderaan tersebut dalam surat khabar tempatan.

b) Jabatan Kerja Raya

Lawatan Audit pada 28 Januari 2010, mendapati tujuh kenderaan milik JKR yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki masih disimpan di JKR Woksyop Mekanik Pusat di Batu Lintang dan Bintawa. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak JKR telah mengemukakan Laporan Penilaian/Pemeriksaan Mekanikal dan Perakuan Pelupusan terhadap kenderaan tersebut pada awal Januari 2010. Bagaimanapun, sehingga awal Mac 2010, permohonan pelupusan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri bagi mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pelupusan bagi enam kenderaan belum dibuat. Keputusan Lembaga Pelupusan bagi sebuah kenderaan Mitsubishi Station Wagon QSG1253 telah diperolehi iaitu secara jualan tender melalui Lembaga Tender Pusat Negeri. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.19** dan **Foto 5.7** hingga **Foto 5.12**.

Jadual 5.19
Kenderaan Rosak Belum Dilupuskan

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Jangka Hayat (Tahun)	Tarikh Lulus Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan	Harga Perolehan (RM)	Status Terkini Proses Pelupusan
1.	Mitsubishi Pajero	QSG 1255	16	4.1.2010	54,755	Permohonan pelupusan belum dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri bagi mendapatkan kelulusan pelupusan oleh Lembaga Pelupusan.
2.	Daihatsu Bus	SG2771A	21	6.1.2010	74,000	
3.	Mitsubishi Pajero	SG2629AQ	22	4.1.2010	42,462	
4.	Mitsubishi Pajero	SG3002AQ	20	4.1.2010	45,334	
5.	Toyota Cressida	QSG1582	18	4.1.2010	49,700	
6.	Toyota Pick-Up	SG9763Q	28	4.1.2010	29,305	Lembaga Pelupusan telah meluluskan pelupusan dibuat secara jualan tender melalui Lembaga Tender Pusat Negeri.
7.	Mitsubishi Station Wagon	QSG1253	16	4.1.2010	54,755	

Sumber: JKR Woksyop Mekanik Pusat

Foto 5.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.8

Kenderaan Rosak Belum Dilupus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.9

Kenderaan Rosak Belum Dilupus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.11

Kenderaan Rosak Belum Dilupus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Foto 5.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa
Tarikh: 28 Januari 2010

Kelewatan proses pelupusan menyebabkan ruang simpanan di JKR Woksyop Mekanik Pusat, Bintawa sesak dengan kenderaan yang tidak digunakan. Selain itu, nilai pelupusannya juga berkurangan disebabkan faktor usia kenderaan yang semakin meningkat dan keadaannya yang bertambah uzur kerana tidak diguna dan tidak dijaga dengan baik.

Menurut maklum balas JKR bertarikh 5 Mei 2010, KEW PA 17 untuk kesemua enam buah kenderaan iaitu QSG1255, SG2771A, SG2929AQ, SG3002AQ, QSG1582 dan SG9763 telah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak pada 25 Mac 2010. Kelewatan pelupusan enam buah kenderaan ini adalah proses pelupusan ini berlaku pada musim Tahun Baru Cina. Sebahagian kakitangan yang terlibat mengambil cuti panjang. Kakitangan kami belum biasa dengan Pekeliling baru. Contohnya, Lembaga Pemeriksa ini masih ingat prosedur lama di mana KEW PA 17 selepas diisi dihantar ke pihak pengguna.

Pada pendapat Audit, kelewatan pengurusan pelupusan menyebabkan Kerajaan Negeri kerugian kerana nilai pelupusan kenderaan semakin berkurangan dan terpaksa menyediakan ruang simpanan yang besar.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kenderaan boleh dipertingkatkan melalui pematuhan terhadap peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti dalam pengurusan kenderaan ialah kawalan yang lemah terhadap penggunaan kad inden, Invois dan Laporan Analisis Penggunaan Minyak tidak disediakan oleh Pegawai Pengangkutan, Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini, Fail Sejarah atau rekod mengenai kenderaan tidak disedia dengan lengkap dan tidak kemas kini serta tindakan pelupusan kenderaan lewat dilaksanakan. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kenderaan JKM, JKR dan RSK perlulah mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Menyemak invois dan menyediakan Laporan Analisis Penggunaan Minyak.
- b)** Kawalan terhadap kad inden perlu dilaksanakan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyelia kenderaan.
- c)** Mengemas kini Buku Log supaya pemantauan dan analisis terhadap penggunaan serta penyenggaraan kenderaan dan pembelian bahan api dapat dilaksanakan.
- d)** Mengemas kini Fail Sejarah atau rekod setiap kenderaan Jabatan/Pejabat.
- e)** Tindakan pelupusan perlu diambil dengan segera.

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK

6. PENGURUSAN PEMBANGUNAN SIFBAS

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 *State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System* (SIFBAS) dibangunkan oleh Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) melalui kontrak berjumlah RM1.50 juta. Kontrak telah ditandatangani oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKNS) dan SAINS dan dirancang pelaksanaannya dalam tempoh 2001 hingga 2010 termasuk kontrak *Enhancement* SIFBAS 2007. Kos penyenggaraan bagi tempoh 2004 hingga 2009 adalah berjumlah RM7.68 juta.

6.1.2 SIFBAS merupakan satu aplikasi yang mula dibangunkan pada tahun 2001 bagi memenuhi kehendak Kerajaan Negeri Sarawak supaya diwujudkan satu sistem perakaunan berkomputer yang bersepadu di Agensi Kerajaan Negeri. SIFBAS mengandungi empat komponen utama yang terdiri daripada kewangan, belanjawan, perakaunan dan aplikasi luaran. Sistem ini dirancang untuk dibangunkan dalam tempoh 2001 hingga 2010 melalui lima fasa bagi 20 modul utama seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Fasa Perancangan Pembangunan SIFBAS

Fasa	Tahun	Modul Dibangunkan (<i>Deliverables</i>)	Agensi Terlibat	Status
I	2001-2002	<i>Warrant Management, Vote Ledger And Expenditure Accrual Accounting System (EASy).</i>	Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Residen dan Daerah Samarahan.	Siap
II	2003	<i>Warrant Management, Vote Ledger And Expenditure Accrual Accounting System (EASy).</i>	Semua Agensi Negeri (<i>State Wide Roll Out</i>).	Siap Lejar Vot – Dalam Proses Pemantauan
III	2004	<i>Cashbook Management, General Ledger And Inter-Departmental Charging (IDC).</i>	Semua Agensi Negeri	Siap Lejar Am – Dalam Pelaksanaan
	2005-2006	<i>Migration: State Consolidated Accounting System, Auto Cashbook And Voucher & Cheque Management System.</i> <i>New Budgeting System And Receipting System.</i>	Semua Agensi Negeri Satu <i>pilot</i> Agensi	Siap SCAS – Dalam Proses Pemantauan Siap
IV	2007-2008	<i>Application For Virement And Receipting System Implementation Trust Accounts Management System.</i>	Semua Agensi Negeri	Siap
V	2009-2010	<i>Final Phase And Focus On Corporate Financial:</i> • <i>Investment Management</i> • <i>Financial Analysis</i> • <i>Management Control</i> • <i>Capital Resource Management</i>	Semua Agensi Negeri	Belum Mula

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

Sehingga akhir tahun 2009, empat modul belum dibangunkan, lapan modul tidak dapat ditentukan status pelaksanaannya dan lapan modul utama telah dilaksanakan dan beroperasi melalui infrastruktur SarawakNet seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Butiran Modul SIFBAS Yang Telah Beroperasi

Fasa	Modul	Status
III/IV	<i>New Budgeting System (NBS)</i>	Siap
I/II/IV	<i>Warrant Management</i>	Siap
III	<i>General Ledger</i>	Dalam Pelaksanaan
I	<i>Vote Ledger</i>	Dalam Proses Pemantauan/Percubaan
-	<i>Accounts Payable</i>	Siap
-	<i>Accounts Receivable</i>	Mula Digunakan Pada Tahun 2009
III	<i>Cash Book Management</i>	Siap (tetapi 2 sub modul tambahan iaitu <i>e-banking</i> dan <i>bank reconciliation</i> masih dalam pelaksanaan)
-	<i>Trust Accounts Management</i>	Dalam Pelaksanaan

Sumber: Situational Analysis Report April 2009

6.1.3 Pembangunan SIFBAS adalah untuk melaksanakan fungsi seperti kawalan bajet dan perbelanjaan, pemantauan pengurusan kewangan, memperkenalkan serta melaksanakan sistem perakaunan secara akrual, penyesuaian bulanan antara rekod Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan rekod Perbendaharaan Negeri Sarawak, mempercepatkan penyediaan Akaun Bulanan dan menyediakan sistem kewangan, bajet dan perakaunan yang bersepadu.

6.1.4 Tujuan pelaksanaan SIFBAS adalah untuk memantapkan lagi sistem kawalan perbelanjaan, memberi maklumat kewangan yang tepat serta sistem pengurusan kewangan yang lebih berkesan dan efisien.

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan dan pengurusan SIFBAS telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pembangunan dan pelaksanaan SIFBAS daripada tahun 2001 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di PSKNS, SAINS, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTU), Jabatan Ketua Menteri Sarawak serta 12 PTJ di Bahagian Kuching.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak perjanjian SIFBAS dan dokumen berkaitan polisi keselamatan untuk menentukan sama ada ianya telah dipatuhi. Pemeriksaan dan penilaian juga dijalankan terhadap aspek kawalan am, aplikasi, rangkaian, pembangunan sistem serta *Post Implementation Review*. Semakan juga dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan melalui SIFBAS dalam bentuk salinan *hardcopy* dan *softcopy* di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ yang dipilih. Analisis terhadap sampel maklumat dan data SIFBAS menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) dibuat untuk memastikan integriti data dari aspek kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan data. Selain itu, lawatan ke 12 PTJ serta perbincangan dengan pengguna juga telah dijalankan. Borang soal selidik diedarkan kepada 47 pengguna yang terlibat dengan SIFBAS serta dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science* (SPSS).

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pembangunan SIFBAS adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah pembangunan sistem SIFBAS tidak berintegrasi, amalan percubaan selari masih diteruskan walaupun telah dilaksanakan selama lapan tahun, kod punca tidak dimiliki oleh Kerajaan Negeri, pengasingan tugas tidak dilaksanakan di peringkat PTJ, integrasi modul SIFBAS belum dilaksanakan, jejak Audit yang disediakan tidak menyeluruh dan amalan terbaik pengurusan kata laluan tidak dipatuhi. Usaha penambahbaikan ada dilakukan oleh PSKNS seperti SAINS diberi tanggungjawab menyimpan dan menjaga kod punca, kenyataan dalam kontrak baru telah ditambah klausa kod punca adalah hak milik Kerajaan Negeri, kerja penyenggaraan dan menyediakan latihan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan dan usaha penambahbaikan adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Pelaksanaan SIFBAS Tidak Mengikut ISP

Rancangan Pembangunan Sistem atau Pelan Strategik IT (ISP) perlu disediakan dan dikaji sebelum membangunkan projek selaras dengan amalan terbaik kitaran pembangunan sistem.

Majlis Teknologi dan Sumber Maklumat Negeri (Majlis) telah meluluskan permohonan bajet bagi penyediaan ISP SIFBAS dalam Mesyuarat Majlis Bil. 2000/01 pada pertengahan Februari 2000. ISP ini bertujuan untuk membangun pelan IT dalam urusan pentadbiran sistem kewangan Negeri secara *integrated*. Semakan Audit mendapati dokumen ISP disediakan oleh SAINS dan hanya disiapkan pada Mac 2001. Antara serahan (*deliverables*) dalam ISP adalah modul aplikasi dan maklumat SIFBAS, pelan pelaksanaan dan pembangunan SIFBAS serta isu yang dijangka dalam pelaksanaan SIFBAS.

ISP tersebut menyentuh antara kelemahan sistem sedia ada seperti berikut:

a) Ketiadaan Pelan Induk Yang Menyeluruh Bagi Sistem Perakaunan Dan Kewangan Negeri

Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan induk yang merangkumi keseluruhan *spectrum* bagi proses yang berkaitan dengan pentadbiran sumber kewangan Negeri yang mana sistem pengkomputeran kewangan Negeri hanya dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri.

Menurut maklum balas PSKNS, pihaknya sedar mengenai ketiadaan pelan induk bagi sistem perakaunan dan kewangan negeri yang menyeluruh, kekurangan integrasi sistem aplikasi, dan masalah pelaksanaan dan penyenggaraan yang dibangkitkan. Ini disebabkan oleh ketiadaan Project Manager atau pegawai khas bagi pembangunan SIFBAS, peruntukan yang tidak mencukupi dan infrastruktur yang tidak sempurna.

b) Kekurangan Integrasi Antara Sistem Aplikasi

Sistem kewangan dan perakaunan di Negeri Sarawak telah dibangunkan sebagai *stand alone systems*. ISP tersebut juga menyatakan bahawa terdapat sedikit integrasi antara sistem perakaunan dan kewangan semasa dengan lain-lain sistem berkomputer Kerajaan.

Berdasarkan *Situational Report Analysis* yang disediakan pada April 2009 oleh SAINS, pembangunan SIFBAS adalah tidak menyeluruh dan ianya berdasarkan *need basis* dan kaedah holistik tidak diambil kira semasa pembangunan dan pelaksanaan projek SIFBAS.

Menurut maklum balas PSKNS, semasa pembangunan SIFBAS, ISP tidak dapat diambil kira sepenuhnya. Ianya dibatasi oleh peruntukan tahunan yang tidak mencukupi dan infrastruktur tidak sempurna yang menyebabkan kesukaran akses. Oleh itu, kebanyakan pembangunan dilaksanakan secara modul basis dan tidak di integrasi dengan sistem lain. Bagaimanapun, setiap module berjaya memenuhi tujuannya.

Menyusul daripada itu, pihak PSKNS dalam tahun 2009 mengambil dua juru analisa sistem (dipinjam daripada SAINS) untuk membuat analisis secara menyeluruh mengenai keberkesanan SIFBAS. Daripada itu, Situational Analysis Report telah disediakan oleh PSKNS dan pihak Majlis dalam mesyuaratnya pada 29 Mei 2009 telah meluluskan pelan pembangunan semula SIFBAS yang akan bermula pada tahun 2010. Tujuan utama pembangunan semula SIFBAS ialah supaya ianya holistic dan berintegrasi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan SIFBAS tidak selari dengan apa yang ditetapkan dalam ISP terutama dalam integrasi sistem dan *client server*. Pembangunan SIFBAS tidak mempunyai keseluruhan spektrum bagi proses yang berkaitan dengan pentadbiran sumber kewangan negeri.

6.4.2 SIFBAS Belum Beroperasi Sepenuhnya

Mengikut draf akhir ISP PSKNS tahun 2001, modul SIFBAS perlu diintegrasikan bagi menyokong aplikasi yang dibangunkan untuk kecekapan serta keberkesanan SIFBAS. Integrasi antara modul juga penting bagi mengelakkan sebarang pertindihan dalam proses kerja serta maklumat.

Semakan Audit mendapati integrasi antara modul tidak dinyatakan dalam perjanjian SIFBAS dan *Situational Analysis Report* walaupun telah dicadangkan dalam dokumen ISP PSKNS. Berdasarkan *Situational Analysis Report* pada April 2009, SIFBAS telah dilaksanakan mulai tahun 2001 namun sistem ini tidak beroperasi sepenuhnya kerana sebahagian modul tidak dibangunkan. Empat daripada 20 modul utama SIFBAS belum dibangunkan lagi. Modul dan sub-modul yang belum dibangunkan setakat akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Modul Dan Sub-Modul SIFBAS Belum Dibangunkan

Bil.	Modul	Sub-modul	Kumpulan	Dirancang (Tahun)	Status
1.	<i>Performance Analysis</i>	<i>Key Performance Indicator Performance Evaluation Cost Analysis</i>	Bajet	2001	Belum dibangunkan
2.	<i>Financial Analysis</i>	<i>Cash Flow Planning Revenue and Expenditure Analysis</i>	Kewangan	2001	Belum dibangunkan
3.	<i>Management Control</i>	<i>Internal Audit External Audit</i>	Kewangan	2001	Belum dibangunkan
4.	<i>Capital Resource Management</i>	<i>Fund Sourcing Fund Application & Disbursement</i>	Kewangan	2001	Belum dibangunkan

Sumber: *Situational Analysis Report April 2009, PSKNS*

Modul Perakaunan SIFBAS tanpa *client-server* tidak dapat memenuhi kehendak keseluruhan sistem kewangan Perbendaharaan Negeri kerana SIFBAS berhubung kait dan bergantung sepenuhnya kepada proses muatnaik data dengan lain-lain modul SIFBAS. Ketiadaan integrasi antara modul telah mengakibatkan kelewatan dalam penutupan akaun tahunan. Proses import dan export data untuk penutupan akaun harian masih dibuat secara manual melalui *State Consolidated Accounting System (SCAS)*. Berdasarkan *Situational Analysis Report* 'Daily Closing is achieved through human interventions whereby the process of import/export data is manually activated'.

Semakan Audit mendapati prestasi penyerahan Penyata Kewangan Negeri untuk pengauditan adalah masih lewat antara satu hingga dua bulan seperti di **Jadual 6.4**. Bagaimanapun penyata kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 telah berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara lebih awal iaitu pada 31 Mac 2010.

Menurut maklum balas PSKNS, penggunaan SCAS akan dikaji semula semasa pembangunan semula SIFBAS.

Jadual 6.4
Prestasi Penyerahan
Penyata Kewangan Negeri Untuk Tujuan Pengauditan

Bil.	Tahun Berakhir Penyata Kewangan Negeri	Tarikh Serahan Pertama Untuk Pengauditan
1.	31 Disember 2000	8 Mei 2001
2.	31 Disember 2001	21 Mei 2002
3.	31 Disember 2002	5 Mei 2003
4.	31 Disember 2003	12 Mei 2004
5.	31 Disember 2004	20 Mei 2005
6.	31 Disember 2005	22 Mei 2006
7.	31 Disember 2006	29 Jun 2007
8.	31 Disember 2007	30 April 2008
9.	31 Disember 2008	24 April 2009
10.	31 Disember 2009	31 Mac 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara Setakat 29 April 2010

Pada pendapat Audit, pembangunan SIFBAS tidak mencapai apa yang dirancang kerana SIFBAS masih belum beroperasi sepenuhnya.

6.4.3 Amalan Percubaan Selari (*Parallel Run*) Masih Berterusan Selama Lapan Tahun

Berdasarkan Perjanjian Fasa 3 *State wide roll-out*, amalan percubaan selari hendaklah dihentikan pada akhir Disember 2005.

Semakan Audit mendapati amalan percubaan selari masih berterusan walaupun SIFBAS telah dilaksanakan selama lapan tahun sejak tahun 2001. Berdasarkan temu bual dengan 47 responden SIFBAS didapati penyenggaraan Buku Vot secara manual dan berkomputer masih diteruskan kerana SIFBAS belum beroperasi sepenuhnya. Percubaan selari diteruskan sekian lama disebabkan sistem yang kurang stabil dan modul tidak berintegrasi sepenuhnya. Amalan ini telah mengakibatkan pembaziran masa dan tenaga pengguna.

Menurut maklum balas PSKNS, SIFBAS bukan sahaja tidak berintegrasi sepenuhnya tetapi ada modul yang masih tidak beroperasi dengan sempurna (not stable) di mana data untuk penyesuaian sukar didapati. Oleh itu, pengguna tidak ada keyakinan penuh untuk menggunakan automasi sepenuhnya malah terus mengamalkan percubaan selari.

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan SIFBAS tidak tercapai kerana integrasi modul tidak dilaksanakan dan amalan percubaan selari masih berterusan walaupun pembangunan sistem telah dilaksanakan selama lapan tahun.

6.4.4 Kod Punca SIFBAS Tidak Dimiliki Oleh Kerajaan

Kod Punca atau *Source Code* SIFBAS adalah dokumen penting yang perlu diperolehi dan disimpan oleh PSKNS bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sarawak. Semua garis panduan yang dikeluarkan perlu diperolehi daripada PSKNS dan dijadikan rujukan semasa menjalankan tugas.

Semakan Audit mendapati Klausula 11 dalam Perjanjian antara PSKNS dengan SAINS menyatakan kod punca adalah hak milik SAINS. SAINS juga memiliki hak milik harta intelektual kepada sistem aplikasi dan akses kepada *database engine*. Ini menyebabkan PSKNS masih bergantung kepada SAINS untuk penyenggaraan dan penambahbaikan aplikasi SIFBAS. Ini juga mengakibatkan PSKNS terpaksa menanggung sejumlah RM7.68 juta kos penyenggaraan SIFBAS sehingga tahun 2009 dan RM0.50 juta bagi kos latihan seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Pelaksanaan Dan Kos Latihan Mengikut Kontrak

Fasa	Perkara	Kumpulan Profesional (Bil. Peserta)	Kumpulan Sokongan (Bil. Peserta)	Jadual	Tarikh Dilaksanakan	Kos (RM)
I	Latihan <i>Pilot User</i>	127	755	Februari 2002	13.3.2003 – 12.12.2003	68,360
I	Persediaan latihan untuk agensi			21.3.2002 – 27.3.2002		
I	Latihan			28.3.2002 – 3.4.2002		
II	Latihan untuk pengguna	10	48	Januari 2003 – Mei 2003	18.6.2006 – 13.3.2008	417,684
III	Latihan			Oktober 2005		10,500
Jumlah						496,544

Sumber: PSKNS - Kontrak PRJ/P/11-2002/SFS (02), Kontrak PRJ/P/04-2003/SFS (11), Kontrak PRJ/P/SFS/11- 2005 (37) dan Kontrak PRJ/PA/SFS/09-2007 (12)

Menurut maklum balas PSKNS, SAINS adalah syarikat hak milik penuh Kerajaan Negeri dan telah dilantik sebagai Solution Provider dalam Sistem Pengurusan ICT Dalam Perkhidmatan Awam Negeri. SAINS juga telah diberi mandat untuk menyimpan dan menjaga Source Code bagi pihak Kerajaan Negeri. Untuk menjaga kepentingan Source Code, kenyataan yang sedia ada telah dikemas kini dalam kontrak baru dengan klausa "Source Code adalah hak milik Kerajaan Negeri". SAINS diarah untuk melaksanakan penyenggaraan, penambahbaikan aplikasi SIFBAS serta menyediakan latihan pengguna memandangkan SAINS adalah Service Provider ICT untuk Kerajaan Negeri.

6.4.5 Pengurusan Capaian Logikal

Kawalan capaian logikal perlu diwujudkan bagi memastikan capaian pengguna ke aplikasi dan pangkalan data adalah dihadkan kepada pegawai yang mempunyai keperluan kerja yang berkaitan sahaja. Ia juga penting bagi mengelakkan pengubahsuaian terhadap aplikasi SIFBAS dibuat tanpa kelulusan. Mengikut Arahan Perbendaharaan 70 serta Arahan Keselamatan ICT 20.1.6 perlu ada pengasingan tugas di mana fungsi penyedia dan penyemak dokumen kewangan penting dan dilaksanakan oleh dua pegawai yang berlainan dan diberi hak akses minimum kepada pengguna bagi mengurangkan risiko kecuai atau penyalahgunaan sistem yang disengajakan.

Semakan Audit terhadap pengurusan capaian logikal SIFBAS mendapati tiada pengasingan tugas bagi pegawai yang penyedia dan melulus pembayaran. Semakan Audit seterusnya terhadap 112 baucar bagi tempoh Januari hingga Disember 2009 di 12 PTJ yang dilawati mendapati empat pegawai di empat PTJ yang terlibat diberi akses ke aplikasi SIFBAS untuk peranan sebagai penyedia dan penyemak berlaku. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Butiran Had Akses Pengguna SIFBAS

Bil.	Agensi	Penemuan
1.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Peranan Penyedia dan Penyemak dijalankan oleh pegawai yang sama.
2.	Kementerian Perumahan	Peranan Penyedia dan Penyemak dijalankan oleh pegawai yang sama.
3.	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan	Peranan Penyedia dan Penyemak dijalankan oleh pegawai yang sama.
4.	Majlis Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	Peranan Penyedia dan Penyemak dijalankan oleh pegawai yang sama.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Perkara ini berlaku kerana kekurangan kakitangan di empat PTJ tersebut. Amalan ini tidak selaras dengan AP dan Arahan Keselamatan ICT yang boleh menyebabkan penyalahgunaan wang berlaku. Ini mengakibatkan kawalan automasi tidak diwujudkan dalam sistem untuk menyekat akses capaian. Analisis ke atas data ID tidak dapat dijalankan kerana jejak Audit SIFBAS tidak menyeluruh kerana ia tidak mengandungi maklumat terperinci, aktiviti dan proses yang melibatkan pengguna.

Menurut maklum balas PSKNS, Pekeliling Perbendaharaan No. 2/72 mewajibkan tiga orang pegawai menandatangani baucar bayaran dengan nilai melebihi RM10,000 dan dua orang penandatangan untuk baucar bayaran bernilai kurang daripada RM10,000. Bagaimanapun, terdapat jabatan yang menghadapi masalah untuk mematuhi Pekeliling ini terutama di peringkat Bahagian/Daerah/Daerah Kecil disebabkan kekurangan kakitangan sokongan di bawah skim gunasama (N) dan skim kewangan (W). Menyedari perkara ini, Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri No.3/2007 bertarikh 12 Julai 2007 telah dikeluarkan yang mengehendaki jabatan yang menghadapi masalah kepatuhan di atas untuk merujuk kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk arahan selanjutnya.

6.4.6 Jejak Audit

Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh MAMPU pada Disember 2007 menetapkan supaya cubaan untuk akses ke sistem yang tidak dibenarkan dan maklumat lain yang berkaitan dengan keselamatan sistem direkodkan dan dipantau oleh Pengurus Keselamatan. Log, laporan dan kemudahan pemantauan yang perlu diwujudkan termasuk:

- Log cubaan akses yang tidak dibenarkan;
- Log penyenggaraan profil dan jadual keselamatan;
- Log penggunaan fungsi penting dan kritikal;
- Log aktiviti pengguna istimewa (*privileged user*); dan
- Log akses kepada fail log sistem.

Sebarang cubaan akses yang tidak dibenarkan dan ketidakpatuhan polisi keselamatan yang lain hendaklah dilaporkan dan disiasat oleh Pengurus Keselamatan. Berdasarkan *Situational Analysis Report* April 2009, SIFBAS ada mempunyai log jejak Audit tetapi ianya tidak merekodkan pelbagai maklumat cubaan akses ke sistem, aktiviti pengguna dan transaksi

yang diproses dalam sistem. Aplikasi jejak Audit dalam SIFBAS juga tidak meliputi fungsi dan keperluan Audit.

Log jejak Audit yang sedia ada dalam sistem SIFBAS yang tidak dapat digunakan merupakan satu pembaziran. Ketidadaan log jejak Audit yang mencukupi menyebabkan PSKNS menghadapi risiko integriti dan keselamatan data seperti pencerobohan pangkalan data, pengubahsuaian data dan program tanpa kebenaran atau pengetahuan pengguna serta penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini boleh mengakibatkan risiko integriti serta pencerobohan pangkalan data SIFBAS.

Menurut maklum balas PSKNS, Kerajaan Negeri sedang mengkaji Arahan Teknologi Maklumat Disember 2007 yang diterima baru-baru ini dan akan dibentangkan ke Kabinet untuk mendapat kelulusan adaptasi ke Agensi Kerajaan Negeri. Jejak Audit yang diterima pakai akan built-in semasa pembangunan semula SIFBAS. Sistem tersebut mempunyai keupayaan memberi amaran secara automatik mengenai insiden yang menggugat keselamatan sistem serta menjana laporan yang berkaitan. ICT Security Officer (ICTSO) yang dilantik di setiap agensi dipertanggungjawab untuk mengemukakan laporan tersebut kepada Sarawak Computer Emergency Response Team (QCERT). QCERT berperanan untuk menyiasat dan mengambil tindakan lanjutan terhadap laporan insiden terhadap ketidakpatuhan Polisi Keselamatan ICT. Jejak Audit sedia ada memenuhi keperluan keselamatan sistem semasa ia dibangunkan pada tahun 2001.

Pada pendapat Audit, jejak Audit yang disediakan dalam SIFBAS adalah kurang memuaskan kerana tidak mengandungi maklumat terperinci yang mencukupi.

6.4.7 Pengurusan Kata Laluan

Dokumen Polisi Keselamatan ICT menetapkan langkah keselamatan mengenai penggunaan kata laluan untuk capaian ke rangkaian yang perlu dipatuhi. Antaranya adalah:

- mempunyai sekurang-kurangnya lapan (8) aksara.
- ditukar sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 90 hari.
- Dirahsiakan.
- menggunakan kombinasi huruf dan nombor (*alphanumeric*).

Semakan Audit mendapati Polisi Keselamatan ICT berkaitan dengan kata laluan tidak dipatuhi sepenuhnya. Analisis Audit terhadap borang soal selidik mendapati perkara berikut:

- 61.7% kata laluan pengguna kurang dari lapan aksara dan tidak *alphanumeric*; dan
- 55.3% pengguna tidak mematuhi tempoh penukaran kata laluan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 90 hari.

Semakan Audit juga mendapati kawalan automasi tidak diwujudkan dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna yang tidak menukar kata laluan semasa *log in* kali

pertama, cubaan *log in* dengan menggunakan kata laluan salah melebihi tiga kali dan kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari.

Antara sebab Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SIFBAS berkaitan ID Pengguna dan Kata laluan tidak dipatuhi sepenuhnya. Ini adalah kerana keperluan merahsiakan (*encrypted*) kata laluan dan keperluan mewujudkan kawalan automasi dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna terlibat tidak diambil kira oleh PSKNS semasa SIFBAS dibangunkan. Selain itu, pengguna tidak faham dan mengetahui kepentingan merahsiakan dan menukar kata laluan.

Analisis Audit terhadap 47 borang soal selidik yang diedarkan mendapati 55.3% responden tidak pernah menukar kata laluan, manakala 42.6% ada menukar kata laluan sekali dalam tempoh tiga bulan seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Maklum Balas Soal Selidik Audit

Bil.	Kekerapan Menukar Kata Laluan	Responden	
		Bilangan	(%)
1.	Dua Bulan Sekali	1	2.1
2.	Tiga Bulan Sekali	20	42.6
3.	Tidak Pernah Ditukar	26	55.3

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Menurut maklum balas PSKNS, pengguna aplikasi Kerajaan Negeri digalakkan untuk mengambil langkah keselamatan terhadap kata laluan melalui beberapa langkah seperti berikut:

- a) Penyediaan dokumen Polisi Keselamatan ICT.
- b) Menganjur program kesedaran, berkongsi Best Practise kepada pengguna mengenai keselamatan ICT melalui seminar dan taklimat ICT.
- c) Pengguna aplikasi juga diberi maklumat mengenai kepentingan keselamatan ICT semasa sesi latihan penggunaan aplikasi.
- d) Ketua jabatan dikehendaki untuk menguatkuasa Polisi Keselamatan ICT di agensi masing-masing.
- e) Ketua pegawai maklumat (CIO), penolong ketua pegawai maklumat (ACIO) dan Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) yang dilantik di agensi dipertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat serta memastikan penjawat awam di agensi mematuhi Polisi Keselamatan.
- f) Dokumen Polisi Keselamatan telah dipaparkan di SarawakNet homepage.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan pada tahun 2010 untuk melaksanakan penguatkuasaan Polisi Keselamatan ICT melalui sistem keselamatan yang dibangunkan dalam aplikasi.

6.4.8 Penggunaan Public Key Infrastructure (PKI)

Penggunaan PKI ialah penggunaan kad pintar untuk capaian ke sistem dan melaksanakan tandatangan digital terhadap dokumen kewangan penting. Penggunaan PKI ini bertujuan

memelihara integriti data di mana *encrypted data* dapat dibaca semula oleh pihak yang dibenarkan sahaja.

Analisis Audit terhadap 47 borang soal selidik mendapati pengguna SIFBAS tidak mempunyai kad pintar untuk capaian sistem. Adalah dicadangkan penggunaan PKI diambil kira untuk mengukuhkan lagi kawalan keselamatan berbanding dengan penggunaan ID pengguna dan kata laluan.

Menurut maklum balas PSKNS, penggunaan PKI akan dipertimbangkan dalam pembangunan semula SIFBAS.

Pada pendapat Audit, pengurusan ID Pengguna dan kata laluan SIFBAS adalah kurang memuaskan. Dari aspek keselamatan data, SIFBAS terdedah kepada risiko integriti seperti pencerobohan pangkalan data, pengubahsuaian data dan program tanpa kebenaran atau pengetahuan pengguna serta penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

6.4.9 Maklum Balas Pengguna SIFBAS

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 12 PTJ untuk mendapat maklum balas pengguna SIFBAS berkenaan masalah yang dihadapi. Objektif soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti kepuasan pelanggan terhadap SIFBAS. Sebanyak 47 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna SIFBAS dan semua borang telah dikembalikan. Analisis Audit terhadap borang soal selidik adalah seperti berikut:

- a) 64% responden menyatakan sistem *hang* berlaku lebih dari sekali seminggu.
- b) 68.1% responden menyatakan kata laluan hanya mengandungi empat hingga tujuh aksara.
- c) 61.7% responden menyatakan kata laluan tidak merangkumi gabungan huruf dan nombor (*alphanumeric*).
- d) 83% responden menyatakan sistem tidak memberi peringatan berkala mengenai penukaran kata laluan.
- e) 55.3% responden tidak pernah menukar kata laluan.
- f) 72.3% responden menyatakan sistem tidak menetapkan had cubaan *log in*.

Menurut maklum balas PSKNS, semua cadangan Audit dan ulasan pengguna akan diteliti dan dipertimbangkan untuk pembangunan semula SIFBAS. Mengenai kata laluan yang kurang daripada lapan aksara (b), tidak merangkumi gabungan huruf dan nombor (d), dan peringatan berkala bagi penukaran kata laluan (e) pihak ICTU sedang berusaha dengan SAINS untuk memasukkan ciri-ciri tersebut ke dalam SIFBAS.

6.4.10 Cadangan Penambahbaikan Oleh Pengguna

Pengguna telah memberi ulasan serta cadangan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Kelajuan *Server* dan *Network* perlu dipertingkatkan.
- b) Kekerapan sistem *hang* dikurangkan.

- c) Memastikan sistem lebih mesra pengguna.
- d) Membolehkan penyedia membuat perubahan sebelum penyemak meluluskan transaksi.
- e) Tempoh penyimpanan data SIFBAS dipanjangkan ke tujuh tahun selaras dengan Arahan Perbendaharaan.
- f) Proses kerja EASy dipendekkan.
- g) Kursus SIFBAS juga diadakan untuk *viewer*.
- h) Modul *Application for Supplementary* seperti baki automatik dan tidak perlu dikunci masuk secara manual.
- i) Sistem perlu dilengkapi dengan senarai semak supaya baucar bayaran manual tidak perlu dihantar ke Perbendaharaan Negeri.
- j) Sub-modul *Supplier Setup* dapat menerima input sekiranya nama pembekal dikunci masuk dua kali.
- k) Modul *Inter-Department Charging* perlu dilengkapi *pop-ups* bagi memberi peringatan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan seterusnya.

Menurut maklum balas PSKNS, semua cadangan Audit dan ulasan pengguna akan diteliti dan dipertimbangkan untuk pembangunan semula SIFBAS.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan pembangunan SIFBAS perlu dipertingkatkan dari segi mengurus dan memantau pengurusan pembangunan termasuk aspek infrastruktur rangkaian dan operasi. Sehingga kini SIFBAS tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan memenuhi kehendak pengguna. Bagi mengatasi kelemahan dalam pelaksanaan projek pengkomputeran ini, adalah disyorkan supaya PSKNS memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Semasa peringkat pembangunan sistem, setiap peringkat dalam Kitaran Pembangunan Sistem hendaklah dipatuhi sepenuhnya.
- b) Integrasi modul SIFBAS perlu disediakan berdasarkan keperluan dan kepentingan pengguna.
- c) Kod punca hendaklah dimiliki oleh Kerajaan Negeri.
- d) Pengasingan tugas hendaklah dilaksanakan.
- e) Jejak Audit perlu mengandungi maklumat transaksi lengkap dan terperinci.
- f) Kawalan keselamatan sistem seperti kerahsiaan kata laluan hendaklah diberi penekanan.

JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

7. PENGURUSAN AKTIVITI PENGAMBILAN PASIR DAN KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) bertanggungjawab mengurus pengeluaran lesen bahan batuan iaitu batu kuari, tanah, pasir dan batu kelikir serta membuat pungutan royalti terhadap bahan batuan yang dipindah daripada Tanah Kerajaan, Tanah Rezab, Tanah Hak Adat Bumiputera dan Tanah Berhakmilik. Pengeluaran pasir di Negeri Sarawak, dilakukan dengan menggunakan kaedah pengambilan (*extraction*). Mengikut perundangan Negeri, pengambilan pasir merujuk kepada pengeluaran pasir sungai untuk projek pembinaan.

7.1.2 Pengurusan aktiviti perlombongan pasir yang baik boleh mengurangkan mendapan pasir di dasar sungai, mengelakkan kejadian banjir dan menjana ekonomi Kerajaan Negeri melalui bayaran royalti pasir oleh pengusaha. Bagaimanapun, kegiatan pengambilan pasir sungai secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa masalah seperti hakisan tebing sungai, pencemaran kualiti air sungai, mendapan di bahagian saluran pengambilan air (*water intakes*), gangguan kepada kehidupan akuatik dan kemusnahan flora dan fauna.

7.1.3 Permohonan lesen pengambilan pasir diluluskan oleh Menteri Perancangan Dan Pengurusan Sumber melalui JTS seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 32 Kanun Tanah Sarawak (KTS) 1958. Pengeluaran lesen dan pungutan royalti pengambilan pasir dilakukan di JTS Bahagian masing-masing. Syarat untuk menjalankan aktiviti pengambilan pasir dan kadar royalti pasir yang perlu dibayar adalah ditetapkan oleh JTS.

7.1.4 Kadar bayaran royalti pasir yang ditetapkan sejak tahun 1983 ialah RM1.00 bagi setiap tan metrik pasir yang diambil. Bagi tahun 2007 hingga 2009, JTS telah mengeluarkan sebanyak 129 lesen dan memungut sejumlah RM6.87 juta royalti pasir. Daripada jumlah tersebut sebanyak 32 atau 71% daripada 45 lesen dikeluarkan pada tahun 2007, 31 atau 66% daripada 47 pada tahun 2008 dan sebanyak 27 atau 73% daripada 37 lesen pada tahun 2009 diluluskan kepada Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB) sebuah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA). Bilangan lesen dan jumlah royalti pasir adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Bilangan Lesen Dan Jumlah Royalti Pasir Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Bilangan Lesen	Jumlah Pengeluaran (Juta Tan)	Jumlah Deposit (RM)	Jumlah Royalti (RM Juta)	
				Anggaran	Sebenar
2007	45	1.58	113,000	2.42	2.77
2008	47	1.61	103,000	2.55	2.05
2009	37	0.27	246,000	2.05	2.05
Jumlah		3.46	462,000	7.02	6.87

Sumber: Rekod Lesen Dan Hasil JTS

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pengambilan pasir telah dijalankan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

7.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengambilan pasir bagi tahun 2007 hingga 2009 dan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTS), JTS Bahagian Kuching, Samarahan, Sibul, Miri, Limbang dan Mukah, Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber (KPPS), PUSAKA, Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) serta Natural Resources And Environment Board (NREB).

Kaedah pengauditan adalah dengan mengkaji dan menganalisis data berasaskan sistem rekod pelesen, menyemak rekod kewangan, laporan dan minit mesyuarat berkaitan. Lawatan ke lokasi pengambilan pasir juga dijalankan untuk menilai pematuhan terhadap syarat dan peraturan yang telah ditetapkan serta kesan kepada alam sekitar. Temu bual dengan pegawai terlibat dan pelesen serta pengedaran borang soal selidik kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan aktiviti pengambilan pasir juga dijalankan.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan dari Ogos hingga Disember 2009 mendapati pengurusan aktiviti pengambilan pasir mempunyai beberapa kelemahan yang bukan sahaja merugikan Kerajaan malahan boleh mendatangkan kesan kepada alam sekitar. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti air dari struktur mencuci pasir dialirkan terus ke sungai tanpa melalui kolam enapan bersiri, kestabilan tanah dan tebing sungai terjejas, pembentukan lagun dan kolam buatan serta Laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* tidak disediakan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi pengurusan aktiviti tersebut dan tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

7.4.1 Impak Kepada Alam Sekitar

The Natural Resources And Environment Ordinance (Prescribed Activities) 1994 dan *Environment Guideline For Sand Extraction Activities* yang dikeluarkan oleh NREB pada tahun 1997 diguna pakai untuk melaksanakan aktiviti pengambilan pasir di Negeri Sarawak. Semua projek dan aktiviti yang memerlukan laporan EIA dipantau oleh NREB termasuk aktiviti pengurusan pengambilan pasir.

a) Impak Kepada Kualiti Air

Perenggan 3.3(d), Garis Panduan Pembinaan *Stock Pile Yard* yang dikeluarkan oleh JPS menetapkan aliran air yang menghalau balik ke sungai perlu dikawal dengan

menyediakan saluran yang sempurna. Lawatan Audit mendapati, kolam enapan bersiri (*sediment pond*) yang disediakan tidak sempurna dan air dari struktur mencuci pasir dialirkan terus ke Sungai Sarawak Kiri. Menurut laporan JPS, bertarikh 8 Februari 2010 menyatakan *“it was notified that the sediment ponds at both area and the discharge distance were not in proportionate to the amount of volume discharge to the river thus causing pollution of water quality at source and the water intake downstream. It is recommended that to check the status water quality regularly as a control on site for sand mining activity and licensee can be held in responsible for any pollution.”* Keadaan ini berlaku kerana kurangnya penguatkuasaan oleh pihak yang berwajib dan ini menyebabkan air sungai menjadi keruh dan berkelodak seperti **Foto 7.1** dan **Foto 7.2**.

Foto 7.1
Kawasan Mencuci Pasir Dan Air
Mengalir Ke Sungai Sarawak Kiri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Landeh, Kuching
Tarikh: 4 Februari 2010

Foto 7.2
Air Sungai Keruh Dan
Berkelodak Di Sungai Sarawak Kiri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Landeh, Kuching
Tarikh: 4 Februari 2010

Menurut maklum balas NREB, EMR untuk setiap lesen yang dikenakan syarat EIA diterima seperti dijadualkan. Lawatan ke tapak juga dibuat dalam masa yang berkala. Kualiti air kumbahan yang dilepaskan adalah ditetapkan pada standard A. Selain daripada itu, loji rawatan air di Batu Kitang juga memantau kualiti air yang dipam sebelum dirawat untuk air minum.

Menurut maklum balas JTS, adalah menjadi prosedur kepada JTS, setiap permohonan lesen perlu dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan dan ulasan. JPS adalah merupakan salah satu agensi yang wajib dirujuk bagi permohonan Lesen Memindah Pasir dan Batu Kelikir. Dari rekod JTS, setiap pandangan dan ulasan yang diterima daripada pihak JPS tidak pernah menetapkan garis panduan-garis panduan berkenaan dengan pembinaan stockpile untuk dipatuhi oleh pelesen. Sehubungan dengan teguran Audit, JTS akan bekerjasama dengan JPS untuk menetapkan garis panduan pembinaan stockpile yang mana harus diguna pakai oleh semua pelesen.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah bekerjasama dengan JPS untuk memantau dan memastikan pelesen mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

b) Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai

Menurut perenggan 16(i), (ii) dan (vi) syarat khas lesen, *extraction is restricted to middle third of river, should be evenly carried out along river bed and not to be concentrated at a single area only*. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

i) Runtuhan Di Kawasan Tebing Sungai

Bagi tahun 2007 hingga 2009, JTS telah menerima dua aduan daripada penduduk kampung berhampiran dengan Sungai Kedup, Serian mengenai aktiviti pengambilan pasir secara haram. Lawatan Audit ke lokasi tersebut pada 14 Oktober 2009 mendapati berlaku keruntuhan tebing sungai. Menurut laporan JPS bertarikh 8 Februari 2010 keadaan ini berlaku disebabkan oleh "*deepening of the river bed that resulted in some bank slipping, fallen trees can be seen elsewhere along the river. One criteria of river bank erosion might be due to the river over deepening of the river bed that resulted in steepness of river bank.*" Aktiviti pengambilan pasir dan kawasan tebing sungai yang runtuh adalah seperti **Foto 7.3** dan **Foto 7.4**.

Foto 7.3
Aktiviti Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kedup, Serian
Tarikh: 14 Oktober 2009

Foto 7.4
Kawasan Tebing Sungai Yang Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kedup, Serian
Tarikh: 14 Oktober 2009

ii) Kestabilan Tebing Sungai Terjejas

Lawatan Audit ke tapak pengambilan pasir di Kerangan Ma, Sungai Limbang dan Tang Talis, Sungai Trusan Lawas mendapati operator telah melanggar syarat lesen dengan mengambil pasir di kawasan tebing sungai dan bukannya di *middle third of river* seperti yang ditetapkan. Aktiviti seperti ini boleh mengakibatkan tebing sungai tidak stabil dan runtuh. Semakan Audit terhadap rekod JTS Bahagian Limbang mendapati tiada bukti menunjukkan tindakan diambil terhadap operator berkenaan. Aktiviti pengambilan pasir tersebut adalah seperti **Foto 7.5** dan **Foto 7.6**.

Foto 7.5
Aktiviti Pengambilan Batu Karangan Di Tebing
Kerangan Ma, Sungai Limbang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kerangan Ma, Sungai Limbang
 Tarikh: 16 November 2009

Foto 7.6
Tapak Bekas Kawasan Pengambilan Pasir
Di Tang Talis, Sungai Trusan Lawas



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tang Talis, Sungai Trusan Lawas
 Tarikh: 16 November 2009

Menurut maklum balas NREB, NREB sedia mengaku bahawa pemantauan impak aktiviti terhadap alam sekitar adalah kurang memuaskan. NREB dengan sedaya upaya akan tingkatkan lagi kerja pemantauan dengan sumber tenaga dan kewangan yang terhad.

Menurut maklum balas JTS “sepertimana yang telah dinyatakan dalam ulasan JTS pada perenggan 4, JTS menghadapi kekangan-kekangan tertentu dalam melaksanakan pemantauan di lapangan. Oleh yang demikian, sememangnya pihak JTS memerlukan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti JTS, NREB, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan sebagainya serta maklumat daripada pihak awam di dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan. Bagi 2 kes spesifik seperti di atas, tindakan-tindakan seperti berikut telah diambil sebelum dan selepas teguran Audit:

a) Kes Di Sungai Kedup, Serian

Permohonan untuk memperbaharui lesen yang tamat pada 15.6.2009 tidak diluluskan setelah JTS mendapati pelesen melanggar syarat lesen yang ditetapkan dan menyebabkan kerosakan pada alam sekitar. Pemantauan berterusan telah dibuat sekurang-kurangnya dua kali sebulan bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan pasir secara haram di kawasan ini. Kawasan stockpile juga telah dikosongkan sepenuhnya oleh bekas pelesen.

b) Kes Di Kerangan Ma, Sungai Limbang Dan Tang Talis, Sungai Trusan Lawas

Hasil daripada siasatan yang dijalankan mendapati bahawa, aktiviti pengambilan batu kelikir di kawasan ini adalah menggunakan ‘excavator’ kerana keadaan sungai yang cetek. Operator terpaksa menjalankan kerja-kerja merata untuk membuat laluan di tebingan sungai bagi memudahkan kerja-kerja pemunggahan di ‘stockpile’ serta membolehkan ‘excavator’ turun ke dasar sungai dan lori-lori menghampiri ke tebingan sungai untuk kerja-kerja pemunggahan batu kelikir. Pengambilan batu kelikir adalah di tengah sungai dan bukannya di tebingan sungai seperti yang digambarkan. Walaupun

menghadapi pelbagai kekangan terutamanya jarak kawasan lesen yang jauh daripada pejabat, kekangan logistik dan keadaan bentuk muka bumi yang hanya dapat sampai dengan menggunakan kenderaan pacuan 4 roda, JTS Bahagian Limbang masih berusaha untuk memeriksa dan memantau kawasan lesen ini sekurang-kurangnya sekali sebulan. Ini adalah merupakan usaha JTS dalam memastikan pelesen dan operatornya mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan semua pelesen mematuhi syarat khas lesen supaya kesan terhadap alam sekitar seperti kehilangan tanah dan hakisan tebing sungai adalah di tahap minimum pada masa hadapan.

c) Impak Kepada *Regime* Sungai

Menurut perenggan 16 (iii) dan (iv) syarat khas lesen, *no diversion, blockage or obstruction of flow of water and no felling and clearing of vegetation on river banks*. Pemeriksaan Audit mendapati penemuan seperti berikut:

i) Lot Tanah Di Kampung Paroh Telah Menjadi Lagun


Perbandingan imej satelit yang diambil oleh JTS pada tahun 2003 dengan 2009 menunjukkan berlaku perubahan bentuk sungai yang ketara. Lawatan Audit mendapati 21 lot tanah seluas 30.70 hektar di Kampung Paroh telah menjadi lagun akibat aktiviti pengambilan pasir secara haram. Ianya melibatkan lapan lot individu seluas 22.21 hektar, lapan lot tanah Kerajaan seluas 1.16 hektar dan lima lot seluas 7.33 hektar yang tiada dalam *Title Registration System* (TRS). Mengikut anggaran pengiraan yang dibuat oleh Bahagian Penilaian JTS, nilai pasaran tanah yang terjejas berjumlah RM3.68 juta. Imej satelit tahun 2003 dan 2009 yang menunjukkan perubahan bentuk sungai dan kawasan yang telah menjadi lagun adalah seperti Foto 7.7 dan Foto 7.8.

Foto 7.7
Imej Satelit Tahun 2003



Sumber: Bahagian Fotomegetri JTS
Lokasi: Kampung Paroh, Kuching
Tarikh: Tahun 2003

Foto 7.8
Imej Satelit Tahun 2009



Sumber: Bahagian Fotomegetri JTS
Lokasi: Kampung Paroh, Kuching
Tarikh: Tahun 2009

Semakan Audit juga mendapati bagi tahun 2007 hingga 2009 sebanyak empat kes telah dikenakan denda kompaun melibatkan sejumlah RM37,890 atas kesalahan pelanggaran syarat iaitu pengambilan pasir di luar kawasan lesen. Lokasi tanah yang terjejas menjadi lagun akibat aktiviti pengambilan pasir secara haram adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Lokasi Tanah Yang Terjejas Akibat Aktiviti Pengambilan Pasir Secara Haram

Bil.	Status Tanah/Pemilik	Lot/Alamat Tanah		Luas (Ha)
		Lokasi Tanah	Bilangan Lot	
1.	Tanah Kerajaan	Lot 257-258, 261-263, 266 & 287 Blok 206 KNLD	8	1.16
2.	Tiada Dalam TRS	Lot 183-184 & 194 Blok 205 KNLD, Lot 504 & 512 Blok 6 Matang LD	5	7.33
3.	Hanifah Hj. Mohd Zain	Lot 1, Blok 206 KNLD	1	1.29
4.	Kebing Wan	Lot 94, Blok 205 KNLD	1	2.49
5.	Ramli Mahrop	Lot 96, Blok 205 KNLD	1	0.55
6.	Ahim Ali & Inun Ali	Lot 100, Blok 205 KNLD	1	0.90
7.	Wan Morsidi Tuanku Abd. Rahman	Lot 101 & 103, Blok 205 KNLD	2	4.13
8.	Abon Taha	Lot 107, Blok 205 KNLD	1	2.27
9.	Zainurin Ahmad & Eshhie Ahmad	Lot 4, Blok 194 KNLD	1	10.58
Jumlah			21	30.70

Sumber: Maklumat TRS Ibu Pejabat JTS

Menurut maklum balas NREB “oleh kerana pelesen telah dikecualikan daripada syarat EIA maka pemantauan tidak dibuat oleh NREB ke kawasan tersebut.”

Menurut maklum balas JTS, kawasan yang dimaksudkan telah dilesenkan kepada Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB) sejak tahun 1997 yang sepatutnya membantu mengurus dan memantau operasi pengambilan pasir di kawasan yang telah dilesenkan kepada mereka. Walaupun demikian, hasil pemantauan oleh JTS sendiri, sebanyak 6 kes tangkapan telah dibuat melibatkan pelanggaran syarat lesen dan pengambilan pasir di luar kawasan yang dilesenkan di kawasan tersebut. Memandangkan kes ini merupakan kes yang serius, maka 2 daripada kes tersebut telah dibuat pendakwaan di mahkamah. JTS menghadapi banyak kekangan dalam melaksanakan pemantauan di kawasan ini terutamanya dari segi kemudahan logistik. Bagi mengatasi kesalahan seumpama berulang, maka JTS telah mengambil tindakan tegas dengan membatalkan lesen bagi sebahagian besar kawasan tersebut. Bagi dua kes yang telah dibuat pendakwaan ke mahkamah, JTS telah menerima nasihat perundangan daripada Kamar Peguam Besar Negeri supaya menarik balik pendakwaan tersebut dan kes dikompaukan atas sebab-sebab yang tertentu. Oleh yang demikian, kedua-dua kes tersebut telah dikompaukan dengan nilai kompaun berjumlah RM28,124.

ii) Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai

Bagi tahun 2007 hingga 2009, JTS telah menerima tiga aduan daripada orang awam mengenai aktiviti pengambilan pasir secara haram di tebing Sungai Kampung Landeh. Lawatan Audit ke lokasi tersebut mendapati berlaku runtuh di kawasan tebing sungai berkenaan. Keadaan ini berlaku disebabkan ketidakpatuhan terhadap

syarat lesen dan kurangnya pemantauan serta penguatkuasaan oleh JTS. Keadaan kawasan tebing sungai yang runtuh adalah seperti **Foto 7.9** dan **Foto 7.10**.

Foto 7.9

Kawasan Tebing Sungai Yang Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Landeh, Kuching
Tarikh: 4 Februari 2010

Foto 7.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Landeh, Kuching
Tarikh: 4 Februari 2010

Menurut maklum balas JTS, kawasan ini juga termasuk dalam kawasan yang telah dilesenkan kepada MFSB sejak tahun 1996 yang sepatutnya membantu mengurus dan memantau operasi pengambilan pasir di kawasan yang telah dilesenkan kepada mereka. JTS dalam usaha mengambil tindakan untuk memantapkan lagi penguatkuasaan syarat-syarat lesen dengan membuat penambahbaikan kepada mekanisme yang sedia ada. Bagi kawasan di Kampung Landeh, pemantauan yang dilaksanakan menunjukkan majoriti aktiviti pengambilan pasir di kawasan tersebut hanyalah secara manual yang dilakukan oleh penduduk-penduduk kampung tersebut. Pejabat JTS Bahagian Kuching juga telah diarah membuat pemantauan dengan sewajarnya. Bagi aktiviti pengambilan pasir di kawasan Sungai Landeh, Environmental Management Plan (EMP) yang mana menurut pihak NREB adalah serupa dengan Laporan EIA ada disediakan. Salinan Sijil Kelulusan dikepilkan bersama.

iii) Pembentukan Kolam Buatan Di Tanjung Sari, Lawas Dan Sungai Telekat Kuala Balingian, Mukah

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, JTS telah menerima tiga aduan daripada orang awam mengenai aktiviti pengambilan pasir secara haram di Tanjung Sari, Lawas. Lawatan Audit ke tapak tersebut pada 17 November 2009 mendapati berlakunya aktiviti pengambilan pasir di daratan yang mengakibatkan pembentukan 13 kolam buatan. Menurut pegawai JTS Bahagian Limbang yang bertanggungjawab, pengambilan pasir ini adalah untuk menambak jalan raya di Tanjung Sari yang sedang dalam pembinaan. Tanah seluas 5.38 hektar tersebut adalah hak milik Kerajaan Negeri.

Lawatan Audit ke Sungai Telekat Kuala Balingian, Mukah pada 19 November 2009 mendapati lapan buah kolam buatan terbentuk akibat pengambilan pasir di daratan.

Pengambilan pasir tersebut adalah untuk pembinaan jalan raya bagi projek Ladang Rumbia. Tanah tersebut adalah hak milik persendirian dengan keluasan 11.7 hektar dan royalti pendahuluan yang dibayar kepada Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM189,801. Pembentukan kolam buatan di Tanjung Sari dan Sungai Telekat Kuala Balingian, Mukah adalah seperti **Foto 7.11** dan **Foto 7.12**.

Foto 7.11

Pembentukan Kolam Buatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Sari, Lawas, Limbang
Tarikh: 17 November 2009

Foto 7.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Telekat Kuala Balingian, Mukah
Tarikh: 19 November 2009

Menurut maklum balas JTS, kes ini berlaku pada tahun 2008. Ketika itu, kawasan yang terlibat adalah terletak di kawasan terpencil yang hanya dapat dihubungi melalui jalan ladang menyebabkan aktiviti pengambilan pasir tanpa kelulusan sukar dikesan atau dicegah di peringkat awal. Susulan daripada aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan melibatkan penangkapan sebanyak lima buah lori dan dua buah excavator telah dibuat pada 11.9.2008. Kompaun berjumlah RM17,500 telah dikenakan ke atas pesalah dan pungutan balik royalti berjumlah RM21,000 juga telah dibuat. Hasil pemantauan lanjut yang dibuat menunjukkan bahawa tiada lagi operasi pengambilan pasir tanpa kelulusan yang ditemui kawasan tersebut.

Menurut maklum balas JTS, kawasan yang dimaksudkan merupakan kawasan tanah berhakmilik iaitu Lot 6 Block 116 Balingian Land District milik Syarikat Jaya Hijau Sdn. Bhd. yang telah dikeluarkan Lesen Memindah Tanah yang sah. JTS dan NREB telah membuat pemeriksaan bersama ke kawasan ini pada 14.5.2010 bagi menilai kesan aktiviti ke atas alam sekitar. Buat masa sekarang, JTS masih menunggu laporan daripada pihak NREB. Sekiranya laporan berkenaan mendapati bahawa aktiviti ini telah mendatangkan impak negatif ke atas alam sekitar, maka tindakan untuk membatalkan lesen tersebut akan dibuat.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah bekerjasama dengan NREB bagi meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengambilan pasir di kawasan tebing sungai serta daratan untuk mengurangkan kesan kemusnahan terhadap alam sekitar.

7.4.2 Laporan EIA Tidak Disediakan

Syarat khas lesen menetapkan pelesen mengemukakan laporan EIA sebelum aktiviti dimulakan. Ini adalah selaras dengan kehendak *The Natural Resources And Environment Ordinance (Prescribed Activities)* 1994. Semakan Audit terhadap rekod laporan EIA di JTS dan NREB mendapati enam daripada 37 pelesen tidak menyediakan laporan EIA seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Pelesen Yang Tidak Menyediakan Laporan EIA

Bil.	Pelesen	Bilangan Lesen	Lokasi Lesen
1.	CMS Property Sdn. Bhd.	1	Kuching
2.	Lembaga Amanah Masjid Kampung, Bako	1	Kuching
3.	Lembaga Amanah Kebajikan Daerah Samarahan	1	Kuching
4.	Lembaga Amanah Masjid Kampung, Bako dan Lembaga Amanah Kebajikan Daerah Samarahan	1	Kuching
5.	Hollystone Quarry Sdn. Bhd.	1	Miri
6.	PUSAKA	1	Mukah

Sumber: Pusat Sumber NREB

Lesen pengambilan pasir yang diluluskan kepada PUSAKA telah tamat tempoh pada 8 Februari 2009 dan diperbaharui pada 4 Mac 2010. Bagaimanapun, Lawatan Audit ke Bandar Baru Tanjung Manis pada 24 Mac 2010 mendapati tiada aktiviti pengambilan pasir dijalankan. Terdapat tiga mesin penyedut di tapak iaitu satu milik Hock Seng Lee Berhad dan dua milik Shin Yang Shipping Sdn. Bhd. jenis *Mark III* dengan kekuatan 10,339 kuasa kuda (hp) dan maksimum *dredging depth* 22 meter. Adalah dikhuatiri penggunaan mesin ini mendatangkan impak yang signifikan terhadap alam sekitar disebabkan laporan EIA tidak disediakan. Kapal mesin penyedut dan saluran paip penyalur yang berada di lokasi milik Hock Seng Lee Berhad adalah seperti **Foto 7.13** dan **Foto 7.14**.

Foto 7.13
Kapal Mesin Penyedut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Tanjung Manis
Tarikh: 24 Mac 2010

Foto 7.14
Saluran Paip Penyalur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Tanjung Manis
Tarikh: 24 Mac 2010

Menurut maklum balas NREB, sekiranya didapati syarikat lain mengambil pasir tanpa mengemukakan laporan EIA dan diberi kelulusan seterusnya, syarikat tersebut boleh dikompaun atas kesalahan melanggar perundangan keperluan EIA.

Menurut maklum balas JTS, kekangan terutamanya dari segi jumlah kakitangan dan kemudahan logistik yang terhad, keluasan negeri yang besar, serta skop tugas yang luas telah mengehadkan kemampuan Cawangan Penguat kuasa JTS. JTS akan cuba memperkasakan Cawangan Penguat kuasa dengan membuat penambahbaikan secara menyeluruh nanti. JTS mengambil kira teguran ini sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan Cawangan Penguat kuasa. Penguatkuasaan undang-undang tanah di Negeri Sarawak adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Sarawak (Bab 81) 1958. Oleh yang demikian, undang-undang yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara 1965 adalah tidak boleh diguna pakai.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah mengkaji semula peruntukan undang-undang yang sedia ada dengan membuat perbandingan seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu berkenaan dengan denda yang dikenakan terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan, mengalih atau mengangkut dari mana-mana tanah tanpa kebenaran yang sah.

7.4.3 Pengecualian Laporan EIA Kepada MFSB Bercanggah Dengan Peruntukan Perundangan

PELITA merupakan Badan Berkanun Negeri yang diamanahkan untuk mengurus aktiviti pengambilan pasir di Negeri ini melalui anak syarikatnya MFSB. Mesyuarat antara NREB dan KPPS pada 12 November 2004 telah memutuskan MFSB dikecualikan daripada menyediakan laporan EIA. Sehingga tahun 2009, MFSB memegang sebanyak 27 atau 73% daripada 37 lesen pengambilan pasir dan kesemua kawasan yang dilesenkan kepada mereka tidak disediakan laporan EIA. Bagaimanapun, pengecualian ini adalah bercanggah dengan peruntukan perundangan yang ditetapkan. Butiran 27 lesen yang tidak disediakan laporan EIA adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Butiran Lesen Yang Tiada Laporan EIA

Pelesen	Lokasi Lesen	Bilangan Lesen
Magna Focus Sdn. Bhd.	Kuching	6
	Sibu	2
	Miri	5
	Limbang	2
	Sarikei	1
	Kapit	1
	Samarahan	1
	Bintulu	2
	Mukah	5
	Betong	2
Jumlah		27

Sumber: Rekod Lesen JTS Dan NREB

Menurut maklum balas NREB, pengecualian Laporan EIA yang diberikan kepada MFSB adalah suatu keputusan/polisi yang diamanahkan kepada NREB. NREB hanya melaksanakan polisi tersebut.

Menurut maklum balas JTS, hasil daripada perbincangan bersama dengan NREB pada 11.3.2010, pengecualian daripada mengemukakan Laporan EIA yang diberikan kepada pihak MFSB adalah merupakan polisi Kerajaan sebelum ini. Oleh yang demikian, perkara ini akan dirujuk semula kepada pihak Kementerian untuk perhatian lanjut. JTS mengambil maklum teguran Audit dan akan memperketat prosedur pengeluaran lesen. Setelah kelulusan permohonan diberi, pemohon dikehendaki mengemukakan Laporan EIA dan lesen hanya akan dikeluarkan setelah Laporan EIA diluluskan.” Bagi memastikan pelesen-pelesen yang sedia ada selain daripada MFSB yang telah mendapat pengecualian, JTS telah mengeluarkan arahan supaya pelesen-pelesen menyediakan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar dan mendapatkan kelulusan dalam tempoh dua bulan mulai pertengahan Mac 2010. Tindakan menggantung atau membatalkan lesen akan diambil sekiranya pihak pelesen gagal berbuat demikian. KPPS dan NREB telah mengambil maklum akan perkara ini semasa mesyuarat yang diadakan pada 14.5.2010 di pejabat Setiausaha Tetap, KPPS dan akan mengambil tindakan selanjutnya.

Menurut maklum balas PUSAKA, sebelum ini, sejak beroperasi memang tiada laporan EIA dibuat untuk operasi mengekstrak pasir di kawasan pasir PUSAKA. PUSAKA telah membuat pemeriksaan dan perbincangan dengan NREB memohon agar operasi mengekstrak (Surat ruj: STIDC.9.PRO.02.1.1 bertarikh 28 Mei 2009) dikecualikan daripada penyediaan laporan EIA. Ini kerana PUSAKA telah dimaklumkan bahawa pihak Magna Focus Sdn. Bhd. yang diberi lebih dari satu lesen diberi pelepasan daripada penyediaan laporan EIA. Mereka telah menerima surat daripada NREB untuk penyediaan laporan EIA ruj(8)NREB//6-6/1/1 (vol.1) bertarikh 3 Februari 2010. Lanjutan dari surat tersebut mereka telah mendapatkan senarai Juru perunding berdaftar dari NREB untuk mendapatkan sebut harga bagi penyediaan EIA.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan pelesen menyediakan laporan EIA sebelum aktiviti pengambilan pasir dijalankan seperti dipersetujui bersama. KPPS dan NREB hendaklah mengkaji semula keputusan pengecualian yang telah diberikan dan memastikan ianya tidak bercanggah dengan peruntukan perundangan yang ditetapkan.

7.4.4 Kekurangan Dan Kelemahan Peruntukan Undang-undang, Peraturan Serta Garis Panduan

Peruntukan undang-undang, peraturan dan garis panduan yang diwujudkan hendaklah jelas, ada disemak semula, mudah difahami, dipatuhi serta mengambil kira kepentingan Kerajaan dan rakyat. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

a) Syarat Khas Lesen Tidak Menetapkan Secara Khusus Salinan Laporan EIA Dikemukakan Kepada JTS

Syarat khas lesen menetapkan supaya pelesen mengemukakan laporan EIA selaras dengan *The Natural Resources And Environment Ordinance (Prescribed Activities)* 1994. Bagaimanapun, peruntukan undang-undang ini tidak menetapkan secara khusus supaya pelesen mengemukakan salinan laporan EIA kepada JTS sebelum aktiviti

pengambilan pasir dijalankan. Ini menyebabkan JTS sukar menentukan sama ada pelesen telah menyediakan laporan EIA atau sebaliknya untuk tujuan pemantauan.

Menurut maklum balas JTS “JTS telah mengadakan perbincangan bersama pihak NREB pada 11.3.2010 dan bersetuju supaya lesen hanya dikeluarkan selepas kelulusan EIA dikemukakan oleh pemohon. JTS juga akan memanjangkan salinan lesen yang telah diluluskan kepada NREB untuk rujukan mereka.”

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan semua pelesen mengemukakan salinan laporan EIA sebelum aktiviti pengambilan pasir dimulakan.

b) Penentuan Had Tempoh Tidak Dijelaskan Secara Khusus Dalam KTS 1958

Mengikut proses kerja bagi permohonan lesen pasir, Pengarah JTS boleh meluluskan pembaharuan lesen untuk tempoh setahun sahaja. Perkara ini tidak dijelaskan secara khusus dalam KTS 1958 ataupun Pekeliling Jabatan. Semakan Audit mendapati semua lesen untuk MFSB telah diperbaharui bagi tempoh selama tiga tahun mulai tahun 2004, manakala lesen lain adalah bagi tempoh setahun.

Menurut maklum balas JTS, sepertimana yang dinyatakan oleh pihak Audit, KTS 1958 tidak menetapkan norma tempoh bagi sesuatu Lesen Memindah Bahan Batuan yang dikeluarkan di bawahnya. Bagaimanapun, bagi memudahkan pentadbiran, dalam proses kerja yang disediakan oleh JTS, kelulusan pembaharuan lesen mestilah bagi tempoh 1 tahun sahaja bagi memudahkan pemantauan prestasi dan pematuhan pelesen. Dalam kes MFSB, Menteri yang bertanggungjawab telah memberi kelulusan 3 tahun. Oleh yang demikian, isu keperluan untuk mengkaji semula proses kerja adalah tidak timbul.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah mengkaji semula peraturan dan proses kerja yang sedia ada. Ianya bertujuan untuk menyeragam dan memperjelaskan had tempoh untuk pembaharuan lesen.

c) MFSB Tidak Mempunyai Kuasa Untuk Mengeluarkan Permit

Mengikut Seksyen 32A(1) Kanun Tanah Sarawak (KTS) 1958, hanya JTS yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen pengambilan pasir. Syarat khas lesen juga menyatakan bahawa *this licence is not a title to land. It is personal to the above named licensee and shall not be transferred, charged, leased or otherwise disposed of.*

Semakan Audit terhadap rekod bagi tempoh 2007 hingga 2009 mendapati MFSB telah mengeluarkan sebanyak 71 permit untuk tahun 2007, 64 permit untuk tahun 2008 dan 70 permit untuk tahun 2009 pengambilan pasir bagi semua lesen yang diluluskan kepadanya. Amalan mengeluarkan permit kepada operatornya telah dilakukan sejak tahun 1993. Bagaimanapun, tiada klausa dalam KTS 1958 yang menyatakan bahawa pelesen boleh mengeluarkan permit pasir bagi pihak JTS. Butiran berkaitan jumlah lesen yang diterima dan permit dikeluarkan oleh MFSB bagi Disember tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Jumlah Lesen Diterima Dan Permit Dikeluarkan Oleh MFSB Bagi Disember 2009

Bahagian	Bilangan Lesen	Bilangan Permit	Bilangan Operator	Bilangan Tongkang, Jentera/DII	Pecahan Tongkang, Jentera Dan Lain-lain				
					Kapal Tongkang	Suction Pump	Excavator	Lori	Skimming
Selatan									
Kuching	6	8	8	17	10	2	1	4	-
Samarahan	1	1	1	1	1	-	-	-	-
Betong	2	4	4	6	6	-	-	-	-
Jumlah Kecil	9	13	13	24	17	2	1	4	-
Tengah									
Sibu	2	12	12	14	14	-	-	-	-
Sarikei	1	2	2	2	2	-	-	-	-
Kapit	1	6	6	10	4	-	2	4	-
Mukah	5	5	5	9	8	-	-	-	1
Jumlah Kecil	9	25	25	35	28	-	2	4	1
Utara									
Bintulu	2	2	2	2	2	-	-	-	-
Miri	5	3	3	3	3	-	-	-	-
Limbang	2	5	5	8	3	-	3	2	-
Jumlah Kecil	9	10	10	13	8	-	3	2	-
Jumlah Besar	27	48	48	72	53	2	6	10	1

Sumber: Rekod Permit Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB)

Menurut maklum balas, JTS telah mendapatkan nasihat perundangan daripada Kamar Peguam Besar Negeri mengenai kuasa pengeluaran "permit" oleh pihak MFSB kepada operatornya. Kamar Peguam Besar Negeri berpendapat bahawa 'permit' yang dikeluarkan lebih merupakan sebagai "an authorisation by a person who has at least a de facto control" (*Broad v. Parish*, 64 C.L.R. 588). Dengan tawaran dibuat oleh MFSB dan penerimaan tawaran tersebut oleh "operator", "permit" berkenaan lebih menjurus kepada suatu kontrak di antara MFSB dan "operator" yang tidak melibatkan JTS secara langsung, bersesuaian dengan dasar Kerajaan Negeri. Untuk tidak mengelirukan, JTS akan mencadangkan kepada MFSB untuk menukar penggunaan terma "permit" kepada terma lain yang lebih sesuai. JTS telah mencadangkan kepada MFSB untuk menukar penggunaan terma "permit" kepada terma lain yang lebih sesuai.

Pada pendapat Audit, JTS perlu mengkaji semula istilah penggunaan perkataan 'Permit' oleh MFSB untuk mengelak implikasi perundangan.

7.4.5 Peraturan Dan Syarat Penjagaan Alam Sekitar Yang Ditetapkan Tidak Dipatuhi

a) Lesen Pengambilan Pasir Diluluskan Di Sungai Lebaranya Kurang Dari 10 Meter

Environment Guideline For Sand Extraction Activities yang dikeluarkan oleh NREB pada tahun 1997 menetapkan sungai yang lebarnya kurang dari 10 meter tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti pengambilan pasir. Adalah didapati dua lesen telah diluluskan di sungai yang lebarnya kurang dari 10 meter seperti berikut:

i) Sungai Nolan, Bau Lesen 1D/01/2009

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, JTS telah menerima tiga aduan daripada orang awam mengenai kelulusan aktiviti pengambilan pasir di Sungai Nolan, Bau. Lesen

tersebut telah diluluskan kepada MFSB yang berkuat kuasa mulai 16 Julai 2009 hingga 15 Julai 2012. MFSB telah mengeluarkan permit kepada Million Everrich Sdn. Bhd. untuk tempoh enam bulan mulai 1 September 2009 hingga 28 Februari 2010 dengan anggaran pengeluaran sebanyak 23,040 tan metrik. Semakan Audit mendapati lebar sungai hanya enam meter dan aktiviti pengambilan pasir ini dibantah oleh penduduk kampung melalui akhbar tempatan The Borneo Post pada 13 September 2009. Atas desakan dan bantahan penduduk kampung yang berdekatan, Ibu Pejabat JTS telah menggantung lesen tersebut sehingga arahan selanjutnya dikeluarkan.

Lawatan Audit ke Sungai Nolan pada 16 September 2009 mendapati *stock pile yard* telah dibina tetapi aktiviti pengambilan pasir belum bermula. Keadaan saiz Sungai Nolan dan bantahan penduduk kampung yang disiarkan dalam akhbar tempatan The Borneo Post pada 13 September 2009 adalah seperti **Foto 7.15** dan **Foto 7.16**.

Foto 7.15
Saiz Sungai Nolan Sangat Kecil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nolan Bau
Tarikh: 16 September 2009

Foto 7.16
Bantahan Penduduk Kampung



Sumber: Keratan Akhbar The Borneo Post
Lokasi: Sungai Nolan Bau
Tarikh: 13 September 2009

Menurut maklum balas JTS, sebelum permohonan ini dikemukakan oleh JTS kepada KPPS untuk pertimbangan, JTS telah merujuk permohonan ini kepada pihak NREB. Maklum balas daripada NREB menyatakan mereka tidak mempunyai bantahan ke atas permohonan ini tertakluk kepada syarat pemohon adalah dikehendaki menjalankan pemantauan bersama-sama agensi berkenaan. Susulan daripada itu, pihak JTS telah memproses permohonan ini dan diluluskan oleh pihak KPPS. Ekoran daripada aduan yang diterima, JTS, KASKA, KPPS, SPU, JMG, JPS, JKR, NREB, LSS dan MDB (Majlis Daerah Bau) telah mengadakan pemeriksaan lapangan bersama pada 29.9.2009. Keputusan daripada pemeriksaan tersebut, NREB akan mengemukakan laporan kepada JTS sebelum tindakan lanjut diambil. Buat masa ini pelesen tidak dibenarkan beroperasi sejak 15.9.2009. Untuk makluman juga, pelesen belum memulakan sebarang operasi. Tindakan selanjutnya akan dibuat setelah laporan daripada pihak NREB diterima. Maklum balas telah diterima daripada NREB melalui surat bertarikh 13.4.2010. Dalam maklum balas berkenaan, NREB mencadangkan supaya kajian ke atas alam sekitar dibuat bagi menilai kesan aktiviti dan langkah mengatasi kesan

aktiviti ke atas alam sekitar. JTS akan memanjangkan perkembangan ini dan mencadangkan kepada KPPS supaya kelulusan lesen yang diberikan dikaji semula untuk ditarik balik.

Menurut maklum balas, NREB dan JTS akan tingkatkan usaha pemantauan bersama seboleh yang mungkin dengan kekurangan sumber yang sedia ada.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah meningkatkan aktiviti pemantauan dan mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan larangan pengambilan pasir.

7.4.6 Kutipan Hasil Daripada Aktiviti Pengambilan Pasir Seperti Royalti Dan Deposit Pendahuluan

a) Pendahuluan Royalti Tidak Dibayar Oleh MFSB

Menurut *Land Administration Circular No. 10/2000* bertarikh 19 Julai 2000, Pendahuluan Royalti hendaklah dibayar kepada JTS sebelum aktiviti pengeluaran dan pengambilan pasir dijalankan.

Semakan Audit mendapati peraturan berkaitan pembayaran Pendahuluan Royalti telah dipatuhi oleh semua pelesen kecuali MFSB. Semakan Audit seterusnya mendapati MFSB tidak membayar Pendahuluan Royalti sejumlah RM1.48 juta bagi tahun 2007 hingga 2008. MFSB enggan membayar atas alasan pembayaran royalti haruslah berdasarkan jumlah sebenar pasir yang diambil, manakala mengikut ulasan JTS ianya merupakan risiko perniagaan. Bagaimanapun, adalah didapati MFSB telah memungut hasil pasir dari pemegang permit pada kadar RM3.90 satu tan metrik berdasarkan kepada anggaran pengeluaran pasir dan mengenakan Sekuriti Deposit berasaskan jadual yang disediakan.

Menurut maklum balas JTS, MFSB adalah merupakan salah sebuah agensi di bawah Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi pengurusan aktiviti pengambilan pasir di Negeri Sarawak. Royalti RM1.48 juta yang dituntut daripada MFSB adalah berdasarkan perkiraan daripada jumlah pasir yang dinyatakan dalam "permit" pasir yang dikeluarkan oleh MFSB kepada operator mereka. Berdasarkan perbincangan dan penjelasan daripada MFSB, mereka hanya mengutip royalti daripada operator yang dilantik berdasarkan jumlah sebenar kuantiti pasir yang diambil. Isu tuntutan tunggakan royalti sebanyak RM1.48 juta masih di peringkat perbincangan bagi mencari penyelesaian masalah ini.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap keengganan MFSB membayar Pendahuluan Royalti selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

b) PUSAKA Melanggar Syarat Lesen

Pada tahun 1990, Menteri KPPS telah meluluskan lesen pengeluaran pasir No. 6D/2/1990 kepada PUSAKA tanpa dikenakan royalti dengan syarat pasir tersebut tidak dijual kepada pihak ketiga atau orang lain.

i) PUSAKA Mengenakan Caj RM2.50 Satu Meter Padu Tanpa Kelulusan Menteri KPPS

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, PUSAKA telah memperoleh hasil sejumlah RM11.13 juta daripada sebanyak 4.45 juta meter padu pengeluaran pasir berdasarkan caj RM2.50 satu meter padu. Semakan Audit terhadap dokumen yang berkaitan mendapati tiada bukti menunjukkan kelulusan khas diperolehi daripada Menteri untuk mengenakan caj sejumlah RM2.50 satu meter padu terhadap pasir yang dikeluarkan. Tindakan ini telah melanggar syarat lesen yang diluluskan. Jumlah pengeluaran pasir oleh PUSAKA adalah seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Jumlah Pengeluaran Dan Hasil Pasir PUSAKA Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	No. Lesen	Jumlah Pasir Dikeluarkan Meter Padu (m ³)		Jumlah (m ³)	Jumlah Hasil (RM Juta)
		Hock Seng Lee Bhd.	Shin Yang Shipping		
2007	10D/SG/7/2007	2,278,569	3,910	2,282,479	5.71
2008	10D/SG/7/2008	2,022,330	22,082	2,044,412	5.11
2009	10D/SG/7/2009	72,650	49,676	122,326	0.31
Jumlah		4,373,549	75,668	4,449,217	11.13

Sumber: Rekod PUSAKA

Setelah teguran Audit, PUSAKA telah mengambil tindakan memohon kelulusan Menteri mengenai perkara ini.

Menurut maklum balas PUSAKA, sejak operasi mengekstrak pasir dilaksanakan bagi tujuan pembangunan Bandar Baru Tanjung Manis, PUSAKA mengenakan caj RM2.50/m³ bagi tujuan membiayai kos-kos pengurusan dan pengawasan kerja mengekstrak pasir di Bandar Baru Tanjung Manis. Caj ini dibayar oleh pihak kontraktor infrastruktur yang telah diberi kebenaran mengekstrak pasir oleh PUSAKA mengikut jumlah pasir yang ditetapkan dalam kontrak kerja menambak kawasan-kawasan industri di Tanjung Manis. Semasa Mesyuarat Lembaga PUSAKA ke -73 pada 9 April 2010, lanjutan daripada surat pihak Audit Negara ruj:AUDIT/W/147/430 JLD.10(50) bertarikh 29 Mac 2010 pihak pengurusan PUSAKA telah memohon perakuan daripada pihak Lembaga Pengarah PUSAKA berhubung dengan caj RM2.50/m³ di atas. Susulan daripada mesyuarat tersebut PUSAKA telah mengemukakan surat rasmi kepada Menteri Perancangan Dan Pengurusan Sumber II pada 29 April 2010 untuk membenarkan PUSAKA mengenakan caj RM2.50/m³ ke atas kontraktor yang ditawarkan projek infrastruktur di Tanjung manis oleh PUSAKA.

ii) Pasir Dari Tanjung Manis Dibawa Keluar Tanpa Kelulusan Menteri

Pada 6 Januari 2009, Pegawai Penguatkuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Sarawak telah menahan kapal Yu Lee 28 dan Yu Lee 30 milik Hock Seng

Lee Bhd. di Tanjung Muara Tebas Kuching kerana membawa pasir keluar dari Tanjung Manis ke Kota Samarahan untuk menambak projek Samarahan *Industrial Estate (Extention) Phase I* dengan anggaran keluasan 140 hektar. Kes ini telah diserahkan kepada JTS untuk tindakan lanjut. Bagaimanapun, kedua-dua kapal tersebut telah dilepaskan atas alasan tiada bukti kukuh dan PUSAKA telah memberi kebenaran kepada Hock Seng Lee Bhd. untuk membawa pasir sebanyak 10,000 meter padu dari Tanjung Manis untuk menambak projek Samarahan *Industrial Estate (Extention) Phase I* bagi tempoh tiga bulan mulai Mei hingga Julai 2008. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan kelulusan khas Menteri untuk membawa keluar pasir dari Tanjung Manis tambahan kelulusan yang diberi oleh PUSAKA kepada Hock Seng Lee Bhd. adalah pada tahun 2008.

Setelah teguran Audit, PUSAKA telah mengambil tindakan memohon kelulusan Menteri mengenai perkara ini.

Menurut maklum balas JTS "JTS akan menjalankan siasatan terperinci dan hasil siasatan akan dikemukakan kepada pihak KPPS untuk tindakan lanjut."

Menurut maklum balas PUSAKA, merujuk kepada kes yang disebutkan oleh pihak Audit berhubung membawa keluar pasir dari Tanjung Manis ke Kota Samarahan, PUSAKA telah memberi kebenaran secara bertulis kepada pihak Hock Seng Lee Berhad untuk membawa keluar pasir di Tanjung Manis ke Kota Samarahan untuk membantu kontraktor tersebut menyiapkan projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh bagi pihak Kerajaan Negeri. Dalam hal ini PUSAKA hanya memberi kebenaran untuk membawa keluar pasir dari Tanjung Manis kepada kontraktor yang telah ditawarkan kontrak infrastruktur di Tanjung Manis dan pasir yang di bawa keluar adalah untuk menyiapkan projek infrastruktur Kerajaan dan bukan untuk kegunaan projek peribadi syarikat tersebut. Lanjutan daripada teguran pihak Audit PUSAKA juga telah mengemukakan surat memohon kebenaran Menteri untuk membolehkan PUSAKA mengambil tindakan seperti di atas bagi tujuan menyiapkan projek infrastruktur Kerajaan.

Pada pendapat Audit, JTS haruslah mengambil tindakan sewajarnya terhadap PUSAKA kerana melanggar syarat lesen. Tindakan ini menyebabkan Kerajaan Negeri kerugian hasil royalti yang tidak dapat dipungut.

7.4.7 Kelemahan Pemantauan Dan Penguatkuasaan

a) Jadual Dan Laporan Pemantauan Rutin Tidak Disediakan

Pekeliling Penguatkuasa Jabatan Tanah dan Survei No. 4/2000 menetapkan bahawa Laporan Rondaan Kawasan hendaklah diselenggarakan apabila pegawai penguatkuasa selesai melakukan rondaan pada hari berkenaan. Pemantauan sesuatu aktiviti hendaklah dirancang dengan baik dan dijalankan secara konsisten dan berterusan sebagai langkah awal pencegahan.

Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat JTS, Bahagian Kuching, Miri dan Mukah tidak menyediakan jadual pemantauan bulanan bagi tahun 2007 hingga 2009. Semakan Audit seterusnya mendapati JTS Bahagian Limbang tidak menyelenggarakan laporan pemantauan kecuali bagi tiga laporan aktiviti pengambilan pasir di Pulau Sari, Lawas pada tahun 2008 dan 2009. Manakala JTS Bahagian Kuching hanya menyediakan laporan pemantauan sempena cuti musim perayaan sahaja dan laporan susulan terhadap aduan awam. Semakan Audit juga mendapati dua surat amaran dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JTS kepada MFSB iaitu pada tahun 2007 dan 2009 kerana operator di bawah pelesen berkenaan mengambil pasir di tebing sungai dan di luar kawasan lesen yang ditetapkan. Rekod pemantauan aktiviti pengambilan pasir oleh JTS bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7

Rekod Pemantauan Aktiviti Pengambilan Pasir Oleh JTS Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Rekod Pemantauan Aktiviti Pengambilan Pasir Oleh GRS Bagi Tahun 2007 Hingga 2009																
Bil.	Bahagian	Tahun														
		2007					2008					2009				
		Semakan Audit														
		a	b	c	d	e	a	b	c	d	e	a	b	c	d	e
1.	Ibu Pejabat	x	x	√	√	√	x	x	√	√	x	x	x	√	√	√
2.	Kuching	x	x	x	√	x	x	x	√	x	x	x	x	√	√	x
3.	Sibu	√	x	√	√	x	√	x	√	√	x	√	x	√	√	x
4.	Miri	x	x	√	√	x	x	x	√	√	x	x	x	√	√	x
5.	Limbang	√	x	x	√	x	√	x	x	√	x	√	x	x	√	x
6.	Mukah	x	x	√	√	x	x	x	√	√	x	x	x	√	√	x

Sumber: Rekod Penguatkuasa, Ibu Pejabat JTS Dan Bahagian

Nota: (√): Ada (x): Tiada

Semakan Audit:

- a) Jadual Pemantauan Bulanan
- b) Jadual Pemantauan Tahunan
- c) Laporan Pemantauan Bulanan
- d) Laporan Kemajuan Operasi
- e) Surat Amaran Kepada Pelesen

Menurut maklum balas JTS, adalah menjadi praktis JTS untuk tidak menyediakan jadual pemantauan bagi mengelakkan kebocoran rahsia pergerakan. Pemantauan akan menjadi tidak berkesan sekiranya tugas-tugas pemantauan telah diketahui oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Untuk makluman, adalah menjadi "standard procedure" bagi pegawai yang telah melaksanakan pemantauan atau rondaan untuk menyediakan laporan sebaik sahaja selesai tugas. Bagi mematuhi teguran Audit, Ibu Pejabat JTS telah mengarahkan semua pejabat Bahagian supaya menyediakan satu rekod bagi merekodkan setiap pergerakan pemantauan dan rondaan yang dibuat. Setelah perbincangan lanjut dibuat dengan pihak Audit, JTS menerima pendapat Audit ini dan arahan telah dikeluarkan kepada semua Bahagian untuk menyediakan dan menyelenggarakan pemantauan dan rondaan secara konsisten dan berkala selain menyediakan satu rekod pergerakan pemantauan dan rondaan yang telah dibuat.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan jadual dan laporan pemantauan rutin disediakan serta mengambil tindakan tegas terhadap pelesen yang tidak mematuhi undang-undang.

b) Denda Kompaun Tidak Dikenakan

Seksyen 32A Kanun Tanah Sarawak (KTS) 1958, menetapkan aktiviti pengeluaran dan pengambilan pasir tanpa lesen boleh dikenakan denda kompaun sejumlah RM5,000. Mengikut Pekeliling Penguatkuasa No. 4/2005, jumlah denda kompaun yang boleh dikenakan terhadap kesalahan beroperasi tanpa lesen yang melibatkan kapal, jentera berat dan lori adalah 50% atau 66.7% daripada jumlah maksimum RM5,000 bagi setiap kesalahan dan caj bayaran royalti sejumlah RM1 bagi setiap tan pasir yang diambil. Rekod Cawangan Penguatkuasa mendapati bagi tempoh 2007 hingga 2009 sebanyak 78 kes penangkapan pengambilan pasir secara haram melibatkan denda kompaun sejumlah RM612,161. Lawatan dan semakan Audit di empat lokasi mendapati JTS telah kehilangan hasil royalti dan denda kompaun dianggarkan sejumlah RM39,074 seperti berikut:

i) Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Batang Igan Dan Jalan Lanang Sibu

Lawatan Audit ke Batang Igan bersama pegawai JTS dan MFSB mendapati sebuah kapal tongkang Bonsonic 2 milik Syarikat Zim Yin Shipping Sdn. Bhd. dengan muatan kasar 1,142 tan metrik sedang memunggah pasir di tebing Batang Igan berdekatan dengan Pejabat Marin, Sibu. Menurut pegawai JTS dan MFSB, syarikat tersebut beroperasi tanpa lesen. Pada masa yang sama terdapat sebuah lori sedang giat memunggah pasir dari kapal berkenaan ke kawasan pembinaan berdekatan. Mengikut Pekeliling Penguatkuasa No. 4/2005, jumlah denda kompaun yang boleh dikenakan adalah dianggarkan sejumlah RM12,808.

Lawatan Audit ke Jalan Lanang, Sibu bersama pegawai MFSB pada 10 November 2009 mendapati sebuah *stock pile* yang penuh dengan pasir sedang diangkut oleh lori. Menurut pegawai MFSB, anggaran *stock pile* tersebut adalah sebanyak 800 tan metrik dan operator berkenaan tidak mempunyai lesen. Mengikut Pekeliling Penguatkuasa No. 4/2005, jumlah denda kompaun yang boleh dikenakan adalah dianggarkan sejumlah RM5,800. Aktiviti pemungghahan pasir yang dijalankan di Batang Igan dan pemindahan pasir di Jalan Lanang, Sibu adalah seperti **Foto 7.17** dan **Foto 7.18**.

Foto 7.17
Aktiviti Pemungggahan
Pasir Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batang Igan, Sibuluh
Tarikh: 10 November 2009

Foto 7.18
Lori Sedang Memindah
Pasir Ke Kawasan Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lanang, Sibuluh
Tarikh: 10 November 2009

Menurut maklum balas JTS, berdasarkan kepada kes-kes tangkapan yang lepas dan perbincangan dengan Kamar Peguam Besar Negeri, penangkapan pengambilan pasir secara haram mestilah dibuat semasa operasi pengambilan tersebut sedang dilakukan. Bukti-bukti kukuh seperti gambar kren yang sedang beroperasi dan kedudukan sebenar kawasan pengambilan hendaklah diperolehi bagi mengukuhkan kes pendakwaan. Disebabkan kesukaran dari segi pendakwaan bagi kes-kes seperti yang dinyatakan, maka tindakan penguatkuasaan sukar dilaksanakan.

ii) Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Tanjung Jol Matu, Mukah

Bagi tahun 2007 hingga 2009, JTS telah menerima aduan daripada orang awam mengenai aktiviti pengambilan pasir secara haram di Tanjung Jol, Mukah. Lawatan Audit ke kawasan tersebut pada 20 November 2009 mendapati sebuah kapal tongkang dengan muatan kasar 700 tan metrik sedang memindahkan pasir ke dalam lori. Menurut pegawai JTS yang bertanggungjawab, pemilik kapal tersebut tidak mempunyai lesen dan pasir yang diambil adalah untuk projek pembinaan jalan oleh JKR Bahagian Mukah. Maklum balas daripada 42 orang penduduk Kampung Tanjung Jol, Mukah mendapati 36 atau 86% menyedari terdapatnya aktiviti pengambilan pasir. Seramai 17 atau 40% responden terganggu akibat bunyi bising, 36 atau 86% menyatakan jalan raya berhabuk dan berdebu, manakala 40 atau 95% berpendapat ianya membahayakan keselamatan. Seramai 11 atau 26% responden ada membuat aduan berkenaan gangguan tersebut tetapi 12 atau 29% menyatakan tiada tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa. Mengikut Pekeliling Penguatkuasa No. 4/2005, jumlah denda kompaun yang boleh dikenakan adalah dianggarkan sejumlah RM14,866.

Menurut pegawai JTS Bahagian berkenaan, tindakan penguatkuasaan serta denda kompaun bagi tiga kes di atas tidak dapat dikenakan terhadap syarikat terbabit atas

alasan tidak ada bukti yang kukuh bahawa pasir diambil secara haram. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 22 Oktober 2009 mendapati kes yang sama telah berlaku di Kampung Sungai Maong, Kuching. Denda kompaun sejumlah RM6,922 telah dikenakan oleh Pegawai Penguatkuasa JTS Bahagian Kuching dan bayaran telah dijelaskan. Aktiviti pemindahan pasir yang sedang dijalankan dan kapal tongkang yang digunakan adalah seperti **Foto 7.19** dan **Foto 7.20**.

Foto 7.19

Aktiviti Pemindahan Pasir Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Jol Matu, Mukah
Tarikh: 20 November 2009

Foto 7.20

Aktiviti Pengambilan Pasir Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sarawak, Kuching
Tarikh: 22 Oktober 2009

Menurut maklum balas JTS, tongkang Jing Hing 6 (QKH7855K) telah ditahan daripada 22.10.2009 sehingga 25.01.2010 (3 bulan) dan telah dikenakan kompaun berjumlah RM6,922. Pesalah telah menjelaskan kompaun ini. Selain daripada tindakan mengkompaun kesalahan, JTS juga telah mengambil tindakan menahan tongkang tersebut untuk satu tempoh yang lama bertujuan untuk menjejaskan operasi operator berkenaan. Di samping itu, tindakan seumpama ini juga diharap akan menjadi pengajaran dan peringatan kepada operator berkenaan serta operator-operator lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Penguatkuasaan undang-undang tanah di Negeri Sarawak adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Sarawak (Bab 81) 1958.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang sedia ada dan meningkatkan pemantauan bagi membanteras kegiatan pengambilan pasir tanpa lesen. JTS boleh mempertimbangkan penubuhan unit perundangan untuk memantapkan lagi aktiviti penguatkuasaan. Mengkaji kelebihan yang ada pada Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 untuk diguna pakai oleh JTS.

iii) Syarikat Masih Beroperasi Walaupun Lesen Tamat Tempoh

Lesen pengambilan pasir Syarikat Mawar Bersatu di Sungai Kedup, Serian telah diluluskan mulai 16 Jun 2008 hingga 15 Jun 2009 dengan kuota pengeluaran pasir sebanyak 3,000 tan metrik. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan bersama pegawai JTS Bahagian Samarahan pada 14 Oktober 2009 mendapati masih terdapat *stock pile* yang dianggarkan sebanyak 600 tan metrik. Beberapa buah lori, sebuah

jengkaut, mesin penyedut pasir dan tiga orang pekerja masih berada di kawasan tersebut dan sedang giat beroperasi walaupun lesen berkenaan telah tamat tempoh selama 121 hari. Mengikut Pekeliling Penguatkuasa No. 4/2005, jumlah denda kompaun yang boleh dikenakan adalah dianggarkan sejumlah RM5,600. Jengkaut yang sedang beroperasi dan timbunan pasir yang belum diangkut adalah seperti **Foto 7.21** dan **Foto 7.22**.

Foto 7.21
Jengkaut Sedang Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kedup, Serian
Tarikh: 14 Oktober 2009

Foto 7.22
Timbunan Pasir Yang Belum Diangkut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kedup, Serian
Tarikh: 14 Oktober 2009

Menurut maklum balas JTS, Lesen No. SD/02/2008 SG dan lain-lain lesen pengambilan pasir yang dikeluarkan oleh JTS tidak mensyaratkan pelesen daripada membersihkan kawasan stock pile apabila lesen tamat. Bagaimanapun JTS akan mengkaji kesesuaian teguran ini untuk dijadikan sebagai salah satu syarat utama lesen.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah meningkatkan aktiviti pemantauan dan mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan larangan pengambilan pasir.

c) Peralatan Dan Kemudahan Logistik Tidak Mencukupi

Peralatan dan kemudahan logistik yang diperlukan untuk aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sangat penting untuk memastikan pelaksanaannya berjalan lancar dan keselamatan pegawai terjamin. Setakat tahun 2009, Penguatkuasa JTS seluruh Sarawak mempunyai 36 kenderaan iaitu 13 buah kereta dan 23 buah motosikal. Daripada jumlah itu, sebanyak enam buah kereta dan tiga motosikal telah usang dan dalam proses pelupusan. Enam daripada tujuh kereta yang masih digunakan telah berumur dalam lingkungan sembilan hingga 17 tahun kecuali Ford Everest yang berumur tiga tahun. Kos penyenggaraan sehingga 2009 adalah antara RM5,229 hingga RM35,720. Semakan Audit di Ibu Pejabat JTS dan enam JTS Bahagian iaitu Kuching, Samarahan, Sibu, Miri, Limbang dan Mukah mendapati Pegawai Penguatkuasa tidak dibekalkan dengan bot dan senjata. **Pemantauan di sungai tidak dapat dijalankan kerana tidak ada bot. Mereka menghadapi risiko keselamatan kerana tidak**

dibekalkan dengan senjata. Kenderaan penguatkuasa JTS adalah seperti di Jadual 7.8.

Jadual 7.8
Bilangan Kenderaan Penguatkuasa JTS

Bahagian	Keadaan Baik				Dalam Proses Pelupusan			Bilangan Kenderaan
	Kereta				Motosikal	Kereta	Motosikal	
	Jenis Kenderaan	Tarikh Dibeli	Kos Penyelenggaraan (2007 – 2009) (RM)	Status Kenderaan				
Ibu Pejabat	Isuzu Trooper	2001	35,720	Baik	Tiada	4	Tiada	6
	Ford Everest	2007	5,229	Baik				
Kuching	Isuzu Pick-Up	2001	13,066	Sederhana	3	Tiada	Tiada	4
Sri Aman	Isuzu Pick-Up	1998	21,588	Sederhana	2	Tiada	Tiada	3
Sibu	Tiada				2	1	Tiada	3
Miri	Tiada				5	1	Tiada	6
Limbang	Tiada				2	Tiada	Tiada	2
Sarikei	Toyota Pick-Up	1993	17,119	Selalu rosak	2	Tiada	Tiada	3
Kapit	Tiada				Tiada	Tiada	Tiada	-
Samarahan	Isuzu Trooper	1997	27,179	Baik	Tiada	Tiada	3	5
	Isuzu Pick-Up	2001	11,641	Sederhana				
Bintulu	Tiada				2	Tiada	Tiada	2
Mukah	Tiada				1	Tiada	Tiada	1
Betong	Tiada				1	Tiada	Tiada	1
Jumlah	7				20	6	3	36

Sumber: Ibu Pejabat JTS

Menurut maklum balas JTS, JTS bukan sahaja mengalami masalah logistik dari segi kemudahan bot sahaja tetapi juga dari segi kemudahan kenderaan-kenderaan pacuan empat roda dan kemudahan-kemudahan logistik lain seperti kamera berkanta tinggi, perakam video dan sebagainya. Dengan teguran Audit ini, JTS berharap akan mendapat keutamaan dalam permohonan peralatan-peralatan tersebut.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan Pegawai Penguatkuasa dibekalkan dengan peralatan dan kemudahan yang dalam keadaan baik serta mencukupi bagi memastikan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pasir mempunyai beberapa kelemahan kerana kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan, peruntukan undang-undang dan peraturan tidak dipatuhi. Ianya mendatangkan kesan kepada alam sekitar seperti kualiti air, kestabilan tanah dan tebingan sungai, *regime* sungai serta infrastruktur dan utiliti. Kerajaan juga kehilangan hasil royalti dan denda kompaun serta membayar perbelanjaan baik pulih. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pengambilan pasir dan pemuliharaan alam sekitar adalah disyorkan perkara berikut:

- a) Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber, Jabatan Tanah Dan Survei dan Natural Resources And Environment Board hendaklah mengkaji semula peruntukan undang-undang yang sedia ada, pengecualian menyediakan laporan *Environmental Impact Assessment* yang telah diberikan kepada Magna Focus Sdn. Bhd. dan mengkaji kelebihan yang ada pada Kanun Tanah Negara 1965 untuk digunapakai oleh Jabatan Tanah Dan Survei bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin dan alam sekitar terpelihara.
- b) Jabatan Tanah Dan Survei dan Natural Resources And Environment Board hendaklah memastikan pelesen menyediakan laporan *Environmental Impact Assessment* sebelum aktiviti pengambilan pasir dijalankan dengan mengambil kira *Environment Guideline For Sand Extraction Activities* yang dikeluarkan oleh Natural Resources And Environment Board pada tahun 1997 serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelesen yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- c) Jabatan Tanah Dan Survei perlulah memperkasakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peruntukan undang-undang dipatuhi sepenuhnya serta mengkaji keperluan peralatan logistik dan keselamatan yang sedia ada. Di samping itu, denda kompaun hendaklah dikenakan bagi setiap aktiviti pengambilan pasir tanpa lesen.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

8. PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN OLEH JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Jabatan Kerja Raya (JKR), Sarawak adalah sebuah jabatan teknikal yang bertanggungjawab kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak. Ia bertanggungjawab untuk mengurus, melaksana, memantau dan menyenggara projek di Negeri Sarawak.

8.1.2 Projek yang dilaksanakan oleh JKR terdiri daripada projek Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh 2006 hingga Disember 2009 sebanyak 1,288 projek berjumlah RM4.68 bilion telah dilaksanakan dan dibelanjakan secara langsung dan tidak langsung. Ia terdiri daripada projek sambungan RMKe-8, projek RMKe-9, projek Peruntukan Khas RM1 Bilion, projek Pakej Rangsangan Ekonomi I dan II. JKR juga membantu *Regional Corridor Development Authority* (RECODA) dalam pelaksanaan projek *Sarawak Corridor Of Renewable Energy* (SCORE). Bilangan projek dan jumlah perbelanjaan bagi tempoh 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Projek Dan Perbelanjaan Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009

Sumber Peruntukan	Bilangan Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
Peruntukan Negeri		
Projek Sambungan (RMKe-8)	315	1,558.80
Projek (RMKe-9)	32	549.40
Peruntukan Persekutuan		
Projek Sambungan (RMKe-8)	92	1,465.00
Projek (RMKe-9)	570	877.10
Peruntukan Khas RM 1 Bilion	96	118.30
Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi I	157	70.20
Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi II	19	40.70
SCORE	7	0.00
Jumlah	1,288	4,679.50

Sumber: Jabatan Kerja Raya

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada JKR Sarawak dapat melaksana, menyenggara, memantau projek secara cekap dan berkesan serta projek dilaksanakan dengan jayanya.

8.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi projek pembangunan bagi tempoh 2006 hingga 2009. Kajian dijalankan di Ibu Pejabat JKR, Pejabat JKR Bahagian Samarahan, Sri Aman, Betong dan Mukah.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis dokumen dan laporan berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Lawatan Audit ke 16 tapak projek termasuk projek yang dipantau secara langsung, menggunakan perkhidmatan perunding dan projek *turnkey* juga dijalankan. Status projek seperti lewat jadual dan projek sakit juga menjadi kriteria utama dalam pemilihan tapak projek ini.

8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pelaksanaan projek oleh JKR Sarawak boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang didapati adalah pelaksanaan projek melebihi tempoh masa yang ditetapkan, pemantauan yang kurang berkesan, jawatan profesional tidak diisi sepenuhnya dan strategi jangka panjang untuk program pembangunan profesional berterusan tidak disediakan. JKR Sarawak memaklumkan usaha-usaha penambahbaikan sedang dilaksanakan menerusi proses transformasi Jabatan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

8.4.1 Pelaksanaan Projek Melebihi Tempoh Masa Yang Ditetapkan

a) Status Pelaksanaan Projek Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009

Analisis Audit mendapati status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2009 adalah sebanyak 864 projek atau 67.1% telah siap, 176 projek atau 13.6% masih dalam perancangan, 130 projek atau 10% ikut jadual, 38 projek atau 3% lewat jadual, 33 projek atau 2.6% mendahului jadual, sembilan projek atau 0.7% belum dimulakan dan 27 projek atau 2.1% adalah projek tenat, ditangguh, ditamat, dibatalkan dan di peringkat siap reka bentuk. Terdapat juga 11 projek atau 0.9% *non-physical* yang tidak melibatkan pembangunan secara fizikal sebaliknya projek adalah berkaitan dengan kajian dan pengumpulan maklumat seperti Projek *GIS Database* dan Projek *Water Source Study*. Maklumat lanjut mengenai status pelaksanaan projek bagi tempoh 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Status Pelaksanaan Projek Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009

Status Projek	Jenis Peruntukan							Peratus (%)
	Sambungan RMKe-8	RMKe-9	RM 1 Bilion	PRE I	PRE II	SCORE	Bilangan Projek	
Siap	279	426	3	156	0	0	864	67.1
Dalam Perancangan	76	60	26	0	7	7	176	13.6
Ikut Jadual	23	55	46	1	5	0	130	10.0
Lewat Jadual	6	18	12	0	2	0	38	3
Mendahului Jadual	7	12	9	0	5	0	33	2.6
Ditangguh	1	15	0	0	0	0	16	1.2
<i>Non-Physical</i>	9	2	0	0	0	0	11	0.9
Belum Mula	3	6	0	0	0	0	9	0.7
Projek Tenat	1	3	0	0	0	0	4	0.3
Batal	0	5	0	0	0	0	5	0.4
Ditamatkan	0	1	0	0	0	0	1	0.1
Siap Reka Bentuk	1	0	0	0	0	0	1	0.1
Jumlah	406	603	96	157	19	7	1,288	100

Sumber: Jabatan Kerja Raya

i) Projek Tenat Dan Lewat Jadual

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 mendefinisikan Projek Sakit atau Projek Tenat sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.

Semakan Audit mendapati lima daripada 16 projek yang dipilih merupakan projek tenat di mana peratus kelewatan adalah antara 22.6% hingga 67.8%. Lapan daripada 16 projek tersebut pula terdiri daripada projek lewat jadual dengan kelewatan antara 0.5% hingga 19.7%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Projek Tenat Dan Lewat Jadual

Bil.	Projek	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak *	Kemajuan Fizikal				Status Projek
				Setakat	Jadual (%)	Sebenar (%)	Peratus Lewat (%)	
1.	Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian	1.87	17.4.2007-5.3.2008 (11 bulan)	Jul. 2008	98.5	72.9	25.6	Tenat
2.	Pejabat Daerah Serian	2.20	15.7.2008-14.1.2010 (19 bulan)	Nov. 2009	64.9	42.3	22.6	Tenat
3.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu	11.79	6.8.2008-26.5.2010 (21 bulan)	Okt. 2009	73.7	5.9	67.8	Tenat
4.	Satu Blok Bengkel MPV Hiasan Dalaman di SMK Saribas, Betong	0.76	19.2.2008-18.2.2009 (13 bulan)	Nov. 2009	100	75	24.9	Tenat
5.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	1.80	26.9.2007-7.5.2009 (19 bulan)	Okt. 2009	100	71	29	Tenat
6.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	1.98	16.10.2008-14.5.2010 (19 bulan)	Okt. 2009	49.5	33.8	15.7	Lewat Jadual
7.	Satu Blok Kelas 'E', 'F', 'G' Flat untuk Kuarters Persekutuan,	5.95	28.2.2008-12.11.2009	Nov. 2009	100	95.5	4.5	Lewat Jadual

Bil.	Projek	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak *	Kemajuan Fizikal				Status Projek
				Setakat	Jadual (%)	Sebenar (%)	Peratus Lewat (%)	
	Betong		(21 bulan)					
8.	Jalan Nanga Buai/Merinjau/Ulu Spak (Fasa 1), Betong	22.35	23.10.2008-22.4.2010 (18 bulan)	Nov. 2009	61.5	52	9.3	Lewat Jadual
9.	Jalan Tanjung Assam/Hilir Saribas/Beladin, Saribas, Betong	38.80	12.2.2008-19.11.2010 (35 bulan)	Nov. 2009	72.5	52.8	19.7	Lewat Jadual
10.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	15.31	7.8.2006-7.10.2009 (40 bulan)	Okt. 2009	100	99.5	0.5	Lewat Jadual
11.	Jalan SRK Sg. Liuk/Kuala Balingian, Mukah	12.76	28.8.2006-16.1.2009 (31 bulan)	Nov. 2009	100	82.5	17.5	Lewat Jadual
12.	Projek Naiktaraf Jalan dari Simpang Sibu-Bintulu ke Persimpangan Matadeng di Mukah	188.00	23.7.2007-14.9.2010 (41 bulan)	Nov. 2009	66.5	49.4	17.1	Lewat Jadual
13.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah	4.33	15.2.2008-15.3.2009 (13 bulan)	Sept. 2008	31.5	4.8	26.7	Lewat Jadual

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: *- Tempoh kontrak mengambil kira lanjutan masa yang telah diluluskan.

Status projek lewat jadual, tenat dan ditamatkan akan bertukar menjadi status ikut jadual apabila kelulusan lanjutan masa diberikan atau projek ditender semula. Adalah didapati Projek Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian telah dikategorikan sebagai projek tenat di mana tempoh tamat projek yang asal telah gagal disiapkan pada pertengahan Januari 2008. Kontrak pertama dengan kemajuan fizikal 72.9% telah ditamatkan pada awal Julai 2009. Projek ini telah bertukar status daripada projek tenat menjadi projek ikut jadual apabila projek ditender semula dan kontraktor baru dilantik pada pertengahan November 2009. Pada akhir Mac 2010, projek ini diklasifikasikan sebagai projek lewat jadual apabila peratus siap sebenar adalah 9% berbanding 21% seperti yang dijadualkan.

Semakan Audit seterusnya mendapati Projek Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah juga telah bertukar status daripada projek tenat kepada ikut jadual. Projek ini telah dijadualkan siap pada pertengahan Mac 2009 dan tiada lanjutan masa diluluskan. Memorandum yang dikeluarkan oleh JKR Bahagian Mukah pada pertengahan Oktober 2008 menjelaskan kontraktor berkenaan tidak berminat untuk meneruskan projek tersebut kerana kenaikan harga bahan binaan. Kontrak telah ditamatkan pada awal April 2009 dengan kemajuan fizikal 4.8%. Bagaimanapun, projek tersebut telah ditender semula dan kontraktor baru telah dilantik pada pertengahan Ogos 2009. Projek ini telah diklasifikasikan semula sebagai ikut jadual. Status projek lain adalah seperti di **Jadual 8.3** di atas.

ii) Projek Yang Ditender Semula

Bagi projek yang mengalami kelewatan dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya, JKR akan mempertimbang untuk menamatkan kontrak dan projek

ditender semula. Semakan Audit terhadap dua projek yang ditender semula mendapati kedua-dua projek tersebut telah menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung anggaran kos tambahan berjumlah RM1.11 juta. Kontrak asal dan kontrak tender semula bagi kedua-dua projek ini adalah secara tender terbuka. Anggaran masa tambahan adalah antara 19 hingga 28 bulan berbanding jadual asal seperti di **Jadual 8.4** dan **Jadual 8.5**.

Jadual 8.4
Anggaran Kos Tambahan Ditanggung Oleh Kerajaan

Bil.	Projek	Anggaran Asal JKR (RM Juta)	Nilai Kontrak Asal (RM Juta) a	Jumlah Kos Dibayar (RM Juta) b	Anggaran Tender Semula JKR (RM Juta)	Nilai Tender Semula (RM Juta) c	Anggaran Kos Tambahan (RM Juta) [c-(a-b)]
1.	Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian	2.00	1.87	1.07	1.16	1.26	0.46
2.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah	4.19	4.33	0.20	4.97	4.78	0.65
Jumlah							1.11

Sumber: Jabatan Kerja Raya Dan Analisis Audit

Jadual 8.5
Anggaran Masa Tambahan Diambil Untuk Menyiapkan Projek

Bil.	Projek	Tempoh Kontrak Asal *	Kontrak Ditamatkan	Tempoh Kontrak Baru	Anggaran Masa Tambahan
1.	Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian	11 bulan (17.4.2007 – 5.3.2008)	10.7.2009	8 bulan (16.12.2009 – 15.8.2010)	28 bulan
2.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah	13 bulan (15.2.2008 – 15.3.2009)	22.4.2009	13 bulan (15.9.2009 – 14.10.2010)	19 bulan

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: *- Tempoh kontrak mengambil kira lanjutan masa yang telah diluluskan

Kedudukan projek sebelum dan selepas ditender semula adalah seperti **Foto 8.1** dan **Foto 8.2**.

Foto 8.1
Sebelum Ditender Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Kediaman Pengajar Sekolah
Kejururawatan Serian
Tarikh: 17 November 2009

Foto 8.2
Selepas Ditender Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Kediaman Pengajar Sekolah
Kejururawatan Serian
Tarikh: 30 Mac 2010

Menurut maklum balas JKR, proses penamatan pengambilan kerja kontraktor suatu kontrak perlu menepati kehendak-kehendak tertentu dalam Syarat-syarat Kontrak dan juga mengikut garis panduan Jabatan. Secara amnya, suatu masa tertentu adalah diperlukan untuk memastikan Kontraktor terlibat dalam salah satu syarat daripada 'defaults' sejajar dengan Syarat-syarat Kontrak sebelum pengeluaran Notis untuk tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Ini adalah untuk memastikan bahawa kepentingan kerajaan terpelihara sekiranya dan apabila Kontraktor menuntut terhadap kerajaan atas 'wrongful termination'.

Setelah proses penamatan tersebut, diikuti adalah akaun muktamad bagi kontrak ditentukan sebelum kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerja tersebut dikehendaki untuk membayar perbezaan dalam kos sekiranya ada. Bagi kes Projek Rumah Kediaman Pengajar Kejururawatan Serian dan Kompleks Pejabat Persekutuan Mukah, kedua-duanya tidak melalui proses tersebut disebabkan telah diambil kira dalam apa yang termaktub dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2008 dan ditamatkan secara persetujuan bersama melalui Penamatan Bersama (Mutual Termination). Oleh yang demikian, 50% daripada nilai bon pelaksanaan telah dirampas.

Secara amnya, terdapat kemungkinan di mana kos yang lebih tinggi diperlukan dalam menyiapkan suatu kontrak yang telah ditamatkan disebabkan 'inter alia', peningkatan banyak risiko/ ketidakpastian serta peningkatan dari segi kos bahan binaan dan kos buruh. Seperti kes yang lain, kontrak baru bagi kedua-dua projek tersebut telah diuruskan melalui proses tender yang normal dan mengikut semua peruntukan dan peraturan yang sedia ada.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor menyiapkan projek menyebabkan projek terpaksa ditender semula, kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan dan faedah projek lewat dinikmati oleh kumpulan sasar.

8.4.2 Jawatan Tidak Diisi Sepenuhnya

Struktur pengurusan yang jelas dan kakitangan yang mencukupi adalah faktor penting bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesuatu projek. Modal insan yang disediakan hendaklah berpadanan dengan beban kerja.

Semakan Audit terhadap keperluan modal insan di JKR mendapati setakat Disember tahun 2009, jumlah jawatan tetap diluluskan adalah seramai 5,576. Jumlah perjawatan yang telah diisi adalah 2,820 atau 50.6% daripada jumlah yang diluluskan, manakala sebanyak 2,756 perjawatan atau 49.4% tidak diisi. Maklumat lanjut perjawatan adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Perjawatan Tetap Keseluruhan Di JKR Setakat 31 Disember 2009

Jawatan	Bilangan Dilulus	Bilangan Diisi	Bilangan Kosong	Peratus Diisi (%)
Pengurusan Tertinggi (VU7)	1	1	0	100.0
Pengurusan Dan Profesional (P&P)	269	244	25	90.7
Jumlah Kecil	270	245	25	90.7
Sokongan I	1,113	896	217	80.5
Sokongan II	4,193	1,679	2,514	40.0
Jumlah Besar	5,576	2,820	2,756	50.6

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit seterusnya mendapati jawatan Pengurusan Dan Profesional (Teknikal) di JKR terdiri daripada pegawai dalam bidang kepakaran kejuruteraan, arkitek dan ukur bahan. Pecahan pegawai mengikut bidang kepakaran adalah seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Bilangan Jawatan P&P (Teknikal)
Diluluskan Dan Diisi Mengikut Bidang Setakat 31 Disember 2009

Bidang	Bilangan Dilulus	Bilangan Diisi	Peratus Diisi (%)
Jurutera Awam	172	163	94.8
Jurutera Letrik	16	14	87.5
Jurutera Mekanikal	19	19	100.0
Arkitek	34	22	64.7
Juru Ukur Bahan	21	19	90.5
Jumlah	262	237	90.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

a) Kedudukan Perjawatan Di JKR Bahagian Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan Dan Betong

Semakan Audit di JKR Bahagian Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Betong mendapati kedudukan perjawatan yang diluluskan untuk setiap bahagian adalah antara 37 hingga 72 orang, manakala yang diisi adalah antara 29 hingga 59 orang atau 70.7% hingga 81.9 %. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi jawatan P&P, jumlah yang diluluskan adalah antara tujuh hingga 13 orang, manakala yang diisi adalah antara empat hingga 11 orang. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 8.8**.

Jadual 8.8
Kedudukan Perjawatan Yang Dilulus Dan Diisi

JKR Bahagian	Gred	Dilulus	Diisi	Kosong	Peratus Diisi (%)
Limbang	J48	1	1	0	100.0
	J44	1	1	0	100.0
	J41	8	6	2	75.0
	J36	3	1	2	33.3
	J29	6	6	0	100.0
	J22	6	5	1	83.3
	J17	16	9	7	56.3
	Jumlah	41	29	12	70.7
Sarikei	J48	1	1	0	100.0
	J44	4	4	0	100.0
	J41	7	6	1	85.7
	J36	6	4	2	66.7
	J29	6	5	1	83.3
	J22	15	12	3	80.0
	J17	30	21	9	70.0
	Jumlah	69	53	16	76.8
Kapit	J48	1	1	0	100.0
	J44	2	2	0	100.0
	J41	6	5	1	83.3
	J36	1	1	0	100.0
	J29	3	3	0	100.0
	J22	4	4	0	100.0
	J17	20	15	5	75.0
	Jumlah	37	31	6	83.8
Samarahan	J48	1	1	0	100.0
	J44	1	0	1	0
	J41	11	10	1	90.9
	J36	5	5	0	100.0
	J29	7	6	1	85.7
	J22	16	12	4	75.0
	J17	31	25	6	80.6
	Jumlah	72	59	13	81.9
Betong	J48	1	0	1	0
	J44	3	2	1	66.7
	J41	3	2	1	66.7
	J36	7	1	6	14.3
	J29	8	8	-	100.0
	J22	12	7	5	58.3
	J17	24	18	6	75.0
	Jumlah	58	38	20	65.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: 1) Jumlah jawatan Pengurusan Dan Profesional (P&P) ini adalah merujuk kepada jawatan Gred J44 dan Gred J41.

2) Jumlah jawatan Sokongan I ini adalah merujuk kepada jawatan Gred J27 hingga Gred J36.

3) Jumlah jawatan Sokongan II adalah merujuk kepada jawatan Gred J26 ke bawah.

Secara keseluruhan peratus jawatan Pengurusan Dan Profesional (Teknikal) yang diisi adalah 90.5% seperti di **Jadual 7**. Bagaimanapun, apabila perjawatan tersebut dipecahkan mengikut bidang pengkhususan secara keseluruhannya JKR kekurangan 12 orang Arkitek serta sembilan orang Jurutera Awam. Keadaan menjadi lebih genting apabila kebanyakan jawatan P&P (Teknikal) tidak diisi di JKR Bahagian.

b) Kedudukan Perjawatan Tidak Seimbang Berbanding Dengan Beban Kerja

Analisis Audit mendapati nisbah jawatan P&P (Teknikal) yang diisi secara keseluruhan iaitu 237 berbanding dengan 1,288 projek bagi tahun 2006 hingga 2009 ialah 1:5.

Analisis Audit seterusnya terhadap perbandingan antara jumlah perjawatan dengan jumlah projek di JKR Bahagian Samarahan, Betong, Sarikei, Kapit dan Limbang mendapati nisbah untuk seorang pegawai profesional adalah antara tiga hingga 8 projek. Nisbah untuk seorang pegawai Sokongan I (Teknikal) adalah antara tiga hingga 10 projek, manakala Sokongan II (Teknikal) adalah antara satu hingga empat projek. Adalah didapati nisbah perjawatan berbanding dengan nilai projek adalah antara 1:RM4.7 juta hingga 1:RM21.9 juta bagi jawatan P&P (Teknikal), 1:RM6.0 juta hingga 1:RM26.8 juta bagi Sokongan I (Teknikal) dan 1:RM2.0 juta hingga 1:RM7.3 juta bagi Sokongan II (Teknikal). Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 8.9**.

Jadual 8.9
Nisbah Jumlah Perjawatan Berbanding Dengan Jumlah Dan Nilai Projek

Perkara	Perjawatan	Bilangan Jawatan Diisi	Nisbah Projek	Nisbah Nilai Projek (RM Juta)
Limbang	P&P	10	1:8	1:10.1
Jumlah Projek: 79	Sokongan I	9	1:9	1:11.5
Nilai Jumlah Projek: RM80.6 juta	Sokongan II	22	1:4	1:5.8
Sarikei	P&P	11	1:8	1:21.9
Jumlah Projek: 88	Sokongan I	9	1:10	1:26.8
Nilai Jumlah Projek: RM241.3 juta	Sokongan II	33	1:3	1:7.3
Kapit	P&P	8	1:3	1:4.7
Jumlah Projek: 23	Sokongan I	4	1:6	1:9.5
Nilai Jumlah Projek: RM37.8 juta	Sokongan II	19	1:1	1:2.0
Samarahan	P&P	11	1:3	1:7.7
Jumlah Projek: 27	Sokongan I	11	1:3	1:7.7
Nilai Jumlah Projek: RM84.4 juta	Sokongan II	37	1:1	1:2.3
Betong	P&P	4	1:7	1:13.5
Jumlah Projek: 27	Sokongan I	9	1:3	1:6.0
Nilai Jumlah Projek: RM54.1 juta	Sokongan II	25	1:1	1:2.2

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Nota: 1) Jumlah jawatan P&P ini adalah merujuk kepada jawatan Gred J44 dan Gred J41.

2) Jumlah jawatan Sokongan I ini adalah merujuk kepada jawatan Gred J27 hingga Gred J36.

3) Jumlah jawatan Sokongan II adalah merujuk kepada jawatan Gred J26 ke bawah.

Menurut maklum balas JKR, Pihak Jabatan mengaku bahawa kedudukan perjawatan di JKR Bahagian Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Betong yang tidak seimbang dengan beban kerja mempunyai kebenarannya. Keadaan ini berlaku disebabkan peruntukan kewangan untuk mengendalikan projek-projek bagi setiap pejabat Bahagian JKR adalah berbeza-beza. Selain itu, jawatan-jawatan yang diperuntukkan di pejabat bahagian tersebut juga terhad dan tidak pernah bertambah. Fenomena ini telah menimbulkan ke tidak seimbangan kedudukan perjawatan berbanding dengan beban kerja yang harus dipikul. Proses kenaikan pangkat, pengambilan dan pengisian jawatan kosong mengambil masa yang agak panjang juga merupakan salah satu faktor berlaku ketidakseimbangan ini.

Sebagai contoh: apabila seseorang pegawai gred J48 telah bersara wajib, proses kenaikan pangkat pegawai dari gred J44 ke gred J48, dan seterusnya pegawai dari gred J41 ke gred J44 mengambil masa yang agak panjang. Ini secara langsung telah melambatkan proses pengambilan baru pegawai gred J41.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mengkaji semula bilangan dan gred pegawai pengurusan dan profesional sedia ada berbanding beban tugas, keperluan semasa dan faktor geografi Negeri Sarawak. Ini adalah bagi memastikan JKR berupaya melaksana, menyenggara dan memantau projek secara cekap dan berkesan.

c) Pegawai Profesional Yang Dipinjam Kepada Kementerian/Jabatan

Semakan Audit mendapati sembilan orang jurutera awam telah dipinjam kepada Kementerian/Jabatan seperti di **Jadual 8.10**.

Jadual 8.10
Pegawai Profesional Yang Dipinjam Kepada Kementerian/Jabatan

Bil.	Jawatan	Bilangan	Gred	Kementerian/Jabatan
1.	Jurutera Awam	1	J54	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan
2.	Jurutera Awam	4	J48	Jabatan Tanah Dan Survei
				Jabatan Ketua Menteri
				Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak
				Pejabat Residen Kuching
3.	Jurutera Awam	2	J44	Kementerian Kemudahan Awam Sarawak
4.	Jurutera Awam	2	J41	Unit Pemantauan Pelaksanaan (SIMU)
Jumlah		9		

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Peminjaman pegawai ini mengurangkan bilangan pegawai P&P yang sebenar di JKR dan kekosongan fizikal ini tidak dapat diisi kerana perjawatan adalah berstatus diisi. Ini menyebabkan beban kerja bagi pegawai yang sedia ada bertambah dan tugas penyeliaan serta pemantauan projek tidak dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan.

d) Pegawai Profesional Yang Dipinjam Dari Badan Berkanun Negeri

Semakan Audit seterusnya mendapati JKR mempunyai seorang Jurutera Awam Gred VU7 yang dipinjam dari Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke.

e) Pegawai Profesional Secara Kontrak Dari Luar Negara

Sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah beban kerja, JKR telah mengambil lima orang arkitek dan dua orang jurutera awam dari negara Indonesia secara kontrak. Arkitek ini terdiri daripada seorang Gred Hakiki J54, dua Gred J48 dan dua Gred J41 manakala dua jurutera awam Gred J54.

8.4.3 Pemantauan Yang Kurang Berkesan Oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pemantauan projek penting untuk memastikan projek pembangunan dapat dijalankan dengan cekap, mematuhi syarat dan selaras dengan jadual pelaksanaannya. Pemantauan perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti kualiti pembinaan, kemajuan kerja dan koordinasi antara kontraktor utama, sub-kontraktor serta perunding. Pecahan projek

berdasarkan peranan JKR dalam melaksana dan memantau projek adalah seperti di **Jadual 8.11.**

Jadual 8.11
Kaedah Pelaksanaan Projek Tahun 2006 Hingga 2009

Projek	Bilangan Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
Kerajaan Negeri		
Pemantauan Secara Langsung	112	159.80
Perkhidmatan Perunding	178	258.70
Projek <i>Turnkey</i>	42	1,602.40
Pemantauan Secara Langsung Dan Perkhidmatan Perunding	3	61.10
<i>Build, Operate And Transfer (BOT)</i>	1	0.00
<i>Non-Physical</i>	7	26.20
Batal Dan Masih Belum Diputuskan	4	0.00
Jumlah	347	2,108.20
Kerajaan Persekutuan		
Pemantauan Secara Langsung	667	354.50
Perkhidmatan Perunding	212	727.50
Projek <i>Turnkey</i>	27	1,198.80
Pemantauan Secara Langsung Dan Perkhidmatan Perunding	10	16.40
Rekaan Oleh Perunding Dan Binaan Belum Diputuskan	4	4.70
Perkhidmatan Perunding Dan <i>Turnkey</i>	3	15.40
<i>Design And Build (DB)</i>	3	230.90
<i>Non-Physical</i>	4	23.10
Batal Dan Masih Belum Diputuskan	4	0.00
Jumlah	934	2,571.40
SCORE		
Perkhidmatan Perunding	7	0.00
Jumlah Besar	1,288	4,679.50

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit mendapati projek pembangunan yang dilaksanakan dan dipantau oleh JKR bagi tempoh 2006 hingga 2009 adalah terdiri daripada 347 projek Kerajaan Negeri dengan jumlah perbelanjaan RM2.11 bilion dan 934 projek Kerajaan Persekutuan dengan jumlah perbelanjaan RM2.57 bilion. JKR memantau secara langsung projek Kerajaan Negeri sebanyak 112 projek dan projek Kerajaan Persekutuan sebanyak 667.

Adalah didapati sebanyak 42 projek Kerajaan Negeri dan 27 projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan secara *turnkey*. Daripada 397 projek yang menggunakan perkhidmatan perunding, sebanyak 178 adalah projek Kerajaan Negeri, sebanyak 212 projek Kerajaan Persekutuan dan tujuh projek SCORE. Semakan Audit seterusnya terhadap kaedah pemantauan projek mendapati perkara seperti berikut:

a) Pasukan Pemantau

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, satu pasukan pemantau diwujudkan bagi setiap projek pembangunan untuk mengawal selia secara sepenuh masa. Pada setiap peringkat aktiviti pembinaan projek, Pegawai Penguasa JKR atau wakilnya perlu memantau pelaksanaan projek mengikut program kerja dan kawalan kualiti pembinaan

bagi memastikan projek yang disediakan oleh kontraktor menepati spesifikasi serta syarat yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati JKR ada menyediakan garis panduan atau amalan terbaik berkaitan struktur pasukan pemantau. Bagaimanapun, garis panduan tersebut tidak menyatakan secara jelas struktur dan tanggungjawab pasukan pemantau. Semakan Audit terhadap sampel projek di JKR Bahagian Sri Aman iaitu projek Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2, Pejabat Daerah Kecil Engkilili dan Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu mendapati struktur pasukan pemantau adalah seperti di **Jadual 8.12**.

Jadual 8.12
Struktur Pasukan Pemantau

Perjawatan	Gred	Bilangan
Pengurusan Dan Profesional	J48	1
	J41	2
Sokongan I	J36	2
	J29	2
Sokongan II	J22	1

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit mendapati di JKR Bahagian Sri Aman, setiap seorang Jurutera Gred J41 memantau antara empat hingga tujuh projek sepanjang tahun 2009. Manakala seorang Mandor Gred R1 menyelia satu hingga dua projek sepenuh masa. Bagaimanapun, terdapat juga lebih daripada seorang Mandor menyelia satu projek sepenuh masa. Bilangan projek yang dipantau oleh setiap Mandor bergantung kepada skop kerja projek. Contohnya, seorang Mandor memantau dua projek iaitu Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2 bernilai RM1.98 juta dan Pejabat Daerah Kecil Engkilili bernilai RM1.80 juta, manakala tiga orang Mandor memantau satu projek iaitu Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu bernilai RM11.79 juta. Keadaan projek berkenaan adalah seperti **Foto 8.3** hingga **Foto 8.5**.

Foto 8.3
Projek Satu Blok Darjah Tambahan
SMK Engkilili No.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMK Engkilili No.2, Sri Aman
Tarikh: 25 November 2009

Foto 8.4
Pejabat Daerah Kecil Engkilili



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Daerah Kecil Engkilili, Sri Aman
Tarikh: 25 November 2009

Foto 8.5
Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu
Tarikh: 25 November 2009

Menurut maklum balas JKR, antara kekangan yang paling ketara yang menjejaskan kelancaran pengurusan pelaksanaan projek-projek ialah kekurangan pegawai-pegawai profesional dan sokongan teknikal. Selain masalah bilangan pegawai yang tidak mencukupi, masalah nisbah bilangan antara kumpulan profesional dan sokongan tidak seimbang juga telah menjejaskan kecekapan pengurusan pelaksanaan projek.

Jika dibandingkan dengan bilangan projek untuk pelaksanaan setiap tahun, kekurangan dan ketidakseimbangan ini telah menyukarkan pengagihan projek secara berkesan. Justeru, berlaku wakil Pegawai Penguasa memantau antara empat hingga tujuh projek, seorang Mandor menyelia sepenuh masa lebih dari satu projek atau tiga mandor memantau dan menyelia hanya satu projek. Lazimnya hanya seorang Jurutera Bahagian dan beberapa orang pegawai sokongan sahaja ditugas di bawah Unit Bangunan di mana tanggungjawab utama adalah pemantauan dan pengawasan pelaksanaan projek-projek bangunan. Justeru itu, untuk mengatasi ketidakseragaman ini, pengagihan dan penugasan pengawasan dan pemantauan projek adalah berdasarkan kepada saiz, kekompleksan dan jenis projek atau peringkat pelaksanaan projek. Pengawasan sepenuh masa di tapak selalunya diharuskan semasa kerja-kerja kritikal seperti kerja penanaman cerucuk dan penuangan konkrit.

Pada pendapat Audit, JKR perlu menyatakan secara jelas struktur dan tanggungjawab pasukan pemantau dalam garis panduan tersebut. Pegawai yang diberi tanggungjawab untuk memantau sepenuh masa di tapak projek hendaklah sekurang-kurangnya pegawai teknikal bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan.

b) Catatan Buku Harian Tapak Bina

Buku Harian Tapak Bina merupakan dokumen yang digunakan oleh penyelia untuk mencatat aktiviti harian di tapak bina projek dari tarikh serahan tapak sehingga projek siap. Berdasarkan amalan terbaik, Buku Harian Tapak Bina hendaklah dilengkapkan

pada setiap hari kerja pembinaan dilakukan. Buku Harian Tapak Bina mengandungi maklumat antaranya arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya, bilangan pekerja yang bekerja di tapak, kuantiti bahan yang diterima, keadaan cuaca, peralatan dan jentera yang berada di kawasan tapak dan butiran kerja harian yang dilakukan. Buku Harian Tapak Bina hendaklah disemak oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya bagi memastikan ianya sentiasa kemas kini dan teratur.

Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak Bina di 10 tapak projek yang dilawati mendapati catatan tidak seragam dan tidak konsisten. Adalah didapati Jurutera JKR telah membuat lawatan tapak antara empat hingga 123 kali ke tapak projek setakat tarikh lawatan Audit. Bilangan lawatan tapak adalah seperti di **Jadual 8.13**.

Jadual 8.13
Bilangan Lawatan Jurutera JKR Ke Tapak Projek

Bil.	Projek	Bilangan Lawatan	Tempoh Projek*	Tarikh Lawatan Audit
1.	Pejabat Daerah Serian	11	15.7.2008-14.1.2010 (19 bulan)	November 2009
2.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu	31	6.8.2008-26.5.2010 (21 bulan)	Oktober 2009
3.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	7	16.10.2008-14.5.2010 (19 bulan)	November 2009
4.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	32	26.9.2007-7.7.2009 (19 bulan)	Oktober 2009
5.	Flat Tambahan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Rumah Kediaman Persekutuan, Sri Aman	10	11.10.2007-23.5.2009 (31 Bulan 12 hari)	Oktober 2009
6.	Satu Blok Bengkel MPV Hiasan Dalam di SMK Sariabas, Betong	18	19.2.2008-18.2.2009 (13 bulan)	Disember 2009
7.	Satu Blok Kelas "E", "F", "G" Flat Untuk Kuarters Persekutuan, Betong	50	28.2.2008-12.11.2009 (21 bulan)	Disember 2009
8.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	123	7.8.2006-7.10.2009 (40 bulan)	Disember 2009
9.	Jalan SRK Sg. Liuk/ Kuala Balingian, Mukah	4	28.8.2006-16.1.2009 (31 bulan)	Disember 2009
10.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah	8	15.2.2008-14.3.2009 (13 bulan)	Disember 2009
		7	(Ditender Semula) 15.9.2009-14.10.2010 (13 bulan)	Disember 2009

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota: *- Tempoh kontrak mengambil kira lanjutan masa yang telah diluluskan

Analisis Audit mendapati kekerapan lawatan tapak oleh jurutera adalah antara selang satu hari hingga 14 bulan seperti di **Jadual 8.14**.

Jadual 8.14
Kekerapan Lawatan Pegawai Profesional Ke Tapak

Bil.	Projek	Kronologi Lawatan Tapak	Julat Lawatan
1.	Pejabat Daerah Serian	Lawatan 1: 14.7.2008 Lawatan 2: 29.7.2008 Lawatan 3: 12.8.2008 Lawatan 4: 27.3.2009 Lawatan 5: 30.7.2009 Lawatan 6: 4.9.2009 Lawatan 7: 11.9.2009 Lawatan 8: 17.9.2009 Lawatan 9: 15.10.2009 Lawatan 10: 28.10.2009 Lawatan 11: 11.11.2009 Lawatan 12: 17.11.2009	- 15 hari 14 hari 7 bulan 15 hari 4 bulan 3 hari 1 bulan 5 hari 7 hari 6 hari 28 hari 13 hari 14 hari 6 hari
2.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	Lawatan 1: 16.10.2008 Lawatan 2: 28.11.2008 Lawatan 3: 18.2.2009 Lawatan 4: 20.4.2009 Lawatan 5: 23.6.2009 Lawatan 6: 26.10.2009 Lawatan 7: 11.11.2009 Lawatan 8: 25.11.2009	- 1 bulan 12 hari 1 bulan 21 hari 2 bulan 2 hari 2 bulan 3 hari 4 bulan 3 hari 16 hari 14 hari
3.	Flat Tambahan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Rumah Kediaman Persekutuan, Sri Aman	Lawatan 1: 17.10.2007 Lawatan 2: 18.10.2007 Lawatan 3: 19.10.2007 Lawatan 4: 22.10.2007 Lawatan 5: 28.02.2008 Lawatan 6: 1.4.2008 Lawatan 7: 3.4.2008 Lawatan 8: 8.4.2008 Lawatan 9: 21.4.2008 Lawatan 10: 25.4.2008	- 1 hari 1 hari 3 hari 4 bulan 6 hari 1 bulan 4 hari 2 hari 5 hari 13 hari 4 hari
4.	Jalan SRK Sg. Liuk/Kuala Balingian, Mukah	Lawatan 1: 28.8.2006 Lawatan 2: 21.10.2006 Lawatan 3: 23.1.2007 Lawatan 4: 26.3.2008 Lawatan 5: 31.3.2008	- 1 bulan 23 hari 3 bulan 2 hari 14 bulan 3 hari 6 hari

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Menurut maklum balas JKR, Jurutera kerap mengadakan lawatan tapak. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan lawatan dibuat kerana Buku Harian Tapak Bina tidak ditandatangani semasa lawatan dan minit perbincangan di tapak tidak disediakan.

Menurut maklum balas JKR, walaupun dengan bebanan pemantauan dan pengawasan banyak projek, pasukan pemantau selalunya dengan sedaya upaya mereka mengendali dan mencatat segala aktiviti harian di tapak pembinaan di dalam buku harian tapak. Adalah tanggungjawab pasukan pemantau untuk memastikan buku harian tapak diisi dengan sempurna dan konsisten. Bagaimanapun buku harian tapak bukan satu-satunya dokumen yang diguna pakai untuk merekodkan aktiviti-aktiviti dan arahan-arahan tapak. Oleh kerana maklumat yang dapat dicatat di dalam buku harian tapak terhad, sudah menjadi amalan Jabatan ini selain dari mencatat dalam buku harian arahan-arahan juga diberi secara bertulis melalui surat rasmi.

Bagi jurutera-jurutera, kekerapan lawatan tapak dibuat berdasarkan keperluan. Kekerapan ditentukan mengikut saiz, kekompleksan, jenis dan peringkat pelaksanaan projek. Kekerapan lawatan tidak termaktub di dalam mana-mana klausa kontrak. Kebiasaannya lawatan jurutera-jurutera diharuskan semasa peringkat-peringkat tertentu dan kritikal seperti peringkat penanaman cerucuk atau peringkat sebelum kerja-kerja penuangan konkrit.

Pada pendapat Audit, Buku Harian Tapak Bina yang lengkap dan kemas kini dapat membantu proses meluluskan lanjutan masa. Oleh itu, Buku Harian Tapak Bina perlulah diselenggarakan dengan lengkap, teratur dan kemas kini. Selain itu, Pegawai Penguasa atau wakilnya perlu menyemak dan menandatangani Buku Harian Tapak Bina setiap kali lawatan tapak dibuat. Setiap pegawai JKR yang membuat pemantauan di tapak juga perlu menandatangani buku harian tersebut.

c) Mesyuarat

Antara mekanisme pemantauan projek yang digunakan oleh JKR ialah Mesyuarat Tapak, *Close Monitoring Meeting* dan Mesyuarat Khas.

i) Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak diadakan bertujuan memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti punca masalah serta mencari penyelesaiannya. Mesyuarat tapak hendaklah diadakan setiap bulan dan dihadiri oleh wakil Jabatan/Agensi yang terlibat, wakil JKR, wakil kontraktor dan perunding jika berkenaan. Minit mesyuarat tapak hendaklah disediakan bagi tujuan merekodkan keputusan, masalah yang berbangkit dan tindakan yang perlu diambil.

Semakan Audit mendapati bilangan mesyuarat tapak yang diadakan bagi 13 projek yang dipilih adalah antara tiga hingga 53 kali dan kekerapan mesyuarat tapak diadakan adalah antara selang tujuh hari hingga tujuh bulan. Semakan Audit seterusnya terhadap 14 projek yang dipilih mendapati semua mesyuarat tapak bagi tujuh projek diadakan di pejabat JKR Bahagian, manakala tujuh projek lagi mengadakan mesyuarat tapak sama ada di tapak atau di JKR Bahagian. Bilangan dan tempat mesyuarat diadakan adalah seperti di **Jadual 8.15**.

Jadual 8.15
Bilangan Dan Tempat Mesyuarat Tapak Dijalankan

Bil.	Projek	Mesyuarat Tapak Setakat Tarikh Lawatan Audit (Bil.)	Mesyuarat Di Pejabat JKR (Bil.)	Mesyuarat Di Tapak Projek (Bil.)
1.	Jalan Kuching-Kota Samarahan-Asajaya Expressway Phase I	28	2	26
2.	Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian	6	6	-
3.	Pejabat Daerah Serian	7	7	-
4.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu	7	5	2
5.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	5	5	-
6.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	3	3	-
7.	Satu Blok Bengkel MPV Hiasan Dalaman Di SMK Saribas , Betong	5	5	-
8.	Satu Blok Kelas "E", 'F', 'G' Flat Untuk Kuarters Persekutuan, Betong	6	6	-
9.	Jalan Nanga Buai/Merinjau/Ulu Spak (Fasa I), Betong	12	2	10
10.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	46	1	45
11.	Jalan SRK Sg. Liuk/ Kuala Balingian, Mukah	53	26	27
12.	Projek Naik taraf Jalan Dari Simpang Sibu-Bintulu Ke Persimpangan Matadeng Di Mukah, Mukah	28	7	21
13.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah	6	6	-

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit seterusnya mendapati bagi Projek Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian, JKR mengambil 201 hari untuk mengadakan mesyuarat tapak kali kedua pada November 2007 selepas mesyuarat pertama diadakan pada pertengahan April 2007. Mesyuarat berikutnya pula adalah antara selang 21 hingga 90 hari. Begitu juga dengan Projek Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No. 2, mesyuarat tapak kali kedua diadakan selepas 229 hari pada akhir Jun 2009 dari tarikh mesyuarat tapak yang pertama pada awal November 2008.

Menurut maklum balas JKR, mesyuarat tapak pada lazimnya diadakan setiap bulan seperti yang termaktub dalam ISO dan Manual Kerja. Bagaimanapun bagi projek-projek yang tidak bermasalah atau projek-projek kecil mesyuarat tapak diadakan mengikut keperluan. Ada kala mesyuarat tapak diadakan di pejabat JKR kerana nilai projek terlalu kecil atau tidak mencukupi untuk penyediaan 'site office'. Juga kerana tapak projek berdekatan dengan pejabat JKR. Sekiranya penyediaan 'site office' perlu, pada kebiasaannya mesyuarat koordinasi dan mesyuarat tapak pertama diadakan di Pejabat JKR sementara menunggu 'site office' dibina.

ii) Close Monitoring Meeting Dan Mesyuarat Khas

Close Monitoring Meeting dan Mesyuarat Khas diadakan bagi projek bermasalah untuk membincangkan isu yang perlu diambil tindakan segera. Mesyuarat Khas pula diadakan apabila kontraktor masih tidak menunjukkan kemajuan selepas *Close Monitoring Meeting* diadakan. Hasil semakan Audit mendapati *Close Monitoring Meeting* dan Mesyuarat Khas ini tidak dilaksanakan secara seragam untuk projek yang telah dikategorikan sebagai projek tenat dan lewat jadual.

Semakan Audit seterusnya mendapati hanya enam daripada 14 projek yang dipilih mengadakan *Close Monitoring Meeting* dan Mesyuarat Khas seperti di **Jadual 8.16**.

Jadual 8.16
***Close Monitoring Meeting* Dan Mesyuarat Khas**

Bil.	Projek	<i>Close Monitoring Meeting</i> Dan Mesyuarat Khas	
		Ada	Tiada
1.	Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian	/	
2.	Pejabat Daerah Serian	/	
3.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu	/	
4.	Satu Blok Bengkel MPV Hiasan Dalaman Di SMK Saribas, Betong		/
5.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	/	
6.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2		/
7.	Satu Blok Kelas 'E', 'F', 'G' Flat Untuk Kuarters Persekutuan, Betong		/
8.	Jalan Nanga Buai/Merinjau/Ulu Spak (Fasa 1), Betong		/
9.	Jalan Tanjung Assam/Hilir Saribas/Beladin, Saribas, Betong		/
10.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	/	
11.	Jalan SRK Sg. Liuk/ Kuala Balingian, Mukah	/	
12.	Projek Naik Taraf Jalan Dari Simpang Sibu-Bintulu Ke Persimpangan Matadeng Di Mukah		/
13.	Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah		/

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Menurut maklum balas JKR, "*Close Monitoring Meeting*" Dan Mesyuarat Khas diadakan untuk projek-projek tenat sahaja bukan untuk projek-projek lewat jadual.

Mesyuarat tersebut diadakan sekiranya pihak Jabatan mendapati ianya perlu bagi menyelesaikan masalah timbul. Mesyuarat tersebut tidak mandatori dan bukan merupakan syarat yang wajib dalam kontrak. Kebiasaannya mesyuarat tersebut tidak diteruskan apabila pihak kontraktor menunjukkan kemajuan yang memuaskan.

Pada pendapat Audit, Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan di tapak projek bagi membolehkan semua pihak memantau kemajuan fizikal sebenar projek. *Close Monitoring Meeting* dan Mesyuarat Khas juga perlu diadakan untuk projek yang dikategorikan sebagai tenat dan lewat jadual bagi membolehkan JKR, kontraktor dan perunding mencari penyelesaian masalah, membuat keputusan serta memantau kemajuan projek. Oleh itu, JKR hendaklah memastikan *Close Monitoring Meeting* diadakan secara berkala bagi membolehkan keputusan dan tindakan diambil dengan segera serta melicinkan pelaksanaan sesuatu projek.

d) Laporan Kemajuan Bulanan

Laporan Kemajuan Bulanan disediakan setiap bulan oleh kontraktor dan dikemukakan kepada JKR bagi memberi gambaran sebenar status kemajuan projek, aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan, carta cuaca, senarai mesin dan buruh binaan serta bahan binaan di tapak projek.

Semakan Audit mendapati kontraktor bagi lima daripada 16 projek yang dilawati tidak mengemukakan Laporan Kemajuan Bulanan projek iaitu projek Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu, Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2, Pejabat Daerah Kecil Engkilili, Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian dan Kompleks Pejabat Persekutuan, Mukah. Pihak Audit dimaklumkan pihak kontraktor masih belum mengemukakan Laporan Kemajuan Bulanan bagi projek tersebut.

Menurut maklum balas JKR, laporan kemajuan yang diperlukan dari pihak kontraktor bergantung kepada syarat yang termaktub di dalam kontrak atau sekiranya tidak dijelaskan di dalam kontrak, maka keperluan tertakluk kepada arahan pegawai penguasa.

Pada pendapat Audit, Laporan Kemajuan Bulanan perlu disediakan oleh kontraktor dan dibentang semasa mesyuarat tapak. Oleh itu, tiada sebab untuk kontraktor tidak mengemukakan Laporan Kemajuan Bulanan atau masalah kelewatan mengemukakan laporan tersebut juga dapat diatasi.

e) Lanjutan Masa

Semakan Audit mendapati 10 projek telah diberikan lanjutan masa antara 21 hingga 431 hari. Lanjutan masa yang diluluskan setakat lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 8.17**.

Jadual 8.17
Lanjutan Masa Yang Diluluskan Setakat Lawatan Audit

Bil.	Projek	Bilangan Diluluskan	Jumlah Hari Diluluskan	Lanjutan Masa	
				Bilangan Hari Diluluskan Mengikut Sebab	
				(Hari)	(Sebab)
1.	Jalan Kuching-Kota Samarahan-Asajaya Expressway Phase I	11	210	42	Masalah Cuaca
				4	Lawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke Kota Samarahan
				164	Masalah Teknikal
2.	Pejabat Daerah Serian	1	92	92	Kelewatan mendapatkan lesen mengangkut tanah dari Jabatan Tanah dan Survei
3.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu	2	112	90	Kemudahan Khas SPP 3/2008
4.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	5	133	22	Masalah Cuaca
				90	Kemudahan Khas item 31. SPP 3/2008
				12	Masalah cuaca
				21	Perubahan Reka Bentuk
5.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	2	213	10	Masalah Pengambilan Tapak
				90	Kemudahan Khas item 31. SPP 3/2008
				123	Masalah Pengambilan Tapak
6.	Satu Blok Kelas 'E', 'F', 'G' Flat untuk Kuarters Persekutuan, Betong	1	77	77	Kelewatan mendapatkan lesen mengangkut tanah dari Jabatan Tanah dan Survei
7.	Jalan Tanjung Assam/Hilir Saribas/Beladin, Saribas, Betong	2	100	90	Kemudahan Khas item 31. SPP 3/2008
				10	Masalah cuaca
8.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	9	431	90	Kemudahan Khas item 31. SPP 3/2008
				41	Masalah cuaca
				300	Masalah teknikal
9.	Jalan SRK Sg. Liuk/Kuala Balingian, Mukah	6	313	30	Masalah cuaca
				283	Masalah teknikal

Bil.	Projek	Lanjutan Masa			
		Bilangan Diluluskan	Jumlah Hari Diluluskan	Bilangan Hari Diluluskan Mengikut Sebab	
				(Hari)	(Sebab)
10.	Projek Naik Taraf Jalan dar Simpang Sibu-Bintulu Ke Persimpangan Matadeng D Mukah	1	54	54	Masalah cuaca
11.	Flat Tambahan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Rumah Kediaman Persekutuan Sri Aman	5	225	90	Kemudahan Khas item 31. SPP 3/2008
				44	Masalah cuaca
				91	Masalah teknikal

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit seterusnya mendapati JKR tidak menetapkan norma masa untuk meluluskan permohonan lanjutan masa. Tempoh yang diambil oleh JKR untuk meluluskan permohonan lanjutan masa adalah antara 22 hingga 253 hari seperti di **Jadual 8.18**.

Jadual 8.18
Bilangan Dan Tempoh Kelulusan Lanjutan Masa Setakat 31 Disember 2009

Bil.	Projek	Bilangan Lanjutan Masa	Tempoh Permohonan Dikemukakan Ke Ibu Pejabat JKR (Hari)	Tempoh Kelulusan (Hari)
1.	Jalan Kuching-Kota Samarahan-Asajaya Expressway Phase I	11	1 hingga 81	49 hingga 253
2.	Pejabat Daerah Serian	1	64	30
3.	Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubuk Antu	2	1 hingga 34	26 hingga 35
4.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili	5	9 hingga 154	46 hingga 77
5.	Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2	2	1 hingga 33	46 hingga 107
6.	Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah	9	1 hingga 94	22 hingga 88
7.	Jalan SRK Sg.Liuk/ Kuala Balingan, Mukah	6	5 hingga 47	36 hingga 97
8.	Flat Tambahan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Rumah Kediaman Persekutuan, Sri Aman	5	9 hingga 91	31 hingga 90

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Menurut maklum balas JKR, proses penilaian dan kelulusan lanjutan masa agak rumit dan kompleks dan mengambil masa yang lama. Jika dilihat dalam syarat-syarat kontrak, kelulusan lanjutan masa hanya perlu diperolehi dari Pegawai Penguasa.

Proses penilaian kebiasaannya dilakukan melalui beberapa cawangan yang terlibat atau pihak konsultan sekiranya pelaksanaan oleh pihak konsultan sebelum cawangan yang berkenaan membuat rekomendasi untuk kelulusan Pengarah Kerja Raya Sarawak. Rekod dan catatan perlu disemak dengan teliti dan disah sebelum sebarang penilaian dapat dilakukan. Proses dan peringkat-peringkat penilaian ini selalunya rumit untuk dipantau dan dikawal kerana ianya melibatkan beberapa cawangan dan pegawai yang lain.

Tidak dinafikan juga, apabila proses penilaian dilakukan sebegini kecuaiian mudah berlaku di mana dokumen-dokumen hilang disebabkan tersalah hantar atau tersalah letak. Kejadian seperti kehilangan dokumen melambatkan lagi proses kelulusan lanjutan masa kerana dokumen perlu dikemuka dan dinilai semula mengikut proses yang sama.

Masalah proses kelulusan lanjutan masa ini telah diambil kira dan dikenal pasti sebagai salah satu amalan yang perlu diperbaiki dalam proses transformasi JKR. Dalam proses transformasi ini, kuasa untuk melulus permohonan lanjutan masa telah dicadang diturunkan kepada Pengurus Projek Wilayah. Ini diharapkan akan mempercepatkan proses permohonan kelulusan lanjutan masa untuk projek-projek yang akan datang.

Semakan Audit seterusnya terhadap Sijil Lanjutan Masa yang telah diluluskan mendapati perkara berikut:

i) Masalah Cuaca

Masalah cuaca menjadi faktor kelewatan tujuh daripada 10 projek yang diberi kelulusan lanjutan masa. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, JKR mengambil masa antara 26 hingga 253 hari untuk meluluskan lanjutan masa yang disebabkan masalah cuaca dan 8 hingga 123 hari untuk mengeluarkan sijil lanjutan masa. Adalah didapati bagi Projek Jalan Kuching-Kota Samarahan-Asajaya Expressway Phase I, JKR telah mengambil masa selama 253 hari untuk meluluskan permohonan lanjutan masa pertama yang dikemukakan oleh perunding pada akhir November 2005. Tarikh kelulusan adalah pada awal Ogos 2006 dan sijil dikeluarkan pada pertengahan September 2006 iaitu 42 hari selepas kelulusan.

ii) Perubahan Harga Bahan Binaan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008, item 31 telah memberikan kemudahan khas kepada kontraktor untuk mengelakkan perubahan harga bahan binaan yang boleh menjejaskan kelicinan pelaksanaan projek. Kemudahan ini membolehkan lanjutan masa diberikan tidak melebihi tiga bulan tanpa kelayakan menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan kecuali kos bagi perlanjutan bon pelaksanaan dan polisi insurans. Bagaimanapun, agensi hendaklah membuat bayaran kemajuan interim yang lebih kerap iaitu dua kali sebulan mengikut nilai kerja sebenar. Semakan Audit mendapati enam daripada 11 projek telah mendapat kemudahan khas tersebut dan JKR telah mengambil masa selama 22 hingga 57 hari untuk meluluskan permohonan lanjutan masa bagi kemudahan ini.

iii) Kelewatan Mendapatkan Lesen Mengangkut Tanah

JKR telah meluluskan lanjutan masa kepada kontraktor projek Satu Blok Kelas 'E', 'F', 'G' Flat Untuk Kuarters Persekutuan, Betong dan projek Pejabat Daerah Serian atas sebab kelewatan mendapatkan lesen mengangkut tanah dari Jabatan Tanah dan Survei. Bilangan hari yang diluluskan adalah masing-masing 77 dan 92 hari. Kelewatan mendapatkan kelulusan lesen mengangkut tanah ini telah menyebabkan

projek lewat dimulakan dan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

iv) Masalah Di Tapak Projek

Semakan Audit mendapati kelewatan mengambil alih tapak pembinaan bagi projek Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2 dan projek Pejabat Daerah Kecil Engkilili juga menyebabkan projek lewat dimulakan. Adalah didapati bagi projek Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2, lanjutan masa sebanyak 123 hari diberikan kerana menunggu kelulusan Lembaga Pelupusan untuk melupuskan blok darjah yang lama. Bagi projek Pejabat Daerah Kecil Engkilili pula kelulusan 10 hari diberikan kerana kelewatan mengalihkan kemudahan ICT di Pejabat Daerah Kecil yang sedia ada.

Semakan Audit seterusnya mendapati masalah lain yang menyebabkan projek lewat jadual adalah perubahan dalam reka bentuk bilik kebal seperti projek Pejabat Daerah Kecil Engkilili. Reka bentuk asal bilik kebal yang disediakan oleh perunding adalah menggunakan batu bata. Bagaimanapun, Ibu Pejabat JKR meminta batu bata tersebut ditukarkan kepada konkrit dan *fire door* ditukarkan kepada *chubb door*. Banjir di tapak seperti projek Pembinaan Jambatan Batang Oya, Mukah dan kekurangan air pada musim kemarau bagi projek Pembinaan Satu Blok Makmal Komputer di SK Batang Maro, Betong juga menjadi salah satu sebab kontraktor diberikan kelulusan lanjutan masa.

Menurut maklum balas JKR, masalah-masalah di tapak juga dikenal pasti menjadi punca projek-projek lewat disiapkan. Kelewatan mengambil alih tapak dan perubahan skop kerja merupakan antara masalah-masalah tersebut.

Bagi Projek Satu Blok Darjah Tambahan SMK Engkilili No.2, kelewatan tersebut disebabkan masalah salah faham di antara pihak JKR dan pihak Guru Besar. Guru Besar ketika itu tidak membenarkan projek diteruskan kerana tidak mengetahui kewujudan projek tersebut. Perancangan projek telah dibuat di bawah pengetahuan dan persetujuan Guru Besar lama. Setelah mendapat persetujuan Guru Besar, proses "Board of Survey" pula perlu dilaksanakan sebelum tapak dapat diserahkan kepada pihak kontraktor. Untuk Projek Pejabat Daerah Kecil Engkilili, kelewatan mengambil alih tapak disebabkan kelewatan pihak klien untuk mengalih kemudahan ICT di bangunan pejabat yang lama. Antara skop kerja dalam kontrak ini ialah merobohkan bangunan pejabat yang lama bagi memberi laluan untuk bangunan pejabat yang baru. Justeru itu, kerja-kerja tidak dapat dimulakan selagi bangunan lama tidak dirobohkan.

Perubahan reka bentuk seperti perubahan reka bentuk bilik kebal untuk Projek Pejabat Daerah Kecil Engkilili perlu kerana reka bentuk bilik kebal menggunakan batu bata adalah tidak sesuai dan amalan reka bentuk bilik kebal sebenarnya adalah menggunakan dinding konkrit dan 'chubb door'.

Selain dari masalah-masalah tersebut di atas, masalah-masalah bencana alam seperti banjir yang dialami Projek Pembinaan Jambatan Batang Oya dan kemarau yang dialami oleh Projek Pembinaan Satu Blok Makmal Komputer SK Batang Maro sukar untuk diatasi dan dijangka. Sememangnya pelaksanaan projek-projek akan terjejas dan pada lazimnya permohonan lanjutan masa di atas sebab-sebab ini akan dinilai dengan merujuk rekod-rekod yang berkaitan dan akan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh JKR.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah menetapkan norma masa dalam memberi kelulusan permohonan lanjutan masa bagi memastikan projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar. Kelewatan JKR meluluskan sijil lanjutan masa menunjukkan kelemahan JKR dalam mentadbir kontrak. Bagi lesen mengangkut tanah, ia seharusnya dibincangkan dalam mesyuarat tapak di peringkat awal projek dengan melibatkan agensi yang terbabit bagi melicinkan perjalanan projek.

f) Masalah Kontraktor

Semakan Audit mendapati empat daripada 16 projek yang dilawati mempunyai masalah dengan kontraktor. Projek yang terlibat adalah Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian, Pejabat Daerah Serian, Kompleks Pejabat Persekutuan di Mukah dan Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu. Berdasarkan Kertas Minit bertarikh 22 Oktober 2009 bagi Projek Pos Dan Kuarters Imigresen CIQ Lubok Antu, prestasi kontraktor kurang memuaskan dari segi pengurusan projek seperti tiada kemajuan fizikal dan pengurusan tapak kurang memuaskan menyebabkan projek lewat. Projek tersebut dijadualkan siap pada akhir Mei 2010 setelah mengambil kira 112 hari lanjutan masa. Bagaimanapun, kontraktor gagal menyiapkan projek dan kontrak telah ditamatkan pada akhir Mac 2010 dengan status kemajuan fizikal 9.8%. Projek tersebut sedang dalam proses untuk ditender semula.

Semakan Audit seterusnya mendapati projek Rumah Kediaman Pengajar Sekolah Kejururawatan Serian dijadualkan siap sepenuhnya pada pertengahan Januari 2008. Bagaimanapun, sehingga akhir Januari 2008 projek tersebut hanya siap 68%. Semakan Audit terhadap minit *Close Monitoring Meeting* pada awal April 2008 mendapati punca utama projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut jadual adalah disebabkan masalah antara kontraktor utama dan sub kontraktor. Notis Kemungkiran telah dikeluarkan kepada kontraktor pada awal Februari 2009 dan kontrak telah ditamatkan. Projek telah ditender semula dan kontraktor baru dilantik pada pertengahan November 2009 dengan kos RM1.26 juta.

Menurut maklum balas JKR, sering didapati masalah pengurusan dalaman pihak kontraktor juga di antara penyebab pelaksanaan projek-projek tidak lancar. Kemajuan projek tidak memuaskan dan selalunya pelaksanaan projek dikategorikan lewat dan tenat disebabkan sama ada masalah kewangan kontraktor dan sub-kontraktor yang tidak bekerjasama. Adakala masalah sebegini menyebabkan kontrak ditamatkan dan ditender semula.

Keupayaan dan kompetensi pihak kontraktor juga menjadi persoalan dan penyebab projek bermasalah. Ada kontraktor didapati memperoleh dan melaksana beberapa projek serentak sehingga menjejaskan keupayaan mereka melaksana projek dengan sempurna. Situasi ini selalunya diketahui dan dikesan oleh JKR setelah projek-projek di bawah pelaksanaan JKR terjejas. Semasa proses penilaian tender, JKR membuat penilaian berpandukan dengan rekod prestasi kontraktor yang ada pada JKR sahaja. Pelaksanaan projek-projek selain dari projek-projek JKR tidak diketahui justeru keupayaan kontraktor semasa penawaran kontrak tidak dapat dinilai dengan adil. Tambahan pula keputusan muktamad penawaran kontrak di bawah bidang kuasa Pusat Lembaga Tender. JKR hanya membuat rekomendasi dan ada kalanya rekomendasi JKR tidak dipersetujui.

Bagi mengatasi masalah ini, JKR akan mengkaji penggunaan kaedah sistem gred atau sistem 'star rating' bagi merekodkan prestasi kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek-projek JKR. Sistem ini akan diguna pakai bagi menilai penender-penender projek atau akan menjadi rujukan apabila membuat rekomendasi kepada agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan lain.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memantau prestasi kontraktor dengan rapi dan menggunakan mekanisme mesyuarat tapak secara konsisten bagi membincangkan masalah berkaitan dengan segera. Pemberian kontrak kepada kontraktor yang bermasalah menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek dan pembangunan sosioekonomi rakyat setempat terjejas.

g) Pemeriksaan Fizikal Dan Tempoh Kecacatan

JKR bertanggungjawab membuat pemeriksaan fizikal terhadap setiap projek pembinaan berdasarkan dokumen dan pengesahan oleh perunding yang dilantik bagi memastikan pembinaan dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang telah ditetapkan. JKR juga perlu memastikan kontraktor bertanggungjawab memperbaiki sebarang kerosakan dalam tempoh kecacatan bagi memastikan kualiti projek bertepatan dengan spesifikasi yang ditetapkan dan Kerajaan tidak menanggung kos tambahan untuk pembaikan.

Semakan Audit terhadap empat projek mendapati JKR telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap aduan kerosakan yang dilaporkan sepanjang tempoh kecacatan seperti di **Jadual 8.19**.

Jadual 8.19
Aduan Kerosakan Dan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan

Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Siap	Tempoh Kecacatan	Aduan Kerosakan	Tarikh Sijil Baik Pulih	Kos Tambahan
Projek Pembinaan Dan Penyiapan Kuarters Kerajaan Yang Baru Di Asajaya					
632,677	19.7.2007	6 bulan (8.8.2007-18.1.2008)	1. Rectify Anti-termite treatment 2. Make good to the concrete kerb 3. External ceiling 4. Install the mosquitoes netting clips 5. Make good the painting door frame 6. Replace a new toilet 7. Ceiling at toilet master bed room is leaking 8. To stabilize the sides of the earth drain 9. Install curtain grille 10. To install bib tap	15.2.2008	Tiada
Projek Pembinaan Satu Blok Pejabat Dan Satu Dewan Serbaguna Di Pangkalan Utama, Santubong, Kuching					
2,295,664	13.6.2008	12 bulan (13.6.2008-13.6.2009)	1. Roof leakage 2. Water Flashing 3. Re-install gutter 4. Replace metal roofing 5. Rectify lighting	Sijil tidak dapat dikemukakan. Bagaimanapun, kerja baik pulih telah siap dilaksanakan pada 16.11.2009 dan disahkan dalam surat pelepasan retention money	Tiada
Projek Pembinaan Makmal Perkhidmatan Perikanan Fasa I					
2,078,800	4.7.2008	12bulan (4.7.2008-4.7.2009)	Tiada	Tiada	Tiada
Pembinaan Dan Penyiapan Satu Blok Makmal Komputer M2 Di SK Mentu Tapu, Samarahan					
194,181	16.7.2007	6 bulan (16.7.2007-15.1.2008)	1. Cracked floor 2. Touch up painting works 3. Check and make good all door including locksets 4. Make good hair crack plastered wall 5. Lay tiles on top of junction box 6. Refix aluminium frames sliding windows 7. Clear waste cement stick to the floor 8. Make good leaking roof at the side of building 9. Clear debris in the drain 10. Patch up one hole at the external wall due to the fixing of lighting 11. Clean/Clear away debris in the building 12. Supply draw pit covers with handle 13. Rectify roof leakage 3 spots 14. To replace 3 nos of ceiling board 15. To put up support frame for 3 nos lighting points	23.10.2008	Tiada

Sumber: Jabatan Kerja Raya

8.4.4 Strategi Jangka Panjang Program Pembangunan Profesional Berterusan/Continuous Professional Development (CPD) Tidak Disediakan

CPD merupakan proses pembelajaran berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi individu. Secara umumnya, CPD merangkumi aktiviti pengembangan

pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan seseorang individu itu mengekalkan kompetensi teknikal. Ia juga membolehkan individu memahami serta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perjawatan masing-masing, menghadapi perubahan dan cabaran dalam pembangunan kerjaya serta meningkatkan kecekapan di tempat kerja. Melalui CPD juga, seseorang individu berkeupayaan membantu, mempengaruhi dan menjadi contoh yang baik kepada orang lain dan seterusnya berupaya menyampaikan kualiti perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

Semakan Audit mendapati JKR telah mengadakan kursus dalam bidang teknologi maklumat, pengurusan, kualiti dan teknikal. Pada tahun 2006 hingga 2009, sebanyak 768 kursus yang melibatkan 10,858 peserta telah diadakan seperti di **Jadual 8.20**.

Jadual 8.20
Kursus Yang Diadakan Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009

Bil.	Jenis Kursus	Tahun							
		2006		2007		2008		2009	
		Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Teknologi Maklumat	6	23	3	13	8	52	4	105
2.	Pengurusan	57	617	44	504	59	801	106	1,558
3.	Kualiti	34	825	9	147	6	273	23	322
4.	Teknikal	115	1,521	88	1,556	83	1,132	123	1,409
Jumlah		212	2,986	144	2,220	156	2,258	256	3,394

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Kursus yang diadakan meliputi kursus anjuran JKR dan agensi lain seperti *Institute of Engineering Malaysia*, *Ultimate Profesional Centre* dan *Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology*. JKR juga menghantar pegawai untuk kursus yang dianjurkan oleh Swinburne University of Technology Sarawak, Curtin University of Technology dan Universiti Malaysia Sarawak. Daripada sejumlah 768 kursus yang diadakan dalam tempoh 2006 hingga Disember 2009, hanya empat atau 0.5% diadakan di luar negara, 25 atau 3.3% diadakan di Semenanjung Malaysia/Sabah, 625 atau 81.4% diadakan dalam Negeri Sarawak, 114 atau 14.8% ialah *in house training* sama ada anjuran agensi atau JKR. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 8.21**.

Jadual 8.21
Bilangan Dan Tempat Kursus Diadakan
Dalam Tempoh 2006 Hingga 2009

Tahun	Tempat Kursus				
	Luar Negara	Semenanjung Malaysia/ Sabah	Dalam Sarawak	In House	
				Anjuran Agensi	Anjuran JKR
2006	2	5	180	16	9
2007	1	10	100	5	28
2008	1	4	141	5	5
2009	-	6	204	33	13
Jumlah	4	25	625	59	55

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Kursus yang diadakan di luar negara ialah *International Water Association (IWA) World Water Congress and Exhibition* di Beijing, China, *World Road Conferences* di Singapura, *Congress ASA* di Indonesia dan *1st International Sprayed Sealing Conference And 23rd*

ARRB Conference di Adelaide, Australia. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati strategi jangka panjang program CPD tidak disediakan bagi memastikan semua pegawai mendapat pendedahan terkini dalam bidang kejuruteraan dan teknikal serta meningkatkan tahap kompetensi dalam pelaksanaan projek.

Menurut maklum balas JKR, JKR sentiasa berusaha untuk memberi pembelajaran berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi serta memberi pendedahan terkini dalam bidang teknikal dan kejuruteraan kepada semua pegawai-pegawainya. Oleh kerana masalah kewangan yang tidak mencukupi, maka JKR terpaksa memberi keutamaan kepada kursus yang penting untuk pengesahan dan kenaikan pangkat pegawai seperti kursus induksi jabatan dan umum dan kursus PTK. Manakala kursus untuk CPD diadakan secara minima untuk membantu profesional-profesional JKR mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh persatuan-persatuan profesional masing-masing. Kursus-kursus yang diadakan selama ini dikenal pasti mengikut kehendak dan keperluan pegawai-pegawai melalui proses T.N.A tetapi penganjuran bergantung kepada kewangan yang sedia ada dan juga kelulusan pihak atasan.

Masalah ini diharapkan dapat diatasi melalui proses transformasi JKR. Penganjuran kursus-kursus secara 'in-house' telah diberi perhatian dan penekanan yang mendalam dalam proses transformasi JKR.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mengkaji dan merancang strategi jangka panjang mengenai keperluan program CPD untuk semua pegawai teknikal agar tahap kompetensi pegawai dapat dipertingkatkan mengikut keperluan teknologi semasa.

8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan pelaksanaan projek oleh Jabatan Kerja Raya boleh dipertingkatkan dengan memastikan nisbah pegawai profesional dan teknikal berpadanan dengan beban kerja. Garis panduan dan norma kerja hendaklah disediakan bagi memastikan Jabatan Kerja Raya mempunyai keupayaan untuk melaksana, menyenggara serta memantau projek secara cekap dan berkesan. Jabatan Kerja Raya juga hendaklah memastikan pemantauan secara berkala dilaksanakan serta mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang bermasalah.

Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Struktur kumpulan profesional dan teknikal di Jabatan Kerja Raya hendaklah dikaji semula bagi mengimbangi pertambahan bilangan projek serta faktor geografi Negeri Sarawak.
- b)** Memantapkan mekanisme pemantauan terhadap projek supaya keputusan dan tindakan segera boleh diambil.
- c)** Menyediakan pangkalan data prestasi kontraktor untuk rujukan Lembaga Tender.
- d)** Menyediakan strategi jangka panjang Program Pembangunan Profesional Berterusan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

9. PENGURUSAN PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK (PPES)

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) ditubuhkan di bawah Ordinan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, (*Sarawak Chapter 35*) 1972. Matlamat projek dan program pembangunan PPES adalah untuk memajukan komersial, industri dan sosioekonomi Sarawak. Projek dan program yang dilaksanakan adalah untuk memajukan tanah, membangun industri ternakan, industri hiliran, akuakultur, eko-pelancongan dan membangun usahawan Bumiputera. PPES menyediakan kemudahan, infrastruktur, khidmat nasihat dan memberi pinjaman kepada peserta projek dan program untuk aktiviti pertanian, industri, perdagangan, perumahan, pengangkutan dan usaha ekonomi lain.

9.1.2 Jumlah peruntukan dan dana pembangunan diterima setakat akhir tahun 2009 adalah RM979.82 juta dan sejumlah RM817.56 juta atau 83.5% telah dibelanjakan. Daripada jumlah peruntukan dan perbelanjaan tersebut, sejumlah RM86.52 juta adalah untuk melaksanakan 45 projek dan program pembangunan semasa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pada akhir tahun 2009, sejumlah RM77.30 juta atau 89.3% telah dibelanjakan. Komponen utama projek dan program PPES adalah Pembangunan Usahawan, Pembangunan Hartanah/Lain-lain, Pelancongan Dan Riadah, Berasaskan Pertanian Dan Makanan (*Agro-Food Based*) dan Pembangunan Komuniti.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek dan program pembangunan oleh PPES telah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

9.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi projek dan program pembangunan semasa RMKe-9 dan sambungan RMKe-8 yang masih mempunyai baki dana pembangunan pada akhir tahun 2009. Bagi projek yang bermasalah, skop diperluaskan untuk RMK sebelumnya. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat PPES, Menara SEDC, Kuching dan tapak projek di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Miri, Bintulu dan Sarikei.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berasaskan Fail Projek, Perjanjian Kontrak, Laporan Kewangan dan Laporan

Kemajuan Projek, Minit Mesyuarat dan dokumen berkaitan. Temu bual dengan penyelia, penyewa, pengunjung dan peserta pinjaman juga turut dijalankan untuk mendapat maklum balas. Borang Soal Selidik juga diedarkan kepada peminjam, penyewa, usahawan dan pengunjung untuk mendapatkan pandangan mereka.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek pembangunan boleh dipertingkatkan. Jumlah peruntukan dan dana diterima setakat akhir 2009 adalah RM979.82 juta dan sejumlah RM817.56 juta atau 83.5% telah dibelanjakan untuk program PPES ini. Sebanyak 26 projek atau 53.1% telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual dan 10 projek atau 20.4% siap dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui iaitu pembatalan dan penangguhan projek serta program menyebabkan matlamat tidak tercapai. Hasrat PPES untuk memajukan tanah, membawa pembangunan serta kemudahan infrastruktur kepada penduduk luar bandar, membangun usahawan Bumiputera yang berdaya maju, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk tempatan tidak tercapai. Bagi projek dan program yang telah siap, matlamat program belum tercapai sepenuhnya disebabkan kurang koordinasi, kurang sambutan, kepadatan penduduk tidak mencukupi dan kekurangan projek pembangunan di kawasan sekitar. Penjelasan lanjut mengenai pencapaian dan kelemahan pengurusan projek dan program pembangunan adalah seperti berikut:

9.4.1 Prestasi Fizikal Projek Pembangunan RMKe-9

Pada akhir tahun 2009, daripada 49 projek dan program pembangunan yang dilaksanakan, **26 projek atau 53.1% telah dilaksanakan mengikut jadual**, 10 projek atau 20.4% ditangguh, **10 projek atau 20.4% telah siap dilaksanakan**, satu projek atau 2.0% lewat daripada jadual dan dua projek atau 4.1% telah dibatalkan pelaksanaannya. Prestasi fizikal projek mengikut kategori projek bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Prestasi Fizikal Projek Mengikut Kategori Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Bil.	Kategori Projek	Status Pelaksanaan Projek/Program					Jumlah
		Mengikut Jadual	Ditangguh	Siap	Lewat Jadual	Dibatal	
1.	Pembangunan Usahawan	15	5	4	0	0	24
2.	Pelancongan Dan Riadah	3	0	4	0	1	8
3.	Pembangunan Hartanah	7	5	2	0	1	15
4.	<i>Agro-Food Based</i>	0	0	0	1	0	1
5.	Pembangunan Komuniti	1	0	0	0	0	1
Jumlah		26	10	10	1	2	49
Peratusan (%)		53.1	20.4	20.4	2.0	4.1	100

Sumber: Laporan Kemajuan Fizikal Projek PPES

9.4.2 Pelaksanaan Projek Dan Program Pembangunan

Sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi, projek dan program yang dirancang hendaklah dilaksanakan secepat mungkin. Ini bagi memastikan

peruntukan yang telah diluluskan dapat dibelanjakan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri serta faedahnya dapat dimanfaatkan tepat pada masanya.

a) Projek Dan Program Yang Dibatalkan

Semakan Audit mendapati daripada 37 projek dan program RMKe-9 dan sambungan RMKe-8 yang dipilih, lapan projek dan tiga program pembangunan yang dirancang semasa RMKe-6 hingga RMKe-9 bernilai RM183.44 juta telah dibatalkan pelaksanaannya. Pada akhir tahun 2009 daripada jumlah keseluruhan dana RM24.47 juta yang diterima daripada Kerajaan, sejumlah RM3.03 juta atau 12.4% sahaja dibelanjakan. Projek dan program yang dibatalkan pada akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Projek Dan Program Yang Dibatalkan Pada Akhir Tahun 2009

Bil.	Projek/Program	Kos Projek (RM Juta)	Dana Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Baki (RM Juta)	Butiran Perbelanjaan
1.	Ladang Nanas	70.00	1.50	0.09	1.41	Yuran profesional, tuntutan perjalanan, pencetakan dan perbelanjaan am.
2.	Stesen Nanas		1.40	Tiada	1.40	Tiada
3.	Kompleks Perikanan Tanjung Manis	82.00	5.00	0.02	4.98	Kerja survei tapak dan perkhidmatan konsultan.
4.	Ladang Organik Dan Ekologikal	0.44	0.58	0.38	0.20	Gaji staf, tuntutan perjalanan, perubatan, penyenggaraan dan pembaikan pejabat, kursus/seminar serta perbelanjaan mengurus lain.
5.	Akuakultur Estet Perikanan	5.00	4.97	Tiada	4.97	Tiada
6.	Pusat Penyembelihan "Tidak Halal"	11.00	7.00	0.68	6.32	Kos tanah, ujian tanah, kerja survei dan sempadan, yuran penilaian, tuntutan perjalanan, pencetakan serta perbelanjaan am.
7.	Peningkatan Kemudahan Eko-Pelancongan Buntal	5.00	0.74	0.60	0.14	Yuran konsultan, ujian tanah, kerja survei dan sempadan, pencetakan, iklan, perbelanjaan am serta tuntutan perjalanan.
8.	Kompleks Perniagaan Bumiputera, Jalan Awang Ramli Amit, Sibu	10.00	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
9.	Skim Pinjaman Persekutuan/ Negeri	*	0.08	Tiada	0.08	Tiada
10.	Program Pembasmian Kemiskinan	*	2.54	0.60	1.94	Kos menganjur Program Sejahtera Ekonomi Bandar, pembelian peralatan peserta dan perbelanjaan pentadbiran Bahagian Pembangunan Usahawan.
11.	E-Biz Akademi	*	0.66	0.66	0	Yuran pengurusan dan konsultan, menganjur seminar dan bengkel serta perbelanjaan pentadbiran Bahagian Pembangunan Usahawan.
Jumlah		183.44	24.47	3.03	21.44	

Sumber: Kertas Cadangan Projek Dan Lejar PPES Tahun 2009

Nota: *- Tidak Dapat Dipastikan Kerana Tiada Rekod Dikemukakan

Semakan Audit terhadap rekod dan fail projek PPES mendapati antara sebab projek dan program pembangunan ini dibatalkan adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Pembatalan Projek Dan Program Pembangunan

Bil.	Nama Projek	Tahun		Sebab Projek Dibatalkan
		Mula	Batal	
1.	Ladang Nanas	1992	1997	Keputusan Kerajaan Negeri pada tahun 1992 untuk menukar tapak asal di Rassau ke Igan akan melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi, melambatkan pelaksanaan dan projek menjadi tidak berdaya maju. Sebabnya ialah ketiadaan jalan atau pengangkutan yang sesuai, jeti sedia ada yang kecil tidak mempunyai kemudahan untuk pengendalian kontena serta menampung vesel kontena, kos membina kilang pengetinan di atas tanah gambut lebih mahal dan bekalan air serta elektrik tidak mencukupi untuk menampung keperluan operasi kilang pengetinan.
2.	Stesen Nanas	1992	1997	
3.	Kompleks Perikanan Tanjung Manis	1998	2001	PPES diminta oleh Kerajaan Negeri untuk memberi laluan kepada Jabatan Perikanan Laut Malaysia membina Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu di kawasan yang sama di Tanjung Manis pada tahun 2002.
4.	Ladang Organik Dan Ekologikal	2000	2004	Kajian kemungkinan tidak dijalankan. Syarikat usaha sama tidak mendapat sebarang keuntungan sejak mengurus projek ladang tersebut. Ini disebabkan kurang penglibatan daripada peserta, kekurangan pekerja, pelaburan tambahan dan input ke ladang terlalu rendah serta pemasaran yang tidak menggalakkan.
5.	Akuakultur Estet Perikanan	2001	2008	Permohonan tanah yang dikenal pasti sesuai oleh PPES tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri.
6.	Skim Pinjaman Persekutuan/Negeri	2002	2005	Skim ini dihentikan atas cadangan Kerajaan Persekutuan memandangkan terdapat beberapa skim pinjaman yang dilaksanakan oleh agensi-agensi lain.
7.	Peningkatan Kemudahan Eko-Pelancongan Buntal	2006	2009	Berlaku perubahan pada struktur tapak sedia ada di Buntal akibat hakisan pantai yang berlaku semasa musim tengkujuh pada tahun 2008. Pembinaan benteng penahan hakisan dan dua tembok batu pada tahun 2008 dan 2009 oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah mengubah sepenuhnya ekologi pantai di Buntal terutamanya penghijrahan burung laut. Kesesuaian tapak Pusat Pelawat Buntal terjejas menyebabkan projek ini tidak lagi praktikal mengikut objektif yang disasarkan. Kejayaan Pusat Pelawat bergantung sepenuhnya kepada mengekal kualiti sumber semula jadi di kawasan Teluk Bako-Buntal. Benteng penahan hakisan dan tembok batu yang dibina oleh JPS Sarawak adalah seperti di Foto 9.1 dan Foto 9.2 .
8.	Kompleks Perniagaan Bumiputera, Jalan Awang Ramli Amit, Sibu	Belum	2009	Permohonan tapak tidak dilulus oleh Kerajaan Negeri kerana tapak berkenaan telah diluluskan untuk pembinaan Kompleks Islam Sarawak oleh Majlis Islam Sarawak.
9.	Pusat Penyembelihan "Tidak Halal"	2006	2008	PPES memutuskan tidak praktikal untuk meneruskan projek ini. Kajian oleh Jabatan Pertanian mendapati 90% daripada penternak khinzir di Bahagian Kuching serta Samarahan memilih untuk berpindah ke kawasan pusat penternakan khinzir Jabatan Pertanian dan hanya 10% sahaja akan menggunakan pusat penyembelihan yang dicadangkan oleh PPES.
10.	E-Biz Akademi	2006	2008	Program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dengan kerjasama Multimedia Development Corporation dan PPES ini dinamakan semula sebagai Technopreneur Academy Programme (TAP) pada tahun 2009 dan mempunyai objektif yang sama.
11.	Program Pembasmian Kemiskinan	2008	2008	Program ini dinamakan semula sebagai Program Sejahtera Ekonomi Bandar (PROSEB). Tujuannya sama iaitu untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar di bandar dan menggalak budaya keusahawanan di kalangan penduduk miskin kawasan bandar.

Sumber: Fail Projek PPES

Foto 9.1
Benteng Penahan Hakisan Dibina Oleh
Jabatan Pengairan Dan Saliran



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Buntal, Kuching
 Tarikh: 2 Februari 2010

Foto 9.2
Tembok Batu Dibina Oleh
Jabatan Pengairan Dan Saliran



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Buntal, Kuching
 Tarikh: 2 Februari 2010

Pada keseluruhannya, pembatalan projek dan program ini menyebabkan matlamat projek atau program yang disediakan tidak tercapai. Jangkaan daripada pelaksanaan projek seperti untuk memajukan tanah, membawa pembangunan dan kemudahan infrastruktur kepada penduduk luar bandar, menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk tempatan serta pembangunan industri hiliran dan pelancongan tidak tercapai.

Menurut maklum balas PPES, dana yang diterima untuk projek akuakultur estet perikanan adalah untuk membeli tanah di kawasan yang berpotensi di seluruh Negeri Sarawak. PPES telah memohon tanah yang dikenal pasti sesuai untuk akuakultur dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak akan tetapi kebanyakan permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan. Dua tapak yang diluluskan kepada PPES iaitu tanah seluas 160 hektar di Sempadi dan seluas 30 hektar di Batang Serdeng akan melibatkan kos yang tinggi untuk dibangunkan. Bagi Kompleks Perniagaan Bumiputera, Jalan Awang Ramli Amit, Sibu, peruntukan sejumlah RM9 juta untuk projek tersebut telah dipindahkan untuk membangun premis perniagaan di lokasi lain. Bagi projek Ladang Organik Dan Ekologikal, sejumlah RM61,588 telah dibayar oleh syarikat berkenaan manakala sejumlah RM211,724 belum dijelaskan setakat akhir Disember 2009. Sehingga kini kes ini telah dirujuk kepada tindakan undang-undang untuk mendapat balik baki pinjaman.

Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti, kerjasama erat dan penyelarasan yang sempurna bersama Agensi pelaksana lain hendaklah dipertingkatkan bagi menjamin kejayaan pelaksanaan sesuatu projek.

b) Pelaksanaan Projek Dan Program Tertangguh

Semakan Audit mendapati sembilan projek dan lima program pembangunan yang dirancang pada RMKe-8 dan RMKe-9 bernilai RM44.85 juta telah ditangguh

pelaksanaannya setakat akhir tahun 2009. Daripada jumlah keseluruhan dana yang diterima RM40.54 juta, sejumlah RM3.60 juta atau 8.9% telah dibelanjakan manakala baki sejumlah RM36.94 juta tidak dimanfaatkan dan masih ditunjukkan dalam akaun Dana Pembangunan. Projek dan program yang ditangguhkan pada akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Projek Dan Program Ditangguhkan Pada Akhir Tahun 2009

Bil.	Projek/Program	Kos Projek (RM Juta)	Dana Diterima (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Baki (RM)	Butiran Perbelanjaan
1.	Ladang Kelapa Sawit, Lundu	16.21	Tiada	2,323,444	(2,323,444)	Kos tanah
2.	Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging	1.16	2,063,722	170,403	1,893,319	Kos tanah, peralatan ternakan dan caj perkhidmatan.
3.	Pusat Penyembelihan "Halal"	15.10	6,318,125	118,433	6,199,692	Yuran survei dan sempadan, tuntutan perjalanan, pencetakan dan perbelanjaan am. Tanah telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri pada awal tahun 2010. Kos RM0.99 juta telah dibayar balik oleh Jabatan Tanah Dan Survei kepada PPES.
4.	Penternakan Burung Walet	0.58	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
5.	Medan Niaga Mukah	1.80	153,689	151,656	2,033	Kos tanah, yuran survei dan tuntutan perjalanan.
6.	Medan Niaga Lutong, Miri	0.10	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
7.	Medan Niaga Dalat	0.10	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
8.	Perkampungan Kedai Desa, Kampung Teku, Sibu	2.00	Tiada	620	(620)	Tuntutan perjalanan
9.	Pusat Rehat dan Rawat Kuala Tatau	2.20	Tiada	833	(833)	Tuntutan perjalanan
10.	Dana Modal Putra	*	16,000,000	Tiada	16,000,000	Tiada. Dana RM3.5 juta disimpan sebagai deposit sandaran di dua bank pelaksana.
11.	Skim Usahanita	*	5,000,000	Tiada	5,000,000	Tiada. Dana RM5 juta disimpan sebagai deposit sandaran di dua bank pelaksana.
12.	Dana Perusahaan Kecil	*	2,000,000	Tiada	2,000,000	Latihan. Dana RM0.5 juta disimpan sebagai deposit sandaran di dua bank pelaksana.
13.	Pusat Usahawan	3.60	6,500,000	Tiada	6,500,000	Tiada
14.	Pembangunan Francais	2.00	2,502,165	836,827	1,665,338	Seminar dan latihan.
Jumlah		44.85	40,537,701	3,602,216	36,935,485	

Sumber: Kertas Cadangan Projek Dan Lejar Projek PPES Tahun 2009

Nota: * - Tidak Dapat Dipastikan Kerana Tiada Rekod Dikemukakan


Semakan Audit terhadap rekod dan fail projek PPES mendapati sebab projek dan program pembangunan ini ditangguhkan adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Penangguhan Projek Dan Program Pembangunan

Bil.	Nama Projek/Program	Tahun		Sebab-Sebab Tertangguh
		Mula	Tangguh	
1.	Ladang Kelapa Sawit, Lundu	2000	2008	Syarikat usaha sama tidak dapat meneruskan kerja pembangunan sejak pertengahan tahun 2002 kerana bantahan dan halangan daripada penduduk tempatan.
2.	Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging	2001	2003	PPES tidak bersetuju dengan konsep pelaksanaan projek oleh syarikat berkenaan yang mahu mengambil alih sepenuhnya pengurusan projek.
3.	Pusat Penyembelihan "Halal"	2001	2009	Kesukaran untuk mendapat keputusan muktamad mengenai pemilihan tapak. PPES telah mengemukakan lima cadangan tapak berasingan kepada Majlis Perancangan Negeri dalam tempoh sembilan tahun dan tiga daripadanya telah mendapat kelulusan. Akhirnya pada tahun 2009, Kerajaan Negeri memutuskan pusat penyembelihan utama dipindah ke Tanjung Manis dan yang berskala kecil dibina di Asajaya. Status terkini ialah tapak di Asajaya telah dipindahkan ke Siburan oleh Majlis Perancang Negeri pada mesyuarat bertarikh 1 September 2010.
4.	Penternakan Burung Walet	2002	2009	Projek printis yang dilaksanakan oleh syarikat usaha sama PPES di Bau gagal menarik Burung Walet bersarang dalam rumah yang disediakan. Lawatan Audit mendapati tapak projek kurang sesuai kerana terlalu hampir dengan habitat semula jadi iaitu gua, bukit dan hutan. Rumah burung bernilai RM0.22 juta yang dibina oleh anak syarikat PPES pada tahun 2004 terbiar seperti di Foto 9.3 .
5.	Dana Modal Putra	2002	2007	Dua bank pelaksana menangguhkan pelaksanaan program ini kerana berlaku <i>Non Performing Loan</i> (NPL) yang tinggi oleh para peminjam.
6.	Skim Usahanita	2002	2007	
7.	Dana Perusahaan Kecil	2002	2007	
8.	Pusat Usahawan	2002	2009	Kerajaan memberi peruntukan pembangunan untuk pembinaan pusat sahaja. PPES belum mendapat peruntukan operasi untuk menampung kos pengurusan pusat.
9.	Pembangunan Francais	2004	2009	Empat syarikat yang telah dikenal pasti oleh PPES pada tahun 2006 gagal memenuhi syarat kelayakan Perbadanan Nasional dan belum ada syarikat yang memulakan perniagaan secara francais.
10.	Medan Niaga Mukah	2005	2007	Keputusan Kerajaan Negeri pada April 2007. Ini disebabkan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah telah siap membina 27 unit rumah kedai dan 52 unit gerai untuk penjaja kecil di Boulevard Setia Raja yang berhampiran.
11.	Medan Niaga Lutong, Miri	Belum	2006	Projek ditangguhkan ke RMKe-10. PPES sedang mengenal pasti lokasi tapak baru. Lokasi sedia ada kurang sesuai bagi permintaan semasa dan belum sedia untuk dibangunkan disebabkan kepadatan penduduk yang sangat rendah.
12.	Medan Niaga Dalat	Belum	2006	Projek ditangguhkan ke RMKe-10. Tapak yang sedia ada tidak strategik dan belum sedia untuk dibangunkan disebabkan kurang penduduk. PPES sedang mengenal pasti lokasi dan tapak baru.
13.	Perkampungan Kedai Desa, Kampung Teku, Sibu	Belum	2006	Projek ditangguhkan ke RMKe-10. PPES sedang mengenal pasti lokasi dan tapak baru kerana tapak asal terlalu rendah, berpayau dan memerlukan kos yang tinggi untuk kerja tanah.
14.	Pusat Rehat dan Rawat Kuala Tatau	Belum	2006	Pelaksanaan projek ditangguhkan sehingga jalan raya pesisiran pantai menghubungkan Balingian dan Kuala Tatau siap sepenuhnya.

Sumber: Fail Projek Dan Program PPES

Foto 9.3
Rumah Burung Walet Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Rumah Burung Walet, Bau
Tarikh: 20 November 2009

Pada keseluruhannya, penangguhan projek dan program ini menyebabkan faedahnya lambat dimanfaatkan oleh rakyat Sarawak. Hasrat PPES untuk menyedia kemudahan, memajukan tanah pertanian, menyedia premis niaga dan membangun usahawan Bumiputera yang berkualiti, berdaya saing serta maju belum tercapai.

Menurut maklum balas PPES pada 7 Mei 2010, Projek Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging digugurkan pada tahun 2003. PPES akan mengenal pasti syarikat tunjang baru iaitu anak syarikat PPES untuk memulakan projek ini setelah mendapat peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan. Projek Rumah Burung telah disewakan kepada individu mulai Mac 2010. Projek Medan Niaga Mukah dibatalkan atas arahan Kerajaan Negeri. Projek Medan Niaga Lutong, Miri dan Projek Medan Niaga Dalat dibatalkan dan peruntukan dipindah ke projek Rehat Dan Rawat yang memerlukan siling tambahan. Projek Perkampungan Kedai Desa, Kampung Teku, Sibu dibatalkan. Daripada jumlah peruntukan RM2 juta yang diluluskan, RM1.5 juta telah dipindah ke projek Pembangunan Ruang Niaga BGS dan RM0.5 juta dipindah ke projek Medan Niaga Damai. Projek Pusat Rehat Dan Rawat Kuala Tatau masih dalam pelaksanaan. Sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM1.7 juta telah dipindah ke projek baru iaitu projek Pembangunan Ruang Niaga Tebingan Sungai Kayan, Lundu. Walau bagaimanapun, peruntukan tambahan RM1.3 juta telah diluluskan oleh Kementerian untuk projek ini. Program Pembangunan Francais masih diteruskan di mana penekanan sekarang memberi pendedahan awal tentang perniagaan francais kepada bakal francaisor dan francaisi. Kini PPES memberi tumpuan kepada penganjuran kursus kesedaran kepada usahawan yang berpotensi. Program Dana Modal Putra, Skim Usahanita Dan Dana Perusahaan Kecil, dana yang ada disandarkan kepada bank. Deposit ini hanya akan digunakan oleh bank apabila terdapat non-recovery ke atas NPL. Setakat ini, kesemua akaun NPL telah dirujuk kepada tindakan perundangan oleh pihak bank.

Pada pendapat Audit, projek dan program pembangunan yang tertangguh hendaklah dilaksanakan dengan segera bagi membolehkan peruntukan yang telah diterima dapat dimanfaatkan dalam tempoh yang ditetapkan.

c) Projek Lewat Dimulakan Atau Lewat Disiapkan

Semakan Audit mendapati tiga projek pembangunan yang dirancang semasa RMKe-9 bernilai RM43.72 juta telah lewat dimulakan atau lewat disiapkan pada tahun 2009. Daripada jumlah keseluruhan dana yang diterima RM15.80 juta, sejumlah RM8.74 juta atau 55.3% telah dibelanjakan, manakala baki sejumlah RM7.06 juta belum dimanfaatkan. Projek lewat dimulakan atau lewat disiapkan pada akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Projek Lewat Dimulakan Atau Lewat Disiapkan Pada Akhir Tahun 2009

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Dana Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Baki (RM Juta)
1.	Ladang Kelapa Matag	35.54	5.80	Tiada	5.80
2.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di <i>Waterfront</i> Kuching, Fasa 2 (Pakej 1)	3.18	5.00	4.05	0.95
3.	Premis Perniagaan "Permaidani Kampung" Tebingan Kampung Boyan-Gersik, Kuching	5.00	5.00	4.69	0.31
Jumlah		43.72	15.80	8.74	7.06

Sumber: Lejar Projek Tahun 2009 Dan Fail Projek PPES

Semakan Audit seterusnya mendapati sebab projek pembangunan ini lewat dimulakan atau lewat disiapkan adalah seperti berikut:

i) Ladang Kelapa Matag

Projek Ladang Kelapa Matag bernilai RM35.54 juta di Asajaya, Samarahan seluas 2,115 hektar ini sepatutnya dilaksanakan semasa RMKe-8 tetapi dibawa ke RMKe-9. Projek ini lewat dilaksanakan disebabkan perkara seperti berikut:

- Kelewatan kelulusan tanah selama enam tahun daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber iaitu dari tahun 1999 hingga 2005.
- Bantahan daripada penduduk tempatan pada akhir tahun 2005. Penduduk telah menanam pokok kelapa sawit yang berusia antara dua hingga tiga tahun di Lot 1736 dan Lot 1737, membina surau, rumah dan pondok. Pokok kelapa sawit yang ditanam dan surau yang dibina oleh penduduk kampung adalah seperti di **Foto 9.4** dan **Foto 9.5**.

Foto 9.4
Penanaman Pokok Kelapa Sawit Oleh
Penduduk Kampung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1737, Asajaya Samarahan
Tarikh: 26 November 2009

Foto 9.5
Surau Dibina Oleh Penduduk Kampung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1736, Asajaya, Samarahan
Tarikh: 26 November 2009

- Kelewatan selama tiga tahun untuk proses penubuhan syarikat usaha sama, pemberimilikan tanah dan perolehan bekalan benih. Kerja pembangunan tanah hanya bermula pada November 2008.
- Kekurangan bekalan atau tiada benih kacukan kelapa Matag sedia ada daripada pengeluar atau pembekal tetap dan terkenal di seluruh Malaysia. Penghantaran pertama sebanyak 3,000 benih kelapa Matag diterima pada pertengahan tahun 2008. Sehingga tahun 2009, sebanyak 13,845 benih kelapa Matag dibekalkan oleh pembekal dari Semenanjung Malaysia. Purata sehektar tanah perlu ditanam dengan 200 hingga 220 benih kelapa Matag.

Pada akhir tahun 2009, hanya 36 hektar atau 4.5% telah berjaya ditanam dengan benih kelapa. Oleh itu, sasaran syarikat untuk menanam 400 hektar setahun pada tahun 2008 dan 2009 tidak tercapai.

ii) Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Waterfront Kuching, Fasa 2
(Pakej 1-Pembaharuan Dan Pemulihan Waterfront Kuching)

Semakan Audit mendapati kerja kontrak untuk Pakej 1 bernilai RM3.18 juta untuk kerja pembaharuan dan pemulihan lewat disiapkan oleh kontraktor tanpa sebarang ulasan secara bertulis. Tempoh kelewatan adalah selama 101 hari selepas tempoh lanjutan masa 102 hari diluluskan. PPES tidak mengenakan Denda Membaiki Kecacatan sejumlah RM57,823 mengikut klausa 43, Syarat Perjanjian Kontrak kerana kontraktor berkenaan belum mengemukakan tuntutan kemajuan setelah kerja siap secara praktikal pada awal Disember 2009. Jumlah bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor berkenaan setakat akhir Disember 2009 adalah sejumlah RM4.05 juta. Kesannya, penguatkuasaan denda terhadap kontraktor berkenaan tidak dapat dilakukan oleh PPES.

Menurut maklum balas PPES, projek ini telah siap dan diserahkan kepada pengguna secara berperingkat. Bayaran ganti rugi “Liquidated and Ascertained Damages” berjumlah RM30,800 dikenakan ke atas kontraktor di atas kelewatan menyiapkan mengikut kontrak.

iii) Premis Perniagaan “Permaidani Kampung” Tebingan Kampung Boyan-Gersik, Kuching

Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan selama 43 hari untuk menyerah tapak kepada kontraktor dan 184 hari untuk menyiapkan projek disebabkan oleh:

- Permintaan daripada Jawatankuasa Keselamatan Dan Kebajikan Kampung (JKKK) untuk menanggung penyerahan tapak kepada kontraktor bagi memberi peluang penjaja berniaga pada bulan Ramadan.
- PPES menunggu keputusan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) untuk membina tembok penahan sepanjang Sungai Boyan sebelum kerja pembinaan premis dimulakan. Bagaimanapun, tembok penahan sepanjang Sungai Boyan tidak dibina oleh DBKU kerana tiada peruntukan. Reka bentuk premis perniagaan telah diubahsuai untuk disesuaikan dengan keadaan tapak.
- Tapak projek terjejas oleh hujan lebat dan banjir yang berlaku pada Januari 2009.

Menurut maklum balas PPES, projek ini akhirnya telah siap pada 15 Julai 2009 dan beroperasi semenjak itu.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan dan penyiapan projek hendaklah dipercepatkan supaya faedahnya dapat dinikmati oleh kumpulan sasar dalam tempoh yang ditetapkan.

9.4.3 Analisis Impak Kewangan Terhadap Projek Serta Program Dibatalkan Dan Tertangguh

Analisis Audit mendapati implikasi kewangan daripada pembatalan dan penangguhan 25 projek serta program pembangunan ini adalah seperti berikut:

- a) Dana sejumlah RM1.81 juta telah dibelanjakan untuk kajian kemungkinan, perkhidmatan perunding, penyiasatan tanah, iklan tender, tuntutan perjalanan dan kerja survei.
- b) PPES telah membelanjakan sejumlah RM3.09 juta untuk perolehan hartanah. Bagaimanapun, pembatalan dan penangguhan projek menyebabkan dana PPES terikat dalam hartanah yang tidak dibangunkan.
- c) Kerugian disebabkan pinjaman untuk modal sejumlah RM0.44 juta tidak dibayar balik oleh anak syarikat dan syarikat swasta.
- d) Baki geran sejumlah RM37.64 juta yang diterima semasa RMKe-6 hingga RMKe-8 bagi projek dan program yang gagal dilaksanakan tidak dimanfaatkan atau diguna untuk tujuan ianya diberi.

Butiran terperinci analisis impak kewangan terhadap pembatalan dan penangguhan projek serta program pembangunan adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7

Analisis Impak Kewangan Terhadap Projek Serta Program Dibatalkan Dan Tertangguh

Bil.	Impak	Projek	Jumlah (RM)	Jumlah Besar (RM Juta)
1.	Dana Telah Dibelanjakan Untuk Pengurusan Awal Projek	Kompleks Perikanan Tanjung Manis Ladang Nanas Ladang Organik Dan Ekologikal Pusat Penyembelihan "Tidak Halal" Peningkatan Kemudahan Eko-Pelancongan Buntal Pusat Penyembelihan "Halal" Medan Niaga Mukah Perkampungan Kedai Desa, Kampung Teku, Sibul Pusat Rehat Dan Rawat Kuala Tatau Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging	15,818 91,647 384,325 411,826 596,034 118,433 18,520 620 833 170,403	1.81
2.	Dana Terikat Dalam Hartanah Yang Tidak Dibangunkan	Pusat Penyembelihan "Tidak Halal" (tanah) Medan Niaga Mukah (tanah) Ladang Kelapa Sawit (tanah) Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging (tanah) Penternakan Burung Walet (tanah dan bangunan)	270,049 133,136 2,323,444 72,000 288,000	3.09
3.	Modal Tidak Dibayar Balik Oleh Anak Syarikat /Syarikat Swasta	Kompleks Perikanan Tanjung Manis Ladang Organik Dan Ekologikal	224,492 211,724	0.44
4.	Geran Tidak Dimanfaat / Diguna Untuk Tujuan Ianya Diberi	Kompleks Perikanan Tanjung Manis Akuakultur Estet Perikanan Ladang Nanas Ladang Kelapa Matag Skim Pinjaman Persekutuan/Negeri Pusat Usahawan Dana Modal Putra	4,984,182 4,970,000 2,808,353 5,800,000 79,337 6,500,000 12,500,000	37.64

Sumber: Rekod Kewangan Tahun 2009 Dan Fail Projek PPES

Menurut maklum balas PPES, walaupun projek ditangguhkan atau dibatalkan, tanah tersebut juga merupakan pelaburan Perbadanan dan diletakkan ke dalam "land bank" Perbadanan. Baki geran sejumlah RM37.64 juta, PPES akan memohon kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tujuan pindaan itu nanti. Dana Modal Putra telah digunakan tetapi ianya belum lagi ditolak daripada geran yang ada. Dana ini hanya akan ditolak apabila terdapat kes non-recovery ke atas Non-Performing Loan oleh bank. Setakat 31 Disember 2009, sebanyak RM2,410,000 telah digunakan oleh bank bagi tujuan Dana Modal Putra dan sebanyak RM838,002 adalah Non-Performing Loan. Bank hanya akan menolak dana yang disandarkan oleh PPES dengan persetujuan PPES dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.

9.4.4 Matlamat Projek Dan Program Belum Tercapai Sepenuhnya

Sesuai dasar, program dan projek hendaklah mencapai matlamat yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada kumpulan sasaran secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit terhadap lapan projek dan satu program bernilai RM30.01 juta yang dilaksanakan mendapati PPES telah menerima dana sejumlah RM26.61 juta hingga akhir tahun 2009. **Bagaimanapun, sejumlah RM25.88 juta atau 97.3% telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek dan program tersebut.** PPES telah terlebih berbelanja sejumlah RM1.50 juta untuk projek Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Mid-Layar Betong, Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Bekenu di Miri, Medan Niaga Gedong dan Medan Niaga

Sematan di Kuching. Jumlah dana, perbelanjaan dan baki untuk projek dan program yang telah atau sedang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Jumlah Dana, Perbelanjaan Dan Baki Projek Dan Program Siap/Sedang Dilaksanakan

Bil.	Projek	Kos (RM Juta)	Tahun		Dana Diterima (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Baki (RM)
			Mula	Siap			
1.	Ladang Karabungan, Miri	4.43	1983	1985	6,988,500	6,092,500	896,000
2.	Ladang Buah-Buahan Snibong, Lundu	3.90	1992	1995	4,455,000	3,845,845	609,155
3.	Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Sebangkoi, Sarikei	3.25	2002	2003	2,769,717	2,756,789	12,928
4.	Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Mid-Layar Betong	3.30	2003	2004	2,567,282	2,572,197	(4,915)
5.	Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Bekenu, Miri	2.36	2003	2004	2,209,964	2,356,333	(146,369)
6.	Medan Niaga Gedong, Samarahan	1.64	2003	2005	853,731	2,106,576	(1,252,845)
7.	Medan Niaga Jepak, Bintulu	3.47	2003	2004	1,951,029	1,937,144	13,885
8.	Medan Niaga Sematan, Kuching	3.36	2007	2008	3,446,311	3,546,675	(100,364)
9.	Shop-On Wheel	4.30	2006	*	1,369,947	665,412	704,535
Jumlah		30.01			26,611,481	25,879,471	732,010

Sumber: Rekod Kewangan Tahun 2009 Dan Fail Projek PPES

Nota: * Projek/Program Berterusan

Menurut maklum balas PPES, bagi projek Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Sebangkoi, Sarikei, Mid-Layar Betong dan Bekenu, Miri, ianya adalah di bawah satu kepala. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM7,564,405 dan PPES telah berbelanja sejumlah RM7,702,761. PPES hanya mempunyai lebihan belanja sejumlah RM138,357 yang mana dana dalaman digunakan untuk menampung perbelanjaan tersebut. Bagi peruntukan Medan Niaga di bandar kecil di bawah satu kepala adalah Medan Niaga Gedong, Samarahan, Medan Niaga Jepak, Bintulu, Medan Niaga Sematan, Lundu dan medan Niaga Lawas. Jumlah keseluruhan dana diterima adalah RM9,897,331 dan perbelanjaan berjumlah RM9,450,008. Lebihan dana ini adalah RM447,323.

a) Ladang Karabungan, Miri

Semakan Audit mendapati Ladang Karabungan seluas 631 hektar (1,558 ekar) di Lot 16 Blok 6, Niah, Miri telah diuruskan oleh anak syarikat subsidiari PPES. Aktiviti utama ladang ini ialah penternakan lembu secara *feedlot* iaitu proses penggemukan lembu muda seberat 200kg hingga 250kg (*young feeder/slaughter cattle*) yang diimport dari Australia untuk penghasilan daging lembu segar. Ladang ini juga berfungsi sebagai *holding station* untuk proses penyesuaian lembu baka yang diimport dari Australia dengan keadaan iklim dan persekitaran tempatan sebelum dibekalkan ke Jabatan Pertanian Sarawak di bawah Program Pawah.

Ladang ini mempunyai kapasiti *feedlot* untuk 700 ekor lembu (berat 250 kg. seekor). Pada September 2009, sebanyak 1,918 ekor lembu telah diimport. Mengikut amalan biasa anak syarikat subsidiari PPES, tempoh pegangan adalah sebulan dari tarikh lembu diterima. Adalah didapati bagi tahun 2009, tempoh pegangan lembu berkenaan telah melebihi tempoh tersebut. Antara sebabnya ialah 1,039 ekor lembu yang ditempah

oleh Jabatan Pertanian Sarawak masih berada di ladang tersebut. Ini adalah disebabkan pengagihan lembu kepada peserta Projek Pawah tidak dapat dilakukan kerana peserta belum bersedia untuk membayar harga lembu dan menyediakan kandang. Keadaan ini menyebabkan kandang lembu penuh sesak seperti di **Foto 9.6** dan **Foto 9.7**.

Foto 9.6
Kandang Sesak Dengan Lembu



Sumber: PPES
Lokasi: Ladang Karabungan, Miri
Tarikh: Awal Disember 2009

Foto 9.7
Kandang Sesak Dengan Lembu



Sumber: PPES
Lokasi: Ladang Karabungan, Miri
Tarikh: Awal Disember 2009

Semakan Audit seterusnya mendapati kadar kematian lembu di ladang tersebut adalah sangat tinggi iaitu 456 ekor atau 23.8% daripada 1,918 ekor yang diimport berbanding dengan kadar kematian yang dibenarkan iaitu 5%. Sebab kematian lembu bagi tempoh September 2009 hingga 12 Februari 2010 adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Sebab Kematian Lembu Bagi Tempoh September 2009 Hingga 12 Februari 2010

Bil.	Bulan	Tahun	Jumlah Kematian	Umur (Tahun)	Sebab Kematian
1.	September	2009	5	2 Hingga 8	Sakit, kurus, mati melahirkan anak, mati selepas dirawat, lekat dalam lumpur dan paya, patah kaki selepas jatuh dalam lubang parit, terjatuh dalam sungai, sakit mata dan cirit berdarah, mati lemas dan kulit terkopek kerana terdedah kepada matahari terik.
2.	Oktober	2009	18	2 Hingga 4	
3.	November	2009	34	2 Hingga 4	
4.	Disember	2009	308	2 Hingga 4	
5.	Januari	2010	81	1 Hingga 9	
6.	Februari	2010	10	2 Hingga 4	
Jumlah			456		

Sumber: Sijil Kematian Ternakan PPES

Berdasarkan Laporan Audit Dalam PPES No.8/2009, antara penemuan yang dilaporkan pada Disember 2009 adalah seperti berikut:

- Keadaan *feedlot* tidak bersih serta dipenuhi dengan najis lembu. Kerja pembersihan tidak dapat dilakukan kerana pam air rosak sejak November 2009 dan tidak dibaiki oleh kontraktor yang berkenaan. Lawatan Audit pada 12 Mac 2010 mendapati keadaan *feedlot* masih tidak berubah seperti dilaporkan sebelumnya oleh Audit Dalam PPES.
- Padang ragut yang sesuai tidak cukup untuk putaran. Ladang Karabungan mempunyai 20 padang ragut tetapi hanya lapan digunakan kerana yang lain diguna

oleh syarikat swasta untuk ladang kelapa sawit, penanaman jagung untuk makanan ternakan oleh rakan usaha sama PPES, rumput tidak sesuai, pagar rosak tidak dibaiki dan ada kawasan gaung. Menurut Pengurus Ladang syarikat subsidiari PPES, program pembajaan urea tidak dilakukan sejak tahun 1998 menyebabkan kandungan mineral dalam tanah sangat rendah. Penanaman rumput ragut secara sistematik tidak dilakukan bagi memastikan tanah terbiar diguna sepenuhnya. Lawatan Audit pada 12 Mac 2010 juga mendapati rumput di padang ragut tidak tumbuh dengan subur.

Menurut maklum balas PPES, anak syarikat subsidiari PPES membangunkan pasture mengikut keperluan semasa dan tidak membangunkan kesemua kawasan kerana kos pembangunan yang tinggi. Pembajaan urea hanya diperlukan sekali sahaja iaitu semasa penanaman rumput yang pertama. Selepas itu, pembajaan urea tidak diperlukan kerana najis lembu yang ditempatkan di pasture cukup untuk menyuburkan padang rumput tersebut. Tambahan pula kos untuk pembajaan urea tinggi. Kadar kematian yang tinggi seperti yang dilaporkan di atas hanya berlaku pada tahun 2009 sahaja disebabkan oleh kelewatan pengagihan lembu oleh Jabatan Pertanian Sarawak dan kesesakan kandang lembu seperti yang dinyatakan di atas. Anak syarikat subsidiari PPES berkenaan telah pun mengambil tindakan penambahbaikan seperti penanaman rumput napier dan mulberry; pembesaran kawasan ragut; bekalan elektrik; penambahbaikan feedlot; penyenggaraan pagar; dan veterinar yang bertauliah dan penasihat teknikal telah dilantik pada 25 Ogos 2010.

Dari segi pentadbiran dan pengurusan ladang, satu Standard Operating Procedure (SOP) telah disediakan dan telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- Pada September hingga Disember tahun 2009, anak syarikat subsidiari PPES terpaksa menempah makanan ternakan tambahan bagi menampung stok ternakan di ladang tersebut dan juga untuk 1,039 ekor lembu tempahan Jabatan Pertanian Sarawak yang belum dapat diagihkan.
- Lembu Tenusu (*Dairy Cattle*) sebanyak 99 ekor yang diterima pada September 2009 untuk Jabatan Pertanian Sarawak tidak mempunyai tempat berteduh yang sesuai. Bagi tempoh September 2009 hingga Februari 2010, sebanyak 32 ekor lembu telah mati. Lembu Tenusu ini perlu penjagaan rapi dan tidak tahan cuaca panas. Lawatan Audit pada Mac 2010 mendapati lembu ini terdedah kepada cuaca panas tanpa tempat berteduh yang sesuai.

Menurut maklum balas PPES, cadangan tempat berteduh (shed) akan dibina pada masa yang terdekat.

Kadar kematian ternakan yang tinggi telah memberi kesan kepada prestasi kewangan anak syarikat subsidiari PPES. Syarikat ini telah mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM2.64 juta pada akhir tahun 2008. Bagi prestasi tahun 2009, syarikat ini telah mengalami kerugian bersih sejumlah RM0.44 juta setakat 30 April 2009 disebabkan kos pembangunan dan

operasi meningkat. Prestasi pembiakan ternakan masih rendah daripada kadar industri ternakan kerana kekurangan kakitangan ladang yang mahir dan terlatih dalam penternakan lembu dan ketiadaan doktor haiwan.

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada Perjanjian Persefahaman dimeterai antara anak syarikat subsidiari PPES dengan Jabatan Pertanian Sarawak bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab untuk menanggung kos makanan, kematian ternakan dan perubatan termasuk perkhidmatan doktor haiwan dalam tempoh penjagaan tersebut.

Pada pendapat Audit, PPES hendaklah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak dan Universiti Putra Malaysia supaya Penyelidikan dan Pembangunan yang telah dan sedang dijalankan boleh dimanfaatkan bagi program ini terutamanya di bidang pengurusan ladang secara sistematik, pembangunan padang ragut, pembiakan dan pengeluaran makanan ternakan tempatan. Kakitangan dan pekerja ladang hendaklah mahir dan terlatih dalam prosedur operasi ladang dan ternakan.

b) Ladang Buah-Buahan Snibong, Lundu

Semakan Audit mendapati matlamat projek untuk mendorong industri buah-buahan negeri dan sebagai titik permulaan untuk ladang buah-buahan berskala besar di masa hadapan, menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta sebagai tempat untuk pendedahan, latihan dan kajian di mana bahan tanaman berkualiti serta klon asli dihasilkan masih belum tercapai. Matlamat projek lambat tercapai adalah disebabkan perkara seperti berikut:

- i) Kontrak *Turnkey* bernilai RM2.81 juta yang ditandatangani pada awal tahun 1992 antara anak syarikat subsidiari PPES dengan kontraktor terpaksa ditamatkan pada akhir tahun 1996. Ini disebabkan kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak untuk menyiapkan sepenuhnya kerja pembangunan ladang seperti pemasangan bekalan elektrik dan air, sistem perparitan dan meluas tanah pada akhir tahun 1995.
- ii) Kontrak pengurusan ladang yang ditandatangani antara anak syarikat subsidiari PPES dengan kontraktor untuk mengurus ladang ini untuk tempoh 20 tahun mulai Januari 1997 hingga Disember 2016 ditamatkan pada awal tahun 2002 kerana kontraktor gagal mematuhi syarat perjanjian. Antaranya, kontraktor gagal membayar yuran lesen dan sewa kenderaan sejumlah RM0.11 juta pada akhir tahun 2001.
- iii) Kontrak penyewaan ladang kepada anak syarikat subsidiari PPES yang lain untuk tempoh 20 tahun, mulai Julai 2002 ditamatkan pada awal tahun 2006 kerana syarikat berkenaan gagal dan mengalami kerugian besar dalam mengurus ladang tersebut.

Pada akhir tahun 2005, anak syarikat subsidiari PPES telah mengambil alih kerja penyenggaraan pokok buah-buahan daripada anak syarikat subsidiari PPES yang lain. Dana sejumlah RM3.85 juta atau 98.7% telah dibelanjakan tetapi tanah seluas 101.67 hektar atau 97.5% masih terbiar. Anak syarikat subsidiari PPES mengalami kerugian

terkumpul sejumlah RM2.83 juta pada tahun 2007 dan 2008. Lawatan Audit pada 20 November 2009 mendapati ladang ini masih belum ada bekalan air dan elektrik serta sistem perparitan yang sempurna. Bagaimanapun, ianya telah diurus dan ditanam dengan buah Pitaya seluas hanya 2.63 hektar atau 2.5% oleh PPES. Ladang ini telah mengeluarkan sebanyak 20,803 kilogram buah Pitaya dari Julai 2008 hingga Mac 2010. Kawasan yang ditanam dengan buah Pitaya dan kawasan tanah terbiar adalah seperti di **Foto 9.8** dan **Foto 9.9**.

Foto 9.8
Kawasan Ditanam Dengan Buah Pitaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Snibong, Lundu
Tarikh: 20 November 2009

Foto 9.9
Kawasan Tanah Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Snibong, Lundu
Tarikh: 20 November 2009

c) **Pusat Komersial Rehat Dan Rawat (RRCC) Dan Medan Niaga**

Semakan Audit mendapati daripada 123 unit gerai perniagaan yang disediakan oleh PPES di RRCC Sebangkoi, RRCC Mid-Layar Betong, RRCC Bekenu, Medan Niaga Gedong, Jepak dan Sematan, sebanyak 89 unit atau 72.4% telah disewakan secara individu atau kontrak, manakala 34 unit atau 27.6% masih kosong. Mengikut rekod pungutan bulanan PPES, jumlah pungutan setakat Disember 2009 adalah RM0.26 juta atau 78.9% berbanding dengan RM0.33 juta yang disasarkan. Baki sejumlah RM69,775 masih tertunggak. Kegagalan pengusaha atau peniaga berkenaan menjelaskan sewaan adalah disebabkan perniagaan lembap dan tidak menguntungkan. Bilangan gerai perniagaan yang disewakan dan jumlah pungutan sewa setakat Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10
Bilangan Gerai Perniagaan Disewakan Dan
Jumlah Pungutan Sewa Setakat Disember 2009

Bil.	Projek	Kemudahan	Kadar Sewa Sebulan (RM)	Bilangan Gerai Niaga			Jumlah Pungutan Sewa		
				Disedia	Disewa	Kosong	Sepatut (RM)	Sebenar (RM)	Tunggakan (RM)
1.	RRCC Sebangkoi, Sarikei	Gerai Makanan Kedai Runcit	500	15 2	15 2	0 0	8,000	7,000	1,000
2.	RRCC Mid-Layar, Betong	Gerai Makanan Kedai Runcit	1,500	8 1	5 1	3 0	68,950	63,350	5,600
3.	RRCC Bekenu, Miri	Kedai Runcit	85 hingga 100	26	9	17	13,100	11,715	1,385
4.	Medan Niaga Gedong, Samarahan	Kedai Berkunci	135 hingga 270	15	15	0	76,755	62,025	14,730
5.	Medan Niaga Jepak, Bintulu	Kedai Mini	50 hingga 1,000	29	15	14	66,180	65,290	890
6.	Medan Niaga Sematan, Kuching	Gerai Makanan Kedai Runcit	200	15 12	15 12	0 0	98,200	52,030	46,170
Jumlah				123	89	34	331,185	261,410	69,775

Sumber: Rekod Kutipan Premis Perniagaan Tahun 2009

Lawatan Audit ke RRCC dan Medan Niaga ini mendapati gerai perniagaan tersebut tidak beroperasi sepenuhnya. Antara sebab gerai perniagaan ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai adalah seperti berikut:

i) Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Sebangkoi, Sarikei

- Lokasi kurang sesuai kerana terletak jauh dari kampung dan pekan Sarikei.
- Jalan masuk sempit, landai dan sehalu menyukarkan kenderaan berat untuk singgah atau berhenti.
- Kemudahan seperti tempat letak kenderaan berat, bilik untuk penyewa bermalam dan papan tanda standard di lokasi strategik tidak disediakan serta tiada kemudahan stesen minyak berhampiran.
- Reka bentuk RRCC berkonsep tertutup tidak sesuai seperti di **Foto 9.10**.
- Ruang gerai terlalu sempit untuk peniaga menyedia makanan atau minuman seperti di **Foto 9.11**.

Foto 9.10
Reka Bentuk Bangunan Berkonsep Tertutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Sebangkoi, Sarikei
Tarikh: 9 Disember 2009

Foto 9.11
Gerai Niaga Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Sebangkoi, Sarikei
Tarikh: 9 Disember 2009

Menurut maklum balas PPES, pembangunan RRCC Sebangkoi telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan pembangunan ini adalah berdasarkan reka bentuk dan pelan susun atur yang telah diluluskan oleh Unit Perancangan Negeri (UPN) yang mengandungi tempat makan, gerai, tandas awam dan surau.

ii) Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Mid-Layar Betong

- Sebagai sebuah Pusat Pertumbuhan Desa (RGC), RRCC ini tidak dilengkapi dengan taman permainan kanak-kanak, dewan sukan dan padang bola sepak oleh Agensi Kerajaan yang terlibat. Gerai makanan yang tidak beroperasi adalah seperti di **Foto 9.12**.
- Premis niaga tidak dilengkapi dengan bilik untuk penyewa bermalam. Bilik penginapan secara haram telah dibina bagi mengatasi masalah untuk berulang-alik ke rumah yang jauh setiap hari dan menjejaskan masa beroperasi seperti di **Foto 9.13**.

Foto 9.12
Gerai Makanan Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Mid-Layar, Betong
Tarikh: 8 Mac 2010

Foto 9.13
Bilik Penginapan Dibina Secara Haram



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Mid-Layar, Betong
Tarikh: 8 Mac 2010

- Reka bentuk struktur bumbung serta dinding menyebabkan air hujan masuk dan menjejaskan perniagaan seperti di **Foto 9.14** dan **Foto 9.15**.

Foto 9.14
Reka Bentuk Struktur Bumbung
Dimasuki Air Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Mid-Layar, Betong
Tarikh: 8 Mac 2010

Foto 9.15
Bahagian Tiada Berdinding
Dimasuki Air Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Mid-Layar, Betong
Tarikh: 8 Mac 2010

- Pengurusan pusat oleh pihak kontraktor kurang memuaskan. Longkang tidak bertutup, kebocoran paip bawah tanah tidak diperbaiki, kebersihan tidak dijaga, tempat sampah yang sempurna dan sistem penyedut asap tidak disediakan, tasik dan landskap tidak disenggarakan, kerusi dan meja yang rosak tidak diganti menyebabkan peniaga menyediakan kerusi dan meja sendiri seperti di **Foto 9.12**.
- Tiada produk istimewa atau unik ditawarkan oleh peniaga.

Menurut maklum balas PPES, pembinaan projek ini adalah berdasarkan peruntukan yang terhad dan kelulusan Unit Perancangan Negeri yang hanya menyediakan tempat makan, gerai, tandas awam dan surau. Reka bentuk bangunan adalah berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak PPES akan melaksanakan kerja-kerja baik pulih bangunan dan kerja-kerja luaran pada tahun 2011 selepas mendapat kelulusan pihak pengurusan PPES. Pemilihan penyewa adalah peserta dari kampung yang berdekatan dan oleh itu, tidak menyediakan tempat kediaman. Adalah tanggungjawab penyewa untuk menyediakan produk istimewa bagi menarik lebih ramai pengunjung ke gerai masing-masing.

iii) Pusat Komersial Rehat Dan Rawat Bekenu, Miri

- Pusat terpencil dan terletak lebih kurang 20 kilometer dari pusat Bandaraya Miri.
- Kekurangan projek pembangunan di kawasan sekitar untuk menggalak pertumbuhan ekonomi.
- Kepadatan penduduk di kawasan sekitar tidak cukup. Kedai runcit yang tidak beroperasi adalah seperti di **Foto 9.16**.

Foto 9.16
Kedai Runcit Yang Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RRCC Benua, Miri
Tarikh: 12 Mac 2010

Menurut maklum balas PPES, lokasi tapak projek adalah sesuai memandangkan ianya terletak di laluan Pan Borneo dan hanya tujuh kilometer daripada pekan Benua. Di samping itu, terdapat penduduk daripada ladang kelapa sawit, kilang dan kawasan perumahan yang sedia ada. Pihak yang berkenaan telah bercadang untuk membina kawasan perumahan dalam masa yang terdekat. Setakat ini, pihak PPES telah mengenal pasti peserta yang berminat dan akan menduduki sepenuhnya pada Disember 2010.

iv) Medan Niaga Gedong, Samarahan

- Kurang koordinasi antara PPES dengan Majlis Tempatan dalam menentukan kesesuaian pembahagian gerai mengikut jenis perniagaan. Lawatan Audit pada 24 November 2010 mendapati peniaga gerai makanan dan minuman berkenaan diperuntukkan lot gerai antara dua buah bengkel. Akibatnya, perniagaan terjejas disebabkan bunyi bising dan pemandangan yang kurang menarik dari bengkel tersebut. Gerai makanan dan minuman yang terletak antara dua buah bengkel adalah seperti di **Foto 9.17** dan **Foto 9.18**.

Foto 9.17
Bengkel Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Gedong, Samarahan
Tarikh: 24 November 2009

Foto 9.18
Gerai Makanan Antara Bengkel Motosikal Dan Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Gedong, Samarahan
Tarikh: 24 November 2009

- Kurang daya tarikan kerana tiada keistimewaan dan keunikan makanan atau produk yang ditawarkan oleh peniaga untuk menarik pengunjung luar.
- Kekurangan projek pembangunan di kawasan sekitar untuk menggalak pertumbuhan ekonomi.
- Premis niaga baru ini bersaing dengan Medan Niaga Gedong Jaya yang sedia ada. Mengikut laporan Bahagian Kejuruteraan Dan Teknikal PPES pada April 2003, Medan Niaga Gedong Jaya yang lama ini tidak ekonomi untuk disenggarakan. Kebocoran di kebanyakan bahagian bangunan boleh menyebabkan berlaku litar pintas. Kebakaran mudah berlaku kerana dinding papan, alang dan sokongan telah buruk.

Menurut maklum balas PPES, pihaknya telah meluluskan penyewaan gerai tersebut untuk jualan motosikal sahaja dan bukannya sebagai bengkel. Surat peringatan telah dikeluarkan kepada penyewa untuk menamatkan perkhidmatan bengkel. PPES akan memantau dan memastikan setiap penyewa berniaga mengikut syarat yang ditetapkan dalam surat perjanjian penyewaan. Lokasi tapak tersebut adalah di dalam RGC di mana pembangunan oleh pihak lain yang belum dilaksanakan telah menjejaskan perniagaan peniaga di premis tersebut.

v) Medan Niaga Jepak, Bintulu

- Pembinaan medan niaga ini adalah selaras dengan cadangan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) untuk membangun pusat perkhidmatan Kampung Jepak. Bagaimanapun, lot kediaman sebanyak 295 unit yang disediakan oleh BDA di Skim Pembesaran Kampung Jepak kurang mendapat sambutan daripada penduduk setempat. Ini menjejaskan kepadatan penduduk kawasan tersebut.
- Projek pembangunan seperti klinik Kerajaan, Sekolah Menengah Kemena serta Jambatan Jepak yang menghubungkan Bandar Bintulu dengan Jalan Persisir Jepak/Kuala Tatau dan Jalan Persisir Pantai Mukah/Balingian/Kuala Tatau ke Bintulu belum dilaksanakan untuk mendorong projek ini. Kedai mini yang tidak beroperasi adalah seperti di **Foto 9.19**.

Foto 9.19
Kedai Mini Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Jepak Bintulu
Tarikh: 10 Mac 2010

vi) Medan Niaga Sematan, Kuching

- Reka bentuk dan kedudukan bangunan yang membelakangi jalan raya kurang sesuai seperti di **Foto 9.20** dan kedai runcit yang tidak beroperasi adalah seperti di **Foto 9.21**.

Foto 9.20
Reka Bentuk Medan Niaga Sematan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Sematan
Tarikh: 22 November 2009

Foto 9.21
Kedai Runcit Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Sematan
Tarikh: 22 November 2009

- Tiada keistimewaan dan keunikan makanan atau produk yang ditawarkan oleh peniaga untuk menarik pengunjung luar.
- Kekurangan projek pembangunan dan industri hiliran di kawasan sekitar untuk menggalak pertumbuhan ekonomi.

Menurut maklum balas PPES, pembinaan dan kedudukan bangunan adalah berdasarkan kelulusan UPN setelah mengambil kira pembinaan jalan utama Lundu-Sematan yang akan berhadapan dengan bahagian hadapan bangunan Medan Niaga.

Pada keseluruhannya, kesan daripada kurang sambutan ini adalah seperti berikut:

- Syarikat yang mengurus pusat perniagaan dan peniaga mengalami kerugian dan tidak mampu membayar sewa bulanan. Pada awal tahun 2007, syarikat yang mengurus RRCC Sebangkoi telah mengalami kerugian sejumlah RM20,000 (tidak termasuk modal).
- Tunggakan sewa sejumlah RM69,775 setakat akhir tahun 2009 untuk RRCC dan Medan Niaga tersebut.
- Premis niaga yang disediakan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.
- Matlamat PPES untuk membangun usahawan Bumiputera yang berkualiti, berdaya saing dan maju belum tercapai.

d) Program Shop-On Wheel

Semakan Audit mendapati Program *Shop-On Wheel* telah mendapat sambutan baik daripada peniaga Bumiputera. Bilangan peserta telah meningkat daripada empat orang pada tahun 2007 menjadi 171 orang pada tahun 2009. Berdasarkan Laporan Penilaian

Program yang disediakan oleh PPES, pendapatan para peserta berkenaan telah bertambah berbanding peringkat awal penyertaan program. Bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh peserta program ialah:

- Penggunaan motosikal roda tiga dengan *backcar* diluluskan untuk *off-road* sahaja.
- Lesen penaja bergerak dikeluarkan untuk operasi di kawasan luar bandar sahaja.
- Alat ganti untuk motosikal buatan tempatan sukar diperolehi. Mengikut Laporan Pemantauan yang disediakan oleh PPES Bahagian Bintulu pada awal Mac 2010 mendapati meter, *starter*, brek depan, lampu belakang dan lampu isyarat motosikal tidak berfungsi serta galas bebola tercabut selepas motosikal diterima.
- Walaupun peserta dikehendaki membayar pinjaman sebanyak 30% sahaja daripada harga motosikal, seramai 50 peserta di Bahagian Kuching, Mukah, Bintulu dan Miri masih gagal membayar balik pinjaman sejumlah RM16,067 setakat akhir tahun 2009. Jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh PPES untuk 50 peserta adalah RM109,650. Daripada pinjaman sejumlah RM25,621 yang perlu dibayar balik setakat Disember 2009, hanya RM9,554 atau 37% sahaja dibayar balik.

Syarat yang dikenakan bagi pendaftaran dan pengeluaran lesen oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan mengehadkan penggunaan dan perniagaan motosikal roda tiga dengan *backcar* ini di kawasan luar bandar sahaja. Akibatnya, peserta menghadapi kesukaran untuk meningkatkan sumber pendapatan, mempelbagaikan barangan jualan dan memperluaskan pasaran. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini ditangguhkan pada akhir tahun 2009 kerana PPES sedang mempertimbangkan untuk menukar motosikal roda tiga dengan *backcar* kepada *sidecar* yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan supaya dapat diguna di jalan raya yang telah diwartakan. Motosikal roda tiga dengan *backcar* dan *sidecar* adalah seperti di **Foto 9.22** dan **Foto 9.23**.

Foto 9.22
Motosikal Roda Tiga Dengan Backcar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Jepak Bintulu
Tarikh: 10 Mac 2010

Foto 9.23
Motosikal Roda Tiga Dengan Sidecar



Sumber: PPES Cawangan Bintulu
Lokasi: Jabatan Pengangkutan Jalan
Tarikh: 2004

Pada pendapat Audit, strategi pemasaran produk atau makanan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan sambutan daripada penduduk setempat dan juga orang luar.

9.4.5 Tunggakan Pinjaman Peserta Program

Kemudahan pinjaman yang diberi kepada peserta program atau usahawan hendaklah dibayar balik dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati seramai 2,094 peserta telah mengambil pinjaman sejumlah RM17.44 juta (termasuk faedah) daripada PPES dan sejumlah RM7.32 juta telah dibayar balik. Tunggakan pinjaman untuk 11 program pembangunan berkenaan setakat akhir tahun 2009 adalah sejumlah RM4.91 juta di mana sejumlah RM3.87 juta merupakan tunggakan melebihi 13 bulan. Tunggakan pinjaman peserta program setakat Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 9.11**.

Jadual 9.11
Tunggakan Pinjaman Peserta Program Setakat Disember 2009

Bil.	Program	Pinjaman				Bayaran Balik (%)	Pinjaman	
		Bil.	Jumlah (Termasuk Faedah) (RM)	Jumlah Bayaran Balik Sepatutnya (RM)	Jumlah Bayaran Balik Sebenar (RM)		Jumlah Tunggakan (RM)	Baki (RM)
1.	Skim Pinjaman Industri Kecil Dan Sederhana (SPIKS)	145	9,392,461	5,653,568	3,733,955	66.0	1,919,613	5,658,506
2.	Program Pembangunan Rakyat Khas (PPRK)	1,567	3,767,000	3,225,450	1,424,455	44.2	1,800,995	2,342,545
3.	Pelbagai	32	767,487	334,744	212,994	63.7	121,750	554,493
4.	Akuakultur	6	588,939	250,042	71,909	28.8	178,133	517,030
5.	Shop-On Wheel	50	109,650	25,621	9,554	37.3	16,067	100,096
6.	Ayam	2	50,918	9,335	6,800	72.8	2,535	44,118
7.	PPRK (MICRO)	169	84,500	51,300	33,250	64.8	18,050	51,250
8.	Usahawan Berskala Kecil	74	2,134,674	2,134,674	1,703,404	79.8	431,270	431,270
9.	Micro-Kredit	5	222,000	222,000	44,442	20.0	177,558	177,558
10.	PPRK Burger	24	48,000	48,000	15,250	31.8	32,750	32,750
11.	Organic Farming	20	273,312	273,312	61,588	22.5	211,724	211,724
Jumlah		2,094	17,438,941	12,228,046	7,317,601		4,910,445	10,121,340

Sumber: Rekod Pinjaman Bahagian Pembangunan Usahawan, PPES Tahun 2009

Daripada jumlah tunggakan keseluruhan RM4.91 juta, PPES telah mengenakan tindakan undang-undang terhadap 68 peminjam yang gagal membayar balik pinjaman sejumlah RM2.14 juta. Prestasi kutipan balik pinjaman enam program yang rendah antara 20% hingga 44%. Program tersebut ialah *Micro-credit*, *Organic Farming*, *Shop-On Wheel*, *Akuakultur*, *PPRK Burger* dan *Program Pembangunan Rakyat Khas*. Ini adalah disebabkan peserta program tidak mampu membayar balik pinjaman kerana operasi perniagaan telah dihentikan atau mengalami kerugian dan peserta program tidak dapat dikesan. Keadaan ini boleh menyebabkan dana pusingan pinjaman berkurangan.

Menurut maklum balas PPES, sehingga 31 Mac 2010 PPES telah meningkatkan kutipan sebanyak 66% berbanding 65% pada Disember 2009. Tempoh "Ageing" bagi kategori hutang melebihi setahun juga menurun kepada 74% berbanding 75% pada Disember 2009.

PPES akan terus membuat aktiviti kutipan secara agresif di samping lawatan pemantauan untuk menggalakkan peserta membayar mengikut jadual. Peserta di dalam kategori Tegar akan dirujuk kepada tindakan perundangan seterusnya.

9.4.6 Pemantauan Kurang Berkesan

Pemantauan secara berterusan merupakan mekanisme terbaik bagi memastikan pengurusan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan.

Semakan Audit terhadap pengurusan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera mendapati Bahagian Pembangunan Usahawan tidak menggunakan sepenuhnya Sistem *EDD Loan Plus* untuk menyimpan dan memantau data serta maklumat berkenaan dengan pinjaman dan profil peserta program, rekod latihan usahawan, profil usahawan Bumiputera, peruntukan program yang diluluskan, dana program yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan serta Negeri dan rekod perbelanjaan. Selain daripada mesyuarat Jawatankuasa dengan Pengerusi secara bulanan untuk melaporkan prestasi projek serta program, Bahagian Pembangunan Usahawan tidak mempunyai Rancangan Tahunan Pelaksanaan Program Dan Projek yang diluluskan serta tiada rekod prestasi kewangan secara rasmi dan tidak difailkan mengikut sesuatu Rancangan Malaysia untuk memantau pencapaian semua program serta projek secara menyeluruh dan berterusan. Pengurusan pinjaman peserta program telah dikendalikan secara manual. Kerja pemantauan di Bahagian ini sukar dilakukan kerana pegawai sering bertukar, Sistem *IFCA* yang digunakan oleh Bahagian Akaun tidak berintegrasi dengan *EDD Loan Plus* di Bahagian Pembangunan Usahawan, dan format laporan *EDD Loan Plus* tidak memenuhi kehendak pengguna.

Menurut maklum balas PPES, Sistem EDD Loan Plus setakat ini masih belum beroperasi sepenuhnya. Ini adalah kerana Bahagian EDD masih dalam proses pengemaskinian data dan profil peminjam. Pengemaskinian data ini dijangka akan siap pada Jun 2010 dan akan beroperasi dalam tempoh percubaan selama satu hingga tiga bulan. Sistem IFCA akan berintegrasi dengan sistem Perakaunan Bahagian Kewangan Korporat setelah sistem EDD Loan Plus beroperasi dan siap sepenuhnya seperti yang dipersetujui dengan Vendor. Bagi tujuan penambahbaikan, Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera akan mewujudkan sistem pemantauan yang lebih sistematik seperti yang disarankan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, ketiadaan sistem pemantauan yang menyeluruh boleh mengakibatkan matlamat pelbagai program yang disediakan tidak tercapai.

9.4.7 Penilaian Terhadap Program Usahawan Bumiputera

Analisis Audit terhadap maklum balas 342 soal selidik yang diedarkan mendapati 31.3% usahawan lebih cenderung mengurus perniagaan makanan dan minuman, 83.3% mengurus perniagaan secara tunggal dan 76% usahawan masih mempunyai pendapatan kasar kurang daripada RM5,000 sebulan. Analisis Audit terhadap keberkesanan program usahawan Bumiputera oleh PPES mendapati majoriti responden bersetuju prestasi PPES mengadakan

projek serta program usahawan adalah baik dan bermanfaat dari segi pemberian dan kaedah bayaran balik pinjaman, kursus dan latihan yang dianjurkan, khidmat nasihat serta mempromosikan program yang dijalankan. Responden menjelaskan projek serta program pembangunan usahawan Bumiputera anjuran PPES dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Cadangan responden ialah PPES perlu membuat lawatan atau pengawasan setiap bulan, mengurangkan kadar sewa premis perniagaan dan menambah had jumlah pinjaman peserta. Analisis profil perniagaan dan keberkesanan program usahawan Bumiputera adalah seperti di **Jadual 9.12** dan **Jadual 9.13**.

Jadual 9.12
Analisis Profil Perniagaan

Bil.	Perkara Dikaji	Responden (%)	Ulasan
1.	Kategori perniagaan paling popular a. Makanan/minuman b. Peruncitan c. Lain-lain	31.3 24.0 23.1	Usahawan perlu mempertingkatkan taraf perniagaan biasa ke tahap berbentuk khidmat kemahiran dan kepakaran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi.
2.	Bentuk perniagaan a. Kepunyaan Tunggal b. Perkongsian c. Sendirian Berhad d. Syarikat Awam Berhad	83.3 5.3 3.8 0.6	Bentuk perniagaan perlu diperkembangkan.
3.	Pendapatan kasar bulanan a. Kurang RM200 b. RM201 - RM500 c. RM501 - RM1,000 d. RM1001 - RM5,000 e. RM5,001 - RM10,000 f. Melebihi RM10,000	2.0 10.5 24.0 39.5 7.6 5.0	Pendapatan usahawan masih rendah iaitu kurang daripada RM5,000 sebulan. Golongan ini menjalankan perniagaan runcit, makanan/minuman dan pembuatan yang perlu diperkembangkan.
4.	Tiga masalah utama perniagaan a. Modal/Kredit/Tunai b. Persaingan c. Pemasaran	39.8 35.1 15.5	PPES boleh membantu dalam menyediakan skim pinjaman, promosi produk jualan dan menggalakkan jualan pelbagai produk.

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Jadual 9.13
Analisis Keberkesanan Program Usahawan Bumiputera Oleh PPES

Analisis Keberkesanan Program Usahawan Bumiputera Oleh PPES					
Bil.	Perkara Dikaji	Responden (%)			Ulasan
		A	B	C	
1.	Jumlah pinjaman daripada PPES mencukupi	30.4	21.6	15.5	Kadar maklum balas daripada responden didapati rendah. PPES perlu meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan. Bagaimanapun, majoriti responden setuju prestasi PPES mengadakan projek dan program usahawan adalah baik dan bermanfaat.
2.	Kursus/latihan anjuran PPES dapat memberi manfaat kepada usahawan	22.5	21.9	8.8	
3.	Prestasi PPES mengadakan i) Khidmat nasihat ii) Promosi program/aktiviti	22.8	19.9	9.6	
		22.5	20.5	9.4	
4.	Kaedah bayaran balik pinjaman secara tunai yang ditetapkan oleh PPES	26.9	14.3	1.2	
5.	Peningkatan pendapatan dan taraf hidup usahawan	Responden berpendapat projek dan program pembangunan usahawan Bumiputera anjuran PPES dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Cadangan responden ialah PPES perlu membuat lawatan atau pengawasan setiap bulan; mengurangkan kadar sewa premis perniagaan; dan menambah had jumlah pinjaman peserta.			

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Nota: A – Baik, B – Memuaskan dan C – Kurang Memuaskan

Menurut maklum balas PPES, cadangan dan pemerhatian pihak Audit diambil maklum. Pihak Perbadanan akan menjalankan kajian impak bagi kesemua program dan projek yang

telah siap pada masa akan datang. Bagaimanapun, pihak Perbadanan telah pun memulakan kajian impak bagi projek pembangunan yang telah siap seperti projek Boyan-Gersik Surabaya (Permaidani Kampong) dan Projek Penambahbaikan Kampong Budaya Sarawak bagi memastikan matlamat projek tercapai.

Pada pendapat Audit, PPES perlu melaksanakan kajian impak terhadap semua projek dan program pembangunan yang telah siap bagi memastikan matlamat projek dan program tercapai.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan projek dan program pembangunan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak masih boleh dipertingkatkan lagi dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dengan mengambil kira faktor luaran seperti keputusan daripada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak adalah disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

- a)** Memastikan kajian kemungkinan dijalankan dengan teliti sebelum pelaksanaan projek dan program oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak atau syarikat subsidiarinya.
- b)** Menjelaskan keperluan dan mempertingkatkan koordinasi antara Agensi Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang terlibat dalam merancang sesuatu projek serta program.
- c)** Memantapkan penyelenggaraan rekod prestasi kewangan, latihan dan kursus, pencapaian projek serta program oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.
- d)** Membuat penilaian dengan mengguna Petunjuk Prestasi Utama terhadap output, keberhasilan, impak program serta projek pembangunan untuk penambahbaikan dan memastikan hasil pulangan maksimum daripada peruntukan yang dibelanjakan.
- e)** Meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam projek serta kontrak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan syarikat subsidiarinya bagi memenuhi kuota 30%.

10. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1 Pada 29 Oktober 2002, Ordinan Perbadanan Pembangunan Perumahan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk menggantikan Ordinan Perumahan Dan Pembangunan 1971. Ordinan baru ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2003 dan Suruhanjaya Perumahan Dan Pembangunan Sarawak yang mula beroperasi pada tahun 1972 telah ditukar nama kepada Perbadanan Pembangunan Perumahan. Ordinan ini membawa hala tuju baru dalam pembentukan polisi yang membolehkan strategi, amalan dan budaya baru dipraktikkan. Polisi ini menekankan kepada empat faktor utama iaitu keberkesanan kos, kecekapan, pendekatan yang lebih berorientasikan pelanggan serta bermotivasikan pasaran dan keuntungan.

10.1.2 Mulai tahun 2005, terma Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) di Sarawak ditukar kepada Rumah Mampu Milik (RMM) dengan pelbagai pembaharuan dari segi perancangan keseluruhan projek dan reka bentuk rumah yang lebih menitikberatkan keselesaan serta jalinan komuniti. RMM yang dibangunkan adalah seperti rumah inti, teres, pangsa, *quadruplex* dan *town villa* yang dijual pada harga antara RM28,000 hingga RM74,000 seunit mengikut jenis rumah. Bagi setiap projek perumahan, Perbadanan juga menyediakan kawasan kemudahan asas seperti tapak untuk dewan serba guna, rumah ibadat, taman didikan kanak-kanak dan padang permainan.

10.1.3 Sumber kewangan bagi membiayai projek diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam bentuk geran dan pinjaman. Geran digunakan untuk penyediaan tapak dan membina infrastruktur manakala pinjaman digunakan untuk membina bangunan. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) termasuk projek sambungan Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6) hingga Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) bagi Program Rumah Mampu Milik adalah sejumlah RM1.50 bilion untuk membangunkan 80 projek merangkumi sebanyak 49,155 unit rumah. Pada akhir tahun 2009, Perbadanan menerima peruntukan kewangan sejumlah RM1.20 bilion atau 80.0% daripada peruntukan yang diluluskan dan sejumlah RM1.4 bilion atau 116.7% dibelanja bagi melaksanakan 41 projek yang merangkumi sebanyak 25,802 unit rumah.

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik diurus dengan berhemat, cekap, berkesan dan mencapai objektif untuk menyediakan rumah kepada golongan sasaran.

10.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan program Pembangunan Perumahan Mampu Milik oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan bagi RMKe-7 dan RMKe-8. Bagi RMKe-9, Perbadanan tidak mendapat peruntukan dan geran untuk melaksanakan projek pembangunan perumahan mampu milik. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Perbadanan Pembangunan Perumahan, Pejabat Wilayah Tengah, Sibu dan Pejabat Wilayah Utara, Miri.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan dokumen dan rekod seperti kertas cadangan, laporan kajian kemungkinan, minit mesyuarat, dokumen kontrak, laporan kemajuan kerja, rekod jualan, rancangan tahunan dan laporan bajet. Lawatan dan pemeriksaan fizikal ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai bertanggungjawab juga dibuat. Borang soal selidik juga diedarkan kepada pembeli secara rambang di lima kawasan perumahan yang dipilih dan pejabat Perbadanan bagi mendapatkan maklum balas.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September hingga November 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan pengurusan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah kajian kemungkinan tidak dijalankan, Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan walaupun bangunan mengalami kerosakan yang teruk, projek terbengkalai dan rumah dijual kepada kontraktor. Kelemahan ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan faedah projek tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam. Penjelasan lanjut mengenai pengurusan program adalah seperti berikut:

10.4.1 Kajian Kemungkinan Tidak Dijalankan

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, Garis Panduan Perancangan Dan Penyeliaan Projek menyatakan bahawa kajian kemungkinan adalah penting sebelum keputusan diambil untuk melaksanakan sesuatu program. Tujuan kajian berkenaan dijalankan ialah untuk memastikan program yang dirancang mencapai matlamat. Kajian kemungkinan secara khusus hendaklah dijalankan terhadap kesesuaian lokasi supaya setiap projek mendapat sambutan daripada golongan sasaran.

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mengguna pakai laporan daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994. Maklumat kajian tersebut dijadikan asas untuk merancang keperluan pembangunan RMM di Sarawak hingga tahun 2000, jenis rumah dan lokasi di setiap Bahagian. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan kajian khusus bagi setiap projek pembangunan perumahan telah dijalankan.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2003, Perbadanan telah mewujudkan Seksyen Penyelidikan Dan Pembangunan yang bertanggungjawab membuat penyelidikan terhadap pasaran, permintaan serta minat bakal pembeli RMM. Antara penyelidikan yang telah dilaksanakan adalah reka bentuk rumah, harga rumah, lokasi perumahan dan keperluan asas. Penyelidikan juga dibuat terhadap kepadatan penduduk, sosioekonomi, kemudahan mendapatkan kredit dan membuat cadangan kepada Perbadanan usaha yang perlu dilaksanakan. Senarai projek RMKe-7 hingga RMKe-8 tanpa kajian kemungkinan adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Pembangunan Projek RMKe-7 Hingga RMKe-8 Tanpa Kajian Kemungkinan

Bil.	Projek	Jumlah Kontrak Bangunan (RM Juta)	Unit Dibina	Tahun Siap
1.	RMM Batu Kawa III (Tondong)	15.50	660	2000
2.	RMM Matang Malihah	24.70	988	2000
3.	RMM Matang Batu 6	16.92	720	2001
4.	RMM Matang Batu 8	19.04	810	2001
5.	RMM Matang Batu 9	12.03	512	2002
6.	RMM Matang KOT 12946 (I)	12.41	528	2001
7.	RMM Matang KOT 12946 (II)	2.26	96	2004
8.	RMM Batu 13, Jln. Kuching/Serian	16.92	720	2001
9.	RMM Santubong (Demak Laut)	9.02	384	1999
10.	RMM Batu 18, Siburan II	24.16	680	2000
11.	RMM Samariang	56.23	2,500	2003
12.	RMM Landeh	17.09	759	2003
13.	RMM Bau I	4.39	187	2000
14.	RMM Sri Aman 2B	7.09	172	2003
15.	RMM Engkilili	3.15	134	2000
16.	RMM Pusa	7.63	218	2006
17.	RMM Saratok I	5.28	211	2000
18.	RMM Betong	11.00	440	1998
19.	RMM Sibu I – V (Sambungan RMKe-8 perancangan semula dengan syarikat usaha sama)	117.00	4,680	-
20.	RMM Marudi	6.94	200	2005
21.	RMM Tudan	105.40	4,216	1997
22.	RMM Lutong (Perancangan semula–perubahan polisi Kerajaan)	11.88	-	-
23.	RMM Rangau	10.94	404	2002
24.	RMM Lawas II	5.90	236	2000
25.	RMM Sarikei I	10.80	432	2000
26.	RMM Sarikei II	7.92	200	2003
27.	Tanjung Manis 'B'	6.48	192	2005
28.	RMM Sebauh	1.95	78	2003
29.	RMM Bintulu (Sg. Plan)	72.00	1,440	2000
30.	RMM Samarahan	17.01	500	2005
31.	RMM Serian	5.83	233	1999
Jumlah		644.87	23,530	

Sumber: Rekod Kewangan Perbadanan

Bagi projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh HDC dalam RMKe-7 hingga RMKe-8, pihak HDC memaklumkan ada menjalankan beberapa kajian yang berkaitan secara menyeluruh sebelum projek tersebut dilaksanakan. Bagaimanapun dokumen tersebut belum dikemukakan kepada pihak Audit.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan secara menyeluruh wajar dijalankan sebelum sesuatu program dilaksanakan.

10.4.2 Pelaksanaan Kontrak Secara Turnkey

Mengikut peraturan kewangan Kerajaan Negeri, kerja yang melebihi RM50,000 hendaklah diperolehi secara tender. Bagaimanapun, pengecualian daripada mematuhi peraturan ini boleh dibuat sekiranya mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Sejak tahun 1994, pembinaan projek RMM dilaksanakan secara *turnkey*.

Semakan Audit mendapati semasa RMKe-7 hingga RMKe-8, semua projek pembangunan RMM telah ditawarkan secara rundingan terus. Kelulusan pengecualian tender ini dilakukan di peringkat Lembaga Pengarah dan Setiausaha Kewangan Negeri. Semakan Audit seterusnya mendapati Perbadanan telah menamatkan kontrak pembangunan RMM di Sibujaya yang ditawarkan kepada Instrade Holdings Sdn. Bhd. dan subkontraktornya Amcorp Bhd. bernilai RM126.27 juta pada Jun 2003 dan kontrak pembangunan RMM Pusa yang ditawarkan kepada Daya Perumahan Sdn. Bhd. dan sub kontraktornya Tribumi Enterprise Sdn. Bhd. bernilai RM25.14 juta pada Disember 2006. Perancangan Pembangunan Semula Sibujaya telah dilakukan dengan usaha sama antara Perbadanan dan Amcorp Bhd. yang dilantik semula oleh Perbadanan menjadi kontraktor utama dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah serta dipersetujui oleh Kementerian Perumahan, manakala Projek RMM Pusa yang terbengkalai telah diambil alih oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah melalui kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Disember 2009.

Pemilihan HDC untuk menggunakan kaedah pembangunan secara turnkey bagi pelaksanaan projek perumahan kos rendah dalam RMKe-7 adalah berdasarkan kepada arahan yang diberi oleh Kabinet pada 7 Julai 1994 yang diterima dari Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan. Lanjutan dari arahan tersebut, HDC melalui Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Sarawak telah mengemukakan projek yang telah mendapat kelulusan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), YB Menteri Perumahan Sarawak dan Ahli-ahli Lembaga SPPS kepada YBhg. Datuk Setiausaha Kewangan Negeri pada 11 November 1998 untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian Projek Turnkey di bawah Statutory Bodies (Financial & Accounting Procedural Ordinance 1995, Section 11(d)). Senarai projek yang dikemukakan untuk dilaksanakan secara turnkey telah diluluskan oleh Jawatankuasa Projek Khas Negeri (SPC) dalam Mesyuarat SPC No. 14 pada 6 Mei 1999. Dua buah projek Perumahan iaitu RPR Samariang dan RPR Tudan juga telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 6 April 1999. Bagi Projek RPR Bandar Baru Sibu Jaya, YAB Ketua Menteri Sarawak telah memberi kelulusan kepada HDC untuk membangunkan projek tersebut secara usaha sama.

Pada pendapat Audit, walaupun pelaksanaan kontrak telah mematuhi peraturan yang ditetapkan, didapati prestasi kontraktor turnkey kurang memuaskan sehingga kontrak ditamatkan. Manakala terdapat subkontraktor yang gagal menjalankan tanggungjawab mereka telah dilantik semula sebagai kontraktor utama.

10.4.3 Pelaksanaan Rumah Mampu Milik

Semasa RMKe-7 dan RMKe-8, Perbadanan merancang untuk membina sebanyak 49,155 unit rumah pelbagai jenis di 80 projek perumahan di seluruh Negeri Sarawak. Setakat Mac tahun 2009, Perbadanan telah menyiapkan sebanyak 23,530 unit rumah atau 47.9% pelbagai jenis di 33 projek. Semakan Audit mendapati pelaksanaan RMM adalah seperti berikut:

a) Rumah Tidak Selamat Dihuni

Pada tahun 2000, Perbadanan telah melantik Intrade Holdings Sdn. Bhd. untuk membina sebanyak 24 blok rumah pangsa empat tingkat iaitu terdiri daripada 1,920 unit dengan kos RM77.36 juta dibina di bawah projek RMM Sibujaya. Antara syarat kontrak yang telah ditandatangani, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan rumah dalam keadaan yang sempurna di samping melantik perunding untuk mereka bentuk dan bertanggungjawab ke atas struktur bangunan yang dibina. Manakala Bahagian Teknikal Perbadanan bertanggungjawab memantau projek ini. Mengikut Ordinan Badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) perkara (9)(b), setiap aset modal dengan harga pasaran semasa yang hendak dilupuskan hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Adalah didapati, projek ini telah diserahkan kepada Perbadanan pada tahun 2003. Bagaimanapun, empat daripada 24 blok rumah pangsa ini telah dirobohkan pada tahun 2007. Kronologi meroboh rumah pangsa di RMM Sibujaya adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Kronologi Meroboh Rumah Pangsa Di RMM Sibujaya


Tahun	Pembinaan	Kos (RM Juta)	Catatan
2000	24 blok (1,920 Unit)	77.36	<i>Certificate Of Practical Completion</i> diserahkan kepada Perbadanan pada tahun 2003
2003	Blok 1-12	38.68	Dapat Sijil Layak Menduduki
2007	Blok 13-24	19.47	Kelulusan naik taraf dari 2 bilik kepada 3 bilik
2007	Blok 13-16	4.87	Kerja naik taraf dilakukan
2007	Blok 17-24	25.78	Kelulusan mengekalkan reka bentuk asal
2007	Blok 21-24	12.89	Rumah pangsa dirobohkan tanpa prosedur yang betul

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan

Adalah didapati penyerahan Blok 1 hingga Blok 12 telah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Blok 13 hingga Blok 24 diserahkan pada September 2003. Bagaimanapun, tiada bukti dokumentasi menunjukkan bahawa penyerahan telah diterima sepenuhnya oleh Perbadanan. Bagaimanapun, merujuk kepada surat daripada kontraktor pada Mei 2007 dengan jelas menerangkan bahawa Blok 21 hingga Blok 24 telah diserahkan kepada HDC pada tahun 2003 atas permintaan oleh pengurusan Perbadanan. Perkara ini telah diakui oleh Perbadanan melalui draf surat kepada kontraktor pada Mei 2007. Manakala melalui Memorandum Perbadanan kepada Menteri Perumahan untuk mendapatkan kelulusan secara retrospektif berkenaan perobohan tersebut menyatakan bahawa Perbadanan telah mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak pembinaan pada tahun 2003 sebelum permit menduduki dimohon dan diperolehi untuk kesemua 24 blok. Sehubungan itu kontraktor telah menyerah balik kepada Perbadanan kesemua baki 12 blok ini tanpa permit menduduki dan sekali gus melepaskan obligasi dan

tanggungjawab mereka terhadap rumah pangsa tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati penyerahan ini terpaksa dilakukan memandangkan Perbadanan akan menamatkan kontrak kerana prestasi kontraktor tidak memuaskan. Adalah didapati Blok 21 hingga Blok 24 yang mengandungi 320 unit dengan kos RM12.89 juta tidak selamat untuk dihuni. Menurut Minit Mesyuarat Sibujaya No. 2 pada Jun 2006, blok tersebut mengalami masalah struktur akibat berlakunya pergerakan tanah. Pada tahun 2007, rumah pangsa tersebut telah dirobohkan dengan kos RM500,000 dan ditanggung oleh kontraktor. Tapak tersebut adalah seperti **Foto 10.1**.

Foto 10.1
Tapak Rumah Pangsa Yang Telah Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sib
Tarikh: 19 Januari 2010

Menurut maklum balas Perbadanan, Blok 21-24 telah diroboh tanpa sebarang kos meroboh kepada HDC. Kos meroboh blok tersebut ditanggung sendiri oleh pihak Amcorp Bhd.

Jurutera Professional iaitu Concept P Associates (CPA) merupakan Jurutera Awam Dan Struktur untuk projek berkenaan. Laporan Teknikal yang disediakan oleh CPA dan perbincangan dalam Mesyuarat Sibujaya No.2 pada 6 Jun 2006 menjadi panduan dan asas untuk pengurusan HDC membuat keputusan untuk meroboh 4 blok berkenaan. Laporan tersebut menyatakan ada pergerakan bawah tanah yang menyebabkan kerosakan struktur cerucuk dan seterusnya anjakan pugak, anjakan mendatar dan kecondongan putaran kepada blok 22 dan 24. Bagaimanapun, laporan tidak ada menyatakan atau menjamin pergerakan bawah tanah tidak akan berlaku lagi di masa hadapan di kawasan 4 blok rumah pangsa berkenaan.

Kos pembangunan bagi 4 blok (320 Unit) rumah pangsa yang dirobohkan berjumlah lebih kurang RM12.89 juta akan didapatkan kembali melalui pembangunan semula di tapak bekas blok tersebut iaitu dengan rancangan pembangunan usaha sama dengan pihak Amcorp.

Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan Perbadanan ada menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan mengambil tindakan untuk mengkaji serta menyiasat masalah ini. Keputusan Perbadanan untuk merobohkan bangunan tersebut dilakukan

hanya berasaskan kepada laporan teknikal yang disediakan oleh perunding yang dilantik oleh kontraktor iaitu Concept P Associates (CPA) yang merupakan jurutera awam dan struktur bagi projek ini. Semakan Audit seterusnya mendapati, perunding tiada mencadangkan empat blok tersebut dirobohkan sebaliknya mencadangkan kerja-kerja pembaikan kepada asas bangunan seperti menguatkan struktur cerucuk dan memantau pergerakan tanah. Memandangkan rumah pangsa ini telah diserahkan kepada Perbadanan, adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan untuk mengemukakan laporan berkaitan dengan perobohan ini kepada Lembaga Pelupusan. Bagaimanapun, laporan ini tidak disedia dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah. Selain itu, Perbadanan tidak memohon kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak untuk melupuskan empat blok rumah pangsa tersebut sebaliknya Perbadanan mendapat kelulusan secara lisan pada tahun 2007 daripada Menteri Perumahan sebelum kelulusan secara retrospektif diperolehi pada Mei 2010.

Semakan Audit terhadap draf surat kepada kontraktor berkenaan kos merobohkan rumah pangsa tersebut mendapati hanya dua daripada empat blok tersebut mengalami masalah struktur, manakala dua blok lagi dirobohkan atas cadangan kontraktor untuk mendapatkan kawasan yang lebih luas bagi pembangunan yang lain.

Perobohan rumah pangsa yang tidak mengikut peraturan menyebabkan Perbadanan mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai RM12.89 juta dan tiada tindakan diambil terhadap kontraktor. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati berlaku kerosakan pada rumah pangsa berhampiran yang belum diperbaiki oleh Perbadanan seperti di **Foto 10.2** hingga **Foto 10.5**.

Foto 10.2
Tiang Penyokong Saluran Tegak Air Hujan
Telah Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sib
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.3
Tiang Penyokong Telah Jatuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sib
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.4
Keretakan Serius Pada Kaki Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.5
Pemendapan Tanah Pada Kaki Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
Tarikh: 19 Januari 2010

b) Kerja Naik Taraf Tanpa Perancangan Yang Teliti

Pada Mei 2007, Perbadanan telah mendapat kelulusan untuk menaik taraf 12 blok rumah pangsa yang mengandungi 920 unit daripada dua bilik kepada tiga bilik dengan anggaran kos RM19.47 juta untuk tujuan meningkatkan jualan.

Bagaimanapun, Perbadanan hanya menaik taraf empat blok yang mengandungi 320 unit dengan kos RM23,467.17 seunit. Kos keseluruhannya adalah RM7.52 juta termasuk kerja tambahan. Berdasarkan kertas minit bertarikh 6 Mac 2008 daripada Ketua Bahagian Projek kepada Ketua Pegawai Eksekutif mendapati kerja naik taraf rumah tersebut telah menyebabkan saluran paip yang sedia ada terletak di bawah blok bangunan serta sepanjang longkang konkrit tetulang. Lembaga Air Sibu enggan membuat penyambungan bekalan air kerana pemasangan saluran paip tersebut tidak memenuhi keperluan minimum mereka. Kesan daripada masalah ini, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM98,000 kos tambahan untuk kerja pembaikan saluran paip tersebut. Kos tersebut telah diserapkan oleh perbadanan ke atas harga jualan rumah. Kesan daripada tindakan ini harga jualan rumah telah meningkat daripada harga yang dibenarkan iaitu daripada RM42,000 hingga RM47,000 kepada RM48,900 hingga RM52,000.

Perbadanan tidak meneruskan penaiktarafan untuk baki lapan blok disebabkan jualan rumah lembap. Mengikut rekod Perbadanan setakat Disember 2009, hanya 123 daripada 320 unit atau 38.4% yang dinaiktaraf telah dijual. Daripada lapan blok tersebut, empat blok iaitu Blok 17 hingga Blok 20 telah diluluskan untuk dikekalkan dalam bentuk asal, manakala empat blok lagi iaitu Blok 21 hingga Blok 24 dirobohkan.

Menurut maklum balas Perbadanan, memandangkan penjualan rumah pangsa 3 bilik yang telah dinaiktaraf tidak memuaskan, HDC telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan projek naik taraf terhadap baki 640 unit rumah pangsa 2 bilik dan sebaliknya mengekalkan

baki 640 unit ini ke 2 bilik. HDC juga ada mendapat kelulusan dari majlis Perancangan Negeri mengenai Projek menaiktaraf 960 unit 2 bilik rumah pangsa ke 3 bilik dan cadangan untuk mengekalkan baki 640 unit ke cadangan asal 2 bilik melalui surat kelulusan SPA Ruj: 414/TP/3-SDRC/45/94 bertarikh 12 Mac 2004 dan Ruj: 588/tp/3-SMC/45/94(Vol. 7).

HDC juga ada memperoleh kelulusan lain dari pelbagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk memberi kelulusan yang berkaitan dengan pelaksanaan menaik taraf 4 blok rumah pangsa 2 bilik ke 3 bilik (320 unit). Berdasarkan kelulusan yang diperolehi 320 unit rumah pangsa yang telah dinaiktarafkan telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki (OP). Kos tambahan sebanyak RM98,000 untuk kerja pembaikan saluran paip telah diambil kira dan dimasukkan ke dalam harga jualan baru rumah pangsa 3 bilik yang di jual pada harga RM48,000 hingga RM52,000 seunit.

Sebagai rumusan, pelaksanaan projek naik taraf di atas adalah berdasarkan kepada perancangan yang teliti yang berdasarkan kepada arahan dan kelulusan yang diterima oleh HDC.

c) Harga Jualan Tanpa Kelulusan

Perbadanan telah membina rumah *town villa* dua tingkat sebanyak 1,440 unit berstatus pemilikan *Strata Title* di RMM Sibujaya dengan kos RM81.48 juta. Rumah tersebut dijual dengan harga RM42,000 hingga RM47,000 seunit. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2004 mendapati tiada permintaan untuk rumah tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, Lembaga Pengarah bersetuju membuat pengubahsuaian dengan menggabungkan tingkat atas dan bawah menjadi satu unit. Penggabungan ini telah menyebabkan bilangan unit berkurangan daripada 1,440 menjadi 720 unit dan hak pemilikan ditukar kepada Pemilikan Perseorangan. Pengubahsuaian ini telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perancangan Negeri.

Bagaimanapun, Perbadanan tidak mendapat kelulusan untuk menaikkan harga jualan rumah tersebut kepada RM85,500 hingga RM91,500 seunit walaupun rayuan telah dikemukakan kepada Majlis Perancangan Negeri. Adalah didapati Perbadanan telah melanggar arahan Majlis Perancangan Negeri dengan menjual 720 unit rumah tersebut pada harga kos sederhana iaitu RM85,500 hingga RM91,500 berdasarkan kelulusan daripada Kementerian Perumahan bertarikh 26 April 2006 sedangkan Majlis Perancangan Negeri melalui surat daripada Jabatan Tanah Dan Survei, Sibu bertarikh 14 September 2005 dan surat susulan bertarikh 29 September 2006 dan bertarikh 5 Januari 2007 menetapkan harga jualan tidak melebihi RM40,000 hingga RM47,000. Semasa lawatan Audit, rumah tersebut belum mendapat Sijil Layak Menduduki. Penaiktarafan kepada rumah kos sederhana menyebabkan kuota RMM berkurangan.

Menurut maklum balas Perbadanan, kelulusan harga jualan bagi 720 unit rumah teres dua tingkat dengan harga jualan RM85,000 hingga RM91,500 seunit diperolehi daripada

Kementerian Perumahan Sarawak bertarikh 26 April 2006. Bagi Sijil menduduki, pihak HDC telah mendapat Sijil berkenaan pada 4.5.2007.

d) Rumah Dijual Kepada Kontraktor

Projek RMM yang dibina oleh Perbadanan bertujuan untuk dijual kepada golongan sasaran iaitu penduduk yang berpendapatan rendah tidak melebihi RM2,500 sebulan. Rumah yang dibina oleh kontraktor perlu diserahkan kepada Perbadanan dalam keadaan yang baik dan selamat.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Bil. 5/2006 mendapati Lembaga Pengarah telah memberi kebenaran untuk menjual sebanyak 654 unit iaitu 342 unit rumah dan 312 tapak iaitu projek di Blok 4, Sub-Blok 4 dan Sub-Blok 5 dengan anggaran kos sejumlah RM21.44 juta kepada kontraktor pada harga jualan RM17.09 juta. Kelulusan ini dibuat kerana kesukaran untuk mendapatkan pembeli dan mengurangkan jumlah stok rumah. Adalah didapati projek ini merupakan projek terbengkalai seperti yang dilaporkan di dalam *Proposal Of Outstanding Work At Block 4, Sub-Block 4 And Sub-Block 5 Revision 1 – 18/09/2006*. Bagi meneruskan projek ini, Perbadanan perlu menyediakan kos tambahan yang dianggarkan sejumlah RM18.16 juta. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan tindakan diambil terhadap kontraktor yang gagal menyerahkan rumah dalam keadaan yang baik. Keputusan ini telah menyebabkan Perbadanan mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai RM4.35 juta. Perbadanan juga tidak dapat mengutip hasil jualan rumah yang dianggarkan bernilai RM40.96 juta. Matlamat Perbadanan untuk menyediakan RMM kepada golongan sasaran tidak tercapai.

Semakan Audit seterusnya mendapati kontraktor telah membaik pulih dan menjual rumah tersebut dengan harga antara RM117,000 hingga RM145,000. Anggaran hasil jualan oleh kontraktor adalah antara RM76.52 juta hingga RM94.83 juta. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati rumah ini telah hampir habis dijual oleh kontraktor. Rumah yang telah dibaik pulih oleh kontraktor adalah seperti **Foto 10.6** dan **Foto 10.7**.

Foto 10.6
Garden Terrace Telah
Dibaik Pulih Oleh Kontraktor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
 Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.7
Rumah Contoh Garden Terrace Yang Telah
Diubah Reka Bentuk Oleh Kontraktor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
 Tarikh: 19 Januari 2010

Menurut maklum balas Perbadanan, pada 24 April 2004, Lembaga HDC telah meluluskan pihak Amcorp untuk mengambil alih dan membangunkan 654 unit rumah teres dan HDC tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kos pembinaan rumah dan penjualan rumah dan risiko kewangan ditanggung oleh pihak Amcorp.

Pihak Amcorp akan membayar HDC reimbursement of sunk cost sebanyak RM17,088,040 dan pembayaran tersebut dibuat secara berperingkat.

e) Projek Terbengkalai (RMM Pusa)

Projek RMM Pusa, Betong telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri pada Jun 1997 bagi pembinaan sebanyak 446 unit, iaitu 337 unit rumah teres satu tingkat, 94 unit rumah berkembar satu tingkat dan satu unit rumah *detach*, 14 rumah kedai dua tingkat dan menyediakan kemudahan komuniti dengan kos RM25.14 juta. Perjanjian *Turnkey* telah ditandatangani pada Disember 1997. Tempoh kontrak pembinaan adalah 36 bulan iaitu bermula pada November 2001 hingga November 2004.

Semakan Audit mendapati pada Januari 2003, Perbadanan telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja sementara kepada kontraktor. Ini adalah disebabkan pembinaan tidak mematuhi spesifikasi Rumah Mampu Milik yang baru, tiada permintaan terhadap rumah yang dibina dan Perbadanan masih menunggu kelulusan pinjaman tambahan daripada Kerajaan. Kontraktor telah membuat rayuan kerana pemberhentian kerja sementara memberi impak kewangan kepada syarikatnya dan akan menuntut ganti rugi daripada Perbadanan. Ini menyebabkan Perbadanan memberi kelulusan melalui surat bertarikh Mac 2003 kepada kontraktor untuk meneruskan projek tersebut. Bagaimanapun, pada Disember 2006 Perbadanan menamatkan kontrak dengan alasan kontraktor tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Daripada 431 unit rumah, kontraktor hanya dapat menyiapkan projek pada tahap 94% bagi 218 unit, 68% bagi 119 unit, manakala 94 unit rumah berkembar satu tingkat gagal dibina. Perbadanan telah membayar sejumlah RM20.50 juta untuk kerja tersebut termasuk kerja

infrastruktur yang telah disiapkan. Keadaan rumah yang terbengkalai adalah seperti **Foto 10.8**.

Foto 10.8
Projek Terbengkalai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Pusa
Tarikh: 23 Disember 2009

Kegagalan kontraktor menyiapkan projek telah mengakibatkan Perbadanan membatalkan 32 Perjanjian Jual Beli dan mengembalikan bayaran pendahuluan kepada pembeli. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati rumah telah dirosakkan, kabel elektrik dicuri dan kawasan tersebut dipenuhi semak samun seperti **Foto 10.9** hingga **Foto 10.11**.

Foto 10.9
Rumah Yang Dirosakkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Pusa
Tarikh: 23 Disember 2009

Foto 10.10
Kecurian Kabel Elektrik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Pusa
Tarikh: 23 Disember 2009

Foto 10.11
Kawasan Projek Tidak Disenggara
Dan Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Pusa
Tarikh: 23 Disember 2009

Seksyen Pengurusan Kontrak Perbadanan telah menganggarkan sejumlah RM14.8 juta untuk kerja baik pulih. Semakan Audit seterusnya mendapati pada Julai 2008, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah menawarkan sejumlah RM5.55 juta untuk mengambil alih projek tersebut. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri meluluskan permohonan ini pada Disember 2009. Kesannya, Perbadanan mengalami kerugian sejumlah RM14.95 juta dan gagal mencapai matlamat program.

Menurut maklum balas Perbadanan, HDC telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja kepada kontraktor pada Januari 2003 disebabkan peruntukan persekutuan tidak diterima untuk rumah teres kos rendah jenis B yang melibatkan 119 unit, bukannya kerana kontraktor tidak menepati spesifikasi.

Jika sebarang tindakan diambil oleh HDC untuk menamatkan kontrak, kontraktor akan mengambil tindakan mahkamah bagi menuntut ganti rugi dari HDC kerana pemberhentian kerja telah memberi impak kewangan kepada mereka. Atas sebab ini, HDC mengarahkan kontraktor untuk meneruskan semula projek pada Mac 2003. Bagaimanapun, kemajuan fizikal sangat lembap kerana subkontraktor mengalami masalah pengurusan dalaman selain menghadapi masalah kewangan. Kurangnya komitmen subkontraktor dalam mengurus pelaksanaan projek di tapak menyumbang kepada vandalisme dan kerosakan teruk ke atas kerja-kerja yang hampir siap seperti bangunan, pagar rumah, kabel elektrik dan sub-station.

Mempertimbangkan risiko vandalisme dan implikasi kos yang sangat tinggi yang akan dihadapi oleh HDC kelak sekiranya semua rumah jenis A dan Jenis B mesti disiapkan 100% terlebih dahulu termasuk yang belum dijual sebelum permohonan OP dapat dipertimbangkan oleh Majlis Tempatan, maka HDC mengambil keputusan untuk tidak meneruskan projek berkenaan. Sehubungan dengan itu, HDC telah mengambil tindakan melucutkan kontrak tersebut dengan kontraktor mengikut terma-terma yang dipersetujui bersama setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah pada Jun 2006.

Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah mematuhi prosedur yang betul bagi pelupusan aset kerajaan dan memantau prestasi kontraktor secara konsisten untuk memastikan kerja naik taraf dilakukan tanpa menjejaskan kemudahan yang telah dibuat sebelumnya dan memastikan harga jualan rumah yang dijual adalah harga yang diluluskan oleh kerajaan, mempertingkatkan mekanisme pengurusan kontrak dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek.

10.4.4 Baki Rumah Tidak Dapat Dijual

Projek RMM yang telah siap hendaklah dijual kepada pembeli yang layak dalam tempoh yang berpatutan. Setakat tahun 2009, sebanyak 28,503 unit pelbagai jenis rumah telah dibina dengan kos RM1.35 bilion seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Jumlah Rumah Dibina Dan Baki Tidak Dijual

Bil.	Projek Perumahan	Tahun Siap	Rumah Dibina (Unit)	Kos Pembinaan (RM Juta)	Rumah Dijual (Unit)	Rumah Tidak Dijual		Nilai Stok (RM Juta)
						(Unit)	(%)	
1.	Tanjung Manis 'B', Mukah	2006	192	14.07	3	189	98.3	8.41
2.	Ranggau III, Limbang	2006	540	40.56	47	493	91.3	37.02
3.	Marudi, Miri	2005	297	13.58	18	279	93.9	12.75
4.	Town Villa, Sibul	2003	344	30.26	132	212	61.6	18.71
5.	Rumah Pangsa, Sibul	2003	640	26.76	232	408	67.5	23.19
6.	Taman Kenanga, Betong	2004	439	20.21	275	164*	37.4	6.67
7.	Lain-Lain	-	26,051	1,204.02	25,580	471	1.8	21.67
Jumlah			28,503	1,349.46	26,287	2,216		128.42

Sumber: Rekod Pemasaran Perbadanan

Nota: *- Disewa Kepada Kerajaan Negeri Hingga Mei Tahun 2008

Semakan Audit terhadap rekod pemasaran setakat Disember 2009 mendapati Perbadanan menjual sebanyak 26,287 unit, manakala baki 2,216 unit bernilai RM128.42 juta tidak dijual. Semakan Audit terhadap enam projek mendapati:

- a) **RMM Tanjung Manis 'B', Sarikei** - Kegagalan penjualan RMM adalah disebabkan tiada permintaan dan projek Kerajaan Negeri yang dirancang di kawasan tersebut belum dilaksanakan sepenuhnya.
- b) **RMM Rangau III, Limbang** - Kegagalan penjualan RMM adalah disebabkan reka bentuknya yang tidak dapat menarik minat bakal pembeli. RMM tersebut merupakan rumah teres satu setengah tingkat dan mempunyai tiga bilik. Projek ini telah mendapat Sijil Layak Menduduki dan 140 unit terakhir diberikan sijil pada 19 September 2006. Hasil kajian yang dijalankan oleh Perbadanan pada tahun 2007 mendapati rumah ini tidak sesuai terutamanya bagi yang memiliki keluarga besar. Mereka juga berpendapat saiz rumah dengan keluasan lantai 700 kaki persegi dan keluasan kawasan antara 914.6 hingga 1,420.32 kaki persegi adalah kecil berbanding harga yang ditawarkan iaitu RM74,000. Bagi meningkatkan jualan rumah, MMKN pada Disember 2009 telah meluluskan harga rumah dijual dengan kadar diskaun 20% seunit.
- c) **RMM Marudi, Miri** - Projek ini diserahkan kepada Perbadanan dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada tahun 2006. Penjualan rumah dibuat oleh agen yang dilantik

oleh Perbadanan. Adalah didapati agen hanya berjaya menjual sebanyak 18 unit daripada 297 unit yang dibina. Penyerahan rumah kepada pembeli tidak dibuat kerana bekalan air dan elektrik tidak disambung oleh pihak yang bertanggungjawab. Keyakinan dan minat pembeli terjejas apabila berlaku tanah runtuh pada November 2008 yang merosakkan tujuh unit rumah. Pada akhir tahun 2008, adalah didapati 16 pembeli telah membatalkan pembelian kerana beranggapan projek ini terbengkalai. Pada Oktober 2007, urusan penjualan telah diserahkan semula kepada Pejabat Wilayah Utara, Miri dan 54 unit atau 18% telah ditempah. Seramai 19 pembeli telah membayar caj guaman, 30 pembeli lagi telah membayar wang pendahuluan manakala lima belum membuat sebarang bayaran. Lawatan Audit pada Januari 2010 mendapati Perbadanan masih dalam proses menyediakan perjanjian jual beli.

d) RMM Town Villa, Sibujaya, Sibu

Projek ini mempunyai sebanyak 1,440 unit rumah sebelum proses menaik taraf unit atas dan unit bawah menjadi satu unit rumah dua tingkat. Setelah penggabungan, sebanyak 720 unit dibahagikan antara Perbadanan dan kontraktor dengan setiap entiti mendapat sebanyak 360 unit. Adalah didapati sebanyak 212 unit atau 58.9% daripada 360 unit yang dimiliki oleh Perbadanan belum dijual. Lawatan Audit mendapati kegagalan penjualan adalah disebabkan reka bentuk rumah dan penyediaan kemudahan asas seperti ketiadaan jalan masuk untuk kenderaan seperti **Foto 10.12** hingga **Foto 10.15**.

Foto 10.12
Kedudukan Kawasan Tempat Letak Kereta Berkelompok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.13
Jarak Rumah Dari Tempat Letak Kereta Berkelompok Jauh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.14
Laluan Masuk Hanya
Menggunakan Laluan Pejalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
 Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 10.15
Atap Rumah Telah Lusuh Dan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Sibujaya, Sibu
 Tarikh: 19 Januari 2010

- e) **RMM Taman Kenanga, Betong** - Sebanyak 439 unit rumah telah dibina di mana 275 unit telah dijual dan 164 unit disewa kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan kuarters. Mengikut perjanjian, Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap kos penyenggaraan sebelum rumah tersebut diserahkan balik. Adalah didapati kerja penyenggaraan tidak dilakukan sebelum rumah tersebut diserahkan balik kepada Perbadanan pada Jun 2008. Anggaran kos penyenggaraan rumah tersebut adalah sejumlah RM984,000. Lawatan Audit pada 24 Disember 2009, mendapati kerja penyenggaraan tidak dijalankan seperti **Foto 10.16** dan **Foto 10.17**.

Foto 10.16

Rumah Tidak Dibaik Pulih



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Taman Kenanga, Betong
 Tarikh: 24 Disember 2009

Foto 10.17



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RMM Taman Kenanga, Betong
 Tarikh: 24 Disember 2009

Pada pendapat Audit, Perbadanan gagal menjual rumah yang sedia ada disebabkan tiada kajian terhadap lokasi, kepadatan penduduk, reka bentuk rumah dan permintaan terhadap RMM sebelum projek dilaksanakan. Kegagalan ini menyebabkan peningkatan stok rumah, kos penyenggaraan yang tinggi dan rumah serta kemudahan terdedah kepada aktiviti vandalisme.

10.4.5 Tunggakan Pinjaman Oleh Pembeli

Perbadanan menyediakan pinjaman kepada pembeli yang layak dengan kadar faedah 5.5% setahun iaitu 4% dibayar kepada Kerajaan dan 1.5% sebagai caj pengurusan Perbadanan. Peminjam hendaklah membayar balik jumlah pinjaman serta faedah yang dikenakan secara ansuran mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Sewa Beli. Semakan Audit mendapati setakat Disember 2009, Perbadanan telah memberi pinjaman sejumlah RM649.20 juta kepada 19,572 peminjam seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Pecahan Pinjaman Mengikut Kawasan

Kawasan	Bilangan Peminjam	Amaun (RM Juta)
Kuching	10,654	344.13
Miri	3,072	106.91
Bintulu	1,906	62.29
Sibu	1,388	41.38
Sri Aman	573	21.54
Betong	564	20.69
Samarahan	447	19.44
Sarikei	571	20.73
Limbang	268	10.93
Lawas	129	1.16
Jumlah	19,572	649.20

Sumber: Rekod Kutipan Pinjaman Perbadanan

Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 12,241 atau 62.5% peminjam mempunyai tunggakan bagi tempoh antara satu hingga 96 bulan dengan tunggakan tertinggi sejumlah RM20,761. Jumlah tunggakan setakat akhir tahun 2009 adalah RM44.41 juta seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Jumlah Tunggakan Setakat Akhir Tahun 2009

Perkara	Bilangan Peminjam	Jumlah (RM Juta)
Tunggakan Di bawah Kutipan Pinjaman	5,035	5.32
Tunggakan Di bawah <i>Demand Notice</i>	945	2.10
Tunggakan Di bawah Tindakan Undang-undang	6,261	36.99
Jumlah	12,241	44.41

Sumber: Rekod Kutipan Pinjaman Perbadanan

Adalah didapati seramai 6,261 peminjam telah diberi notis untuk mengosongkan rumah dan seramai 5,980 peminjam dalam proses diambil tindakan undang-undang. Jumlah tunggakan yang semakin meningkat menyebabkan Perbadanan mengalami kesukaran untuk membayar balik pinjaman daripada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Perbadanan mengambil tempoh terlalu lama untuk menyelesaikan masalah tunggakan ini.

10.4.6 Kos Penyenggaraan

Perbadanan bertanggungjawab menyenggara projek yang telah siap. Skop kerja penyenggaraan meliputi pembersihan parit, pemotongan rumput dan kerja pembaikan di kawasan umum rumah berstatus *strata title*. Bayaran sejumlah RM18 sebulan dikenakan

bagi setiap unit untuk tujuan tersebut. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM7.51 juta telah dibelanjakan untuk kerja penyenggaraan.


Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik daripada 110 pembeli rumah di RMM Bandar Baru Semariang, RMM Malihah dan RMM Landeh di Kuching, RMM Taman Kenanga di Betong, RMM Sibujaya di Sibujaya dan RMM Permyjaya di Miri mendapati 40% penduduk tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan penyenggaraan oleh Perbadanan. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja penyenggaraan tidak dilakukan seperti **Foto 10.18** dan **Foto 10.19**.

Foto 10.18
Corong Digunakan Untuk
Menyalurkan Air Dari Kebocoran Di Tingkat
Atas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibujaya
Tarikh: 18 Januari 2010

Foto 10.19
Saluran Tegak Air Hujan Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RMM Sibujaya, Sibujaya
Tarikh: 18 Januari 2010

Temu bual dengan pembeli mendapati mereka tidak berpuas hati sebab tindakan lambat diambil oleh Perbadanan walaupun aduan dibuat berulang kali.

Menurut maklum balas Perbadanan, kos penyenggaraan caj RM18 yang dikenakan kepada pemilik rumah pangsa yang dibangunkan oleh HDC adalah merupakan caj yang paling minima. Caj RM18 adalah untuk membiayai kos penjagaan kebersihan, kos bekalan elektrik dan juga membaik pulih kerosakan-kerosakan kawasan umum. Pihak Perbadanan sentiasa memastikan khidmat-khidmat tersebut dijalankan dengan sempurna demi untuk memberi kehidupan yang selesa kepada penghuni-penghuni rumah pangsa dan seterusnya memberi gambaran positif kepada imej HDC.

Pada pendapat Audit, tiada koordinasi serta persefahaman antara Perbadanan dengan pemilik terhadap tanggungjawab penyenggaraan.

10.4.7 Prestasi Promosi Dan Pemasaran

Promosi dan pemasaran yang berkesan merupakan faktor penting bagi memperkenalkan program pembangunan perumahan mampu milik. Promosi yang berterusan dan berkesan perlu diadakan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Perbadanan telah mewujudkan Jabatan Pemasaran Dan Penjualan yang bertanggungjawab terhadap aktiviti pemasaran dan penjualan rumah. Antara promosi yang dijalankan adalah seperti mengiklankan melalui akhbar dan radio tempatan, mengeluarkan notis makluman ke pejabat Kerajaan, pengedaran pamflet/brosur dan mengadakan pameran serta kaunter terbuka. Perbadanan juga telah menjalankan temu bual bagi mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai projek yang dilaksanakan dan prospek jualan di beberapa kawasan perumahan. Hasil temu bual tersebut dilaporkan kepada pihak Pengurusan Perbadanan sebagai panduan untuk membina projek perumahan pada masa akan datang.

Bagi tahun 2007 hingga 2009, Perbadanan telah memperuntukkan sejumlah RM386,000 untuk aktiviti pemasaran dan promosi. Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM156,376 atau 40.5% untuk menjalankan 72 program promosi di seluruh Negeri Sarawak. Semakan Audit seterusnya mendapati rancangan promosi ada disediakan dan dilaksanakan mengikut perancangan. Aktiviti promosi secara *ad-hoc* juga telah dijalankan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, Perbadanan masih gagal menjual sebanyak 2,216 unit rumah bernilai RM124.42 juta terutama rumah di RMM Sibujaya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program promosi dan pemasaran terhadap penjualan RMM adalah memuaskan.

10.4.8 Pemantauan

Pemantauan merupakan elemen yang penting untuk pengurusan mengenal pasti masalah dan kelemahan semasa melaksanakan program pembangunan RMM dan mengambil tindakan penyelesaian. Semakan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapati perkara berikut:

- a) Peringkat Projek** - Perbadanan telah mewujudkan Pejabat Wilayah di Kuching, Sibujaya dan Miri bagi tujuan pemantauan. Syarat Kontrak menetapkan kontraktor melantik perunding bagi tujuan pemantauan projek. Adalah didapati perunding telah mengemukakan Laporan Kemajuan Projek kepada Pejabat Wilayah untuk penilaian di peringkat Ibu Pejabat.
- b) Peringkat Ibu Pejabat Perbadanan** - Bahagian Teknikal bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek yang diurus oleh kontraktor dan perunding yang dilantik. Bahagian ini terdiri daripada Jabatan Pelaksanaan Projek, Pejabat Wilayah dan Seksyen Penyenggaraan. Bahagian ini akan melaporkan terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Adalah didapati pemantauan prestasi projek oleh Perbadanan dibuat menerusi Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Pengurusan yang diadakan secara berkala. Antara perkara yang dibincangkan ialah struktur dan reka bentuk infrastruktur dan bangunan yang disediakan, keperluan kerja tambahan ataupun pengurangan, prestasi projek dan masalah berbangkit. Mekanisme pemantauan lain adalah melalui laporan yang diterima daripada kontraktor dan lawatan ke tapak projek oleh pegawai Perbadanan. Semakan Audit seterusnya mendapati Perbadanan telah mengambil tindakan susulan seperti membuat teguran secara lisan dan bertulis kepada kontraktor.

- c) **Laporan Kemajuan Projek** - Laporan kemajuan projek perlu disediakan oleh kontraktor setiap bulan dan dikemukakan kepada Bahagian Teknikal. Adalah didapati laporan tersebut mengandungi status pembinaan projek, prestasi projek, isu/masalah pelaksanaan yang kritikal dan gambar kemajuan projek. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak difailkan dengan kemas kini. Tiada bukti menunjukkan laporan telah disemak dan diteliti oleh pihak yang bertanggungjawab.
- d) **Penguatkuasaan Dan Undang-Undang** - Perbadanan telah mewujudkan Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan dan Bahagian Perundangan. Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan bertanggungjawab untuk memastikan dan memantau prestasi bayaran ansuran bulanan pinjaman dikutip mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian Jual Beli. Antara tindakan yang diambil adalah menyediakan penyata tunggakan dan mengeluarkan Surat Peringatan kepada pembeli. Sekiranya usaha melalui Surat Peringatan gagal, Surat Tuntutan Peguam dan Surat Amaran Keluar Rumah akan dikeluarkan oleh Bahagian Perundangan. Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 12,457 atau 60.3% daripada 20,665 peminjam telah diambil tindakan.
- e) **Aduan Pemilik Rumah** - Perbadanan juga didapati memantau pelaksanaan projek dengan mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan aduan pemilik rumah yang diterima. Bagi tahun 2007 hingga 2008 bilangan aduan tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Pada tahun 2009, sebanyak 165 atau 88.7% daripada 186 aduan telah diselesaikan oleh Perbadanan. Antara aduan yang diterima adalah mengenai kerosakan rumah dan pembersihan sistem perparitan.

Menurut maklum balas Perbadanan, Mesyuarat Koordinasi diadakan (Bila Perlu) antara HDC kontraktor dan konsultan dengan pihak berkuasa tempatan dan jabatan/agensi kerajaan seperti majlis tempatan, JTS, BDA, DID atau LAKU bagi mempercepatkan kelulusan berkaitan projek seperti pelan kejuruteraan, Pelan Bangunan, wayleave, early commencement, Sijil Jalan dan juga Sijil Menduduki (OP). Rekod aduan awam adalah diselenggarakan dengan kemas kini dan borang aduan awam diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan, teguran Audit diambil maklum bagi menambah baik perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek boleh dipertingkatkan dengan mengemaskinikan Laporan Kemajuan Projek dan fail projek. Perbadanan perlu lebih tegas terhadap keberkesanan mekanisme pemantauan yang ada.

10.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik oleh Perbadanan Perumahan mencapai objektif dan dasar Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada golongan sasaran. Bagaimanapun, pengurusan program ini kurang memuaskan kerana terdapat ketidakcekapan dan kecuaiian pihak yang mengurus dan

memantau pembinaan projek. Akibatnya, Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan yang sepatutnya boleh dielakkan. Adalah disyorkan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Membuat kajian kemungkinan sebelum sesebuah program atau projek dilaksanakan untuk memastikan pembinaan rumah adalah berdasarkan keperluan dan kesesuaian lokasi.
- b)** Mengadakan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Tanah Dan Survei bagi memastikan proses kelulusan tukar syarat tanah dan pelan bangunan diluluskan dengan kadar segera.
- c)** Komposisi dan peranan Bahagian Teknikal perlu dikaji semula supaya boleh memainkan peranan dalam perancangan pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan.
- d)** Mencari penyelesaian isu rumah yang gagal dijual seperti penurunan harga dan melonggarkan syarat pemilikan untuk menarik minat pembeli dan memastikan bilangan bilik, jenis rumah dan reka bentuk rumah yang hendak dibina hendaklah kondusif untuk dihuni oleh sesebuah keluarga.
- e)** Keputusan melupuskan bangunan dengan cara meroboh disebabkan masalah teknikal perlu mengikut Prosedur Kewangan yang berkaitan.

11. PELAKSANAAN PROMOSI PELANCONGAN

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Lembaga Pelancongan Sarawak (Lembaga) adalah sebuah agensi Badan Berkanun Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak (Kementerian). Lembaga ditubuhkan pada tahun 1994 di bawah Ordinan Lembaga Pelancongan Sarawak, 1994. Tujuan utama Lembaga ditubuhkan adalah untuk merangsang dan mempromosikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan di dalam dan luar Negara. Fungsi utama Lembaga ialah merangsang, mempromosi, menganjur dan memasarkan Sarawak sebagai destinasi pelancongan dan membantu meningkatkan pembangunan pelancongan.

11.1.2 *The Second Tourism Masterplan Study Sarawak* yang disediakan pada tahun 1993 telah mengenal pasti hala tuju pelancongan Sarawak adalah berasaskan alam semula jadi, budaya dan kembara. *Masterplan* berkenaan disediakan dengan mengambil kira kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kepada industri pelancongan di Sarawak. Rancangan pelaksanaan juga disediakan bagi menerangkan pelaksanaan pembangunan industri pelancongan di Sarawak.

11.1.3 Kementerian bertanggungjawab dalam perkara berkenaan dengan pelancongan di Sarawak. Bagi tempoh 2007 hingga 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM35.27 juta bagi promosi dan pembangunan industri pelancongan. Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM9.34 juta bagi tempoh 2007 hingga 2009 bagi promosi dan pemasaran Sarawak sebagai destinasi pelancong dari dalam dan luar negara.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai keberkesanan aktiviti promosi pelancongan yang dijalankan oleh Lembaga.

11.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi tempoh 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Lembaga Pelancongan Sarawak dan di tapak aktiviti di Kuching dan Miri. Pengauditan dijalankan terhadap program promosi pelancongan di Lembaga Pelancongan Sarawak Kuching.

Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa fail, dokumen dan minit mesyuarat yang berkenaan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dijalankan. Lawatan Audit ke

tapak aktiviti *Rainforest World Music Festival (RWMF)*, Kuching dan *Miri International Jazz Festival (MIJF)* juga dijalankan.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September hingga November 2009 mendapati pada keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti promosi pelancongan Lembaga boleh dipertingkatkan dengan menyediakan pelan promosi pelancongan yang mengambil kira perkembangan industri pelancongan semasa. Lembaga tidak menjalankan kajian pasaran dan survei pelawat bagi mengetahui kehendak pasaran dan industri serta mengenal pasti penambahbaikan yang boleh diambil. Penjenamaan produk perlu dikaji semula bagi menarik minat pelancong. Rangkaian kolaborasi antara agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelancongan, perhotelan, pengangkutan, medan selera dan agen pelancongan perlu dipertingkatkan. Bagaimanapun usaha merancang program transformasi telah dilakukan dan satu Pelan Induk Pemasaran Lembaga telah dirangka merangkumi jangka masa tahun 2011 hingga 2014. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi pengurusan aktiviti adalah seperti di perenggan berikut:

11.4.1 Rancangan Strategik Pelancongan

Rancangan strategik pelancongan ialah untuk menyediakan kerangka bagi membangunkan sektor pelancongan bagi tempoh 1993 hingga 2010. Bagi tujuan ini, *institutional framework* disediakan di mana Kementerian berperanan merangka polisi pelancongan. *Sarawak Tourism Coordinating Committee*, *Sarawak Tourist Association*, Jabatan Hutan, perbadanan pembangunan dan negeri lain serta *Tourism Malaysia* bekerjasama dalam membangunkan dan memajukan industri pelancongan. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri ada menyediakan *Second Tourism Masterplan Study Sarawak* pada tahun 1993. Lembaga berfungsi untuk mempromosi Sarawak sebagai destinasi pelancongan.

Pada pendapat Audit, Kementerian ada menyediakan struktur organisasi yang berupaya untuk menggerakkan aktiviti promosi pelancongan.

a) Pemasaran

Rancangan Pemasaran dalam *Second Tourism Masterplan Study Sarawak* bertujuan untuk menggalakkan pemasaran pelancongan yang kukuh. Untuk mencapai tujuan ini, elemen yang diberi keutamaan adalah menjalankan kajian pasaran, latihan, kerjasama dengan agensi kerajaan lain, pengukuhan imej dan produk Sarawak. Pasaran pelancongan Sarawak dikategorikan kepada empat iaitu tempatan (Sarawak), rentas sempadan (Brunei dan Indonesia), jarak dekat (Semenanjung Malaysia dan Singapura), jarak sederhana (lain kawasan di Asia) dan jarak jauh (Eropah, Australia dan Amerika Utara). Aktiviti pemasaran adalah meliputi penyelidikan dan pemantauan, pemasaran bersama, aktiviti promosi pelancongan luar negara, program kesedaran destinasi dan pengiklanan.

Semakan Audit mendapati Lembaga ada menjalankan promosi pelancongan berdasarkan *Second Tourism Masterplan Study Sarawak*. Strategi pemasaran disediakan mengikut pelan induk berkenaan tetapi lebih menjurus kepada *partnership and joint-venture alliance, familiarisation or reccee trips, group incentives*, latihan dan motivasi kepada agen pelancongan, pemasaran secara terus dan pengiklanan. Semakan Audit seterusnya mendapati dari tahun 2007 hingga 2009, Lembaga telah menjalankan 75 aktiviti pemasaran terus, 42 *familiarisation trips*, 42 *group incentives*, 12 sesi latihan dan motivasi. Dari tahun 2007 hingga 2009, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM9.34 juta bagi melaksanakan program ini.

Analisis Audit mendapati kedatangan pelancong berkurangan iaitu daripada 3.63 juta orang pada tahun 2007 kepada 3.43 juta orang pada tahun 2008. Pada tahun 2009 pula, jumlah pelancong telah menurun menjadi 3.28 juta orang. Adalah didapati kenaikan atau pengurangan perbelanjaan promosi pelancongan tidak mempengaruhi kedatangan pelancong. Faktor seperti keadaan ekonomi dunia, wabak penyakit berjangkit dan politik serantau serta larangan perjalanan adalah antara sebab yang mempengaruhi jumlah pelancong ke Sarawak. Peruntukan dan perbelanjaan promosi pelancongan di Sarawak berbanding kedatangan pelancong bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.1**.


Jadual 11.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Promosi Pelancongan Di Sarawak
Berbanding Kedatangan Pelancong Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)	Kedatangan Pelancong (Juta Orang)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)
2007	2.00	2.75	-	3.63	-
2008	3.95	3.68	31.1	3.43	(5.5)
2009	3.60	2.90	(20.1)	3.28	(4.4)

Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak Serta Lembaga Pelancongan Sarawak

Analisis Audit terhadap kedatangan pelancong dari tahun 1992 hingga 2009 menunjukkan peningkatan dari tahun 2003 hingga 2005, penurunan pada tahun 2006 dan meningkat semula pada tahun 2007. Seterusnya, trend kembali berkurangan pada tahun 2008 dan 2009. Pelancong dalam negara menunjukkan peningkatan dari tahun 2004 hingga 2007. Bagaimanapun, trend kedatangan pelancong dalam negara tidak banyak berubah dari tahun 2008 hingga 2009. Secara keseluruhannya, kedatangan pelancong luar negara menunjukkan peningkatan. Butirannya adalah seperti di **Carta 11.1**.

Carta 11.1
Analisis Trend Kedatangan Pelancong Ke Sarawak Dari Tahun 1994 Hingga 2009



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

Menurut maklum balas, Lembaga telah merancang satu program transformasi dan ia merupakan hala tuju untuk menjadi organisasi yang kompetitif. Satu Pelan Induk Pemasaran Lembaga Pelancongan Sarawak telah dirangka merangkumi jangka masa 2011 hingga 2014. Ini merupakan satu pelan komprehensif dan menyeluruh yang sejajar dengan perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak. Pelan induk telah dilancar pada awal tahun 2010.

Pada pendapat Audit, Lembaga tidak memanfaatkan maklumat kedatangan pelancong bagi merancang, mengkaji strategi promosi pelancongan serta melaksanakan Pelan Induk yang komprehensif dan menyeluruh bagi menarik lebih ramai pelancong.

b) Produk Pelancongan

Second Tourism Masterplan Study Sarawak menyatakan bahawa Sarawak sesuai untuk memasarkan produk pelancongan yang menjurus kepada alam semula jadi, budaya dan kembara. Lembaga juga mempromosikan produk sampingan iaitu acara tahunan yang dianjurkan di Sarawak, *gateway cities* dan MICE.

- i) **Alam Semula Jadi** - Tarikan alam semula jadi dikategorikan kepada dua komponen iaitu *Wild Life Wonders* dan *Natural Wonders* seperti di **Jadual 11.2**.


Jadual 11.2
Tarikan Alam Semula Jadi

Kategori	Perkara
<i>Wild Life Wonders</i>	Hidupan liar yang terdapat di Sarawak antaranya <i>Proboscis Monkey</i> , <i>Rajah Brooke Butterfly</i> , <i>Black-sided Flowerpecker</i> & <i>Atlas Moth</i> , <i>Silver Leaf Monkey</i> , <i>Orang Utan</i> , <i>Hornbill</i> , <i>Rafflesia</i> , <i>Carnivorous Plants</i> dan <i>Salt Water Crocodiles</i> .
<i>Natural Wonders</i>	Taman Negara seperti Taman Negara Bako, Mulu, Niah, Batang Ai, Similajau, Tanjung Datu, Kubah, Gunung Gading, Lambir Hills, Loagan Bunut, Pulau Talang-Talang dan Pulau Satang. Taman Hidupan Liar seperti Taman Hidupan Liar Semenggoh dan Matang.

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

Antara tarikan alam semula jadi yang dikategorikan sebagai *Natural Wonders* adalah seperti Gua Niah, Tasik Loagan Bunut, *Burial Pole* serta *Deer Cave* seperti **Foto 11.1** hingga **Foto 11.4**.

Foto 11.1
Gua Niah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Niah, Miri
Tarikh: 26 Januari 2010

Foto 11.2
Loagan Bunut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loagan Bunut, Miri
Tarikh: 25 Januari 2010

Foto 11.3
Burial Pole



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loagan Bunut, Miri
Tarikh: 25 Januari 2010

Foto 11.4
Deer Cave Yang
Menunjukkan Muka Abraham Lincoln



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara Mulu
Tarikh: 28 Januari 2010

Jumlah pengunjung ke Taman Negara di seluruh Sarawak menunjukkan peningkatan pada tahun 2007 hingga 2009 dengan jumlah pengunjung antara 110,192 hingga 127,497 orang. Taman Negara Bako mencatatkan bilangan pengunjung tertinggi diikuti Taman Negara Niah dan Taman Negara Mulu. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Bilangan Pengunjung Ke Taman Negara Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Taman Negara	Bilangan Pengunjung		
		2007	2008	2009
1.	Bako	27,932	31,910	34,536
2.	Niah	18,761	21,596	23,822
3.	Mulu	19,288	19,920	22,220
4.	Lambir	17,599	14,622	15,156
5.	Gunung Gading	9,792	9,909	11,607
6.	Similajau	9,436	9,361	11,299
7.	Kubah	5,088	6,779	6,487
8.	Loagan Bunut	1,142	706	1,632
9.	Batang Ai	406	420	373
10.	Tanjung Datu	288	157	296
11.	Pulau Talang-Talang/Pulau Satang	394	281	38
12.	Maludam	66	84	31
Jumlah		110,192	115,745	127,497

Sumber: Perbadanan Perhutanan Sarawak

ii) **Budaya** - Produk pelancongan berasaskan budaya adalah warisan dan cara hidup masyarakat Sarawak yang terdiri daripada 27 etnik. Produk ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu budaya kaum etnik (*Harmony In Diversity*) dan budaya berasaskan seni dan kraftangan. Budaya kaum etnik mempromosikan antaranya budaya masyarakat Iban, Orang Ulu, Melayu, Bidayuh, Cina, Melanau dan Penan. Budaya berasaskan seni dan kraftangan mempromosikan seni tenunan dan anyaman. Kampung Budaya Sarawak yang juga dikenali sebagai muzium hidup merupakan produk utama bagi kategori ini. Semakan Audit mendapati, jumlah pengunjung ke Kampung Budaya adalah seramai 104,960 orang pada tahun 2008 dan seramai 119,471 orang pada tahun 2009. Ini menunjukkan peningkatan seramai 14,511 orang atau 13.8%.

iii) **Kembara** - Produk pelancongan berasaskan kembara terdiri daripada *Natural Gym*, *Swim With Turtles* dan *Paradise In Sea*. *Natural Gym* merupakan aktiviti lasak seperti *Paradise On Land*, *Head Hunter's Trail*, *Fairy Cave*, *Mountain Bike*, Kelabit Highlands dan Gunung Santubong. *Swim With Turtles* melibatkan aktiviti seperti melihat penyu bertelur dan pembentukan batu karang di Taman Negara Tanjung Datu. *Paradise In Sea* seperti *jet-ski* dan *paraglide*. Semakan Audit mendapati maklumat berkaitan jumlah pelancong kembara tidak disediakan.

Lembaga mempromosi produk pelancongan dengan mencetak brosur serta risalah berkenaan tempat tarikan dan ditempatkan di lokasi tumpuan pelancong seperti di Pusat Penerangan Pelancong, kedai cenderahati, lobi hotel, pejabat agensi

pelancongan, laman sesawang Lembaga Pelancongan Sarawak dan laman sesawang Taman Negara Sarawak. Antara aktiviti kembara di Taman Negara yang dijalankan adalah *jungle trekking* ke Air Terjun di Taman Negara Kubah Kuching seperti di **Foto 11.5**.

Foto 11.5
Aktiviti Kembara Di Taman Negara Kubah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara Kubah
Tarikh: 1 Ogos 2009

- iv) **Acara Tahunan** - Promosi pelancongan ke negeri Sarawak juga dilaksanakan melalui penganjuran acara tahunan seperti *Rainforest World Music Festival*, *Miri International Jazz Festival*, *Kite Festival*, *Borneo Cup Yatching Challenge*, *Borneo Cultural Festival*, *Balleh Kapit Safari*, *Kuching Festival*, *Sarawak Regatta*, Pesta Kaul, Pesta Benak dan Gawai Dayak. Persembahan pemuzik di RWMF adalah seperti di **Foto 11.6**.

Foto 11.6
Persembahan Muzik Di
Rainforest World Music Festival



Sumber: Jabatan Audit Negara Sarawak
Lokasi: Kampung Budaya Sarawak
Tarikh: 10 Julai 2010

- v) **Gateway Cities** - *Gateway cities* mempromosikan bandar utama di Sarawak yang merupakan pintu masuk ke beberapa bahagian. Bandaraya Kuching merupakan

pintu masuk ke kawasan Barat Laut, Bandar Sibu merupakan pintu masuk ke kawasan tengah Sarawak dan Bandaraya Miri merupakan pintu masuk ke kawasan timur laut Sarawak.

vi) Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions (MICE) - Lembaga juga mempromosikan destinasi dan lokasi menarik seperti *Hilton Batang Ai Resort*, *Royal Mulu Resort*, *Borneo Heights* dan *Borneo Convention Centre* sebagai tempat bagi penganjuran MICE. *Sarawak Convention Bureau* berperanan sebagai *one-stop-shop* yang menyediakan maklumat serta bantuan berkenaan penganjuran MICE dan *business events* di Sarawak. Produk berasaskan MICE menunjukkan kemajuan di mana pada awal tahun 2010, *2nd International Geotourism Conference* dan *PATA Annual Meeting 2010* telah diadakan di *Royal Mulu Resort* dan *Borneo Convention Centre Kuching*.

Menurut maklum balas Lembaga telah merancang satu pendekatan baru untuk mempromosikan produk pelancongan yang sedia ada dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan. Pendekatan baru ini menekankan empat perkara utama di dalam pelan promosi tersebut iaitu:

- *Memfokuskan semula usaha dan hala tuju strategi pemasaran di antara lima pasaran yang berpotensi tinggi.*
- *Menekankan kerjasama dengan para penggiat industri.*
- *Mengagihkan pasaran dan menekankan kepada pelancongan berasaskan kepada pendidikan ekspatriat perubatan.*
- *Leveraging dan memperkukuhkan E-perdagangan, internet dan network sosial bagi melangkaui kebolehan/kemahiran agar dapat mencapai ke arah pasaran yang tepat.*

Pada pendapat Audit, Negeri Sarawak mempunyai produk pelancongan yang unik dan menarik. Sekiranya usaha mempromosi dan membangunkan produk ini dilakukan secara meluas dan efektif ia mampu menjadi salah satu sumber pendapatan utama kepada Negeri Sarawak. Promosi produk pelancongan ini memerlukan pendekatan baru yang bersesuaian dengan kehendak pelancong dan pasaran semasa.

11.4.2 Maklumat Pelancong

Maklumat berkenaan pelancong hendaklah dikumpulkan bagi memastikan pelan promosi pelancongan yang disediakan bersesuaian dengan kehendak pelancong dan digunakan dengan berkesan. Antara maklumat yang diperlukan ialah profil demografi pelancong, nilai ekonomik, minat atau lokasi pilihan, tujuan kunjungan, data berkenaan kadar penginapan hotel, kemudahan dan pengangkutan.

Semakan Audit mendapati Lembaga belum menyediakan pangkalan data mengenai semua maklumat pelancong. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2007 hingga 2009, tiada survei pelawat dan kajian pasaran dijalankan. Bagaimanapun, Lembaga ada menyediakan soal selidik bagi mendapat maklum balas pelawat di Pusat Perkhidmatan Pelancong Kuching, Sibu dan Miri. Maklum balas yang diterima daripada pengunjung ke

Pusat Perkhidmatan Pelancong adalah kurang memuaskan di mana bagi tempoh 2007 hingga 2009, hanya 39 maklum balas di terima iaitu secara puratanya 13 maklum balas setahun. Analisis yang dijalankan oleh Lembaga terhadap maklum balas pelawat pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Maklum Balas Pelawat Ke Pusat Penerangan Pelancong (PPP)

Bil.	Perkara	Maklum Balas Responden
1.	Tujuan lawatan	Bercuti
2.	Keramahan pegawai di PPP	56.6% responden sangat bersetuju bahawa pegawai PPP sangat peramah.
3.	Kualiti dan kebersihan kemudahan di Taman Negara	Semua responden bersetuju dengan tahap kualiti dan kebersihan kemudahan di Taman Negara adalah baik.
4.	Pengangkutan teksi dan bas yang disediakan	66.7% responden menyatakan pengangkutan teksi dan bas yang disediakan adalah memuaskan.
5.	<i>Homestay</i>	Semua responden berpuas hati dengan kemudahan di <i>Homestay</i> .
6.	Tempat menjamu selera	55.6% responden agak bersetuju bahawa perkhidmatan dan kualiti tempat menjamu selera adalah baik.
7.	Keselamatan	77.8% responden menyatakan bahawa keselamatan Sarawak adalah memuaskan ke sangat setuju.
8.	Penilaian Sarawak sebagai destinasi pelancongan dari aspek dekat dengan alam semula jadi.	Semua responden bersetuju dengan kenyataan berkenaan.
9.	Warisan dan budaya di Sarawak terpelihara dengan baik.	Semua responden bersetuju warisan dan budaya di Sarawak terpelihara dengan baik.

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Pelawat Ke Pusat Penerangan Pelancongan

Semakan Audit seterusnya mendapati Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak ada menjalankan *Visitor Exit Survey 2009* pada Mac hingga Ogos 2009 dan siap pada awal tahun 2010 terhadap pelancong dari Brunei, Indonesia dan lain negara di Asia, Asean, Eropah, Amerika Utara dan Oceania. Analisis terhadap maklum balas kajian berkenaan adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Ringkasan Visitor Exit Survey Tahun 2009

Bil.	Perkara	Maklum Balas Responden
1.	Tujuan lawatan	- Secara purata 72.5% responden menyatakan tujuan lawatan adalah untuk bercuti 67.1% responden dari Brunei menyatakan tujuan lawatan adalah untuk membeli-belah
2.	Bagaimana mengetahui Sarawak	66.3% responden mengetahui mengenai Sarawak melalui kawan dan keluarga
3.	Media lain	<i>Travel Guide Book</i> dan <i>Internet</i>
4.	Penginapan	41.1% responden menginap di hotel 22.5% responden dari Brunei dan Indonesia menginap di hotel bajet/rumah penginapan
5.	Perkhidmatan penerbangan	54.2% responden dari Brunei dan Indonesia sangat berpuas hati 54.2% responden dari negara lain sangat berpuas hati
6.	Tempat menjamu selera	40.8% responden berpuas hati 36% responden sangat berpuas hati
7.	Kepelbagaian makanan	33% responden berpuas hati 36.9% responden sangat berpuas hati
8.	Taman Negara	Lebih digemari oleh pelawat dari seberang laut
9.	Lawatan ke rumah panjang	23.7% responden sangat berpuas hati (lebih popular kepada pelancong selain Brunei dan Indonesia)
10.	Keselamatan	28.6% berpuas hati 36.6% sangat berpuas hati
11.	Komen lain	Promosi Sarawak masih jarang diudarkan di media elektronik seperti televisyen dan media massa di Eropah

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Visitor Exit Survey 2009, Kementerian Pelancongan Dan Warisan

Menurut maklum balas daripada Lembaga, pangkalan data untuk mengumpul semua maklumat berkaitan pelancongan disediakan. Lembaga dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak telah mewujudkan satu pangkalan data untuk mengumpul maklumat berkaitan pelancongan semenjak Ogos 2009 dan beroperasi menggunakan pivot data feature.

Pada pendapat Audit, Lembaga hendaklah mengambil kira hasil maklum balas terhadap survei berkenaan dalam merangka pelan promosi pelancongannya. Lembaga juga hendaklah menyediakan pangkalan data mengenai pelancong bagi membolehkan pelan pemasaran disediakan dengan lebih fokus, komprehensif serta bersesuaian dengan keperluan semasa.

11.4.3 Penganjuran *Rainforest World Music Festival* Dan *Miri International Jazz Festival*

a) *Rainforest World Music Festival (RWMF)*

Rancangan mengadakan RWMF bermula pada tahun 1997 bertujuan untuk mengekalkan warisan muzik tradisi. Salah satu cara untuk mengekalkan muzik ini adalah dengan menyediakan tempat dan berkongsi maklumat dengan penggemar muzik seluruh dunia. Penganjuran aktiviti sebegini hendaklah dibuat dengan teratur dan mengambil kira semua aspek seperti tempat aktiviti diadakan, keselamatan, kemudahan dari segi pengangkutan dan penginapan.

Semakan Audit mendapati penganjuran aktiviti ini mengambil kira aspek keselamatan, kesihatan, lokasi, pengangkutan dan penginapan. Analisis Audit terhadap kedatangan pelancong dari luar negara merosot sebanyak 26% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 disebabkan oleh ancaman penyakit H1N1 dan kemerosotan ekonomi dunia. Butiran lanjut berkenaan jumlah pelancong ke RWMF adalah seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Jumlah Pelancong Ke *Rainforest World Music Festival* Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	2007	2008	2009
Jumlah Pelancong (Orang)	22,080	22,573	20,170
Pelancong Tempatan (%)	57	44	70
Pelancong Luar Negara (%)	43	56	30

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

Semakan Audit terhadap prestasi jualan tiket mendapati kenaikan atau penurunan jualan tiket tidak selari dengan hasil daripada jualan tiket berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.7**.

Jadual 11.7
Prestasi Jualan Tiket Ke *Rainforest World Music Festival*

Tahun	2007	2008	2009
Jumlah Pengunjung (Orang)	22,080	22,573	20,170
Prestasi Jualan Tiket (RM)	1,061,220	1,027,220	644,826

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

b) Miri International Jazz Festival (MIJF)

MIJF diadakan bertujuan untuk menjadi *leading tourism-driven music festival* di rantau ini dengan mengumpul pemuzik dan peminat jazz dari seluruh dunia. Acara ini dapat menarik pelawat ke Miri dan bahagian utara Sarawak di samping mempromosikan Miri sebagai sebuah bandar raya yang mempunyai gaya hidup santai. Penganjuran aktiviti sebegini memerlukan persiapan yang rapi dari aspek kewangan, penginapan, pengangkutan, faktor keselamatan di lokasi, kemudahan untuk mendapat tiket dan promosi yang meluas melalui media massa serta laman sesawang.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2009, MIJF diadakan di perkarangan Park City Everly Hotel, Miri. Penganjurannya dijalankan dengan baik dan mengambil kira faktor keselamatan, pengangkutan, kemudahan untuk mendapatkan tiket dan perkara lain yang berkaitan. Promosi bagi acara ini dijalankan melalui laman sesawang, radio, brosur, papan iklan dan hebahan melalui akhbar tempatan dan nasional. Borang soal selidik juga diedarkan bagi mendapatkan maklum balas pengunjung. Jumlah pengunjung ke MIJF adalah seperti di **Jadual 11.8**.

Jadual 11.8
Jumlah Pengunjung Ke Miri International Jazz Festival Tahun 2007 Hingga 2009

Perkara	Tahun		
	2007	2008	2009
Jumlah Pengunjung (Orang)	4,560	5,828	6,449
Spin-off Effect (RM)	1.60 juta*	1.64 juta*	1.8 juta*
Anggaran Media Value (RM)	2 juta	3 juta	6.5 juta

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

Nota: * Dikira berdasarkan belanja seorang pelancong RM700 seorang

Semakan Audit terhadap prestasi jualan tiket mendapati ada peningkatan dalam bilangan pengunjung tetapi hasil jualan tiket menurun seperti di **Jadual 11.9**.

Jadual 11.9
Prestasi Jualan Tiket Ke Miri International Jazz Festival

Tahun	2007	2008	2009
Jumlah Pengunjung (Orang)	4,560	5,828	6,449
Prestasi Jualan Tiket (RM)	1,061,220	1,027,220	644,826

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan geran sejumlah RM1.68 juta untuk menyokong penganjuran RWMF dan MIJF seperti di **Jadual 11.10**.

Jadual 11.10
Jumlah Geran Yang Diberi Oleh Kerajaan Negeri Bagi Penganjuran Rainforest World Music Festival Dan Miri International Jazz Festival

Tahun	RWMF (RM)	MIJF (RM)
2007	-	200,000
2008	300,000	200,000
2009	520,000	460,000

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak

Menurut maklum balas Lembaga menyatakan di dalam merangka strategi hala tuju yang bakal dilaksanakan bermula tahun hadapan, pengurusan acara yang diuruskan oleh pihak Lembaga Pelancongan Sarawak akan diambil alih oleh anak syarikat Lembaga Pelancongan Sarawak iaitu STB Leisure & Properties.

Lembaga Pelancongan Sarawak bercadang untuk menggunakan khidmat pakar runding antarabangsa untuk menjalankan promosi yang menyeluruh.

Pada pendapat Audit, Lembaga hendaklah menilai semula strategi promosi untuk RWMF dan MIJF supaya kedatangan pelancong luar meningkat pada masa akan datang dan acara berkenaan sentiasa relevan kepada peminat muzik yang sedemikian. Lembaga hendaklah mengkaji kemungkinan penganjuran acara ini diserahkan kepada pihak lain bagi membolehkan Lembaga menumpukan kepada aktiviti promosi pelancongan secara menyeluruh serta mengurangkan beban dari aspek penganjuran, sumber manusia dan kewangan.

11.4.4 Penjenamaan Produk

Penjenamaan produk adalah penting bagi mempromosi dan memasarkan Sarawak sebagai destinasi pelancongan. Perancangan untuk mengukuhkan jenama dinyatakan dalam strategi pemasaran tahun 2006 dan 2007 dengan perbelanjaan dianggarkan berjumlah RM3.6 juta. Antara perkara yang diberi penekanan ialah pembentukan imej dan pembangunan jenama, media dan perhubungan awam serta pengiklanan. Pembentukan imej dan pembangunan jenama melibatkan aktiviti seperti pelancaran logo korporat dan destinasi serta pengenalan *Tag line* yang digunakan iaitu *Sarawak, Paradise Within*. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sejauh mana penjenamaan produk ini telah berjaya memberi impak kepada kedatangan pelancong kerana tiada laporan berkaitannya disediakan. Semakan Audit seterusnya mendapati perkara berkaitan penjenamaan semula tidak lagi dijelaskan dalam perancangan promosi pelancongan tahunan dan tiada laporan perbelanjaan mengenainya disediakan. Namun begitu, Lembaga telah memasukkan penjenamaan produknya dalam laman sesawang seperti yang ditunjukkan di **Skrin Laman Sesawang 11.1**.

Skrin Laman Sesawang 11.1 Penjenamaan Produk



Sumber: Facebook Lembaga Pelancongan Sarawak
Tarikh: 11 Julai 2010

Pada pendapat Audit, Lembaga perlu membentuk imej dan membangunkan jenama yang kukuh supaya ianya dapat memberikan impak positif kepada industri pelancongan di Sarawak. Lembaga boleh mengkaji dan mencontohi Indonesia yang berjaya memasarkan Bali sebagai produk pelancongan terkemuka.

11.4.5 Kurang Kerjasama Dalam Industri Pelancongan

Peranan untuk mempromosikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan dijalankan oleh Lembaga Pelancongan Sarawak sementara *Sarawak Convention Bureau* menjalankan promosi dan melaksanakan aktiviti berkenaan MICE. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Perbadanan Perhutanan Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan prasarana serta melaksana aktiviti pelancongan. Agensi pelancongan yang bernaung di bawah *Sarawak Tourism Federation* menyediakan kemudahan pengangkutan dan penginapan. Kerjasama antara semua agensi ini adalah penting untuk memastikan industri pelancongan berdaya maju. Pada masa sekarang, kerjasama antara Lembaga dan agensi berkaitan seperti *Sarawak Tourism Federation*, *Malaysian Associations of Hotels*, *Malaysian Association of Tours & Travel Agents (MATTA)*, *Tourism Malaysia*, *Malaysia Airlines* dan *Air Asia* adalah melalui keahlian dalam Lembaga Pengarah.

Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-42 membangkitkan berkenaan kurangnya kerjasama antara agensi berkaitan. Semakan Audit seterusnya mendapati aduan ketidakpuasan pelancong terhadap pengangkutan dan tempat makan telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Walaupun perkara ini telah dimajukan kepada pihak yang berkaitan, tiada laporan disediakan untuk menunjukkan tindakan susulan telah diambil.

Menurut maklum balas Lembaga salah satu daripada tujuan utama dalam program transformasi ini adalah untuk menekankan terhadap penglibatan dan pertemuan dengan para penggiat industri. Ini dapat dijalankan dengan kerap terutamanya tenaga penggiat industri tempatan dan antarabangsa. Ia bertepatan dengan objektif khusus iaitu, mendedahkan diri terhadap peluang perniagaan yang baru berasaskan produk-produk yang ditawarkan di destinasi tersebut, mengenal pasti keperluan dan senario yang kompetitif sejajar dengan keperluan pengguna.

Pada pendapat Audit, kerjasama antara Lembaga dan agensi berkaitan dalam industri ini perlu dipertingkatkan lagi dan tindakan secara menyeluruh diambil untuk menangani aduan.

11.4.6 Kekurangan Maklumat Di Laman Sesawang

Lembaga ada menyediakan laman sesawangnya iaitu www.sarawaktourism.com yang memaparkan lokasi pelancongan yang menarik di Sarawak, kalendar aktiviti dan juga menyediakan pautan dengan agensi berkaitan dalam industri ini. Semakan Audit mendapati maklumat berkenaan Lembaga tidak ditunjukkan dalam laman sesawang berkenaan. Rangkaian pautan bagi *Gateway Cities* tidak lengkap dan tidak dapat dihubungkan dengan tempat tarikan yang disenaraikan. Ini mengakibatkan maklumat berkenaan tempat tarikan pelancong tidak dapat diperolehi.

Menurut maklum balas Lembaga, penyediaan laman sesawang yang lebih interaktif, isu-isu tersebut telah dikenal pasti dan akan diberi keutamaan di dalam program transformasi Lembaga Pelancongan Sarawak. Spesifikasi baru rangkaian laman telah digubal dan dirombak supaya menjamin kesan yang lebih interaktif dan manfaat. Petikan daripada laman sesawang yang telah dinaiktaraf adalah seperti **Skrin Laman Sesawang 11.2** dan **Skrin Laman Sesawang 11.3**.

Skrin Laman Sesawang 11.2
Mekanisme Maklum Balas
Pelanggan Melalui Facebook



Sumber: Facebook Lembaga Pelancongan Sarawak
Tarikh: 11 Julai 2010

Skrin Laman Sesawang 11.3
Berhubung Dengan Pelanggan



Sumber: Facebook Lembaga Pelancongan Sarawak
Tarikh: 11 Julai 2010

Pada pendapat Audit, Lembaga perlu menyediakan laman sesawang yang lebih interaktif supaya semua produk pelancongan yang dipaparkan boleh ditunjukkan dalam laman berkenaan.

11.4.7 Prestasi Promosi Dan Pemasaran


Lembaga ada menyertai aktiviti mempromosi pelancongan antaranya di Eropah, Korea, China, Taiwan dan Singapura. Pasaran pelancongan dikategorikan seperti pasaran sasaran utama, pasaran tradisi, pasaran rentas sempadan, pasaran baru, pasaran *re-entry* serta pasaran berpotensi.

a) Pasaran Sasaran

i) Pasaran Sasaran Utama

Pasaran sasaran utama adalah penting bagi pelancongan di Negeri Sarawak iaitu merangkumi pasaran domestik, Singapura dan Australia. Dari tahun 2007 hingga 2009, kedatangan pelancong domestik menunjukkan trend yang tidak menentu di mana pada tahun 2007, jumlah pelancong domestik ialah 1.19 juta, pada tahun 2008 seramai 1.0 juta dan pada tahun 2009 seramai 1.16 juta orang. Pelancong dari Singapura menunjukkan peningkatan iaitu seramai 41,294 orang pada tahun 2007, seramai 40,398 orang pada tahun 2008 dan seramai 50,243 orang pada tahun 2009. Pelancong dari Australia pula ialah seramai 21,535 orang pada tahun 2007, seramai 19,962 orang pada tahun 2008 dan 21,213 orang pada tahun 2009. Analisis kedatangan pelancong domestik, Singapura dan Australia adalah seperti di Carta 11.2.

Carta 11.2
Analisis Kedatangan Pelancong Domestik, Singapura Dan Australia




Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

ii) Pasaran Tradisi

Pasaran tradisi terdiri daripada United Kingdom, Germany, Holland, Belgium dan Luxembourg. Pada tahun 2007, kedatangan pelancong dari pasaran tradisi seramai


56,188 orang, pada tahun 2008 seramai 53,738 orang dan pada tahun 2009 seramai 56,496 orang. Analisis kedatangan pelancong adalah seperti di **Carta 11.3**.



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

iii) Pasaran Rentas Sempadan

Pasaran rentas sempadan adalah dari Brunei dan Indonesia yang merupakan pelancong terbesar ke Sarawak. Bilangan pelancong dari Brunei menunjukkan penurunan iaitu seramai 1.50 juta orang pada tahun 2007, seramai 1.41 juta orang pada tahun 2008 dan seramai 1.21 juta orang pada tahun 2009. Pelancong Indonesia pula menunjukkan peningkatan seramai 0.41 juta orang pada tahun 2007, seramai 0.44 juta orang pada tahun 2008 dan seramai 0.50 juta orang pada tahun 2009. Analisis kedatangan pelancong pasaran rentas sempadan adalah seperti di **Carta 11.4**.




Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

iv) Pasaran Baru

Pasaran baru adalah terdiri daripada negara China, Taiwan dan Hong Kong. Sebagai usaha untuk menembusi pasaran ini, Lembaga telah menyediakan laman sesawang dalam bahasa mandarin. Pada tahun 2007, Lembaga telah menyertai *trade fair* di Guangzhou, China dan memberi sokongan industri kepada *10th Beijing International Cultural Tourism Festival*. Pada tahun 2008, Lembaga telah mengadakan promosi dengan menyertai enam *trade fairs*, dua misi jualan, enam *familiarisation trip* di China, Taiwan dan Hong Kong. Pada tahun 2009, Lembaga telah menyertai satu *trade fair* di Shanghai dan dua *familiarisation trips* untuk agen pelancong dari Taiwan dan Guangzhou. Pasaran China dan Taiwan menunjukkan peningkatan sementara pasaran Hong Kong tidak banyak berubah. Analisis kedatangan pelancong dari pasaran baru adalah seperti di **Carta 11.5**.

Carta 11.5
Analisis Kedatangan Pelancong Pasaran Baru




Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

v) Pasaran Re-entry

Pasaran *re-entry* terdiri daripada Korea dan Jepun di mana kebanyakan pelancong datang ketika musim sejuk di negara mereka. Bagi tujuan ini, *familiarisation trip* bagi agen dari Korea telah diadakan dan *Reccee Trip* oleh Lembaga telah dibuat pada Oktober 2009. Bagaimanapun, kedatangan pelancong dari Korea dan Jepun tidak menunjukkan peningkatan ketara dari tahun 2007 hingga 2009 seperti di **Carta 11.6**.

Carta 11.6
Kedatangan Pelancong Dari Korea Dan Jepun



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

b) Prestasi Kedatangan Pelancong


Jumlah kedatangan pelancong ke Sarawak bagi tahun 2007 hingga 2009 ialah seramai 10.34 juta dan menunjukkan penurunan seperti yang juga dialami oleh Negeri Sabah. Ini disebabkan kemerosotan ekonomi dunia dan juga ancaman wabak penyakit H1N1. Maklumat lanjut serta perbandingan kedatangan pelancong antara Sarawak dan Sabah adalah seperti di **Jadual 11.11** dan **Carta 11.7**.

Jadual 11.11
Perbandingan Kedatangan Pelancong Antara Sarawak Dan Sabah Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Kedatangan Pelancong Dalam Dan Luar Negara (Orang)	
	Sarawak	Sabah
2007	3,628,366	2,478,443
2008	3,431,128	2,300,428
2009	3,280,656	2,246,068

Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak, Research Division Sabah Tourism Board


Carta 11.7
Perbandingan Kedatangan Pelancong Dalam Dan Luar Negara Antara Sarawak Dan Sabah Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak Dan Lembaga Pelancongan Sabah


Kedatangan pelancong ke Malaysia menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 5.5% pada tahun 2008 kepada 6.6% pada tahun 2009. Bagaimanapun, kedatangan pelancong asing ke Sarawak menurun sebanyak 1.7% pada tahun 2008 kepada 0.9% pada tahun 2009. Secara puratanya, dari tahun 2007 hingga 2009, hanya 5.3% pelancong yang datang ke Malaysia melawat Negeri Sarawak. Perbandingan kedatangan pelancong luar negara antara Malaysia secara keseluruhan dengan yang berkunjung ke Sarawak dan ke Sabah dan perbandingan antara pelancong luar dan dalam negara ke Sarawak adalah seperti di **Carta 11.8** dan **Carta 11.9**.

Carta 11.8
Kedatangan Pelancong Luar Negara
Ke Malaysia Pada Tahun 2007 Hingga 2009




Sumber: Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak Dan Lembaga Pelancongan Sabah

Carta 11.9
Perbandingan Kedatangan Pelancong Dalam
Dan Luar Negara Ke Sarawak Bagi Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

Perbandingan jumlah pelancong dari luar negara yang datang ke Sarawak adalah seperti di **Carta 11.10**.



Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

Semakan Audit mendapati pelancong yang paling ramai melawat Sarawak adalah dari Brunei, Indonesia, Filipina dan Singapura. Ini menunjukkan bahawa negara yang berdekatan merupakan pasaran utama untuk industri pelancongan di Sarawak. Jumlah perbelanjaan bagi promosi pelancongan berbanding dengan jumlah pelancong yang datang ke Sarawak adalah seperti di **Jadual 11.12**.

Jadual 11.12
Perbelanjaan Promosi Pelancongan Berbanding Dengan Kedatangan Pelancong

Tahun	Domestik		Luar Negara	
	(RM)	Pelancong	(RM)	Pelancong
2007	1,351,675	1,194,068	1,707,492	2,414,298
2008	2,231,524	1,169,415	1,989,413	2,261,713
2009	1,057,871	1,163,209	1,754,247	2,117,447

Sumber: Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak

Semakan Audit mendapati perbelanjaan promosi pelancongan meningkat pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 dan menurun semula pada tahun 2009. Bagaimanapun, adalah didapati bilangan pelancong yang datang menunjukkan penurunan dari tahun 2007 hingga 2009. Ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan pada tahun 2008 tidak memberi impak kepada jumlah kedatangan pelancong pada tahun tersebut dan tahun berikutnya.

Menurut maklum balas Lembaga dalam proses transformasi yang sedang dijalankan, pihak Lembaga telah mengambil tindakan untuk mempromosi Sarawak dengan lebih agresif supaya KPI (Key Performance Indicator) untuk menarik 6 juta orang kedatangan

pelancongan pada tahun 2014 seperti yang dianggarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Warisan, Sarawak.

Pada pendapat Audit, Lembaga perlu lebih agresif untuk mempromosi Sarawak sebagai destinasi pelancongan. Lembaga hendaklah menumpukan promosinya kepada negara yang berdekatan.

c) Anugerah

Semakan Audit mendapati Lembaga telah menerima 25 anugerah pelbagai kategori dalam sektor pelancongan sejak tahun 1995 hingga 2006. Anugerah terkini yang diterima Lembaga adalah pada tahun 2006 iaitu *PATA Gold Awards* bagi *Rainforest World Music Festival (Heritage & Culture Category)* dan *Best Travel Poster "Sarawak, Paradise Within"*.

11.4.8 Pelan Induk Transformasi Lembaga Pelancongan Sarawak

Lembaga telah melancar Pelan Induk Transformasi Industri Pelancongan (Pelan) yang menyatakan hala tuju Lembaga bagi tempoh 2011 hingga 2014. Pelan ini memerlukan tiga pendekatan strategik utama iaitu menambahbaik produk pelancongan yang ada melalui kerjasama dengan pembekal produk berkenaan, memperluaskan dan pembangunan pasaran serta menembusi pasaran baru. Untuk memastikan pendekatan berkenaan berjaya dilaksanakan, Lembaga perlu membuat transformasi terhadap industri pelancongan dan Lembaga Pelancongan Sarawak.

a) Pelan Transformasi Industri Pelancongan

Pelan Transformasi Industri Pelancongan melibatkan penglibatan dan kerjasama dengan penggiat lain dalam industri, *product experience and dimensions*, meluaskan membangunkan pasaran, *air accessibility*, *value creation through project management*, mempergunakan sepenuhnya teknologi yang ada dan menguruskan pangkalan data.

b) Transforming Lembaga Pelancongan Sarawak

Sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk memasarkan dan mempromosikan pelancongan, Lembaga perlu menjalankan transformasi untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Transformasi yang dijalankan oleh Lembaga dimulakan dengan kerjasama dengan penggiat pelancongan, mengutamakan pembangunan pasaran, menyertai *trade and consumer fairs*, menggunakan teknologi sepenuhnya, transformasi sumber manusia, tumpuan terhadap pematuhan dan menambah baik proses dan menstrukturkan semula anak syarikat iaitu *Leisure And Properties Sdn. Bhd.*

Pada pendapat Audit, Lembaga telah menyedia Pelan Induk Pemasaran dengan baik yang mengambil kira pendekatan yang diambil untuk mencapai sasaran kedatangan pelancong seramai 6 juta orang pada tahun 2014.

11.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti promosi pelancongan yang dijalankan oleh Lembaga Pelancongan Sarawak bersama agensi lain dalam industri ini boleh dipertingkatkan untuk mencapai sasaran kedatangan pelancong yang ditetapkan. Pelan promosi yang disediakan tidak sejajar dengan perkembangan industri pelancongan semasa. Pangkalan data berkenaan kedatangan pelancong belum disediakan dan kajian pasaran tidak dijalankan dari tahun 2007 hingga 2009. Pembentukan imej dan pembangunan jenama belum mencapai tahap yang boleh memberi impak kepada industri pelancongan Sarawak.

Lembaga Pelancongan Sarawak adalah disyorkan supaya mengambil kira perkara berikut dalam menyedia dan melaksanakan program promosi pelancongan:

- a)** Pelan Promosi Pelancongan hendaklah disediakan dengan lebih komprehensif dan mengambil kira perkembangan industri pelancongan semasa.
- b)** Kerjasama antara Lembaga dan agensi lain hendaklah dipertingkatkan.
- c)** Pangkalan data pelancong hendaklah dibangunkan bagi tujuan menyediakan strategi pemasaran dan golongan sasaran promosi pelancongan.
- d)** Strategi promosi pelancongan hendaklah dikaji semula dengan menanda aras destinasi pilihan pelancong seperti Melaka, Bali dan Phuket.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

12. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat yang disenaraikan pada jadual di Perintah tersebut. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit SACOFA Sdn. Bhd.

SACOFA SDN. BHD.

13. SACOFA SDN. BHD.

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 SACOFA Sdn. Bhd. (SACOFA) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 11 Julai 2001. Objektif penubuhan SACOFA adalah untuk membangun dan meluaskan infrastruktur rangkaian telekomunikasi di seluruh Negeri Sarawak. Operasi utama SACOFA adalah membina dan menyiapkan serta menguruskan menara telekomunikasi. SACOFA memiliki 484 buah menara telekomunikasi di seluruh Negeri Sarawak setakat Disember 2009. SACOFA juga menyediakan perkhidmatan jalur lebar melalui pemasangan kabel fiber optik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Brunei. SACOFA mempunyai lima subsidiari iaitu SACOFA Services Sdn. Bhd., Sarawak Gateway Sdn. Bhd., Pinnacle Tower Sdn. Bhd., Hepfos Equity Sdn. Bhd. dan PT SACOFA Indonesia.

13.1.2 Sumber kewangan SACOFA diperolehi daripada pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM59.07 juta atau 69.6%, CELCOM (M) Bhd. berjumlah RM12.83 juta atau 15.1%, Sarawak Information System Sdn. Bhd. berjumlah RM6.42 juta atau 7.6%, Yayasan Sarawak berjumlah RM5.78 juta atau 6.8% dan Syarikat PASB Technology Sdn. Bhd. berjumlah RM0.77 juta atau 0.9%. Sumber kewangan SACOFA juga diperolehi daripada pinjaman bank sejumlah RM400 juta.

13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- Prestasi kewangan syarikat memuaskan dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.
- Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat selaras dengan peraturan yang ditetapkan.
- Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.
- Pengurusan syarikat subsidiari dipantau oleh Kerajaan/Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

13.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh 2006 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Bahagian Kuching, Samarahan, Sibu, Sarikei, Bintulu, Miri dan Limbang. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan serta menemu bual pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat, lawatan ke tapak pembinaan dan menganalisis prestasi kewangan syarikat juga turut dijalankan.

13.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga Disember 2009 mendapati SACOFA memperoleh kerugian bersih selepas cukai berjumlah RM52.06 juta pada tahun 2006 berbanding keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM18.14 juta pada tahun 2007 dan RM26.30 juta pada tahun 2008. Bagi pengurusan aktiviti pula, antara kelemahan yang dibangkitkan adalah perlindungan cerun tidak dibuat secukupnya, menara yang telah siap dibina tetapi belum digunakan dan pemindahan peralatan telekomunikasi ke menara baru belum dibuat sepenuhnya. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kontrak adalah seperti berikut:

13.4.1 Prestasi Kewangan


Syarikat perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta stabil bagi membolehkannya terus beroperasi dan berupaya membayar dividen kepada pemegang saham. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Lembaran Imbangan SACOFA bagi menilai prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat.

a) Analisis Pendapatan

Pendapatan langsung SACOFA adalah daripada perkhidmatan *bandwidth*, sewa menara dan sewa talian. Analisis yang dijalankan mendapati pendapatan langsung SACOFA telah meningkat bagi tempoh 2006 hingga 2008 iaitu sejumlah RM24.12 juta atau 65.3%

pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 dan sejumlah RM29.42 juta atau 48.2% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh strategi penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan syarikat seperti meningkatkan pembinaan menara telekomunikasi, meningkatkan aktiviti mengambil alih menara telekomunikasi yang dibina oleh syarikat telekomunikasi, meningkatkan taraf rangkaian kabel dasar laut dan fiber optik. Analisis Audit seterusnya mendapati perkhidmatan *bandwidth* dan sewa menara merupakan dua jenis operasi utama yang menjana peningkatan pendapatan SACOFA dalam tempoh tiga tahun tersebut. Bagaimanapun, pendapatan yang diterima daripada operasi sewa talian mengalami penurunan daripada RM3 juta pada tahun 2006 kepada RM2.91 juta pada tahun 2008. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 13.1**.

Carta 13.1
Analisis Pendapatan Langsung Dari Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Rekod Kewangan SACOFA

Secara keseluruhannya, pendapatan lain SACOFA telah meningkat dari RM4.41 juta pada tahun 2006 menjadi RM19.38 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, pendapatan lain telah mengalami penurunan sebanyak 45.9% menjadi RM10.49 juta pada tahun 2008 disebabkan pengurangan dalam bayaran pendaftaran kontraktor, caj pemasangan dan pelupusan aset bukan semasa syarikat.

b) Analisis Perbelanjaan

Perbelanjaan langsung SACOFA terdiri daripada kos penyenggaraan dan pembaikan, kos utiliti tapak dan gudang, bayaran sewa untuk talian, susut nilai dan rosot nilai dan lain-lain kos seperti insurans, rebat, keselamatan tapak serta bayaran lesen. Pada tahun 2008, SACOFA telah mencatatkan perbelanjaan langsung berjumlah RM43.66 juta berbanding RM34.43 juta pada tahun 2007 dan RM29.36 juta pada tahun 2006.

Analisis Audit terhadap penyata kewangan SACOFA mendapati perbelanjaan tidak langsung menurun selepas tahun 2006. Pada tahun 2007 dan 2008, perbelanjaan tidak

langsung SACOFA telah berkurangan menjadi RM27.74 juta dan RM27.91 juta berbanding dengan RM61.52 juta pada tahun 2006. Faktor utama penurunan ini disebabkan syarikat berupaya mengawal perbelanjaan pentadbiran walaupun perbelanjaan emolument seperti gaji, bonus dan elaun menunjukkan peningkatan pada tempoh yang sama. Trend perbelanjaan SACOFA bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1
Trend Perbelanjaan SACOFA Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran Perbelanjaan	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Perbelanjaan Langsung			
• Kos penyenggaraan dan pembaikan	3.93	5.33	9.86
• Bayaran utiliti untuk tapak dan gudang	0.10	0.11	0.29
• Bayaran sewa talian, utiliti tapak dan gudang	4.70	6.12	6.54
• Kos pemasangan	0.01	0.06	0.08
• Susut nilai dan rosot nilai	17.06	18.45	20.47
• Lain-lain kos langsung	3.56	4.36	6.42
Jumlah Perbelanjaan Langsung	29.36	34.43	43.66
Perbelanjaan Tidak Langsung			
• Belanja Pentadbiran & Perkhidmatan Profesional	9.80	7.72	8.22
• Lain-Lain Belanja Operasi	29.93	0.05	-
• Kos Kewangan	21.79	19.97	19.69
Jumlah Perbelanjaan Tidak Langsung	61.52	27.74	27.91
Jumlah Perbelanjaan	90.88	62.17	71.57

Sumber: Penyata Kewangan SACOFA

Lain-lain belanja operasi dan kos kewangan juga menurun dari tahun 2006 hingga 2008. Antara perbelanjaan operasi utama pada tahun 2006 ialah *impairment losses on investment in subsidiary* berjumlah RM28.79 juta. Bagi kos kewangan pula, penurunan dari tahun 2006 hingga 2008 adalah disebabkan oleh pengurangan bayaran faedah terhadap pinjaman syarikat di bawah kontrak Sukuk.

c) Kedudukan Kewangan

Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi SACOFA bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 13.2**.


Jadual 13.2
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008

Butiran Penyata Untung Rugi	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	36.94	61.06	90.48
Perbelanjaan Langsung	29.36	34.43	43.66
Untung Kasar	7.58	26.63	46.82
Pendapatan Lain	4.41	19.38	10.49
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	39.73	7.77	8.22
Untung/(Rugi) Operasi	(27.74)	38.24	49.09
Kos Kewangan	21.79	19.97	19.69
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(49.53)	18.27	29.40
Cukai	2.53	0.13	3.10
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	(52.06)	18.14	26.30

Sumber: Rekod Kewangan SACOFA

Trend pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/(kerugian) SACOFA bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Carta 13.2**.

Carta 13.2
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/(Kerugian)
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008



Sumber: Rekod Kewangan SACOFA

d) Analisis Nisbah Kewangan

Prestasi kewangan dianalisis berdasarkan Penyata Kewangan SACOFA bagi tahun 2006 hingga 2008. Perbandingan dibuat secara dalaman dengan item yang sama dalam syarikat mengikut tahun berbeza. Analisis terhadap nisbah kewangan digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Analisis nisbah semasa, margin keuntungan, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti, nisbah kecukupan aliran tunai dan analisis penghutang telah dijalankan berdasarkan butiran pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008

Bil.	Butiran	Tahun		
		2006	2007	2008
1.	Nisbah Semasa	1.95 : 1	1.62 : 1	0.93 : 1
2.	Margin Keuntungan/(Kerugian)	(1.34) : 1	0.30 : 1	0.32 : 1
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.10) : 1	0.03 : 1	0.05 : 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(1.28) : 1	0.31 : 1	0.31 : 1
5.	Nisbah Hutang	0.92 : 1	0.89 : 1	0.85 : 1
6.	Nisbah Kecukupan Aliran Tunai	0.43 : 1	0.37 : 1	0.37 : 1

Sumber: Rekod Kewangan SACOFA

- i) **Nisbah Semasa** - Analisis Audit mendapati nisbah semasa SACOFA bagi tahun kewangan 2006 dan 2007 adalah 1.95:1 dan 1.62:1. Ini menunjukkan SACOFA masih berupaya menjelaskan tanggungan semasanya dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, nisbah semasa bagi tahun 2008 telah menurun dengan ketara iaitu 0.93:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, SACOFA berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek yang serius seperti menampung keseluruhan tanggungan semasanya terutamanya untuk membayar balik pinjaman yang semakin meningkat.

- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati bagi pada tahun 2006, SACOFA mengalami margin kerugian sejumlah RM1.34 bagi setiap ringgit jualan. Bagaimanapun, SACOFA berjaya mencatatkan margin keuntungan kepada 30 sen dan 32 sen bagi tahun 2007 dan 2008.
- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Berdasarkan kepada pengiraan nisbah ini, SACOFA mengalami kerugian sebelum cukai berbanding dengan asetnya pada tahun 2006 sejumlah 10 sen bagi setiap ringgit. Bagaimanapun, nisbah pulangan ke atas aset menjadi positif iaitu tiga sen pada tahun 2007 dan lima sen pada tahun 2008 bagi setiap ringgit.
- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Semakan Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif iaitu (1.28):1 pada tahun 2006 dan telah menjadi positif iaitu 0.31:1 pada tahun 2007 dan 2008.
- v) **Nisbah Hutang** - Analisis Audit mendapati nisbah hutang SACOFA bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah antara 0.92:1 hingga 0.85:1. Walaupun nisbah hutang semakin menurun, ianya masih tinggi berbanding dengan norma nisbah hutang. Jumlah tanggungan yang semakin meningkat disebabkan pinjaman untuk melaksanakan projek dan operasi SACOFA.
- vi) **Nisbah Kecekapan Aliran Tunai** - Analisis Audit mendapati nisbah kecekapan aliran tunai SACOFA adalah positif bagi tempoh 2006 hingga 2008. Bagaimanapun, kedudukan nisbah positif iaitu 0.37 hingga 0.43 adalah rendah dan jika keadaan ini berterusan, adalah dikhuatiri SACOFA tidak berupaya membuat pembayaran hutang jangka pendek secara tunai daripada aktiviti operasinya. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai syarikat bagi tempoh 2006 hingga 2008 mendapati punca wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Aliran Tunai SACOFA Bagi Tahun
Kewangan Berakhir 31 Disember 2006 Hingga 2008

Butiran	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Aliran tunai masuk/ (keluar) daripada aktiviti operasi	32.24	28.21	53.30
Aliran tunai masuk/ (keluar) daripada aktiviti pelaburan	(70.96)	(57.04)	(44.52)
Aliran tunai masuk/ (keluar) daripada aktiviti kewangan	(0.1)	(0.05)	(0.05)
Peningkatan/ (Pengurangan) tunai dan setara tunai	(38.82)	(28.88)	8.73
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	166.58	127.76	98.88
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	127.76	98.88	107.61

Sumber: Penyata Kewangan SACOFA

- vii) **Analisis Penghutang** - Penghutang perniagaan SACOFA adalah terdiri daripada penyewa menara dan talian. Mengikut manual *Policies, Procedures and Guidelines (PPG)*, SACOFA memberikan tempoh kredit selama 30 hari untuk penghutang membayar balik hutang dagangan. Semakan Audit terhadap rekod mendapati penghutang dagangan SACOFA berjumlah RM10.87 juta pada tahun 2006, RM15.79 juta pada tahun 2007 dan RM14.65 juta pada tahun 2008. Analisis Audit

mendapati tempoh hutang dagangan melebihi 30 hari adalah sejumlah RM7.93 juta atau 73% pada tahun 2006, RM11.75 juta atau 74.4% pada tahun 2007 dan sejumlah RM9.44 juta atau 64.4% pada tahun 2008. Butiran mengenai analisis terhadap usia penghutang SACOFA adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Analisis Terhadap Usia Penghutang Bagi Tahun
Kewangan Berakhir 31 Disember 2006 Hingga 2008

Tempoh Hutang Dagangan	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
0 – 30 Hari	2.94	4.04	5.21
31 – 60 Hari	3.63	1.74	3.01
61 – 90 Hari	0.09	4.37	0.08
>90 Hari	4.21	5.64	6.35
Jumlah Hutang Dagangan	10.87	15.79	14.65

Sumber: Penyata Kewangan SACOFA

Lain-lain penghutang juga mencatatkan peningkatan iaitu sejumlah RM2.28 juta pada tahun 2006, RM3.46 juta pada tahun 2007 dan RM5.37 juta pada tahun 2008. Antara lain-lain akaun penghutang adalah *prepayments*, deposit, pendahuluan cukai (*current tax assets*) dan *sundry receivables*.

Mengikut maklum balas SACOFA, kutipan yang perlahan ini disebabkan oleh isu berkaitan dokumentasi, proses dan lain-lain. Jawatankuasa Debtors Ageing & Late Payment yang ditubuhkan pada Julai 2009 akan memastikan tindakan yang lebih tegas dikenakan terhadap penghutang yang lambat membayar.

viii) Prestasi Kewangan Tahun 2009 - Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan SACOFA bagi tahun 2009 yang diterima pada akhir Jun 2010 mendapati SACOFA telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sejumlah RM35.87 juta. Analisis Audit terhadap nisbah kewangan SACOFA pada tahun 2009 secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya walaupun nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti berkurangan. Butiran nisbah kewangan SACOFA bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6
Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009

Bil.	Butiran	Pengiraan Nisbah
1.	Nisbah Kecekapan Aliran Tunai	1.61 : 1
2.	Nisbah Semasa	1.45 : 1
3.	Margin Keuntungan	0.34 : 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04 : 1
5.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.19 : 1
6.	Nisbah Hutang	0.79 : 1

Sumber: Penyata Kewangan SACOFA Tahun 2009

Mengikut maklum balas pihak SACOFA, peningkatan prestasi kewangan adalah disebabkan oleh strategi penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan

syarikat. Antara strategi yang dilaksanakan adalah seperti meningkatkan pembinaan menara telekomunikasi, meningkatkan aktiviti mengambil alih menara telekomunikasi yang dibina oleh syarikat telekomunikasi, meningkatkan taraf rangkaian kabel dasar laut dan fiber optik serta mengambil langkah mengurangkan dan mengawal perbelanjaan syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SACOFA adalah memuaskan selepas tahun 2007 kerana menunjukkan peningkatan dalam keuntungan syarikat. Bagaimanapun, SACOFA mempunyai nisbah hutang yang agak tinggi serta bergantung kepada pinjaman luar walaupun aliran tunai syarikat adalah positif.

13.4.2 Prestasi Aktiviti

Aktiviti utama SACOFA adalah membina menara telekomunikasi dan menyewakannya kepada syarikat telekomunikasi. Pada tahun 2002, SACOFA telah diberi hak eksklusif oleh Kerajaan Negeri bagi menyelaras semua pembinaan menara telekomunikasi dan bertindak sebagai *one stop centre* kepada semua syarikat telekomunikasi di Sarawak. SACOFA juga memiliki rangkaian dan mengendalikan kabel fiber optik di daratan yang menghubungkan seluruh bahagian di Sarawak serta juga kabel dasar laut yang menghubungkan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Pusat operasi SACOFA terletak di Kuching, Sibu, Bintulu, Miri dan Mersing, Johor. SACOFA menyewakan rangkaian talian dan jalur lebar kepada 10 syarikat telekomunikasi dan agensi. Rangkaian kabel dasar laut dan fiber optik serta jenis menara yang dibina oleh SACOFA adalah seperti di **Peta 13.1** dan **Foto 13.1** hingga **Foto 13.4**.

Peta 13.1
Rangkaian Kabel Dasar Laut Dan Fiber Optik Yang Dipasang Oleh SACOFA



Sumber: Rekod SACOFA

— Kabel Dasar Laut
— Fiber Optik

Foto 13.1
Menara Jenis Monopole



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Lawas, Limbang
Tarikh: 18 November 2009

Foto 13.2
Menara Jenis Monopole Tree



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara Similajau, Bintulu
Tarikh: 19 November 2009

Foto 13.3
Menara Jenis 3 - Legged



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Semarak, Samarahan
Tarikh: 5 November 2009

Foto 13.4
Menara Jenis 4 - Legged



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Nyabau, Bintulu
Tarikh: 19 November 2009

a) Pembinaan Menara Telekomunikasi

Pembinaan menara baru dibuat dengan berpandukan kepada *Licence Agreement* dan *Philosophies, Policies & Directions of Communication Towers And Structures In Sarawak* dan dijalankan oleh panel kontraktor yang berdaftar dengan SACOFA. Sehingga akhir Disember 2009, SACOFA memiliki sebanyak 484 menara telekomunikasi yang terdiri daripada jenis *monopole*, *3 - Legged Tower*, *4 - Legged Tower* dan mempunyai ketinggian 18.29 meter hingga 121.92 meter di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 381 adalah menara yang dibina oleh SACOFA manakala baki 103 adalah menara yang diambil alih daripada syarikat telekomunikasi sejak awal Januari 2007. Kos pengambilan alih berjumlah RM19.06 juta iaitu dengan harga antara RM15,000 hingga RM660,000 bagi setiap menara.

i) Prestasi Pembinaan Menara Telekomunikasi

Bagi tempoh 2007 hingga 2009, SACOFA merancang untuk membina 390 buah menara pelbagai jenis di seluruh Sarawak. Bagaimanapun, didapati rancangan tersebut tidak disediakan secara terperinci seperti tiada butiran lokasi, jenis menara dan anggaran kos. Semakan Audit mendapati SACOFA telah membina sebanyak 226 atau 57.9% daripada 390 buah menara telekomunikasi yang dirancang dengan kos pembinaan berjumlah RM84.61 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.7**.

Jadual 13.7
Bilangan Menara Yang Dibina Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009

Jenis Menara	Tahun								
	2007			2008			2009		
	Rancang	Sebenar		Rancang	Sebenar		Rancang	Sebenar	
	Bilangan	Bilangan	Kos (RM Juta)	Bilangan	Bilangan	Kos (RM Juta)	Bilangan	Bilangan	Kos (RM Juta)
<i>Monopole</i>	142	34	8.99	128	29	7.25	120	20	2.95
3 - Legged Tower		37	18.43		50	26.03		49	17.64
4 - Legged Tower		2	1.44		0	0		5	1.88
Jumlah	142	73	28.86	128	79	33.28	120	74	22.47

Sumber: Rekod SACOFA

Menurut maklum balas SACOFA, jumlah menara tidak dapat dibina seperti yang dirancang disebabkan masalah pemilihan tapak yang sesuai dan kelewatan kelulusan oleh syarikat telekomunikasi.

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan menara tidak mencapai sasaran yang dirancang.

ii) Pembinaan Menara Di Kawasan Berbukit

Kerja membina menara di kawasan berbukit hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti, mengikut segala keperluan dan reka bentuk serta amalan kejuruteraan yang terbaik. Perlindungan cerun yang sesuai dan mencukupi adalah satu kaedah bagi mengelakkan berlakunya hakisan dan tanah runtuh.

Lawatan Audit ke tapak pembinaan menara di Kampung Bayor 2, Kuching bernilai RM367,000 telah disiapkan pada Jun 2009 mendapati SACOFA tidak membuat reka bentuk yang sesuai terhadap cerun bagi projek berkenaan. Tapak pembinaan di kawasan berkenaan merupakan kawasan potong dan timbus. Adalah didapati perlindungan yang secukupnya tidak dibuat terhadap tanah yang dipotong dan cerun yang dibina. Rumput yang ditanam terlalu jarang dan *gabion* yang dipasang di kawasan berkenaan tidak mencukupi. *Gabion* bersaiz 1.0 meter x 1.0 meter hanya dibina sepanjang 10.37 meter x 4.52 meter berbanding kawasan tapak menara bersaiz 23 meter x 25 meter. Akibatnya, hakisan dan tanah runtuh mula berlaku walaupun baru enam bulan siap seperti **Foto 13.5** dan **Foto 13.6**.

Foto 13.5
Rumput Ditanam Dan Gabion
Dipasang Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Bayor 2, Kuching
 Tarikh: 21 Januari 2010

Foto 13.6
Hakisan Dan Tanah Runtuh Mula
Berlaku Di Kawasan Tambakan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Bayor 2, Kuching
 Tarikh: 21 Januari 2010

Longkang tanah yang dibina di kanan dan kiri jalan masuk didapati kurang sesuai. Ini disebabkan kecerunan pada jalan masuk amat curam dan menyebabkan aliran air deras apabila hujan telah menghakis longkang tanah yang dibina seperti **Foto 13.7.**

Foto 13.7
Longkang Tanah Yang
Dibina Mulai Rosak Di Jalan Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Bayor 2, Kuching
 Tarikh: 21 Januari 2010

Menurut maklum balas SACOFA, pihaknya terpaksa membuat reka bentuk ke tahap paling minimum bagi mengurangkan kos pembinaan seperti yang digesa oleh pihak syarikat telekomunikasi agar penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan telekomunikasi.

Pada pendapat Audit pembinaan menara di kawasan berbukit tidak dibuat dengan teliti kerana kawasan berkenaan mengalami hakisan dan tanah runtuh. Keadaan ini akan

mengakibatkan SACOFA berisiko menanggung kos penyenggaraan yang tinggi selepas tamat tempoh kecacatan iaitu selama satu tahun.

iii) Pengurusan Kontrak

- **Dokumen Kontrak Tidak Lengkap**

Kontrak perjanjian antara SACOFA dengan kontraktor perlu disediakan bagi menjamin kepentingan kedua belah pihak terutamanya SACOFA. Mengikut Senarai Semakan Penyediaan Dokumen Kontrak Jabatan Kerja Raya, dokumen penting yang perlu ada dan dinyatakan pada dokumen kontrak adalah seperti arahan kepada penender, borang tender, surat setuju terima tender, syarat kontrak, spesifikasi piawai dan senarai pelan lukisan.

Semakan Audit terhadap tiga daripada 20 kontrak perjanjian mendapati ianya tidak dilengkapi dengan skop kerja, harga kontrak, tempoh kontrak, senarai harga serta kuantiti dan pelan lukisan kontrak yang lengkap. Surat setuju terima tender juga didapati tidak ditandatangani oleh SACOFA. Surat setuju terima tender yang lengkap hanya dikeluarkan setelah kontrak siap ditandatangani. Ini adalah disebabkan kontrak perjanjian tersebut dibuat secara umum mengikut kontraktor yang berkenaan dan tidak mengikut setiap projek yang dilaksanakan.

Menurut maklum balas, SACOFA telah menghantar surat kepada Peguam Besar Negeri pada Mac 2010 untuk mendapatkan pandangan sama ada kontrak perjanjian yang disediakan oleh SACOFA adalah sah diguna pakai. Setakat ini, pihak SACOFA belum menerima maklum balas dari pihak Peguam Besar Negeri.

- **Kontrak Perjanjian Tidak Disemak Dan Tidak Diluluskan Oleh Peguam Besar Negeri** - Bagi memastikan kandungan kontrak perjanjian adalah teratur dan menjamin kepentingan SACOFA, kontrak perjanjian hendaklah disemak dan diluluskan oleh Peguam Besar Negeri. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa kontrak perjanjian pembinaan yang disediakan oleh SACOFA telah disemak oleh Peguam Besar Negeri sebelum ianya diguna pakai. Adalah tidak dapat dipastikan sama ada semua syarat kontrak, klausa, peraturan dan dokumen dalam kontrak perjanjian tersebut telah disediakan dengan lengkap dan teratur serta dapat menjamin kepentingan SACOFA.

Menurut maklum balas SACOFA, draf kontrak perjanjian tidak dikemukakan kepada Peguam Besar Negeri kerana tidak ada arahan dari Kerajaan Negeri supaya kontrak perjanjian disemak dan diluluskan terlebih dahulu sebelum ianya diguna pakai.

Bagaimanapun, SACOFA ada mengemukakan surat kepada Peguam Besar Negeri pada Februari 2010 bagi mendapatkan pandangan dan komen terhadap keperluan semakan dan kelulusan kontrak perjanjian sebelum diguna pakai. Pada Mac 2010, Peguam Besar Negeri telah memaklumkan kepada SACOFA untuk merujuk perkara tersebut kepada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

- **Bon Pelaksanaan Tidak Dibayar** - Mengikut kontrak perjanjian, kontraktor dikehendaki menyediakan bon pelaksanaan sejumlah RM200,000. Semakan Audit mendapati tiga daripada 23 kontraktor yang melaksanakan kerja pembinaan menara telekomunikasi tidak mengemukakan bon pelaksanaan. Ini melibatkan empat projek pembinaan menara bernilai RM0.96 juta yang dilaksanakan pada tahun 2009. Implikasinya kepentingan SACOFA tidak dilindungi sekiranya berlaku sebarang pertelingkahan atau kemungkiran terhadap kontrak.

Menurut maklum balas, SACOFA terlepas pandang terhadap perkara ini dan akan memantau untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak tidak dibuat dengan teratur untuk menjamin kepentingan SACOFA.

iv) Pemindahan/Pengambilalihan Menara Telekomunikasi Belum Dibuat Sepenuhnya

Semua menara telekomunikasi yang dibina oleh syarikat telekomunikasi akan diambil alih oleh SACOFA termasuk menara telekomunikasi yang dibina tanpa kelulusan Unit Perancang Negeri (SPA) di atas bumbung bangunan. Ini adalah selaras dengan *Philosophies, Policies & Directions Of Communication Towers And Structures In Sarawak* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemudahan Awam pada April 2005. Menara yang lama diambil alih oleh SACOFA dan peralatan telekomunikasi yang lama akan dipindah ke menara baru. Ini adalah untuk menyelaraskan penempatan dan pembinaan menara telekomunikasi di seluruh Negeri Sarawak supaya lebih terancang dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif serta selamat.

Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, tindakan pemindahan dan pengambilalihan menara syarikat telekomunikasi adalah perlahan. Sebanyak 450 buah menara milik syarikat telekomunikasi di seluruh Sarawak belum dipindah dan diambil alih oleh SACOFA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 293 buah menara dibina atas bumbung bangunan dan baki 157 dibina atas tanah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.8** dan contoh menara tersebut adalah seperti **Foto 13.8** hingga **Foto 13.11**.

Jadual 13.8
Menara Telekomunikasi Yang Belum
Dipindah/Diambilalih Setakat Disember Tahun 2009

Bil.	Lokasi	Bilangan Menara (Atas Bumbung)	Bilangan Menara (Atas Tanah)
1.	Kuching	151	59
2.	Samarahan	4	15
3.	Sri Aman	2	3
4.	Betong	-	4
5.	Sarikei	5	10
6.	Sibu	51	24
7.	Mukah	-	2
8.	Bintulu	25	13
9.	Kapit	-	-
10.	Miri	48	23
11.	Limbang	7	4
Jumlah		293	157

Sumber: Laporan SACOFA

Foto 13.8

Menara Telekomunikasi Yang Dibina Atas Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lorong Tuanku Abdul Rahman, Sibu
 Tarikh: 20 November 2009

Foto 13.9



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tanjong Lobang, Miri
 Tarikh: 18 November 2009

Foto 13.10

Menara Telekomunikasi Yang Dibina Atas Bumbung Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Hotel City Point, Bintulu
 Tarikh: 19 November 2009

Foto 13.11



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bangunan Hock Peng, Sibu
 Tarikh: 20 November 2009

Menurut maklum balas SACOFA, setakat ini lebih kurang 70% daripada struktur yang berada di bumbung bangunan telah dipindahkan ke menara telekomunikasi SACOFA. Proses pemindahan bergantung kepada adanya tapak alternatif yang perlu memenuhi Garis Panduan Perancangan Negeri dan objektif liputan Celcos. Kebanyakan struktur atas bumbung bangunan yang belum dipindahkan belum lagi mendapat tapak alternatif yang sesuai mengikut kehendak di atas dan masih lagi dalam proses survei. Proses ini dijangka mengambil masa yang panjang disebabkan struktur yang tertinggal berada di kawasan yang mana tapak alternatif kebanyakannya tidak memenuhi kehendak di atas. Bagi menara atas tanah, SACOFA sudah pun mengambil alih 103 menara milik TM dan sekarang dalam proses mengambil alih 119 menara milik Celcos. Kelambatan proses pengambilalihan adalah disebabkan oleh faktor yang tidak dapat dielakkan.

Pada pendapat Audit, hasrat Kerajaan Negeri untuk menyelaras dan mengalih menara lama ke menara baru kepunyaan SACOFA belum tercapai kerana banyak menara yang belum dipindahkan.

v) Menara Telekomunikasi Telah Siap Dibina Tetapi Belum Digunakan

Pembinaan menara telekomunikasi baru adalah bertujuan untuk mengganti menara yang sedia ada. Lawatan Audit mendapati menara jenis *monopole* yang dibina di bandar Lawas dengan harga RM160,000 telah siap pada pertengahan April 2009 belum diguna seperti **Foto 13.12**.

Foto 13.12
Menara Jenis *Monopole* Telah
Siap Dibina Tetapi Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Lawas, Limbang
Tarikh: 16 November 2009

Pembinaan menara tersebut adalah bertujuan untuk memindahkan menara milik syarikat telekomunikasi yang telah dibina atas bumbung dua buah bangunan seperti **Foto 13.13** dan **Foto 13.14**.

Foto 13.13
Menara Telekomunikasi Yang Dibina Atas Bumbung Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Yung Seng, Lawas
Tarikh: 16 November 2009

Foto 13.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Shangsang, Lawas
Tarikh: 16 November 2009

Menurut maklum balas SACOFA, menara tersebut telah mula digunakan pada Januari 2010 oleh syarikat telekomunikasi.

Lawatan Audit ke Sebangkoi, Sarikei mendapati menara jenis 4 - *legged* setinggi 107 meter yang berharga RM715,000 telah siap dibina pada Julai 2005 tetapi belum digunakan. Menara ini adalah untuk menggantikan menara lama milik syarikat telekomunikasi. Adalah didapati dua buah menara telekomunikasi yang sedia ada milik syarikat telekomunikasi tersebut masih berada dalam keadaan baik. Menara telekomunikasi yang sedia ada milik syarikat telekomunikasi dan menara baru yang dibina oleh SACOFA adalah seperti **Foto 13.15** hingga **Foto 13.18**.

Foto 13.15
Menara Telekomunikasi Milik Syarikat Telekomunikasi Dan Yang Dibina Oleh SACOFA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sebangkoi, Sarikei
Tarikh: 22 April 2010

Foto 13.16
Menara Telekomunikasi Baru Yang Siap Dibina Tetapi Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sebangkoi, Sarikei
Tarikh: 21 April 2010

Foto 13.17
Menara Telekomunikasi Sedia Ada Milik Syarikat Telekomunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sebangkoi, Sarikei
 Tarikh: 22 April 2010

Foto 13.18

Menara Telekomunikasi Sedia Ada Milik Syarikat Telekomunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sebangkoi, Sarikei
 Tarikh: 21 April 2010

Menurut maklum balas SACOFA, perkara ini berlaku disebabkan SACOFA tidak membuat reka bentuk yang sesuai bagi memenuhi kehendak syarikat telekomunikasi. Bagaimanapun, SACOFA telah berunding dengan syarikat telekomunikasi bagi membolehkan menara yang telah siap digunakan.

Pada pendapat Audit, menara telekomunikasi yang telah siap tetapi tidak digunakan merupakan satu pembaziran.

b) Pemasangan Fiber Optik Dan Kabel Dasar Laut

Setakat akhir tahun 2009, SACOFA mempunyai talian fiber optik sepanjang 1,963.5 kilometer yang menghubungkan talian dari Kuching hingga ke Limbang. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, SACOFA telah berjaya memasang talian fiber optik sepanjang 410.47 kilometer yang melibatkan kos sejumlah RM6.03 juta. Pemasangan fiber optik dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh SACOFA. Pada tahun 2002, SACOFA juga telah memasang kabel dasar laut sepanjang 965 kilometer dengan kos berjumlah RM163.20 juta yang menghubungkan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia iaitu dari Buntal, Kuching ke Mersing, Johor. Pada akhir tahun 2009, sebanyak 0.63 gigabait atau 3.1% daripada jumlah kapasiti keseluruhan 20 gigabait kabel dasar laut digunakan oleh lima pelanggan SACOFA.

Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 10 syarikat telekomunikasi dan agensi telah menyewa talian fiber optik dan memeterai perjanjian bagi tempoh tiga hingga 120 bulan dengan SACOFA dengan bayaran sewa tahunan antara RM11,794 hingga RM1,772,522. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM77.21 juta hasil sewaan talian fiber optik berjaya diperolehi oleh SACOFA daripada syarikat telekomunikasi dan agensi yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi aktiviti SACOFA adalah memuaskan kerana telah berjaya membina banyak menara telekomunikasi. Bagaimanapun, SACOFA kurang berjaya melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengambil alih semua menara yang dibina oleh syarikat telekomunikasi walaupun arahan mengenainya telah dikeluarkan semenjak tahun 2005.

13.4.3 Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting kerana ia membantu mengukuhkan imej syarikat, di samping meningkatkan budaya yang sihat kepada tanggungjawab korporat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, SACOFA tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan.

a) Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk mengurus serta menyelia semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah SACOFA dianggotai oleh seorang pengerusi dan 10 ahli Lembaga Pengarah. Pelantikan ahli Lembaga Pengarah SACOFA telah mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965. Keputusan pelantikan 10 ahli Lembaga Pengarah SACOFA dibuat semasa mesyuarat Agung Tahunan SACOFA. Lembaga Pengarah antara lainnya bertanggungjawab menentukan dasar dan operasi syarikat adalah selaras dengan objektif penubuhannya dan membuat penilaian terhadap prestasi kewangan Syarikat.

b) Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat kerajaan hendaklah menyediakan Rancangan Korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamatnya bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan baik.

Semakan Audit mendapati SACOFA ada menyediakan Rancangan Korporat bagi tempoh 2006 hingga 2008. Rancangan Korporat tersebut disediakan dengan lengkap dan teratur. Antara perkara yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat tersebut adalah *Budget & Business Planning, SACOFA Business Model, Market Size And Business Environment, Rationalisation/Construction Strategy, Financial Re-Engineering Exercise, Management/Operational Strategy dan Action Plans For 2006 To 2008*. SACOFA menyediakan Rancangan Korporat secara tahunan mulai tahun 2009, manakala Rancangan Korporat bagi tempoh jangka panjang tidak disediakan seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling tersebut.

Menurut maklum balas Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Sarawak belum menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.

c) Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

Semakan Audit mendapati SACOFA tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Sarawak walaupun syarikat telah memperoleh keuntungan selepas cukai berjumlah RM18.14 juta pada tahun 2007 dan RM26.30 juta pada tahun 2008. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan bahawa kelulusan pengecualian bayaran dividen ini telah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

Menurut maklum balas Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri belum menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993.

d) Bayaran Bonus Kepada Kakitangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus oleh syarikat Kerajaan. Mengikut Pekeliling ini, syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Semakan Audit mendapati pembayaran bonus sejumlah RM382,398 bagi tahun 2006 telah dibuat walaupun SACOFA telah mengalami kerugian pada tahun berkenaan. SACOFA telah memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tempoh 2007 dan 2008. Bonus berjumlah RM600,043 bagi tahun 2007 dan RM290,374 bagi tahun 2008 telah dibayar kepada pekerja. Semakan Audit seterusnya mendapati bayaran bonus telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

Menurut maklum balas Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri belum menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993. Menurut maklum balas SACOFA, bonus atau insentif dibayar kepada kakitangannya pada pertengahan tahun 2006 selepas pengambilalihan dan penggabungan (acquisition and merger) kakitangan SACOFA

Services Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Celcom Timur (S) Sdn. Bhd.) dengan tujuan untuk menaikkan moral kakitangan (boost the morale) supaya lebih produktif.

e) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada tiga orang ahli dan tidak melebihi lima orang ahli. Semakan Audit mendapati SACOFA telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada April 2004 yang dianggotai oleh seorang pengerusi dan lima ahli. Setiausaha Jawatankuasa ialah Pengurus Audit Dalam Syarikat Induk. Mengikut *Term of Reference - Audit Committee* yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 April 2006, Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat dua kali setahun. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit mendapati Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja pada setiap tahun bagi tempoh 2007 hingga Julai 2009. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini adalah berkaitan Penyata Kewangan Tahunan SACOFA, Laporan Audit Dalam dan Laporan Prestasi Kewangan Tahunan Syarikat Subsidiari SACOFA.

f) Audit Dalam

Bahagian Audit Dalam telah ditubuhkan pada Ogos tahun 2004 tetapi belum mempunyai kakitangan pada masa itu. Pengurus Audit Dalam hanya dilantik pada Mei 2007 dan sehingga 31 Disember 2009 dianggotai oleh dua kakitangan. Semakan Audit mendapati Bahagian Audit Dalam ada membuat Rancangan Audit mulai tahun 2008 seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9
Rancangan Audit Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Perkara Yang Diaudit	Tahun
A	Perakaunan dan Kewangan	
1.	<i>Billing</i>	2008
2.	<i>Bank and Cash Review</i>	2008
3.	<i>Trade Debtors Review</i>	2009
4.	<i>Revenue Forecasting</i>	2009
5.	<i>Creditors Review</i>	2009
6.	<i>Travel and Expense Reimbursement Review</i>	2009
7.	<i>Inventory Management</i>	2009
B	Operasi	
1.	<i>Contractors / Suppliers Registration Process</i>	2008
2.	<i>Construction Contracts Compliance/Review</i>	2008
3.	<i>Tower and Monopole: Corrective & Preventive Maintenance</i>	2009
4.	<i>Procurement Process: Award of Contracts</i>	2009
5.	<i>Agreement Review</i>	2009
6.	<i>Fixed Assets Management Review</i>	2009
C	Penilaian Polisi, Prosedur dan Garis Panduan	
1.	<i>Human Resources & Administration</i>	2008
2.	<i>Sibu & Miri Regional Offices (under Operation & Maintenance Department)</i>	2008
3.	<i>Legal & Regulatory</i>	2008
4.	<i>Corporate Finance</i>	2008
5.	<i>Marketing Tower Services</i>	2008
6.	<i>Marketing Bandwidth Services</i>	2008
7.	<i>Network Planning & Implementation</i>	2008
8.	<i>Tower Planning</i>	2008
9.	<i>Tower Implementation</i>	2008
10.	<i>Regional Operations</i>	2008
11.	<i>Submarine Cable Operation & Maintenance</i>	2008
12.	<i>Network Operation Centre</i>	2008
13.	<i>Tower Maintenance</i>	2008
14.	<i>Accounts</i>	2008
15.	<i>Corporate Management</i>	2008

Sumber: Laporan SACOFA

Bagi tahun 2008 dan 2009, Bahagian Unit Audit Dalam telah berjaya melaksanakan semua program pengauditan yang dirancang. Semakan Audit juga mendapati Bahagian Audit Dalam telah menyediakan laporan audit secara bulanan untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Kewangan.

g) Pengurusan Kewangan

Semakan Audit yang dijalankan meliputi kawalan terimaan, perbelanjaan, pinjaman dan aset. Pendapatan SACOFA adalah berjumlah RM41.35 juta bagi tahun 2006, RM80.44 juta bagi tahun 2007 dan RM100.97 juta bagi tahun 2008. Manakala perbelanjaan pula bagi tahun 2006 berjumlah RM90.88 juta, tahun 2007 berjumlah RM62.17 juta dan bagi tahun 2008 berjumlah RM71.57 juta. Sehingga akhir tahun 2008, SACOFA mempunyai aset tetap bernilai RM438.06 juta. Hasil pengauditan mendapati pengurusan kewangan SACOFA mematuhi peraturan berkaitan kawalan terimaan, perbelanjaan, pinjaman dan aset.

h) Pemantauan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1993, Lembaga Pengarah Syarikat perlu mengawal rapi dan teliti terhadap prestasi semua lapisan syarikat seperti pembentangan laporan prestasi dan analisis kewangan sekurang-kurangnya empat kali setahun dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kawalan dalaman serta pemantauan yang berkesan.

Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah SACOFA telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali bagi tempoh 2007 hingga 2009 iaitu tiga kali pada tahun 2007, empat kali pada tahun 2008 dan dua kali pada tahun 2009. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah prestasi kewangan, prestasi operasi syarikat, *refinancing of Sukuk Ijarah and Sukuk Istisna*, cadangan dan kelulusan tapak baru untuk membina menara, pemberian bonus kepada kakitangan dan pelantikan Juruaudit Dalam Syarikat. Jawatankuasa Audit juga berperanan memantau operasi syarikat dan telah bermesyuarat sebanyak tiga kali bagi tempoh 2007 hingga 2009. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah prestasi kewangan syarikat, syarikat subsidiari dan pelupusan aset syarikat.

Pada tahun 2009, SACOFA telah mewujudkan 12 Jawatankuasa bagi memantau dan memastikan operasi SACOFA berjalan lancar dan teratur. Antara Jawatankuasa tersebut adalah seperti Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Operasi Menara, Jawatankuasa Perolehan, Jawatankuasa Sumber Manusia dan Jawatankuasa Bajet Dan Pelaburan. Jawatankuasa tersebut ada menyediakan jadual bagi mengadakan mesyuarat pada setiap minggu, setiap bulan atau tiga bulan sekali. Semakan Audit terhadap Laporan SACOFA mendapati pada tahun 2009 kesemua 12 Jawatankuasa yang ditubuhkan ada mengadakan mesyuarat antara satu hingga 39 kali. Bagaimanapun, adalah didapati lima Jawatankuasa mengadakan mesyuarat 50% atau kurang daripada jadual yang ditetapkan iaitu Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Keselamatan, Jawatankuasa Operasi *Bandwidth*, Jawatankuasa *Tower Acquisition, Migration & Land Status* dan Jawatankuasa Operasi Menara. Bilangan mesyuarat jawatankuasa yang diadakan berbanding jadual adalah seperti di **Jadual 13.10**.

Jadual 13.10
Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Ditubuhkan Oleh SACOFA Setakat Disember 2009

Bil.	Jawatankuasa	Bilangan Ahli	Kekerapan Mesyuarat Setahun		
			Jadual	Bilangan Sebenar	Peratusan Kekerapan (%)
1.	Jawatankuasa Eksekutif	9	4	4	100.0
2.	Jawatankuasa Pengurusan	24	4	2	50.0
3.	Jawatankuasa Pengurusan Risiko *	10	4	1	100.0
4.	Jawatankuasa Keselamatan	11	4	2	50.0
5.	Jawatankuasa Sumber Manusia	5	12	11	91.7
6.	Jawatankuasa Bajet Dan Pelaburan	7	12	15	125.0
7.	Jawatankuasa <i>Business Process Excellent & Compliance</i> **	6	12	5	83.3
8.	Jawatankuasa Operasi <i>Bandwidth</i>	12	12	2	16.7
9.	Jawatankuasa <i>Tower Acquisition, Migration & Land Status</i>	10	12	6	50.0
10.	Jawatankuasa <i>Debtors Ageing & Late Payment</i> **	8	12	5	83.3
11.	Jawatankuasa Perolehan	8	48	39	81.3
12.	Jawatankuasa Operasi Menara	13	12	6	50.0

Sumber: Laporan SACOFA

Nota: * Ditubuhkan pada September 2009

** Ditubuhkan pada Julai 2009

Bahagian Operasi SACOFA juga ada membuat pemantauan 24 jam bagi memastikan menara telekomunikasi dan kabel fiber optik berfungsi dengan baik, menyelenggara daftar aduan pelanggan dan membuat lawatan ke tapak projek.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SACOFA termasuk pemantauan oleh Jawatankuasa adalah baik kecuali pematuhan terhadap pelaksanaan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan pemberian bonus, dividen dan penyediaan rancangan korporat yang belum diguna pakai oleh Kerajaan Negeri.

13.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan SACOFA Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Prestasi kewangan SACOFA Sdn. Bhd. bertambah baik dan berjaya mencatatkan keuntungan bagi tahun 2007 dan 2008. Prestasi aktiviti SACOFA Sdn. Bhd. pada keseluruhannya adalah baik di mana SACOFA Sdn. Bhd. telah berjaya melaksanakan operasinya selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, bagi menambahbaik pengurusan syarikat, SACOFA Sdn. Bhd. disyorkan:

- a) Merancang pembinaan menara telekomunikasi dengan lebih teliti bagi mengelakkan pembaziran.
- b) Memastikan reka bentuk projek pembinaan menara telekomunikasi di kawasan berbukit tidak menjejaskan kualiti pembinaan dan seterusnya menyebabkan SACOFA Sdn. Bhd. terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi selepas tamat tempoh membaiki kecacatan.
- c) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bagi menguatkuasakan peraturan untuk memindahkan semua menara telekomunikasi yang telah dibina oleh syarikat telekomunikasi.

- d)** Memastikan dokumen kontrak perjanjian disemak dan diluluskan oleh Peguam Besar Negeri bagi menjamin kepentingan SACOFA Sdn. Bhd..
- e)** Memastikan penghutang membayar balik hutang dagangan dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan.
- f)** Digalakkan untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan berkaitan penyediaan rancangan korporat, pembayaran dividen dan pemberian bonus kepada kakitangan untuk amalan terbaik.



BAHAGIAN III PERKARA AM

14. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Setakat ini, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2008 belum dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, Jabatan Audit Negara telah membuat susulan terhadap perkara dibangkitkan dalam Laporan tersebut. **Bahagian** ini mengandungi perkara berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008.
- b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

15. KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
Kementerian Kemudahan Awam Negeri - Pengurusan Kualiti Air Minum			
3.5.1 (a)	Pewartaan Kawasan Tadahan 73 kawasan tadahan air seluas 7.46 hektar belum diwartakan di Sarawak.	- Jumlah kawasan yang belum diwartakan ialah 78 kawasan yang melibatkan keluasan 4.67 hektar - Tarikh sebenar siap <i>Study on Development of Management Guidelines for Water Supply Catchment Areas</i> of Sarawak ialah 1 Ogos 2008 iaitu selepas laporan kajian berkenaan diterima oleh <i>Sarawak Water Resource Council</i>. Pewartaan kawasan tadahan hanya akan dijalankan selepas kajian siap dijalankan.	Setakat ini belum ada pewartaan dijalankan.
3.5.1 (b)	Perlindungan Kawasan Tadahan Aktiviti larangan dalam 8 km dari muka sau.	Rumah wujud sebelum kawasan berkenaan diwartakan.	JKR tidak dapat mengambil tindakan terhadap perkara ini kerana telah dinyatakan di dalam Ordinan.
3.5.2 (b)	Kaedah Makmal Yang Diamalkan Makmal berpusat tidak diakreditasi.	Maklum balas Lembaga Air Sib (LAS) menyatakan disebabkan skala ekonomi, LAS tidak mampu mengakreditasi makmalnya.	Makmal belum diakreditasi. Bagaimanapun, setakat ini tiada bukti

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
			berkenaan perkara ini dijalankan.
3.5.5 (d)	Pemasangan Paip Di Kawasan Pembedungan Arahan untuk meletak paip retikulasi di Bahagian Belakang kedai menyebabkan ia terdedah kepada pencemaran paip pembedungan.	Perkara ini telah di bawa ke mesyuarat <i>Sarawak Water Supply Consultative Committee</i>. Setakat ini belum ada keputusan lagi.	Belum ada keputusan lagi.
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri - Service Level Agreement SIFBAS			
4.5.5	Maklum Balas Pengguna SIFBAS a) Respons SAINS Terhadap Aduan Pengguna Daripada 238 borang soal selidik pengguna yang diterima, sebanyak 42% menyatakan SAINS memberi respons melebihi 1 hari, manakala 34.9% mengambil masa lebih dari 2 jam. Berdasarkan syarat SLA, SAINS hendaklah memberi respons dalam tempoh 2 jam setelah aduan dilog. b) Maklum Balas Pengguna SIFBAS Maklum balas yang dikemukakan oleh 238 pengguna SIFBAS di 32 PTJ yang dilawati adalah seperti berikut: - SIFBAS adalah sistem yang tidak bersepadu di mana modul sedia ada masih <i>stand alone</i> dan pengguna menghadapi <i>system breakdown</i> dan lambat semasa penutupan akaun pada akhir bulan. 85.7% pengguna pernah mengalami masalah ketika menggunakan SIFBAS, manakala 14.3% tidak pernah mengalami masalah. 58.4% pengguna tidak diberi latihan berkenaan SIFBAS. - Pengguna mengatakan <i>character spacing</i> terhad dan pengguna tidak dapat menaip ayat dengan penuh misalnya untuk Pesanan Kerajaan dihad kepada 20 <i>characters</i>. - Kuota yang diberi kepada pemegang waran tidak mencukupi dan dihad kepada dua pengguna setiap PTJ. - Buku Vot PTJ masih disediakan secara <i>parallel run</i> walaupun telah	Definisi <i>Response Time</i> dalam SLA ialah jangka masa yang diambil oleh SAINS untuk mengesahkan penerimaan aduan daripada pengguna yang dilog kepada Pusat Perkhidmatan Panggilan SAINS iaitu apabila nombor docket diberi kepada pengguna yang membuat aduan melalui telefon atau email. Ianya bukan jangka masa yang diambil oleh pegawai SAINS untuk hadir ditempat pengguna yang membuat aduan atau semasa pegawai sokongan aplikasi membuat <i>contact</i> . Latihan pengguna adalah satu komponen penting dalam pembangunan sistem. Pengguna SIFBAS diberikan latihan mengikut peranan dan tanggungjawab dalam pengoperasian sistem SIFBAS dalam fasa implementasi projek. Menerusi konsep " <i>Train The Trainers</i> ", proses <i>Transfer Of Knowledge</i> seharusnya dilakukan sendiri oleh Jabatan berkenaan. Selain itu, setiap pengguna diberi Manual Pengguna sebagai rujukan yang boleh juga dimuat turun secara elektronik melalui SarawakNet. Namun demikian PSKNS boleh bersama dengan SAINS mengadakan latihan jika ianya diperlukan atau jika ada permintaan.	Tindakan sedang diambil.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	digunakan sejak tahun 2001 mengakibatkan bebanan tugas dalam menyelenggarakan dua rekod. • Perbendaharaan Negeri mengeluarkan terlalu banyak kuiti berkenaan dengan kelewatan penyediaan baucar yang berpunca daripada sistem <i>hang</i>. • Koding bagi peruntukan yang diterima terlalu <i>detail</i>. • SAINS tidak menyebarkan Manual Pengguna kepada semua PTJ. • Masalah sistem berulang dan hanya diselesaikan secara <i>ad hoc</i>.		
Jabatan Hutan - Pengurusan Hutan Dan Kepentingan kepada Alam Sekitar			
5.5.1 (d)	Jabatan Hutan tidak mempunyai maklumat spesies flora dan fauna yang telah pupus. Namun bilangan spesies yang diwartakan sebagai spesies terlindung adalah merupakan flora dan fauna yang mengalami kepupusan.	Seperti yang dijelaskan, penyelidikan flora dan fauna adalah <i>on-going activity</i> . Aktiviti ini bukan sahaja diadakan oleh Jabatan Hutan Sarawak dan SFC tetapi juga melalui kerjasama dengan agensi penyelidikan tempatan dan antarabangsa.	Tindakan sedang diambil.
5.5.1 (e)	Laporan Kesan Alam Sekitar (Environmental Impacts Assessment - EIA) • Tiada peruntukan dalam Ordinan Perhutanan yang mewajibkan pelesen mengemukakan laporan EIA yang telah dikeluarkan oleh NREB sebelum PEC diluluskan oleh Jabatan Hutan telah memberi ruang kepada pelesen memecahkecilkan kawasan konsesi tersebut.	Pada masa sekarang pihak Jabatan belum berhasrat untuk menetapkan syarat agar semua konsesi pembalakan menyediakan Laporan EIA tanpa mengira keluasan kawasan.	Jabatan Hutan belum membuat cadangan pindaan Ordinan Perhutanan seperti yang dicadangkan.
5.5.2	Pewartaan Hutan Simpan Kekal (HSK)/Hutan Lindungan Sepenuhnya (HLS)		
5.5.2 (a)	• Kerajaan telah menetapkan sejumlah enam juta hektar HSK diwartakan. Baki keluasan kawasan HSK adalah sejumlah 4.60 juta hektar.	Setakat ini jumlah kawasan HLS yang telah diwartakan masih belum berubah.	Sasaran HLS dan HSK yang ditetapkan belum tercapai.
5.5.2 (b)	• Kerajaan telah menetapkan sejumlah satu juta hektar HLS diwartakan.	Bagi HSK, pada tahun 2009, Jabatan telah mewartakan satu kawasan baru seluas 32,320 hektar. Kawasan tersebut adalah tambahan kepada <i>Mujong Merirai Protected Forest</i> .	
5.5.5	Kekurangan Sumber Manusia Untuk Pemantauan • SAPU yang menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan sejak tahun 2003 hanya mempunyai 88 pegawai di seluruh Sarawak di mana hanya 48 pegawai yang menjalankan kerja rondaan dan penguatkuasaan. • Pegawai tidak dibekalkan dengan kemudahan keselamatan seperti senjata api dan latihan berkaitan	• Jabatan Hutan Sarawak sedang mengadakan pengambilan baru yang berjumlah 95 orang bagi mengisi pelbagai jawatan di pejabat wilayah dan ibu pejabat. Jabatan juga memanggil balik semua pegawai yang berada dalam sangkutan atau dipinjam ke agensi lain untuk berkhidmat semula di Jabatan Hutan. • Pihak Jabatan juga telah menghantar	Tindakan sedang diambil dan susulan diperlukan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	penguatkuasaan keselamatan. dan	permohonan bagi mendapatkan 4 buah kenderaan lagi dan sebuah kenderaan rasmi Timbalan Pengarah Hutan bagi tahun 2010. Manakala, permohonan bagi mendapatkan tambahan 10 buah kenderaan dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan bagi tahun 2011.	
Jabatan Agama Islam Negeri - Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)			
6.5.5(a)	Penubuhan Akaun Amanah KAFA Tanpa Kelulusan Pihak JAIS telah menubuhkan Akaun Amanah KAFA pada awal September 1990. Penubuhan Akaun Amanah ini berdasarkan Arahan Amanah KAFA yang disediakan JAIS. Bagaimanapun, pihak JAIS tidak pernah mengemukakan Arahan Amanah tersebut untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Oleh demikian, Akaun Amanah tersebut tidak pernah dikemukakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara. Akaun Amanah yang diwujudkan hanyalah akaun semasa di Bank Islam Malaysia Berhad atas nama Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Negeri Sarawak.	JAIS telah melantik beberapa pegawai untuk membantu menguruskan Penubuhan Akaun Amanah KAFA.	Tindakan sedang diambil dan susulan diperlukan.
6.5.7(a)	Kekurangan Komputer Untuk Sistem Maklumat Pendidikan Islam(SIMPENI) Pada tahun 2007, JAKIM telah memperkenalkan satu sistem yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) bagi menyimpan data yang berkaitan dengan maklumat KAFA. Tidak semua penyelia mempunyai kemudahan komputer dan capaian Internet. Komputer hanya dibekalkan kepada penyelia Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Sibu dan Samarahan, manakala penyelia lain terpaksa menumpang komputer yang mempunyai talian Sarawaknet yang dibekalkan kepada Pegawai Agama Islam Bahagian (PAIB).	JAIS masih menghadapi kekangan untuk mendapatkan komputer tambahan untuk urusan KAFA.	Tindakan susulan masih diperlukan.
6.5.10 (a)	Anggota Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri (JPKPN) Tidak Mengikut Garis Panduan JPKPN ditubuhkan untuk mengurus perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program KAFA di peringkat Negeri mengikut kehendak perenggan 9, Garis Panduan Pelaksanaan KAFA Anggota JPKPN	Keanggotaan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Negeri dari Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri masih dalam pertimbangan pihak JAIS.	Tindakan susulan masih diperlukan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	hendaklah terdiri daripada Pengarah JAIS, wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Setiausaha Kewangan Negeri, wakil Ketua Pengarah JAKIM, seorang Tokoh Agama Negeri yang dinamakan oleh Pengerusi serta Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, JAIS.		
Jabatan Tanah Dan Survei - Pengurusan Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya			
8.5.1	Tanah Yang Diberikan Geran Hak Milik Dibangunkan Tidak Mengikut Syarat Penggunaannya b) Sebuah lot pertanian di Lot 86 Blok 1 dan Lot 117 Blok 1 Daerah Bandar Sibul telah dijadikan limbungan memperbaiki kapal. Mengikut pengiraan Audit jumlah denda setakat 31 Disember 2008 dianggarkan sejumlah RM198,500.	b) Lot 86 Blok 1 Daerah Tanah Bandar Sibul Daripada 28 kes yang terlibat, 2 kes telah diputuskan oleh Pengarah dengan penalti berjumlah RM 10,000 setiap 1 kes, manakala 26 kes lagi termasuk Lot 86 Blok 1 Daerah Tanah Bandar Sibul dan Lot 117 Blok 1 Daerah Tanah Sibul masih di dalam tindakan Jabatan.	Tindakan sedang diambil.
8.5.2 a)	Pertapakan Untuk Pembesaran Kilang Yang Terbiar Pada 27 April 1999 MPN telah meluluskan pembesaran kilang Sarawak Clinker Sdn.Bhd.. Untuk tujuan ini Kerajaan telah mengambil balik tanah di Blok 9 Daerah Tanah Sentah Segu dengan keluasan 8.5 ekar. Bagaimanapun, 20 keluarga yang terlibat tidak setuju dengan lokasi penempatan berbukit.	Skim penempatan semula ini masih dalam peringkat survei, dan belum diperuntukkan kepada penduduk.	Tindakan sedang diambil.
8.5.5	Permohonan Pertapakan Tanah Diluluskan Terus Oleh Majlis Perancangan Negeri Lapan kes permohonan pertapakan tanah telah mendapat kelulusan terus daripada MPN tanpa melalui saluran tertentu. Daripada lapan pertapakan tersebut hanya tiga projek yang dilaksanakan, tiga projek dibatalkan manakala dua lagi masih belum dilaksanakan	UiTM Kota Samarahan JTS dimaklumkan bahawa pembangunan akan dilaksanakan dalam Fasa 1 RMKe-10. SESCO Transmission Line (Lokasi Entinggan Line (Lokasi Entinggan Muara Tabuan). Daripada maklumat yang diberi SESCO/ Sarawak Energy, projek ini dalam pelaksanaan.	Tindakan sedang diambil.
8.5.6	Tempoh Masa Notis Berkanun Pengambilan Balik Tanah Tidak Ditetapkan Sebanyak 76 Notis Berkanun melibatkan keluasan tanah 123,544 hektar dan 13,287 lot tanah telah dikeluarkan yang masih tertangguh di antara 1 hingga 10 tahun.	Setakat 30.4.2010, hanya tinggal 61 notis berkanun seksyen 47 yang melibatkan keluasan tanah 106,909 hektar dan 8,189 lot yang masih berkuatkuasa. Pendekatan yang diambil oleh JTS adalah sama seperti yang dimaklumkan sebelum ini.	Tindakan sedang diambil.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
8.5.7	Peruntukan Kewangan Pampasan Bagi Pengambilan Balik Tanah Tidak Di Terima Dari Jabatan Pelanggan Bagi tahun 2006 hingga 2008, JTS memerlukan sejumlah RM399.91 juta untuk melaksanakan 595 projek pembangunan yang diluluskan. Hanya RM223.71 juta telah diterima untuk 231 projek manakala selebihnya masih belum diterima dan dimohon.	Daripada 305 baki projek, 143 projek telah diselesaikan proses pengambilan balik tanah. 20 projek pula, telah pun diperuntukkan dana dan dalam proses pengambilan balik tanah manakala, 68 projek masih menunggu dana daripada Jabatan Pelanggan. Baki 74 projek, permohonan dana masih belum dapat dikemukakan kepada Jabatan Pelanggan di atas sebab-sebab seperti 14 projek masih menunggu pelan penjajaran daripada Jabatan Pelanggan, 52 projek masih di pelbagai peringkat awal pengambilan balik tanah dan 8 projek masih dalam pelbagai peringkat untuk pertapakan semula.	Tindakan sedang diambil.
8.5.8.(a)	Premium Belum Dijelaskan Oleh Kerajaan Persekutuan 63 kes premium tanah berjumlah RM65.64 juta masih tertunggak. 7 kes pertapakan tanah belum diberi Geran Hak Milik Tanah melebihi tempoh tiga tahun selepas tarikh tawaran melibatkan sejumlah RM4.45 juta. Didapati juga sejumlah RM57.95 juta adalah tunggakan premium dan kos pembangunan untuk projek Lapangan Terbang Mulu di bawah Jabatan Penerbangan Awam.	Status Lapangan Terbang Mulu masih tidak berubah. Setakat 14.4.2010 tunggakan cukai Disember 2008 telah berkurangan kepada RM18.89 juta. JTS akan terus mengutip tunggakan menerusi <i>Recovery Unit</i> dan mengambil tindakan undang-undang.	Tindakan sedang diambil. Tindakan sedang diambil.
8.5.8.(b)	Sehingga akhir tahun 2008 sejumlah RM22.29 juta merupakan tunggakan premium yang masih belum dibayar oleh syarikat dan individu.		
8.5.9	Cukai Tanah Belum Dijelaskan Sehingga Disember 2008 sejumlah RM13.54 juta cukai tanah masih tertunggak oleh syarikat dan individu.	Setakat 14.4.2010 tunggakan cukai Disember 2008 telah berkurangan kepada RM9.31 juta. JTS akan terus mengutip tunggakan menerusi Unit Recovery dan mengambil tindakan undang-undang.	Tindakan sedang diambil dan susulan diperlukan.
Yayasan Sarawak - Pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer			
9.5.14.5	Pemilik Source Codes Source codes tidak diserahkan kepada pihak Yayasan kerana kurang pemantauan terhadap pematuan syarat kontrak. Oleh yang demikian penambahbaikan terhadap sistem tidak dapat dilakukan kecuali oleh vendor berkenaan.	Yayasan Sarawak akan mendapat source codes terkini Sistem FIS daripada pihak vendor.	Tiada maklum balas.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit															
9.5.16	Penyenggaraan Sistem Mengikut klausa 1(a), tempoh kontrak untuk perisian komputer berkuat kuasa setelah tamat tempoh jaminan selama 6 tahun dari tarikh ujian penerimaan untuk tempoh minimum 5 tahun. Bagaimanapun, tarikh sebenar kontrak berkuat kuasa sukar ditentukan kerana had tempoh maksimum tidak dinyatakan dalam kontrak, tarikh ujian penerimaan adalah berbeza bagi modul General Ledger/Accounts Payable dan Lower/Higher Education, manakala 5 modul lain tiada rekod tarikh penerimaan. Bayaran penyenggaraan bertindih pada tahun 2003 dan 2004 di mana bayaran dibayar kepada Comserve (Sarawak) Sdn. Bhd. dan juga kepada Software Optima Sdn. Bhd. iaitu sejumlah RM146,625 dibayar kepada Comserve dan RM61,353 dibayar kepada Software Optima.	<table><tr><th>Modul Perisian</th><th>Tarikh Penerimaan</th><th>Tarikh Penyenggaraan Mula</th></tr><tr><td>General Ledger</td><td>10.4.1997</td><td>10.4.1997</td></tr><tr><td>Accounts Payable</td><td>10.4.1997</td><td>10.4.1997</td></tr><tr><td>Budgetary Control</td><td>6.5.1997</td><td>6.11.1997</td></tr><tr><td>Receivable Accounts</td><td>28.7.1997</td><td>28.1.1998</td></tr></table> Yayasan Sarawak berpendapat keperluan untuk menandatangani kontrak baru untuk melaksanakan perkara yang sama adalah tidak perlu. Yayasan Sarawak mengesahkan bayaran tersebut untuk kerja yang berlainan iaitu untuk penyenggaraan perisian sistem FIS, perkakasan komputer dan pembelian alat ganti perisian. Bayaran kepada Optima Sdn. Bhd. adalah untuk penyenggaraan perisian aplikasi.	Modul Perisian	Tarikh Penerimaan	Tarikh Penyenggaraan Mula	General Ledger	10.4.1997	10.4.1997	Accounts Payable	10.4.1997	10.4.1997	Budgetary Control	6.5.1997	6.11.1997	Receivable Accounts	28.7.1997	28.1.1998	<i>Deed Of Assignment</i> tidak disediakan pada masa tersebut. Mengikut spesifikasi kontrak <i>Document For The Maintenance Of Computer Hardware And Software Between The Board Of Trustees Of Yayasan Sarawak And Comserv (Sarawak) Sdn Bhd.</i>, kerja penyenggaraan tahunan termasuk caj untuk peralatan, perisian sistem, pakej perisian dan <i>customised Application Software</i>.
Modul Perisian	Tarikh Penerimaan	Tarikh Penyenggaraan Mula																
General Ledger	10.4.1997	10.4.1997																
Accounts Payable	10.4.1997	10.4.1997																
Budgetary Control	6.5.1997	6.11.1997																
Receivable Accounts	28.7.1997	28.1.1998																

16. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam bagi tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 November 2009. Sehingga 31 Mei 2010, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 belum dibentang di Dewan Undangan Negeri.

17. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

17.1 Sepanjang tahun 2009, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak hanya bermesyuarat dua kali sahaja untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam serta Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak tahun 2007. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi/Anak Syarikat Kerajaan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti di **Jadual 17.1**.

Jadual 17.1
Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat		Kementerian/Jabatan/Agensi/ Syarikat Terlibat
Ogos 2008	17.2.3	Unit Audit Dalam (UAD)	LAKU Management Sendirian Berhad
	17.6.2	Tunggakan Hasil	
	17.6.6(a)	Daftar Inventori Dan Aset	
	17.6.6(e)	Stor LAKU	
	17.7.1	Kawasan Tadahan Air/Empangan/Waduk	
	6.2.8	Pelanggaran Syarat Hak Milik Tanah	Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak
	12.2.25(c)(i)	Kaedah Perolehan	Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak
	12.2.7(a)	Prestasi Kewangan: Hasil	
	18.2.5	Proses Pengambilan Balik Tanah	Jabatan Kerja Raya Sarawak
	18.2.8(a)(ii)	Komponen Projek, Jalan (Lapisan Sub-Base)	
	18.2.14(b)	Pelan Pengurusan Alam Sekitar Pembuangan Lebihan Tanah	
	24.2.3	Kajian Kemungkinan	Jabatan Pertanian Negeri Sarawak
	24.2.2(a)	Aktiviti Program Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi	
	24.2.4.(b)(ii)	Aktiviti Program Dan Pembangunan Zon Industri	
	24.2.4 (c)(i)	Aktiviti Program Pengagihan Benih Ikan	
	24.2.4(c)(ii)	Aktiviti Program Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih Ikan	
	24.2.4(e)(ii)	Pemuliharaan	
	30.2.7	Guna Tenaga Dan Latihan	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak
	30.2.8	Penyelidikan Dan Pembangunan	
	30.3	Pemantauan	
	36.2.4(a)	Pencapaian Sasaran Program: Pembangunan Lanskap	Majlis Perbandaran Sibu
	42.2.3(c)	Penyenggaraan Kecemasan	Majlis Bandaraya Miri
	45.2.6	Keperluan Jentera Dan Peralatan	
	45.2.8	Prestasi Perbelanjaan	

Sumber: Fail Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sarawak

17.2 Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam belum bermesyuarat lagi. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa Akaun Awam Negeri diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

17.3 Untuk melengkapkan kitaran akauntabiliti, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara perlu disediakan dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Ke-39 untuk tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 11 Mei 2009.



PENUTUP

Seperti pada tahun yang lalu, Jabatan Audit Negara mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan isu yang penting mengenai pelaksanaan aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Ketua Audit Negara juga melaporkan pembaharuan yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti.

Kelemahan pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat. Langkah pembetulan yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan pensampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya. Sehubungan ini, saya berpendapat pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan dan dipatuhi; setiap kakitangan diberi latihan yang mencukupi dan bersesuaian dengan bidang tugasnya serta penyeliaan yang rapi diberi oleh pegawai yang bertanggungjawab kepada kakitangan bawahan masing-masing.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

28 Jun 2010